

**PEMBANGUNAN SOSIAL MELALUI PROGRAM PEMBASMIAN  
KEMISKINAN: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA KES DI  
MELAKA, MALAYSIA DAN KES DI RIAU, INDONESIA**

**MOHAMAD ZAHIR BIN ZAINUDIN**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**INSTITUT ASIA-EROPAH  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2016**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: MOHAMAD ZAHIR BIN ZAINUDIN

No. Matrik: QHA090004

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

PEMBANGUNAN SOSIAL MELALUI PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA KES DI MELAKA, MALAYSIA DAN KES DI RIAU, INDONESIA

Bidang Penyelidikan: KAJIAN SOSIAL

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa juar bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

## **ABSTRAK**

Pembangunan sosial merupakan sebahagian daripada penyumbang kepada kemajuan negara. Kerangka pembangunan ekonomi yang mendasari kemajuan negara-negara dunia lebih lima dekad yang lalu semakin diselaraskan dengan kerangka pembangunan sosial kerana implikasi yang besar ke atas pembangunan manusia dan alam sekitar. Penekanan ke atas pembangunan sosial yang bermula sekitar tahun 1980-an telah dilihat penting demi kelestarian dan kemajuan sesebuah negara. Bentuk dan corak pentadbiran di Malaysia dan Indonesia mempengaruhi pembangunan sosial kedua-dua buah negara. Situasi sosial jauh berbeza berdasarkan jumlah penduduk, perubahan-perubahan yang berlaku dan trend dalam sejarah pembangunan negara. Perbezaan ini wujud disebabkan strategi pembasmian kemiskinan yang dilakukan oleh kedua-dua buah negara bergerak pada kadar yang tidak sekata. Wujud debat yang berpanjangan mengenai keberkesanan program pembasmian kemiskinan mikro kredit terhadap kesejahteraan hidup masyarakat miskin. Sesetengah dapatan kajian menunjukkan mikro kredit menjadi penawar kepada kehidupan masyarakat miskin ini. Bagaimanapun, apa yang dikatakan penawar tersebut sebenarnya hanya perubahan dalam jumlah pendapatan yang dijana melalui perniagaan yang diusahakan kerana pendapatan yang bertambah tidak semestinya menggambarkan masyarakat miskin berada dalam kesejahteraan hidup. Justeru kajian ini mengenal pasti impak implementasi intervensi sosial yang dibawa dalam skim mikro kredit melalui program pembasmian kemiskinan terhadap kesejahteraan masyarakat di Malaysia dan Indonesia. Metodologi kajian yang digunakan adalah gabungan kuantitatif dan kualitatif (*mixed method*) untuk mendapatkan keputusan kajian yang maksimum. Analisis data yang dilakukan ke atas responden menunjukkan empat faktor penyebab kepada kegagalan kesejahteraan komuniti. Faktor-faktor tersebut adalah jaringan sosial, penyertaan komuniti, pembangunan komuniti dan peluang pekerjaan. Kajian ini mencadangkan agensi yang terlibat dalam pembasmian kemiskinan melalui skim mikro kredit wajar menggerakkan usaha ke arah kolaborasi pemerksaan dan penyertaan aktif responden dalam pelaburan sosial dan pelaburan ekonomi seperti yang terdapat dalam Model Piawaian Pembangunan Sosial.

## **ABSTRACT**

Social development is part of the contributors to the country's progress. Economic development framework underlying the progress of the world over the past five decades increasingly aligned with the social development framework for huge implications on human development and the environment. The emphasis on social development that began around the 1980's was seen as vital for the sustainability and progress of a country. The patterns of governance in Malaysia and Indonesia affect social development of both countries. Different social situations based on the total population, the changes and trends in the history of development of the country. This difference exists because poverty eradication strategies made by both countries to move on uneven stage. Prolonged debate exists concerning the effectiveness of anti-poverty programs through micro-credit to the well-being of the poor. Some studies show microcredit have positive impact to the poor people's lives. However, other studies stated that what actually seemed as a remedy is actually just an increase in the business income that does not necessarily bring about to a better well-being of the poor. This research identifies the impact of the implementation of social interventions brought in through microcredit schemes of poverty alleviation programs for the welfare being of society in Malaysia and Indonesia. The methodology used was a combination of the quantitative and qualitative methods aimed to get the maximum results. Data analysis performed on the respondents indicated four factors leading to the failure of the welfare of the community. These factors are social networks, community participation, community development and employment opportunities. This research suggests that agencies involved in poverty alleviation through microcredit schemes must carry out appropriate efforts towards the empowerment and active participation of the respondents in social and economic investment as stated in the Standard Model of Social Development.

## PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur kepada Allah SWT dan selawat serta salam kepada Rasulullah SAW, rasul akhir zaman.

Saya merakamkan setinggi ucapan terima kasih kepada semua yang telah membantu saya untuk menyiapkan kajian ini. Pertama, kepada Profesor Datuk Dr Roziah Omar yang menyelia saya. Sepanjang penyeliaan, beliau sentiasa memberi tunjuk ajar, motivasi dan nasihat yang amat berguna untuk saya fahami bagi tujuan menyempurnakan kajian ini. Semua sokongan yang diberikan itu akan dikenang sepanjang hayat dan saya berdoa agar Allah SWT memberi kebaikan sebanyak-banyaknya kepada beliau.

Terima kasih juga kepada Institut Asia Eropah yang menyediakan kemudahan untuk kajian ini, seterusnya kepada staf AEI yang memberi sokongan mental dan spiritual untuk melengkapkan kajian ini sebagai pelajar PhD yang berdedikasi.

Ingatan terima kasih juga untuk pakar-pakar sains sosial di Malaysia dan Indonesia yang sudi membantu saya iaitu Profesor Ulung Datuk Shamsul Amri, Profesor Dr Mohd Taib Dora, Prof Dr Siva, Profesor Madya Dr Siti Hajar dan Dr Mohd Yusuf Daeng khususnya bagi meleraikan persoalan-persoalan yang sukar dalam pembangunan sosial di kedua-dua negara. Kepada Profesor James Midgley yang telah memberi maklum balas untuk saya memahami Model Piawaian Pembangunan Sosial, saya amat hargai. Turut diraikan ialah semua responden yang bersama-sama membantu saya.

Akhir sekali penghargaan untuk keluarga yang sentiasa memberi sokongan dan mendoakan kejayaan saya pada hari ini. Dengan restu dan doa, tesis ini dapat disempurnakan.

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَالَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ [المجادلة : 11]

“Allah akan meninggikan beberapa darjah orang-orang yang beriman dalam kalangan kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan”. [Al-Mujadalah:11]

## ISI KANDUNGAN

Muka Surat

Perakuan	iii
Abstrak	iv
<i>Abstract</i>	v
Penghargaan	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Jadual	xii
Senarai Singkatan	xiv
Senarai Lampiran	

### BAB 1: LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah Dan Persoalan Kajian	7
1.3 Objektif Kajian	18
1.4 Skop Kajian	19
1.5 Kepentingan Kajian	27

### BAB 2: PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN DI MALAYSIA DAN INDONESIA

2.1 Pendahuluan	29
2.2 Konsep Kemiskinan Dan Strategi Pembasmian Kemiskinan Global	30
2.2.1 Konsep Kemiskinan	30
2.2.1.1 Pendekatan Individualistik Dan Budaya	38
2.2.1.2 Pendekatan Stratifikasi Sosial	39
2.2.2 Strategi Pembasmian Kemiskinan Global	40
2.3 Strategi Pembasmian Kemiskinan Di Malaysia	46
2.3.1 Program Pembasmian Kemiskinan Di Malaysia	52
2.3.2 Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)	53
2.4 Strategi Pembasmian Kemiskinan Di Indonesia	72
2.4.1 Program Pembasmian Kemiskinan Di Indonesia	79
2.4.2 Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat (PNPM)	82
2.5 Kesimpulan	113

### BAB 3: KERANGKA TEORITIKAL: TEORI PEMBANGUNAN SOSIAL

3.1 Pendahuluan	115
3.2 Definisi Pembangunan Sosial	115
3.3 Prinsip Pembangunan Sosial	120
3.3.1 Tenggapan Perubahan Sosial	120
3.3.2 Intervensi Sosial	123
3.3.3 Universalisme (Kesejagatan)	128
3.4 Pembangunan Sosial Dan Institusi Kerja Sosial	131
3.4.1 Strategi Pengeluaran Ekonomi	136
3.4.2 Strategi Agihan Semula	137
3.4.3 Strategi Perlindungan Sosial	140
3.4.4 Strategi Cara Ketiga	146

3.5	Model Piawaian Pembangunan Sosial Bagi Bertindak Balas Dengan Kemiskinan Masyarakat	152
3.6	Strategi Pembangunan Sosial	163
3.6.1	Strategi Perusahaan Individu	164
3.6.2	Strategi Masyarakat Popular	168
3.6.3	Strategi Kolektif Berencana	171
3.7	Peranan Pembangunan Sosial Dalam Kesejahteraan Komuniti	173
3.8	Kesimpulan	175
	<b>BAB 4: METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>176</b>
4.1	Pendahuluan	176
4.2	Reka Bentuk Kajian	176
4.3	Populasi Dan Sampel Kajian	183
4.4	Teknik Persampelan	188
4.5	Kaedah Pengumpulan Data	190
4.5.1	Soal Selidik	192
4.5.2	Temu Bual	192
4.5.3	Prosedur Kajian Dan Kutipan Data	193
4.5.4	Kajian Lapangan	194
4.6	Instrumen Kajian Dan Kajian Rintis	197
4.7	Pentadbiran Kajian	201
4.8	Teknik Analisis Data	203
4.8.1	Prosedur Analisis Data Kuantitatif	203
4.8.2	Prosedur Analisis Data Kajian Kes	203
4.9	Batasan Kajian	205
	<b>BAB 5: DAPATAN KAJIAN</b>	<b>206</b>
5.1	Pendahuluan	206
5.2	Profil Sosioekonomi Responden	207
5.2.1	Umur Responden	207
5.2.2	Etnik Responden	208
5.2.3	Taraf Perkahwinan Responden	209
5.2.4	Bilangan Anak Responden	210
5.2.5	Bilangan Anak Responden Yang Bersekolah	211
5.2.6	Tempat Tinggal Responden	212
5.2.7	Tempoh Responden Tinggal Di Rumah	212
5.2.8	Bil Telefon Bulanan Responden	213
5.2.9	Taraf Pendidikan Responden	214
5.2.10	Tempoh Pendidikan Formal Responden	215
5.2.11	Tempat Responden Mendapatkan Rawatan	216
5.2.12	Tempoh Pekerjaan Responden	217
5.2.13	Pendapatan Bulanan Responden	218
5.2.14	Pekerjaan Sampingan Responden	219
5.2.15	Penerimaan Bantuan Dan Jumlah Bantuan Kewangan Responden	220
5.2.16	Perbelanjaan Bulanan Responden	221
5.2.17	Simpanan Bulanan Responden	222
5.2.18	Keberhutangan Responden	223
5.2.19	Penglibatan Dalam Persatuan	223
5.2.20	Penggerak Komuniti Responden	224
5.2.21	Pendedahan Responden Terhadap Kursus	226

5.2.22	Kepentingan Kursus Dan Perniagaan Untuk Meningkatkan Taraf Hidup Responden	227
5.2.23	Persepsi Terhadap Keberkesanan Bantuan Agensi	228
5.3	Impak Program Pembangunan Sosial	230
5.3.1	Impak Terhadap Kesejahteraan Individu	230
5.3.2	Impak Terhadap Kesejahteraan Sosial	231
5.3.3	Impak Terhadap Kesejahteraan Ekonomi	233
5.3.4	Impak Terhadap Peluang Memajukan Kehidupan	235
5.3.5	Situasi Kehidupan Keluarga Berbanding 10 Tahun Lepas	236
5.4	Temu Bual Responden	239
5.4.1	Latar Belakang Responden Di Malaysia Dan Indonesia	239
<b>BAB 6: FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI IMPAK PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN DI MALAYSIA DAN INDONESIA</b>		<b>257</b>
6.1	Pendahuluan	257
6.2	Impak Implementasi Program Pembasmian Kemiskinan Terhadap Kesejahteraan Komuniti Di Melaka, Malaysia Dan Riau, Indonesia	257
6.2.1	Impak Kesejahteraan Sosial	257
6.2.2	Impak Kesejahteraan Ekonomi	267
6.2.3	Rumusan Analisis Impak Kesejahteraan Terhadap Responden Malaysia	275
6.2.4	Rumusan Analisis Impak Kesejahteraan Terhadap Responden Indonesia	281
6.3	Faktor-Faktor Yang Menghalang Kejayaan Pelaksanaan Intervensi Sosial Di Malaysia Dan Indonesia	283
6.4	Implementasi Intervensi Sosial Program Pembasmian Kemiskinan Yang Efektif	286
<b>BAB 7: KESIMPULAN</b>		<b>296</b>
7.1	Pendahuluan	296
7.2	Cadangan Penambahbaikan Pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Di Malaysia Dan Indonesia	298
RUJUKAN		310
SENARAI PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA		332
LAMPIRAN A		
LAMPIRAN B		
LAMPIRAN C		
LAMPIRAN D		

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
1.1 Model konseptual dan teoritikal kajian	26
2.1 Asas Model Piawaian Pembangunan Sosial	41
2.2 Carta organisasi Pengurusan Kanan AIM	57
2.3 Kawasan operasi AIM di Malaysia	59
2.4 Taburan ahli Amanah Ikhtiar Malaysia 2014	64
2.5 Konsep pelaksanaan PNPM Mandiri	89
2.6 Struktur organisasi PNPM Mandiri	101
2.7 Rancangan mekanisme pelaksanaan PNPM Mandiri	106
2.8 Proses pemerkasaan masyarakat dalam PNPM Mandiri	113
3.1 Model Piawaian Pembangunan Sosial dalam pembasmian kemiskinan	154
4.1 Model triangulasi “ <i>mixed method</i> ”	179
4.2 Prosedur pelaksanaan proses kutipan data	180
4.3 Kawasan kajian di Melaka, Malaysia	185
4.4 Kawasan kajian di Riau, Indonesia	186
4.5 Kaitan antara kajian rintis dan kajian lapangan	194

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
1.1	Peratusan kemiskinan di Malaysia, 1997-2015	3
1.2	Pendapatan kasar bulanan isi rumah purata mengikut etnik di Malaysia, 1997-2012 (Ringgit Malaysia)	4
1.3	Dasar sosial dan keperluan asas manusia	6
1.4	Indeks Kualiti Hidup Malaysia, 2010	9
1.5	Perkembangan pembangunan manusia di Indonesia, 1980-2013	11
1.6	Jumlah kes dan perbelanjaan Skim Bantuan Kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2009-2011	17
2.1	Program pembasmian kemiskinan yang dilakukan oleh pelbagai negara	44
2.2	Strategi pengurangan kemiskinan di negara-negara membangun	45
2.3	Insiden kemiskinan tegar di Malaysia, 1984-2012	48
2.4	Amanah Ikhtiar Malaysia: Kajian impak (keberkesanan) penemuan awal: Perubahan jumlah pendapatan bersih isi rumah sebulan dari modal Projek Ikhtiar mengikut jantina	54
2.5	Skim pembiayaan AIM	61
2.6	Jadual simpanan tetap Sahabat AIM	68
2.7	Garis panduan pinjaman atau bantuan modal bagi AIM	70
2.8	Prestasi ekonomi sahabat AIM berdasarkan kajian impak	71
2.9	Peratusan kemiskinan di Indonesia, 1999-2013	72
2.10	Sembilan langkah menuju Indonesia yang bebas dari kemiskinan	80
2.11	Program pembasmian kemiskinan berdasarkan kluster	81
2.12	Penilaian program pembasmian kemiskinan di Indonesia	83
2.13	Prinsip dan ciri PNPM Mandiri	88
4.1	Kawasan kajian dan sampel kuantitatif	188
5.1	Umur responden	207
5.2	Etnik responden	208
5.3	Taraf perkahwinan	209
5.4	Bilangan anak	210
5.5	Bilangan anak responden yang bersekolah	211
5.6	Tempat tinggal	212
5.7	Tempoh tinggal di rumah	212
5.8	Bil telefon bulanan	213
5.9	Taraf pendidikan	214
5.10	Tempoh pendidikan formal	215
5.11	Tempat rawatan	216
5.12	Tempoh pekerjaan	217
5.13	Pendapatan bulanan	218
5.14	Kerja sampingan	219
5.15	Jumlah bantuan kewangan dan tahap kecukupan bantuan	220
5.16	Jumlah perbelanjaan sebulan	221
5.17	Jumlah simpanan sebulan	222
5.18	Pengalaman berhutang	223
5.19	Penglibatan dalam persatuan	224
5.20	Pengerak komuniti dan perubahan hidup	225

5.21	Pendedahan terhadap kursus	226
5.22	Kepentingan kursus dan berniaga untuk tingkat taraf hidup	227
5.23	Taburan persepsi responden terhadap bantuan agensi	228
5.24	Taburan persepsi responden terhadap program pembasmian kemiskinan	230
5.25	Taburan persepsi responden terhadap perubahan yang dilalui dari segi sosial	232
5.26	Taburan persepsi responden terhadap perubahan yang dilalui dari segi ekonomi	234
5.27	Taburan peluang memajukan kehidupan	235
5.28	Situasi kehidupan sekarang berbanding 10 tahun lepas	237
5.29	Profil responden yang ditemu bual	239
6.1	Senarai persatuan yang disertai responden Malaysia	265
6.2	Senarai persatuan yang disertai responden Indonesia	266

## SENARAI SINGKATAN

AIM	:	Amanah Ikhtiar Malaysia
BBM	:	Bahan Bakar Minyak
DAK	:	Dana Alokasi Khusus
DAU	:	Dana Alokasi Umum
DEB	:	Dasar Ekonomi Baru
DSN	:	Dasar Sosial Negara
EPU	:	Unit Perancang Ekonomi
<i>ETP</i>	:	<i>Economic Transformation Program</i> (Program Transformasi Ekonomi)
<i>GTP</i>	:	<i>Government Transformation Program</i> (Program Transformasi Kerajaan)
<i>HDI</i>	:	<i>Human Development Index</i> (Indeks Pembangunan Manusia)
<i>LSMS</i>	:	<i>Living Standards Measurement Study</i> (Kajian Pengukuran Standard Kehidupan)
<i>KPI</i>	:	<i>Key Performance Index</i> (Petunjuk Prestasi Utama)
KUR	:	Kredit Usaha Rakyat
MAYANG	:	Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat
MBE	:	Model Baharu Ekonomi
MBS	:	Model Baharu Sosial
<i>MDG</i>	:	<i>Millenium Development Goals</i> (Matlamat Pembangunan Millenium)
<i>MKRA</i>	:	<i>Ministerial Key Result Areas</i> (Bidang Keberhasilan Utama Kementerian)
MP3EI	:	Masterplan Percepatan dan Perluasan Pembangunan Ekonomi Indonesia
<i>MQLI</i>	:	<i>Malaysian Quality of Life Index</i> (Indeks Kualiti Hidup Malaysia)

Musrenbang	:	Musyawarah Perencanaan Pembangunan
NKRA	:	<i>National Key Result Areas</i> (Bidang Keberhasilan Utama Negara)
PBB	:	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PGK	:	Pendapatan Garis Kemiskinan
PNPM	:	Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat
PPK	:	Program Pengembangan Kecamatan
Repelita	:	Rencana Pembangunan Lima Tahun
RPJMN	:	Rencana Pembangunan Jangka Menengah Nasional
RPJPN	:	Rencana Pembangunan Jangka Panjang Nasional
SJSN	:	Sistem Jaminan Sosial Nasional
SKPP	:	Satuan Kerja Pelaksanaan Progam
TKPK	:	Tim Koordinasi Penanggulangan Kemiskinan

## **SENARAI LAMPIRAN**

- LAMPIRAN A : Borang Soal Selidik Kajian
- LAMPIRAN B : Panduan Temu Bual Untuk Penyelidikan Pembangunan Sosial Melalui Program Pembasmian Kemiskinan: Kajian Perbandingan Antara Kes Di Melaka, Malaysia Dan Kes Di Riau, Indonesia
- LAMPIRAN C : Pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Di Malaysia Oleh Pelbagai Agensi
- LAMPIRAN D : Surat Kebenaran Kajian

## BAB 1

### LATAR BELAKANG KAJIAN

#### 1.1 PENDAHULUAN

Pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian semakin pesat dan berkembang maju semenjak Perang Dunia Kedua hingga pertengahan tahun 1990-an. Pada masa yang sama, beberapa negara Asia juga mula menunjukkan pertumbuhan ekonomi. Pembangunan berteraskan ekonomi menyaksikan negara Jepun menjadi kuasa baru ekonomi dunia pada tahun 1970-an, di belakang Amerika Syarikat. Perkembangan ini kemudiannya diikuti dengan kemunculan Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura sebagai generasi pertama Negara Industri Baru (NIB), dan seterusnya kemunculan Malaysia, Thailand dan Indonesia sebagai generasi kedua NIB. Bank Dunia menggelar kelapan-lapan negara ini sebagai *High Performing Asian Economics (HPAEs)* kerana pembangunan ekonomi mereka yang pesat (Bank Dunia, 2010a; Fogel, 2004; Abdul Rahman, 2003).

Sepanjang tempoh pertumbuhan ekonomi tersebut, kerajaan di negara-negara terbabit telah berupaya membangunkan sistem dasar sosial yang membolehkan mereka melaksanakan pelbagai langkah penggalakan pertumbuhan ekonomi negara (Abdul Razak, 2009). Faizah (2006) dan Siti Hajar (2002) mengatakan dasar sosial merupakan pelengkap atau penyokong kuat dasar ekonomi sesebuah negara. Roziah dan Doling pula (2000) melihat dasar sosial yang dilaksanakan bukan sahaja berupaya menjana-baik pembolehubah ekonomi seperti kadar faedah, pengangguran, pelaburan atau struktur industri, malah berupaya menambah pendapatan yang dapat disalurkan ke arah pencapaian matlamat sosial yang dapat memberi impak kepada pembangunan komuniti.

Dasar sosial menyediakan modal sosial yang produktif untuk memacu pertumbuhan atau pembangunan ekonomi sesebuah negara. Namun begitu, pembangunan negara tidak boleh dinilai hanya berdasarkan kepada pertumbuhan ekonomi dan komponen-komponen ekonomi yang bersifat boleh dilihat (*tangible*). Pemahaman begini muncul kerana konsep pembangunan kadangkala digunakan dalam pengertian yang sempit hanya sebagai industrialisasi atau pemodenan. Dalam makna yang lebih luas, ia bermaksud meninggikan tingkat kemuliaan manusia dalam sesebuah komuniti (Shamsul Amri, 1990). Pembangunan lestari memberi penekanan kepada pembangunan seimbang antara aspek ekonomi dan aspek sosial dalam negara. Atas dasar ini, konsep dan pendekatan pembangunan sosial (*social development*) lahir menjadi tujahan (*tool*) utama kesejahteraan sosial dan ekonomi sesebuah masyarakat atau negara. Midgley (2014) mengatakan pembangunan sosial adalah “*... a process of planned social change designed to promote the well-being of the population as a whole within the context of a dynamic multifaceted development process*” (hal. 13). Pembangunan sosial merangkumi pelbagai jenis intervensi sosial, ekonomi dan sivil bagi mengubah kesejahteraan hidup masyarakat ke arah yang lebih baik; bukan sahaja tertumpu kepada intervensi ekonomi.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah memperkenalkan Matlamat Pembangunan Milenium (*Millenium Development Goals* atau MDG) pada September 2002 untuk memperkuuh usaha ke arah keamanan, demokrasi, tadbir urus yang baik dan pembasmian kemiskinan secara global. MDG memberi penekanan kepada elemen-elemen sosial di dalam mengukur pembangunan atau kesejahteraan sosial sesebuah masyarakat atau negara. Memandangkan MDG tidak menekankan kepentingan komoditi-komoditi ekonomi (i.e., pertumbuhan ekonomi negara, dasar pasar buruh, tahap pengangguran, tahap pendapatan, inflasi, kuasa beli pengguna). Sebaliknya, MDG memberi komitmen yang tegas kepada elemen-elemen sosial seperti hak untuk kesaksamaan gender dan

memperkasa wanita dalam semua intervensi sosial pembasmian kemiskinan dan pembangunan manusia yang mapan (PBB, 2011; Unit Perancang Ekonomi, 2011).

Pengaruh pencapaian MDG terhadap pembangunan sosial sesebuah negara diukur menerusi beberapa indikator, khususnya *Human Development Index (HDI)* yang dikeluarkan oleh *United Nations Development Programme (UNDP)*. Midgley dan Livermore (2009) melihat HDI sebagai satu alat ukur langsung untuk mengetahui situasi masyarakat, kesejahteraan sosial dan tahap kualiti hidup masyarakat. Selain itu, Midgley dan Livermore juga mengatakan HDI merupakan satu instrumen atau indikator sosial yang boleh digunakan bagi mengukur impak, *outcome* atau pencapaian dasar sosial yang diimplementasi oleh sesebuah negara.

Mengikut indeks HDI dalam Laporan Pembangunan Manusia 2013, pembangunan Indonesia berada pada kedudukan ke-121 dan Malaysia ke-64. Berdasarkan laporan ini, Malaysia telah memperlihatkan taraf hidup yang lebih baik khususnya dalam aspek jangka hayat, celik huruf, pendidikan, keperluan asasi hidup dan kesihatan. Bagi negara Indonesia pula, indeks HDInya memperlihatkan yang negara ini masih lagi bergelut dengan pelbagai usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran dan kemiskinannya. Indonesia berterusan mencari penyelesaian yang menyeluruh ke atas taraf kesejahteraan hidup atau pembangunan sosial rakyatnya (PBB, 2013; UNDP, 2013).

**Jadual 1.1:** Peratusan kemiskinan di Malaysia, 1997-2015

Tahun	1997	1998	2002	2009	2012	2015*
Peratus	6.8	8.0	5.1	3.8	1.7	0.6

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

\*Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, 2011-2015.

Berbeza daripada Indonesia, kepesatan pembangunan ekonomi Malaysia telah menambah baik agihan pendapatan, menurunkan kadar kemiskinan dan merapatkan jurang ekonomi antara kaum di Malaysia. Dalam Jadual 1.1, peratusan kemiskinan telah menunjukkan kadar penurunan yang ketara sejak tahun 2002 dengan peratusan terbaru (2015) ialah 0.6 peratus manakala dalam Jadual 1.2, jurang pendapatan antara etnik di Malaysia semakin kecil.

**Jadual 1.2:** Pendapatan kasar bulanan isi rumah purata mengikut etnik di Malaysia, 1997-2012 (Ringgit Malaysia)

Tahun	1997	1999	2002	2007	2009	2012
Malaysia	2606	2472	3011	3686	4025	5000
Bumiputera	2038	1984	2376	3256	3624	4457
Cina	3738	3456	4279	4853	5011	6366
India	2896	2702	3044	3799	3999	5233
Lain-Lain	1680	1371	2165	3561	3640	3843

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Selain daripada pertumbuhan ekonomi negara, perubahan ini juga sebahagiannya telah disumbangkan oleh pelaksanaan dasar sosial yang mengubah keadaan hidup masyarakat ke arah yang lebih baik atau sejahtera. Siti Hajar (2005) mengatakan perubahan tersebut dilakukan oleh dasar sosial negara yang mengambil kira sekurang-kurangnya tiga perkara yang paling asas dalam kehidupan individu dan masyarakat. Pertama, menerusi serangkaian intervensi sosial yang berusaha untuk memenuhi kekurangan keperluan yang dialami oleh individu dan masyarakat. Kedua, menerusi intervensi-intervensi pengurusan masalah-masalah sosial yang mengancam kesejahteraan

hidup masyarakat. Ketiga, menerusi pengwujudan pelbagai peluang sosial untuk individu dan masyarakat memajukan dan meningkatkan kualiti hidup mereka.

Perspektif keperluan hidup boleh didapati daripada Teori Hierarki Keperluan Maslow yang memberi penekanan kepada pemenuhan keperluan asas individu; iaitu keperluan fisiologi, keselamatan dan kasih sayang. Komponen keperluan asas ini mesti dipenuhi terlebih dahulu supaya individu dapat meningkat ke tahap yang lebih tinggi iaitu penghargaan kendiri dan kesempurnaan kendiri. Contoh kepada kaitan keperluan ini dalam kehidupan individu ialah kemiskinan. Salah satu caranya ialah mengenal pasti keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal untuk menentukan jumlah bantuan yang boleh diberi. Cara lain ialah bertanya kepada individu berkenaan secara langsung tentang bentuk keperluan yang dikehendaki (Alcock, May & Wright, 2012).

Masalah sosial turut berkait rapat dengan keperluan-keperluan sosial. Alcock, Erskin & May (2002) mengatakan tiga elemen yang mendasari masalah sosial adalah keadaan sosial, persepsi dan penilaian terhadap diri serta penyelesaian. Elemen-elemen ini mempengaruhi bentuk penyelesaian yang hendak diambil sama ada pendekatan, strategi atau kaedah tertentu. Namun, sebab-musabab masalah sosial dan penyelesaian tidak semestinya terbatas kepada struktur dan institusi nasional (Kennett, 2004). Lauer dan Lauer (2011) mengatakan masalah sosial adalah suatu keadaan atau corak tingkah laku yang; (i) bertentangan dengan keadaan atau corak tingkah laku yang lain dan disifatkan tidak bersesuaian dengan keinginan dalam kehidupan yang berkualiti, (ii) menyebabkan, memudahkan atau memanjangkan keadaan tersebut yang berlaku dalam pelbagai peringkat kehidupan sosial, (iii) melibatkan konflik antara kumpulan, dan, (iv) perlu tindakan sosial untuk diselesaikan. Penyelesaian terhadap masalah sosial ini menimbulkan tuntutan-tuntutan yang memerlukan respons dalam bentuk perkhidmatan manusia bagi

mengekal, menjamin dan memelihara kesejahteraan hidup individu dan masyarakat. Bagi Kornblum dan Julian (2012), masalah sosial sentiasa berkait antara satu sama lain. Jenayah, kemiskinan, kekurangan rawatan perubatan, keganasan dan salah guna dadah amat jarang wujud dalam entiti yang berasingan. Masalah sosial wujud apabila sebilangan besar ahli dalam masyarakat telah bersetuju bahawa situasi yang ada di sekitar mereka memberi kesan kepada kehidupan mereka dan perlu tindakan untuk membaikinya. Barusch (2011) membahagikan matlamat dasar sosial, keperluan asas dan program-program yang boleh dilaksanakan untuk mengisi keperluan manusia kepada tiga iaitu *survival*, kesihatan fizikal dan kesejahteraan psikologi (Jadual 1.3).

**Jadual 1.3:** Dasar sosial dan keperluan asas manusia

Matlamat Dasar Sosial	Keperluan Asas	Program
<i>Survival</i>	Air, udara, makanan, keselamatan, tempat perlindungan.	Pemberian makanan, perumahan awam.
Kesihatan fizikal	Kebersihan persekitaran, penjagaan kesihatan.	Dana perubatan.
Kesejahteraan psikologi	Rasa berpunya, penghargaan kendiri, penglibatan yang bererti, pembangunan intelektual.	Sistem pendidikan awam, sistem kesihatan mental, kesukarelawanan.

Sumber: Barusch, A.S. (2011). *Foundations of social policy: social justice in human perspective*. Belmont, USA: Cengage Learning.

Bagi memenuhi matlamat *survival*, kelompok sasar perlu memenuhi keperluan asas yang merangkumi air, udara, makanan, keselamatan dan tempat perlindungan melalui program pemberian makanan dan perumahan awam. Matlamat kesihatan fizikal merangkumi kebersihan persekitaran dan penjagaan kesihatan yang dilaksanakan melalui peruntukan dana perubatan. Matlamat kesejahteraan fizikal pula adalah memenuhi rasa berpunya, penghargaan kendiri, penglibatan yang bererti dan pembangunan intelektual.

Dalam matlamat ini, program yang dilaksanakan merangkumi sistem pendidikan awam, sistem kesihatan mental dan kesukarelawanan.

Pendek kata, peranan dasar sosial dalam pembangunan sosial sesebuah negara atau masyarakat memang tidak boleh disangkal atau dinafikan. Dasar sosial merupakan intervensi-intervensi sosial yang digunakan oleh kerajaan/pemerintah bagi bertindak-balas dengan defisit keperluan, masalah sosial serta ketiadaan akses kepada peluang sosial yang mampu menggugat kesejahteraan hidup masyarakat (Siti Hajar, 2002; Marshall, 1965). Matlamat hakiki dasar sosial di kebanyakan negara adalah untuk memastikan kesejahteraan sosial negara tercapai. Atas kepentingan ini, sebarang inisiatif bagi menilai pelaksanaan dasar sosial negara terhadap kesejahteraan hidup masyarakat perlu disokong dan perlu dilakukan secara berterusan (Anglin, 2011; Kanges & Palme, 2005).

## **1.2 PERNYATAAN MASALAH DAN PERSOALAN KAJIAN**

Malaysia merdeka pada tahun 1957, manakala Indonesia pula merdeka pada tahun 1945. Semenjak kemerdekaan, kedua-dua negara tersebut telah mengalami transformasi ekonomi, sosial, pendidikan, budaya, politik dan teknologi yang ketara (Ahmad Atory, 1990). Semenjak merdeka juga, kedua-dua negara telah mengimplementasi pelbagai dasar sosial bagi membantu memperbaiki keadaan hidup masyarakat. Kerajaan Malaysia melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 menerusi strategi serampang dua mata yang mengambil kira keharmonian dan perpaduan kaum. Dasar ini menjadi asas kepada dasar pembangunan yang berteraskan pembasmian kemiskinan, penyusunan semula masyarakat dan penghapusan jurang ekonomi antara kaum dan wilayah (Meerman, 1979).

Kerajaan Malaysia juga mengambil langkah menggubal Dasar Pendidikan Kebangsaan yang sesuai dan mempunyai matlamat khusus seperti menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan menyediakan tenaga kerja bagi keperluan ekonomi dalam jangka pendek dan panjang serta melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih (Mohd Razali & Fashbir, 1998). Begitu juga dengan konsep menentukan kejayaan berasaskan kepada ekonomi adalah lebih mudah. Statistik pertumbuhan seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan kadar kemiskinan menjangkakan hala tuju negara. Pengurusan yang baik dan pertumbuhan ekonomi yang seimbang amat diperlukan oleh mana-mana negara di samping faktor kepelbagaian etnik. Di Malaysia, pembangunan ekonomi dan kemakmuran negara berjalan seiring dengan kestabilan politik yang membentuk pelbagai dasar pembangunan (Shamsul Amri, 2008).

Jika ditinjau semula sejarah pendidikan selepas merdeka, perkembangannya boleh dibahagikan kepada empat peringkat. Peringkat pertama ialah selepas penggubalan Dasar Razak (1956), kedua, Dasar Rahman Talib (1961) dan ketiga, Penyata Kabinet (1970). Ketiga-tiga dasar ini menekankan tentang keperluan perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum dan akses pendidikan iaitu memberi peluang kepada pelajar luar bandar mendapat pendidikan yang lebih baik (Muhammad, 2012). Seterusnya keempat, dasar pendidikan di Malaysia diperkemaskan dengan pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan (2013-2025). Dengan adanya kemudahan pendidikan dan latihan serta peluang-peluang pekerjaan yang lebih banyak di dalam sektor bukan pertanian, golongan miskin akan dapat mengalami mobiliti sosial dengan lebih pesat dan seterusnya akan dapat mengatasi masalah kemiskinan (Malaysia, Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000, 1991: 115).

Di Indonesia, program besar-besaran untuk membina sekolah (*Sekolah Dasar INPRES*) antara tahun 1973-1974 dan 1978-1979 menggunakan pendapatan yang diperolehi daripada pembangunan sumber minyak dan gas. Hasilnya, lebih daripada 61,000 buah sekolah rendah telah dibina semasa tempoh berkenaan (Syahrul, 2009; Musni, 2007; Gek Sintha, 2003; Sarwono, 2003). Bukti empirikal menunjukkan bahawa kohort individu yang dilahirkan di daerah-daerah yang mendapat manfaat daripada program itu didapati cenderung untuk belajar lebih panjang dalam sistem persekolahan dan mendapat pendapatan yang lebih besar dalam sektor pekerjaan. Di samping itu, peningkatan dalam nisbah pekerja berpendidikan merupakan hasil daripada galakan menyertai pasaran buruh formal yang melibatkan pekerja yang berpendidikan dan tidak berpendidikan (Duflo, 2004, 2001).

**Jadual 1.4:** Indeks Kualiti Hidup Malaysia, 2010

Komponen	Sub-Indeks
Pendidikan	120.4
Pengangkutan dan Komunikasi	120.3
Perumahan	115.7
Budaya dan Hiburan	113.5
Pendapatan dan Agihan	113.3
Keselamatan Awam	110.8
Kesihatan	110.5
Penyertaan Sosial	110.1
Persekutaran	106.6
Kehidupan Keluarga	104.6
Suasana Kerja	104.6
<i>Malaysian Quality of Life Index</i>	111.9

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (2012)

Pelaksanaan dasar sosial yang berkesan telah berjaya memperbaiki taraf kehidupan masyarakat di kedua-dua negara. Di Malaysia, kualiti hidup bertambah baik bagi tempoh 2000-2010 (Jadual 1.4). Semua 11 komponen dalam *Malaysian Quality of Life Index (MQLI)* mencatatkan peningkatan khususnya pendidikan seperti kadar penyertaan dalam prasekolah dan sekolah menengah yang tinggi, nisbah guru-murid yang lebih baik dan kadar celik huruf yang lebih tinggi diikuti pengangkutan dan komunikasi serta perumahan (Unit Perancang Ekonomi, 2012).

Perubahan ketara pelaksanaan dasar sosial Indonesia dapat diimbaskan dari tahun 1965 hingga 1998 iaitu ketika era kepimpinan Soeharto. Banyak tindakan yang dilakukan bagi menyokong usaha-usaha pembangunan dalam bidang ekonomi seperti mengurangkan inflasi, membawa masuk modal asing dan teknologi baru, meningkatkan kerjasama dengan negara-negara luar, menambah hasil pendapatan dalam negeri, meningkatkan kualiti pendidikan dan memperkuat kestabilan politik. Pembangunan nasional di Indonesia dilakukan secara bertahap iaitu jangka masa panjang selama 25 tahun yang juga dipanggil sebagai Rancangan Jangka Panjang (RJP) dan jangka masa pendek yang dikenali sebagai Rencana Pembangunan Lima Tahun (Repelita). Perubahan dalam modal insan dan modal sosial ditunjukkan dalam Jadual 1.5.

Laporan yang diterbitkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai keadaan sosial dunia tahun 2010 (*Report on the World Social Situation 2010*) meletakkan usaha-usaha pembasmian kemiskinan sebagai agenda utama ke arah meliberalisasikan ekonomi dan orientasi strategi. Usaha-usaha pembasmian kemiskinan merujuk kepada dasar dan strategi yang digubal dan dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada kelompok penduduk yang dikategorikan sebagai miskin. Pelaksanaan usaha-usaha ini dilakukan melalui pelbagai pendekatan oleh agensi yang terlibat secara

langsung dan tidak langsung. Pelaksanaan untuk mengurangkan kemiskinan harus mengambil kira keperluan semua golongan masyarakat. Kehendak utama mereka ialah diberi peluang mendapatkan sumber-sumber ekonomi, terutamanya tanah dan kredit bagi membolehkan mereka memperolehi dan menambah pendapatan serta boleh berdikari. Tahap mutu perkhidmatan sosial di beberapa kampung, ladang dan estet perlu juga diperbaiki supaya taraf hidup mereka dapat dipertingkatkan (Malaysia, 1991a).

**Jadual 1.5:** Perkembangan pembangunan manusia di Indonesia, 1980-2013

Indikator	1980 (%)	1994 (%)	2004 (%)	2013 (%)
<b>Modal Insan</b>				
Kadar celik huruf	71.8	87.2	90.4	92.8
Pencapaian pendidikan (Daftar)				
Sekolah rendah	93.3	92.1	93.0	95.5
Sekolah menengah	-	50.0	65.2	73.7
Institusi pengajian tinggi	-	33.2	43.0	53.9
Jangka hayat	52.2	63.5	67.6	70.6
<b>Akses kemudahan</b>				
Elektrik	14.2	60.9	86.6	92.1
Saluran air minum	7.0	16.1	37.7	41.1
Kemudahan tandas	8.9	22.0	38.1	57.8
<b>Modal Sosial</b>				
Akses aktiviti sosiobudaya			(2003)	(2012)
Tonton televisyen	44.5	69.4	50.3	18.6
Dengar radio	49.4	63.9	84.9	91.7
Baca surat khabar	15.4	23.1	23.7	17.7

Sumber: Badan Pusat Statistik Indonesia (Pelbagai jadual 1980-2013); Bank Dunia (2006); Unicef (2013)

Berkaitan dengan intervensi pembasmian kemiskinan, pendekatan yang perlu diberi penekanan oleh kerajaan ialah mengintegrasikan dasar ekonomi dan dasar sosial yang menyokong hasil keterangkuman dan pembangunan pasaran pekerjaan serentak dengan mengurangkan ketidaksamaan dan mempromosi keadilan (PBB, 2011). Terdapat pengiktirafan yang meluas bahawa dasar sosial dan program-program yang berkaitan

dengannya perlu dinilai secara telus bagi menentukan sama ada matlamat pelaksanaan dasar tersebut tercapai ataupun tidak. Biarpun ada anggapan yang mengatakan dasar sosial memberi impak positif, anggapan ini kerap kali dikritik oleh banyak pihak (Midgley, 2012; Midgley & Livermore, 2009; Chatterjee & Vadapalli, 2009). Justeru, kajian ini ingin melihat kebolehlaksanaan integrasi dasar ekonomi dan dasar sosial dalam usaha-usaha pembasmian kemiskinan. Malah, perbahasan tentang prospek pengurusan dan pelaksanaan dasar-dasar sosial di negara-negara membangun sering kali cenderung ke arah memberikankekangan ke atas isu-isu yang berkaitan dengan kos dan keupayaan agensi pelaksana. Negara-negara miskin dan sedang membangun sering kali dilihat tidak berupaya untuk menawarkan perkhidmatan sosial (i.e., perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan skim bantuan kepada rakyat) yang baik kerana kekurangan sumber fizikal dan sosial, serta kelembapan pertumbuhan pasaran buruh negara tersebut. Kekangan ini menjadi lebih rumit dalam konteks globalisasi yang mana kombinasi krisis kewangan, bahan api dan kenaikan harga makanan telah memberi kesan yang kritikal kepada kebanyakan negara; khususnya negara-negara miskin dan sedang membangun. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam politik dan ekonomi dunia turut mempengaruhi keadaan sosial tempatan sesebuah negara.

Kekangan-kekangan inilah yang menyebabkan dasar pembasmian kemiskinan di kebanyakan negara kurang berjaya dan telah mendesak kepada pelaksanaan satu sistem perlindungan sosial (*social protection*) yang bersifat lebih *reliable*, komprehensif dan kalis inflasi ekonomi. Namun, anggapan umum yang melihat inisiatif melebarkan perlindungan sosial (*safety-nets*) memerlukan dana kewangan awam yang besar menyebabkan pemerintah di kebanyakan negara teragak-agak untuk melaksanakan intervensi sosial ini. Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) di Malaysia atau Bantuan Langsung Tunai (BLT) di Indonesia misalnya, sering kali diselar oleh

pembayar cukai (*tax payers*) sebagai program sosial yang melibatkan peruntukan besar kewangan awam negara. Dengan kata lain, kekangan kewangan dilihat menjadi satu faktor utama yang menghalang pengembangan dasar sosial di negara-negara membangun.

Kerajaan Malaysia dan Indonesia menggunakan pelbagai strategi untuk pembangunan sosial negara masing-masing, khususnya ketika bergelut untuk keluar dari krisis ekonomi Asia 1997/98 dan ketaktentuan ekonomi dunia dari tahun 2000 hingga 2010. Tumpuan diberikan kepada pertumbuhan ekonomi untuk memberi pekerjaan kepada masyarakat, menarik pelaburan asing dan meneruskan agenda pembasmian kemiskinan. Malaysia memperkenalkan Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang dikenali sebagai Rancangan Malaysia, manakala Indonesia pula merangka Rancangan Pembangunan Lima Tahun (Repelita). Kedua-dua rancangan ini diformulasi dengan harapan dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang sejahtera. Namun, laporan *Human Development Reports 2013* menunjukkan Malaysia dan Indonesia masih belum lagi berjaya untuk meletakkan kedudukan mereka di dalam *ranking* 50 teratas dalam aspek kesejahteraan sosial (UNDP, 2013).

Malaysia dan Indonesia telah memperkenalkan pelbagai program pembasmian kemiskinan bagi membantu anggota masyarakat menikmati keadaan hidup yang lebih baik atau berkualiti. Di Malaysia, antara program-program sosial yang dilaksanakan bagi membasmi kemiskinan masyarakat adalah pembangunan tanah melalui FELCRA (*Federal Land Concolidation dan Rehabilitaton Authority*), FELDA (*Federal Land Development Authority*), RISDA (*Rubber Industry Smallholders Development Authority*), Program Perumahan Rakyat Termiskin, Amanah Saham Bumiputera, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat, Gerakan Desa Wawasan, pembangunan orang asli dan program pembasmian kemiskinan bandar. Di Indonesia pula, antara program-programnya adalah

Inpres Desa Tertinggal (IDT), Jaring Pengaman Sosial (JPS), Pemberdayaan Masyarakat Dalam Mengatasi Krisis Ekonomi (PDM-DKE), Pembinaan Pembangunan Prasarana Desa Tertinggal (P3DT), Program Penanggulangan Kemiskinan Perkotaan (P2KP), Bantuan Kesejahteraan Sosial (BKS), Program Kesejahteraan Sosial KUBE (Prokessos KUBE), Bantuan Sosial Fakir Miskin (BSFM) dan kredit Bimbingan Massal (Bimas). Pelaksanaan program-program di kedua-dua negara tersebut telah menyumbang kepada penurunan kadar kemiskinan. Di Malaysia, kadar kemiskinan menurun kepada 1.7 peratus (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2012) manakala di Indonesia pula kadar kemiskinannya 12.36 peratus (Badan Pusat Statistik Indonesia, 2012).

Walaupun kadar kemiskinan di Malaysia menunjukkan penurunan, masih timbul beberapa isu yang berkaitan dengan impak program pembasmian kemiskinan terhadap kualiti hidup kumpulan sasar. Isu yang paling utama adalah mengenai keupayaan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan dalam mengubah keadaan hidup komuniti miskin. Di Indonesia pula, program-program pembasmian kemiskinannya yang banyak ditaja oleh agensi supranasional dinilai keberkesanannya dalam meningkatkan keadaan hidup komuniti sasar agar mencapai indeks HDI. Pendek kata, keberkesanan pelaksanaan dasar sosial; dalam konteks kajian ini adalah dasar-dasar atau program-program pembasmian kemiskinan, diukur menerusi keupayaan dasar tersebut dalam bertindak balas dengan masalah kemiskinan yang dialami oleh kumpulan sasar (Siti Hajar, 2006; Latrids, 1994). Kayu ukurnya pula adalah sejauhmanakah pelaksanaan dasar sosial ini seterusnya intervensi sosial yang dirancang mampu memenuhi kekurangan keperluan yang dialami oleh masyarakat miskin, kemampuan dasar ini dalam mengurus masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat miskin, serta keupayaannya dalam menyediakan peluang untuk masyarakat miskin memperkasa kesejahteraan hidup mereka.

Pada peringkat tempatan, terdapat fragmentasi yang cukup besar berkaitan dengan kajian-kajian berskala besar yang mengukur impak sesebuah dasar sosial terhadap kualiti hidup masyarakat. Di Indonesia pula, kebanyakan kajian impak sosial sedia ada dilakukan oleh agensi-agensi supranasional yang membiayai program-program sosial di negara berkenaan. Malah, masih tidak terdapat satu kajian perbandingan mengenai impak program pembasmian kemiskinan terhadap kesejahteraan hidup komuniti di Malaysia dan Indonesia. Fragmentasi ini mendorong pengkaji untuk melakukan kajian ini bagi menjawab persoalan paling asas kajian ini; iaitu apakah kesan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan ke atas pembangunan komuniti di Malaysia dan Indonesia di sebalik pelaksanaan pelbagai dasar sosial yang merangkumi pelaburan ekonomi dan pelaburan sosial sejak kedua-dua negara mencapai kemerdekaan. Rata-ratanya kajian yang dibuat lebih banyak menjurus kepada pembangunan komuniti mengikut disiplin ekonomi yang ada kait-mengait dengan faktor kualiti hidup sesebuah komuniti. Misalnya, menurut Abdul Rahman dan Nor Hayati (2009), kajian tentang kemiskinan telah banyak dilakukan seperti “Kajian kemiskinan dan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar: kajian kes di Negeri Terengganu” oleh Akbar Ali Kadir (2004) yang menganalisis jurang agihan pendapatan, *“The role of mass media in the eradication of poverty: meta analysis of Malaysian cases”* oleh Nerawi Sedu (2005) yang melihat peranan media massa dalam membantu mengurangkan kemiskinan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia, “Kemiskinan di kalangan masyarakat Islam di Malaysia: kajian terhadap agensi-agensi pembasmi kemiskinan” oleh Abdullah @ Alwi Hj Hassan (2006) yang membuat kajian ke atas keberkesanan agensi-agensi pembasmi kemiskinan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pusat Zakat Selangor (PZS), Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan “Pelaksanaan program kerajaan dalam pembasmian kemiskinan di bandar: kajian perbandingan di Bandung, Indonesia dan Kuala Lumpur, Malaysia” oleh Sugandi (2007).

Persoalan kedua yang cuba dijawab oleh kajian ini adalah mengapa program pembasmian kemiskinan di Malaysia dan Indonesia tidak dapat memajukan komuniti sasar seoptimum mungkin? Persoalan ini timbul berikutan dengan terdapatnya banyak argumen awam yang menuduh program-program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh kerajaan/pemerintah gagal membantu kelompok sasar keluar daripada kepompong kemiskinan. Tuduhan ini paling ketara di Indonesia apabila program-program pembasmian kemiskinan yang cenderung kepada memberi bantuan ke arah kebergantungan, bukannya memperkasa golongan sasar dan tidak memahami punca-punca kemiskinan (Ritonga, 2010). Antara bantuan ini adalah pemberian beras secara berterusan tanpa memberi latihan atau menyediakan aktiviti perekonomian yang dapat menjana pendapatan sendiri. Pada masa yang sama kurang peluang ekonomi bagi golongan sasar mencari pendapatan sendiri. Selain itu, faktor kurang kefahaman terhadap punca dan penyebab kepada kemiskinan menyebabkan perancangan dan tindakan tidak dapat menyelesaikan isu kemiskinan. Dua agensi utama kerajaan Indonesia iaitu Badan Pusat Statistik (BPS) dan Badan Kependudukan dan Keluarga Berencana Nasional (BKKBN) menggunakan maklumat daripada data yang berbeza. BPS menggunakan data makro hasil daripada Survei Sosial dan Ekonomi Nasional (Susenas) manakala, BKKBN pula menggunakan data mikro hasil daripada pendaftaran keluarga prasejahtera dan sejahtera. Contohnya, peratusan kemiskinan Sumatera Barat (Sumba) yang dikeluarkan oleh BPS pada tahun 1999 adalah 27 peratus manakala yang dikeluarkan oleh BKKBN mencecah 84 peratus. Perbezaan peratusan kemiskinan ini menyukarkan kerajaan Indonesia membuat peruntukan kewangan dan seterusnya menyebabkan proses penyaluran bantuan semakin rumit (Diah Aryati, 2007).

Di Malaysia pula, walaupun statistik kemiskinan memperlihatkan penurunan, namun semakin banyak peruntukan disediakan oleh kerajaan untuk program pembangunan

komuniti miskin. Contohnya, peruntukan bantuan kewangan untuk golongan miskin yang diperuntukkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia meningkat daripada RM758 juta kepada RM1.353 bilion dari tahun 2009 hingga 2011 sahaja (Jadual 1.6).

**Jadual 1.6:** Jumlah kes dan perbelanjaan Skim Bantuan Kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2009-2011

Tahun	2009		2010		2011	
	Kes	RM	Kes	RM	Kes	RM
Jumlah	353,889	758 juta	424,526	1.195 bilion	473,928	1.353 bilion

Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2011), Jabatan Perangkaan Malaysia (2012)

Amalan ini seolah-olah memperlihatkan yang program-program pembasmian kemiskinan sedia ada masih tidak mencukupi atau tidak berjaya membantu golongan miskin mengubah kehidupan mereka. Justeru, faktor-faktor yang menyebabkan pelaksanaan dasar atau program pembasmian kemiskinan tidak berjaya memajukan masyarakat atau mengubah kehidupan masyarakat ke tahap yang lebih baik perlu diteliti dengan sistematis.

Agensi-agensi antarabangsa dan supranasional seperti PBB, UNDP dan Bank Dunia yang membiayai program-program pembangunan sosial di kebanyakan negara miskin dan negara sedang membangun sentiasa memantau faktor-faktor atau unsur-unsur yang menghalang keberkesanan pencapaian matlamat program sosial yang dilaksanakan. Tindakan-tindakan memperbetulkan (*rectify actions*) terhadap faktor-faktor yang menghalang kelancaran pencapaian matlamat pelaksanaan program atau unsur-unsur yang berpotensi mengurangkan impak program dilakukan secara berterusan bagi memastikan

matlamat dasar sosial tercapai. Pengenalpastian faktor-faktor yang menyebabkan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dan Indonesia tidak dapat mencapai standard global (i.e..., *MDG*) bagi mengubah tahap kesejahteraan hidup kumpulan sasar amat membantu dalam usaha menambah baik program, dasar sosial atau intervensi sosial sedia ada agar usaha-usaha tersebut mampu mencapai matlamatnya secara menyeluruh. Inisiatif ini konsisten dengan persoalan terakhir yang cuba dijawab oleh kajian ini; iaitu bagaimana program pembangunan sosial di Malaysia dan Indonesia boleh diperkasakan agar menjurus ke arah komuniti sejahtera?

### **1.3     OBJEKTIF KAJIAN**

Matlamat utama kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar pembangunan sosial di Malaysia dan Indonesia melalui program pembasmian kemiskinan dalam membangunkan kehidupan komuniti. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- 1) menilai kesan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan terhadap pembangunan komuniti di Melaka, Malaysia dan Riau, Indonesia;
- 2) mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan di Malaysia dan Indonesia terbatas dalam membangunkan masyarakat secara *total*; dan,
- 3) mencadangkan tindakan-tindakan penambahbaikan dalam pelaksanaan program pembasmian kemiskinan sedia ada di kedua-kedua negara, agar program sosial tersebut mampu mengubah kehidupan kelompok sasar dengan lebih berkesan.

## **1.4 SKOP KAJIAN**

Fokus utama kajian ini adalah impak pelaksanaan intervensi sosial ke atas kesejahteraan hidup anggota masyarakat. Siti Hajar (2002) merujuk intervensi sosial sebagai:

“...kaedah-kaedah atau usaha-usaha pengekalan, peningkatan, pengurangan, perlindungan, pencegahan atau pengawalan kehidupan sosioekonomi dan politik ahli-ahli masyarakatnya”.

(hal. 28)

Kerajaan pemerintah di sesebuah negara memperkenalkan pelbagai bentuk atau jenis program atau skim sosial di bawah sesebuah dasar sosial bagi bertindak-balas dengan masalah sosial atau defisit keperluan sosial yang dialami oleh anggota masyarakat atau kumpulan sosial tertentu dalam sesebuah masyarakat. Bagi konteks kajian ini, pengkaji hanya memfokus kepada skim-skim atau program-program sosial yang terdapat di dalam dasar yang menjurus kepada pembasmian kemiskinan atau anti-kemiskinan yang terdapat di Malaysia dan Indonesia. Fungsi utama dasar sosial sebegini adalah untuk memajukan dan membangunkan (*develop*) kehidupan komuniti miskin, serta mengubah tahap hidup anggota masyarakat ke tahap kehidupan yang lebih baik daripada indeks kemiskinan yang telah ditetapkan oleh negara masing-masing. Dengan kata lain, dasar sosial sebegini merupakan mekanisme pembangunan sosial yang penting dalam sesebuah negara. Dengan tepatnya, skop utama kajian ini adalah menilai atau mengukur impak pelaksanaan dasar sosial terhadap pembangunan komuniti miskin di Malaysia dan Indonesia. Mengikut bidang Perancangan Sosial (*Social Planning*) atau bidang yang lebih spesifik dengan penggubalan dasar sosial (i.e., *making social policy*, *policy analysis*, *implementing social policy*, *policy analysis for practice*, *social policy decision-making process*), kesan atau impak sesebuah dasar sosial boleh dipantau dan dinilai atau diukur menerusi prosedur penilaian implementasi (*implementation evaluation*).

Menurut Patton (2001), penilaian implementasi memberi tumpuan kepada memaklumkan “pembuat keputusan apa yang sedang berlaku di dalam sesuatu program, bagaimana program itu telah berkembang serta bagaimana dan mengapa program tersebut menyimpang daripada perancangan dan jangkaan awal”. Penilaian implementasi memberi perhatian kepada input, aktiviti, proses dan struktur di dalam program bagi menjawab soalan-soalan berikut: Apakah pengalaman peserta dalam program ini? Apakah perkhidmatan yang diberikan kepada peserta? Apakah yang dilakukan oleh petugas? Apakah perkara yang patut ada dalam program ini? Bagaimanakah program ini dianjurkan?” Penilaian sebegini mencerminkan idea bahawa bagi memahami keberkesanan sesuatu program selepas ia dilaksanakan, adalah penting untuk memeriksa sejauhmana dan bagaimana program itu telah dilaksanakan. Memahami perbezaan antara bagaimana program itu sepatutnya terjadi dan bagaimana dilaksanakan dapat memberikan maklumat yang berguna untuk membuat perubahan bagi menambah baik sesuatu dasar sosial pada masa akan datang.

Terdapat tiga jenis tahap penilaian implementasi; iaitu penilaian implementasi tahap pembentukan (*formative implementation evaluation*), penilaian implementasi tahap proses (*process implementation evaluation*), dan penilaian impak sumatif (*summative impact assessment*) (HM Treasury, 2011; W.K. Kellogg Foundation, 2004). Kajian ini hanya memfokus kepada penilaian impak sumatif atau dikenali juga sebagai penilaian hasil (*outcome evaluation*). Penilaian sumatif mengukur kesan menyeluruh (*complete effects*) sesebuah dasar sosial ke atas kehidupan kumpulan sasar. Penilaian ini mengkaji perkara-perkara berikut:

- (1) sama ada program atau dasar sosial yang diimplementasi telah mencapai matlamatnya;
- (2) potensi kesan pelaksanaan program atau dasar sosial ke atas kumpulan sasar;
- (3) kos-manfaat program atau dasar sosial yang diimplementasi;
- (4) faktor-faktor yang menyebabkan program atau dasar sosial yang dilaksanakan berjaya atau gagal mencapai matlamatnya; dan,
- (5) input-input penambahbaikan bagi membolehkan program atau dasar sosial mencapai matlamatnya dengan lebih berkesan.

Dalam kajian ini, kelima-lima perkara yang dinyatakan itu menepati objektif kajian tesis yang memberi penekanan terhadap keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar pembangunan sosial melalui program pembasmian kemiskinan ke arah kesejahteraan komuniti. Bersesuaian dengan fokus kajian ini, pengkaji menggunakan prosedur penilaian sumatif bagi menilai secara sistematik kesan pelaksanaan skim-skim mikro kredit terpilih yang terkandung di dalam program-program pembangunan komuniti yang terdapat di Malaysia dan Indonesia, terhadap kesejahteraan hidup isi rumah miskin yang terlibat dalam program-program sosial tersebut. Matlamatnya adalah untuk melihat sama ada program-program sosial tersebut telah berjaya membantu komuniti sasar keluar daripada masalah kemiskinan hidup yang dialami atau sebaliknya.

Midgley (1995) telah memperkenalkan satu model pembangunan sosial yang dipanggil sebagai Model Piawaian Pembangunan Sosial (*Standard Model of Social Development*). Model ini kemudiannya mengesyorkan serangkaian strategi kebijakan sosial (*welfare strategies*) bagi mencapai matlamat pembangunan sosial. Mengikut model ini, program-program pembangunan komuniti yang diselitkan di dalam dasar sosial

tertentu berfungsi sebagai medium politik dan pentadbiran negara bagi mencapai kesejahteraan sosial. Hal ini bermaksud kestabilan politik membolehkan kerajaan membina sistem kebijakan negara dengan berkisar pada sistem pekerjaan yang diperlukan oleh masyarakat (Siti Hajar, 2007; Fox Piven, 1999). Menurut Siti Hajar (2002), proses membuat perubahan yang konsisten tanpa campur tangan *electoral influx* yang terlampau drastik dalam perancangan dan pelaksanaan sesuatu dasar amat penting dalam suasana politik yang stabil kerana politik dianggap sebagai saluran formal yang paling efektif untuk menyuarakan keperluan masyarakat.

Salah satu strategi terpenting yang disyorkan oleh model ini adalah strategi pelaburan (*investment strategy*). Dua jenis pelaburan yang dijangkakan mampu mengubah kehidupan masyarakat ke tahap yang lebih baik adalah:

- (i) pelaburan ekonomi; dan,
- (ii) pelaburan sosial.

Mengikut model ini, pelaburan ekonomi adalah merujuk kepada pertumbuhan ekonomi yang dapat memberi impak kepada kesejahteraan setiap orang. Empat strategi yang boleh dilaksanakan di bawah strategi pelaburan ekonomi adalah pelaburan di dalam usaha-usaha yang dapat meningkatkan peluang pekerjaan, peluang perniagaan, peluang pinjaman dan pembinaan aset.

Dalam strategi meningkatkan peluang pekerjaan, gabungan kerajaan, komuniti (melalui koperasi) dan perusahaan dapat menggandakan peluang pekerjaan kepada kelompok sasar. Perkongsian antara ketiga-tiga pihak ini dilakukan melalui galakan insentif kepada komuniti dan perusahaan untuk merangsang minat menawarkan pekerjaan. Contohnya projek yang dibayai kerajaan negeri perlu diperkuatkan melalui penyediaan

dana yang cukup, pekerjaan yang selamat dan suasana kerja yang selesa di samping mewujudkan peluang pekerjaan yang bersesuaian wajar diberi keutamaan. Dalam strategi peluang perniagaan, individu diberi bantuan dan peluang untuk memaksimumkan kebajikannya. Strategi ini menyediakan sokongan dalam bentuk pengetahuan dan kemahiran berniaga supaya individu berkenaan dapat menyertai aktiviti-aktiviti perniagaan.

Strategi peluang pinjaman adalah satu cara membantu pengusaha meningkatkan usaha melalui pemberian modal. Strategi ini memberi peluang kepada mereka untuk berjaya dalam bidang perniagaan yang diusahakan. Perusahaan mikro yang dibiayai melalui pinjaman kecil boleh menyumbang kepada peningkatan pendapatan keluarga miskin. Keperluan dana bagi perusahaan mikro kredit akan terus meningkat sehingga agensi pembiaya berasa yakin keupayaan peminjam untuk memajukan perusahaan mereka (Chowdhury, 2009).

Strategi pembinaan aset melibatkan pengumpulan aset kewangan oleh individu dan isi rumah, seterusnya pembinaan aset komuniti seperti sekolah, klinik, bekalan air bersih dan jalan raya. Pembinaan aset kewangan boleh dimulakan sejak kanak-kanak dan diberi galakan oleh kerajaan melalui insentif tertentu. Walaupun kajian menunjukkan jumlah simpanan tidak signifikan, namun kelompok miskin dapat meningkatkan perbelanjaan, mendapat akses bank dan meningkatkan impak positif psikologi dan sosial (Arnold, Conway & Greenslade, 2011).

Seterusnya, pelaburan sosial (*social investment*) adalah merujuk pelaburan-pelaburan yang mengukuhkan jaringan sosial dan penyertaan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi yang menggalakkan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat. Program

sosial yang dilaksanakan sepatutnya memberikan pulangan ekonomi iaitu menjadikan individu dalam komuniti mampu bertindak seterusnya melalui penglibatan dan penyertaan, mereka menjadi penggerak yang memacu kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat keseluruhannya. Empat strategi yang boleh dilaksanakan di bawah strategi pelaburan sosial adalah pelaburan di dalam modal insan, jaringan sosial, penyertaan komuniti dan pembangunan komuniti.

Dalam strategi modal insan, pelaburan dalam modal insan menyediakan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan yang diperlukan untuk melibatkan diri secara aktif dalam ekonomi. Aspek pendidikan merupakan instrumen penting dalam pembasmian kemiskinan, membuka ruang kepada akses maklumat dan kemahiran serta mengangkat tabir yang memisahkan kelompok miskin dan terpinggir daripada peluang dalam ekonomi dan politik. Pendidikan juga menjadi penentu dalam mengenal pasti potensi untuk mendapat pendapatan dan penting untuk menambah baik indikator sosial seperti tahap nutrisi dan kematian bayi (Nugroho, 2012; Ishak, 2009; Lombard, 1992).

Dalam strategi jaringan sosial, ia merujuk kepada pengukuhan jaringan sosial melalui aktiviti komuniti. Pembentukan jaringan sosial ini dapat merangsang kerjasama dan kesatuan yang bakal menggalakkan pembangunan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup. Jaringan sosial pelbagai peringkat sudah tentu dapat diintegrasikan dengan aktiviti ekonomi (Rockefeller Institute of Government-RIG, 2003).


Dalam strategi penyertaan komuniti, pembangunan sosial dapat dicapai melalui penyertaan bersama komuniti yang melibatkan projek dan program yang mengubah keadaan hidup. Melalui penyertaan ini, mereka diperkasa dan digalakkan mengawal hal ehwal komuniti supaya dapat mengekang eksloitasi dan tekanan (Noriah, 2006).

Dalam strategi pembangunan komuniti, ia memberi penekanan ke atas tindakan bersama dalam kalangan komuniti di bawah kepimpinan jawatankuasa atau ahli yang dipilih. Strategi ini menggalakkan kepelbagai organisasi melibatkan diri dalam pembangunan sosial dan menekankan peranan pergerakan sosial adalah membuat perubahan sosial. Ahli dalam komuniti digalakkan memberi pendapat dan mengambil bahagian secara aktif dalam proses membuat keputusan untuk menjayakan projek pembangunan sosial (Haris, 2010).

Berdasarkan penilaianya ke atas beratus-ratus program pembangunan sosial di seluruh dunia, Midgley (2014, 1995) mendapati implementasi dua strategi kebijakan sosial yang disyorkan oleh model pembangunan sosialnya ke dalam Program Mikro Kredit di kebanyakan Negara Miskin dan Sedang Membangun telah membawa hasil yang membanggakan. Laporan penilaian oleh pihak/agensi pembiaya dan pelaksana (i.e., Bank Dunia, UNDP, UNICEF) terhadap program tersebut mengatakan kedua-dua strategi tersebut telah berjaya membantu memperbaiki kualiti hidup komuniti miskin di Afrika, Somalia, India, Indonesia dan sebagainya.

Kajian ini menjadikan kedua-dua strategi yang disyorkan oleh Midgley menerusi Model Piawaian Pembangunan Sosialnya sebagai skop kajian ini. Dengan spesifiknya, kajian ini melihat bagaimana pelaksanaan strategi-strategi pelaburan sosial dan pelaburan ekonomi di dalam program mikro kredit di Malaysia dan Indonesia berupaya mengubah tahap kesejahteraan hidup komuniti miskin yang menyertai program pembangunan komuniti tersebut. Secara grafiknya, Rajah 1.1 menggambarkan model konseptual dan teoritikal kajian ini.

## Model Piawaian Pembangunan Sosial



**Rajah 1.1:** Model konseptual dan teoritikal kajian

## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Matlamat *Millennium Development Goals 2015* ialah membasmi kemiskinan di seluruh dunia. Berkaitan dengan matlamat MDG ini, kajian ini amat berguna untuk menjelaskan program pembasmian kemiskinan yang telah dilaksanakan di Malaysia dan Indonesia, khususnya faedah yang diperolehi oleh komuniti kelompok sasar. Dapatan kajian yang diperolehi membantu memantapkan lagi hala tuju dasar sosial berkaitan pembasmian kemiskinan di kedua-dua buah negara. Justeru, kajian ini dapat membantu semua agensi berkepentingan (*stakeholders*) termasuk kerajaan, pembuat dasar, badan bukan kerajaan dan lain-lain agensi membuat penyelarasan seterusnya memantapkan maklumat dan program masing-masing.

Kajian ini juga mengemukakan cadangan dan saranan dari aspek maklumat dan pengetahuan untuk penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan sosial sedia ada. Hasil kajian dapat mengemukakan cadangan bagi memperkemas pelaksanaan program bantuan sedia ada. Dapatan kajian ini dapat memberi gambaran jelas kepada pemikir dan pembuat dasar untuk melihat kembali keberkesanan pelaksanaan dasar sosial dan intervensi sosial ketika ini.

Dari perspektif lain, kajian ini mengutarakan pandangan bahawa intervensi sosial yang dilaksanakan akan menentukan penglibatan komuniti ke arah kesejahteraan hidup mereka sendiri pada masa hadapan. Justeru, interaksi yang akrab antara ejen perubahan sosial dan komuniti dapat mewujudkan situasi menang-menang kepada semua pihak.

Sumbangan utama kajian ini adalah pembangunan komuniti miskin; kumpulan sasar utama program-program pembangunan sosial awam dalam meningkatkan kesejahteraan sosial komuniti miskin. Selain itu, agensi pelaksana dan pembiaya program dapat menilai dapatan kajian melalui penyaluran input-input yang sangat berguna mengenai pelaksanaan program yang boleh digunakan untuk menambah baik operasi implementasi. Di samping itu dapat memastikan matlamat hakiki program-program pembangunan sosial untuk membasmi kemiskinan akan tercapai bagi mengelakkan pembaziran sumber tenaga seperti peruntukan pembangunan sosial yang lazimnya melibatkan jumlah perbelanjaan yang besar.

Sumbangan lain adalah memperkaya kajian perbandingan sebagai satu kaedah penyelidikan yang mempunyai peraturan dan tatacaranya tersendiri apatah lagi kajian ini melibatkan dua negara yang berbeza sejarah, budaya, masyarakat dan latar belakang sosioekonomi iaitu Malaysia dan Indonesia. Kepentingan dan faedah kajian perbandingan ini kepada sains sosial tidak dapat disangkal lagi. Ia bukan sahaja mempamerkan perbezaan yang menarik antara negara dan budaya malah data-data lain yang sukar diperolehi daripada sumber dalam negara itu sendiri (Jowell, 1998).

Sumbangan seterusnya dalam menambahkan ilmu pengetahuan adalah pembangunan kerangka model pembangunan sosial yang menggabungkan pelaburan ekonomi dan pelaburan sosial berteraskan pembangunan komuniti. Model ini bertujuan memahami secara teoritikal mengenai strategi dan kaedah mengeluarkan kelompok miskin daripada keadaan sedia ada seperti yang dibahaskan oleh Midgley (1995).

## BAB 2

### PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN DI MALAYSIA DAN INDONESIA

#### 2.1 PENDAHULUAN

Bab ulasan literatur ini membincangkan program-program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh kerajaan dan agensi pelaksana di Malaysia dan Indonesia. Di peringkat awal tesis ini, pengkaji telah membincangkan konsep pembangunan sosial dan kemiskinan iaitu satu daripada dimensi sosial yang dianggap sebagai faktor yang memberi kesan kepada pembangunan sosial sesebuah negara. Penjelasan dalam bab ini penting bagi membantu pembaca memahami dengan jelas senario kemiskinan di Malaysia dan Indonesia, dasar kerajaan di kedua-dua negara terhadap masalah kemiskinan, strategi-strategi yang diambil oleh pemerintah di kedua-dua negara dalam bertindak-balas dengan masalah kemiskinan, serta program-program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh pemerintah di kedua-dua buah negara bagi membantu meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat mereka; khususnya komuniti miskin di Melaka, Malaysia dan Riau, Indonesia.

Namun, sebelum program-program pembasmian kemiskinan di kedua-dua negara ini dinyatakan secara terperinci, pengkaji terlebih dahulu menerangkan secara jelas dua perkara berikut; konsep kemiskinan dan strategi pembasmian kemiskinan global yang menjadi kerangka panduan dasar pembasmian kemiskinan kebanyakan negara di serata dunia. Penjelasan mengenai strategi pembasmian kemiskinan global ini disokong dengan pemaparan pelbagai program pembasmian kemiskinan yang terdapat di pelbagai negara.

Perbincangan kemudiannya bergerak kepada senario kemiskinan dan program pembasmian kemiskinan di Malaysia. Pengkaji melihat perkembangan dasar dan program pembasmian kemiskinan di Malaysia, bermula dari pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sehingga kini, menerusi Rancangan Malaysia Kedua hingga Rancangan Malaysia Kesepuluh. Terdapat pelbagai program anti-kemiskinan di Malaysia, namun, pengkaji telah memfokus kepada program Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM); yang telah menjadi agensi yang diamanahkan oleh kerajaan Malaysia untuk melaksanakan projek pembasmian kemiskinan di seluruh negara melalui pendekatan mikro kredit. Penerangan terperinci mengenai AIM dibuat oleh pengkaji dalam bahagian ini. Seterusnya, pengkaji memaparkan senario dan program pembasmian kemiskinan di Indonesia pula. Di negara itu, Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat (PNPM) Mandiri adalah landasan utama yang menyatukan semua program pembasmian kemiskinan di bawah satu bumbung menggunakan pelbagai pendekatan termasuk mikro kredit. Program ini dinyatakan secara terperinci.

## **2.2 KONSEP KEMISKINAN DAN STRATEGI PEMBASMIAK KEMISKINAN GLOBAL**

### **2.2.1 Konsep Kemiskinan**

Kemiskinan berterusan memberi impak yang besar ke atas anggota masyarakat yang tidak dapat memenuhi piawaian keperluan hidup (Hanlon *et al.*, 2010). Kesan langsung kemiskinan menyebabkan anggota masyarakat mengalami kekurangan sumber, tidak berupaya mengurus hidup dan tidak mampu melunaskan hak diri untuk mengubah keadaan hidup sedia ada. Justeru, memberi definisi dan ciri-ciri yang tepat mengenai kemiskinan adalah sangat penting kerana ia dapat menentukan program pembasmian kemiskinan kepada kumpulan sasar (International Center for Economic Growth, ICEG, 1995).

Selain itu, kemiskinan juga merupakan fenomena multidimensi, yang mempengaruhi teknik-teknik dalam menentukan kemiskinan (Ataul Haq, Moha Asri, Alias & Nizam, 2009). Debat yang sering muncul dalam isu-isu kemiskinan ialah dari sudut manakah kemiskinan perlu diberi perhatian - kemiskinan tegar atau kemiskinan relatif? Bagi O'Boyle dan O'Boyle (2012) serta Devereux dan Cook (2000), konsep kemiskinan perlu merangkumi miskin tegar dan miskin relatif kerana manusia adalah individu dan masyarakat pada masa yang sama. Mereka melihat kemiskinan merujuk kepada keadaan yang mana sumber-sumber yang ada tidak memadai untuk memenuhi keperluan fizikal. Justeru, ia merupakan refleksi terhadap nilai yang ada pada individu. Kemiskinan relatif pula berdasarkan sumber-sumber ekonomi yang diperolehi oleh individu yang disebabkan ada kaitan dengan sumber-sumber tadi.

Terdapat berbagai-bagi dimensi bagi menjelaskan konsep kemiskinan (Chamhuri & Mohd Haflah, 1988). Isu-isu kemiskinan ini adalah hal sejagat masyarakat seluruh dunia. Keadaan hidup masyarakat di setiap negara berbeza-beza tentunya memberikan tafsiran yang berbeza pula terhadap konsep kemiskinan. Apa yang boleh dilihat ialah idea tentang kemiskinan tidak hanya terbatas kepada kegagalan memenuhi keperluan material, tetapi juga keperluan psikologi dan politik (Barrientos & Hulme, 2008; Bintoro, 2005; Armon, Berry & Duncan, 2004). Oleh yang demikian, tidak ada satu takrif kemiskinan yang boleh diterima dan diguna pakai oleh semua negara pada setiap masa; tanpa mengambil kira struktur masyarakat dan tahap pembangunan di negara tersebut (Mohd Taib, 2002).

Konsep kemiskinan adalah sensitif kepada kaedah pengukuran yang berbeza sama ada dari segi ekonomi, sosial ataupun politik yang boleh menghasilkan keputusan yang berbeza tentang insiden kemiskinan. Oleh itu, perbincangan mengenai kemiskinan sentiasa

diberi perhatian oleh para pengkaji di dunia. Kemiskinan adalah refleksi keadaan sosioekonomi yang berlaku dalam masyarakat. Berbagai-bagai situasi dan faktor yang menyebabkan berlakunya kemiskinan. Konsep kemiskinan ini sedikit sebanyak terbentuk oleh persekitaran ekonomi dan sosial serta matlamat umum masyarakat yang cuba dicapai melalui dasar anti-kemiskinan. Perumahan, tahap pendidikan, pendapatan yang rendah, masalah sosial dan tidak ada pekerjaan adalah elemen yang sentiasa hadir dalam isu kemiskinan masyarakat.

Tidak ada definisi yang tepat mengenai kemiskinan menggambarkan wujudnya tafsiran yang berbeza-beza mengenai isu ini. Umpamanya, tafsiran miskin di negara maju adalah berkaitan dengan golongan tertentu yang tidak mampu menampung kehidupan yang setara dengan golongan yang mempunyai tahap hidup dan pendapatan yang lebih tinggi. Dalam hal ini, Nasikun (1995) berpendapat kemiskinan berkait rapat dengan dimensi sosial dan moral. Beliau melihat kemiskinan dari perspektif keupayaan memenuhi keperluan asas kehidupan. Justeru, pandangannya mengenai kemiskinan meliputi tiga paksi. Pertama, kemiskinan bererti tidak cukup pendapatan untuk memenuhi keperluan asas bagi memenuhi piawaian hidup yang ditetapkan. Kedua, rendahnya pendapatan wajar diukur secara subjektif iaitu perbandingan dengan tahap pendapatan dalam masyarakat setempat. Ketiga, kemiskinan ada hubungan dengan usaha untuk mendapatkan pendapatan yang diingini.

Konsep kemiskinan yang diguna pakai oleh UNDP adalah lebih luas. Kemiskinan tidak hanya dari perspektif ekonomi sebaliknya merupakan satu set kekurangan (*deprivations*) yang kompleks dengan pelbagai dimensi. Kemiskinan merangkumi peluang-peluang yang terbatas dalam bidang pendidikan, kesihatan, pilihan sosial dan pekerjaan serta kekurangan peluang untuk menikmati kehidupan yang lebih baik. Hal ini

dinyatakan dalam “*The Platform for Action and Beijing Declaration*” iaitu kemiskinan bukan hanya dimensi ekonomi sebaliknya aspek sosial, budaya, politik, persekitaran, kesihatan dan pendidikan. Kajian-kajian empirikal menunjukkan tahap pendapatan yang tinggi jarang menunjukkan peningkatan keadaan sosial demografik kerana terdapat dimensi bukan ekonomi dalam membentuk kesejahteraan hidup (Tokalau, 2007; Suryawati, 2005). Di negara sedang membangun pula, hal ini merujuk kepada keadaan yang lebih ekstrem seperti kelaparan, kebuluran, tidak ada tempat tinggal, menganggur dan mengemis. Bank Dunia (2011) mendefinisikan kemiskinan sebagai:

*“Poverty is hunger. Poverty is lack of shelter. Poverty is being sick and not being able to see a doctor. Poverty is not being able to go to school and not knowing how to read. Poverty is not having a job, is fear of the future, living one day at a time. Poverty is losing a child to illness brought about by unclean water. Poverty is powerlessness, lack of representation and freedom”.*

Tokoh tersohor yang memperkenalkan perspektif ekonomi ialah Seebohm Rowntree, anak seorang pengilang koko dan coklat di York, England. Hasil kajian beliau telah mengaitkan menjadi miskin atau berada dalam kemiskinan primer apabila keseluruhan pendapatan tidak dapat memenuhi keperluan minimum bagi mengekalkan kecekapan fizikal. Penerima Hadiah Nobel Keamanan 2006, Profesor Muhamad Yunus, juga menjadikan perspektif ekonomi sebagai penyelesaian ke atas program pembasmian kemiskinan di Bangladesh. Penubuhan Bank Grameen adalah manifestasi kesungguhan beliau untuk membebaskan kelompok miskin dengan menggunakan pendekatan ekonomi (Jolis, 1996).

Daripada kajian di enam buah negara membangun (Brazil, India, Malaysia, Pakistan, Taiwan dan Thailand), Field (1980) telah mengenal pasti ciri-ciri umum mengenai kemiskinan iaitu; (1) kadar kemiskinan menurun dengan pendidikan, (2) kadar

kemiskinan paling tinggi berlaku dalam keluarga pada peringkat umur penjana ekonomi keluarga iaitu 30 hingga 49 tahun, (3) kadar kemiskinan lebih tinggi dalam kalangan wanita yang menjadi ketua isi rumah kecuali di Thailand, (4) kemiskinan meningkat jika saiz keluarga semakin besar, (5) jika bilangan penjana ekonomi keluarga meningkat, kadar kemiskinan akan berkurangan, (6) kadar kemiskinan tertinggi dalam kalangan mereka yang bekerja sendiri, (7) kadar kemiskinan tertinggi di setiap negara adalah dalam kalangan pekerja di sektor pertanian, (8) kadar kemiskinan tertinggi dalam kalangan petani atau pekerja ladang, (9) kemiskinan meningkat di kawasan luar bandar dan kampung-kampung kecil, dan, (10) golongan miskin mempunyai sedikit atau tidak ada tanah.

Bank Pembangunan Asia (1999) merujuk kemiskinan yang dicirikan oleh pelbagai indikator mikro dan makro. Antara ciri-ciri kemiskinan tersebut ialah; (1) tanah yang terhad atau tidak ada langsung, (2) penyesuaian terhadap teknik moden yang perlahan atau rendah, (3) keluarga yang besar dan kekurangan penjana pendapatan, (4) sumber manusia yang kecil, (5) tertumpu di kawasan yang tidak maju, dan, (6) biasanya dalam kalangan kelompok minoriti.

Beberapa orang tokoh awal dalam kajian kemiskinan ini cuba memberikan tafsiran mengenai konsep kemiskinan bagi mengukur konsep masyarakat sejahtera. Booth (1889) dalam Giddens (1995) contohnya ingin membuat ukuran mengenai kemiskinan mutlak dan relatif yang merujuk kepada kekurangan keperluan asasi bagi meneruskan kehidupan yang sihat secara fizikal dan makanan yang mencukupi untuk memberikan perlindungan fizikal dan berkesan. Andaian Booth ialah konsep kemiskinan boleh dilaksanakan kepada semua orang tanpa mengira umur. Seorang tokoh sosiologi Islam yang terkenal, Ibnu Khaldun (1332-1406M) mengutarakan konsep kemiskinan dari segi perbezaan masyarakat *badawah* (luar bandar) dan masyarakat *hadharah* (bandar). Beliau berkata keadaan hidup

di bandar berkembang pesat kerana adanya tuntutan kemewahan berbanding di luar bandar yang rata-ratanya terdiri daripada penduduk yang lemah dan daif kerana kemiskinan mereka. Keadaan ini berlaku kerana jerih payah mereka tidak cukup untuk membayar keperluan dan tidak dapat memberi lebihan yang dapat dikumpulkan sebagai keuntungan (Ibnu Khaldun, 2002).

Disebabkan bilangan penduduk dan perubahan kepada keperluan yang sentiasa berlaku, menjadi satu kemestian bagi agensi terlibat untuk mengetahui bagaimana keperluan tersebut boleh dipenuhi (Jones, 1958). Nor Aini dan Chamhuri (2003) dalam kajian mereka mengenai kemiskinan mendapati keadaan kemiskinan boleh dirujuk sebagai fenomena apabila seseorang hanya mampu mempunyai harta benda yang sedikit atau menerima pendapatan benar yang kecil dan tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan asas hidup. Keperluan asas yang dimaksudkan merangkumi makanan, minuman, perlindungan, pakaian, kesihatan dan pendidikan.

Pendapat terdahulu juga tidak banyak bezanya seperti Rein (1970), Townsend (1979), Mohd Taib (1993), Shireen Mardziah (1998) serta Rakodi dan Lloyd (2002) yang mengatakan keperluan asas ini adalah pelbagai disebabkan perbezaan keadaan fizikal, cuaca, pekerjaan dan pemakanan bagi sesebuah masyarakat dan negara. Zainul Ariff (1998) melihat kemiskinan adalah berkonsepkan pengeluaran. Kemiskinan disebabkan oleh perbezaan pendapatan berdasarkan faktor-faktor pengeluaran yang mempengaruhi antara satu sama lain. Kelompok tertentu menjadi miskin kerana kekurangan tenaga buruh, tanah dan modal. Anggapannya ialah jika tiga perkara ini dipenuhi, tidak ada golongan miskin. Oleh itu, sekiranya diberi pekerjaan, tanah atau modal ataupun kombinasi ketiganya, tidak terdapat golongan miskin kerana pendekatan ini memberi tindak balas terhadap strategi dan program yang akan dilaksanakan (Hazizan, 2005; Jamalludin, 1991).

Gunawan (2002) memperincikan masyarakat miskin sebagai hilang upaya dan tidak mampu dalam hal berikut; 1) memenuhi keperluan asas seperti makanan dan gizi, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan kesihatan, 2) melakukan aktiviti produktif, 3) jangkauan sumber daya sosial dan ekonomi, 4) menentukan nasibnya sendiri dan sentiasa dalam keadaan diskriminasi, takut, curiga dan bersikap acuh tak acuh, dan, 5) membebaskan diri dari mental budaya miskin serta sentiasa merasai harga diri yang rendah.

Tokoh-tokoh yang mengkaji perspektif sains sosial percaya bahawa kemiskinan terletak pada strata kelas dan nilai-nilai yang dipegang. Lewis (1959) mengenengahkan persoalan kemiskinan daripada perspektif nilai-nilai budaya masyarakat miskin tersebut. Lewis menyimpulkan budaya ini sebagai budaya miskin iaitu berada dalam kelas yang paling rendah dan mempunyai ciri-ciri budaya yang tersendiri. Ahli sosiologi, Rein (1970) membahagikan kemiskinan kepada tiga sudut iaitu sara diri, ketidaksamaan dan akibat-akibatnya ke atas masyarakat. Ketiga-tiga faktor ini berkait antara satu sama lain yang akhirnya menjurus kepada pembahagian kelas di dalam masyarakat. Muah ataupun tidak, akan wujud kesan-kesan sosial yang memberi implikasi kepada semua peringkat masyarakat.

Ungkapan “budaya miskin” dapat diringkaskan sebagai corak nilai dan tingkah laku golongan miskin yang sangat memberi pengaruh terhadap keluarga. Rodman (1971) percaya tingkah laku dan nilai yang terdapat dalam keluarga adalah komponen penting yang mempengaruhi budaya miskin. Kajian yang dilaksanakan dalam kalangan keluarga di beberapa negara turut menunjukkan persamaan seperti kewujudan *vecindades* di Mexico serta perkampungan bandar di Trinidad dan Guyana, *favelas* di Brazil dan setinggan serta *ghettos* di Britain dan Amerika Syarikat.

Syed Husin Ali (1975) berhujah bahawa kemiskinan merupakan keadaan yang mana; (i) wujud kekurangan mendapatkan keperluan asasi iaitu makanan, perumahan, pakaian dan kemudahan-kemudahan sosial seperti air, elektrik, kesihatan dan pendidikan, (ii) dari segi ekonomi, keadaan ini timbul disebabkan ketiadaan atau kekurangan kemampuan kerana tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah, dan, (iii) dari segi sosial, golongan miskin berada di lapisan bawahan dalam sistem stratifikasi masyarakat. Pendapatan, pemilikan dan pekerjaan adalah elemen yang berkait antara satu sama lain. Oleh yang demikian, golongan miskin adalah mereka yang berpendapatan rendah, tidak mempunyai harta dan menjalankan pekerjaan yang banyak melibatkan tenaga fizikal. Mahathir (2008, 1970) berpendapat kemiskinan dalam kalangan masyarakat khususnya Melayu disebabkan mereka tinggal di luar bandar, menjalankan ekonomi pertanian yang tidak produktif dan pegangan terhadap adat tradisional dan sistem nilai.

Kemiskinan adalah wajah kemanusiaan. Bagi mengurangkannya, banyak usaha yang perlu dikenal pasti. Terdapat kehilangan peluang dan tekanan untuk keluar daripada kemiskinan. Ada sesetengahnya berpendapat, budaya miskin tidak boleh dipisahkan daripada kemiskinan (Anas Alam, 2014). Contohnya, masyarakat petani tradisional akan tetap berada dalam kelompok miskin jika kitaran kemiskinan itu tidak diubah. Kemiskinan yang dihadapi dipengaruhi oleh sikap-sikap tertentu seperti tidak peduli (*apathy*), mudah putus asa (*defeatism*), tidak ada harapan (*hopelessness*), bergantung kepada peluang atau takdir (*reliance on chance*) dan mudah berpuas hati (Mohamad Khairudin & Ahmad Syahir, 2004). Samuel Smiles (dalam Ganesan, 2004) telah mempopularkan kepentingan sikap sebagai jalan keluar daripada masalah kemiskinan. Bukunya “*Self-Help*” dengan jelas mengatakan pendirian beliau iaitu, “*They who are the most persistent, and work in the truest spirit, will invariably be the most successful*” (hal. 84). Bekerja bersungguh-sungguh adalah kunci kepada kekayaan. Seorang pekerja yang tidak mempunyai

pendidikan dan kurang mahir tetapi masih berupaya membaiki taraf hidup jika disemat dengan cita-cita dan bekerja kuat bermakna akan mendapat upah yang lebih banyak dan boleh digunakan bagi keperluan hidup yang lebih penting.

Perspektif sains sosial melihat faktor individu, budaya, keluarga dan masyarakat sebagai punca wujudnya kemiskinan. Pendekatan yang digunakan oleh teori yang berkaitan dipecahkan kepada dua bahagian yang utama iaitu pendekatan individualistik dan budaya, dan kedua, pendekatan stratifikasi sosial masyarakat (Mohd Taib, 2002).

#### *2.2.1.1 Pendekatan individualistik dan budaya*

Pendekatan ini dipopularkan oleh Townsend (1979) yang menganggap kemiskinan berlaku kerana watak individu yang membuang masa dengan sia-sia, membazir dan mabuk. Peribadi ini dikaitkan dengan nilai moral yang rendah dan tidak serasi dengan pertumbuhan ekonomi selepas Revolusi Industri di Eropah. Keadaan ekonomi yang pesat dengan pengenalan pelbagai peralatan baru turut membawa nilai-nilai dan pegangan hidup yang baru kepada mereka.

Pendekatan individualistik dan budaya dapat dilihat melalui kajian oleh Lewis pada tahun 1959 yang memperkenalkan konsep “budaya miskin” di Amerika Syarikat. Kajian beliau mengenai kawasan sesak di Mexico City telah menemukan budaya yang dikaitkan dengan kemiskinan. Lewis menyifatkan budaya miskin sebagai kesan daripada penyesuaian dan reaksi kelompok miskin ke atas kehidupan mereka di bandar kerana keadaan sosioekonomi yang berlaku di sekitarnya. Antara ciri-ciri budaya miskin berkenaan adalah; (1) kurang penglibatan dan lemah integrasi dalam institusi utama masyarakat, (2) tingkat organisasi yang rendah di peringkat komuniti tempatan iaitu

mementingkan kelompok sendiri, (3) di peringkat individu, ada perasaan yang daif, kurang daya, sifat bergantung dan rendah harga diri, dan, (4) di peringkat keluarga pula didapati lemah pengawalan terhadap kanak-kanak, kemahuan seks yang awal, perkahwinan yang bebas, mengabaikan isteri dan anak-anak, perhatian yang berlebihan kepada keluarga di sebelah ibu dan kurangnya masa untuk menyendiri (*privacy*).

Satu lagi pendekatan yang berkaitan dengan teori individualistik dan budaya ialah faktor kurang upaya. Rowntree (dalam Cootes, 1966) melihat dalam sesetengah keadaan, sebahagian daripada penyara keluarga tidak mampu lagi melaksanakan kerja ataupun telah meninggal dunia. Kurang upaya merujuk kepada sakit, terlalu tua ataupun uzur. Mereka ini tidak mempunyai sifat fizikal yang sempurna untuk menjadi sebahagian daripada penyumbang produktif kepada ekonomi negara. Faktor kurang upaya adalah penyumbang penting kepada kemiskinan. Mereka yang termasuk di dalam kelompok ini dikira tidak cekap dan bakal menghadapi masalah dalam kehidupan. Bagi pembuat dasar, faktor ini wajar diberi perhatian jika ingin melaksanakan program pembasmian kemiskinan pada masa hadapan.

#### 2.2.1.2 Pendekatan stratifikasi sosial

Pendekatan ini berbeza daripada pendekatan individualistik dan budaya kerana ia melihat kemiskinan adalah disebabkan perbezaan dalam strata masyarakat. Kelompok paling miskin berada di lapis bawah struktur sosial masyarakat. Walaupun pendekatan ini tidak sekuat pendekatan individualistik dan budaya, ia turut menarik perhatian para pengkaji untuk melihat kemiskinan daripada perspektif yang berlainan.

Empat proses yang membentuk dan mengekalkan stratifikasi sosial dalam masyarakat adalah pembezaan, pemeringkatan, penilaian dan ganjaran (Tumin, 1967). Pembezaan adalah proses bagi menentukan kedudukan atau status seseorang dalam masyarakat berdasarkan peranan yang dimainkan. Status itu dinilai oleh masyarakat bagi mendapatkan ganjaran dalam bentuk harta, gaji, kuasa dan kepuasan jiwa. Individu yang berperanan dan berstatus biasanya akan mendapat ganjaran yang lebih. Oleh yang demikian wujudlah pembahagian masyarakat yang terpisah kepada kaya dan miskin.


### **2.2.2 Strategi Pembasmian Kemiskinan Global**

Midgley (2014) mengatakan dasar sosial yang dirangka untuk membantu golongan miskin keluar dari kepompong kemiskinan wajar mempunyai tiga strategi penting berikut:

- (i) mempunyai rangka kerja ekonomi yang koheren (bersangkut paut) dan berkesan bagi mencapai tahap pengeluaran kebangsaan yang berterusan. Melalui pelaksanaan strategi pembangunan seimbang membolehkan sesebuah negara membangun dengan tetap dan realistik. Strategi ini mesti bergabung dengan pertumbuhan ekonomi untuk menambah baik keadaan hidup golongan miskin, menyediakan mereka dengan kemahiran dan kebolehan serta galakan akses pada aktiviti yang produktif.
- (ii) mempunyai pelbagai dasar sosial yang jelas dan program yang dapat menjangkau kelompok miskin. Usaha-usaha ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pewujudan pekerjaan, pengurangan kemiskinan dan integrasi sosial. Dasar yang memberi tumpuan kepada pembangunan manusia adalah amat relevan. Program-program seperti ini amat penting dalam pembasmian kemiskinan kerana ia menyediakan kemahiran dan keupayaan meningkatkan taraf hidup melalui kerja yang produktif.

- (iii) dasar sosial mesti berorientasi ke arah pembasmian kemiskinan, mengelak daripada menjadi alat kepada segelintir kumpulan yang berkuasa.

Model pembangunan sosial harus mengambil pendekatan menggabungkan dasar sosial dan dasar ekonomi (Rajah 2.1). Meningkatkan kapasiti modal sosial akan mengukuhkan modal insan. Bank Dunia dalam laporan tahunan yang bertajuk “*Entering the 21st Century*” (2009) telah mengiktiraf modal sosial sebagai pelengkap kepada pembangunan ekonomi. Kaedah meningkatkan modal sosial ialah membaiki jaringan sosial antara ahli dalam komuniti di samping menyediakan pelbagai bentuk bantuan yang menggalakkan mereka menyertai aktiviti pasaran ekonomi secara aktif dan produktif.



**Rajah 2.1:** Asas Model Piawaian Pembangunan Sosial  
Sumber: Midgley, J. (1995). *Social development: The developmental perspective in social welfare*. Thousand Oaks, CA, USA: SAGE Publications.

Model ini juga menekankan pembangunan sosial yang seiring dan berterusan dengan pembangunan ekonomi negara melalui pelbagai pendekatan dan strategi

sosioekonomi yang dapat membantu meningkatkan ekonomi komuniti. Caranya ialah menghubungkan kebajikan sosial secara terus terhadap program dan dasar pembangunan ekonomi yang dirancang. Dasar sosial yang bersifat pelaburan sosial dilihat lebih adil iaitu dapat mengagihkan sumber dan peluang sosial secara sama rata kepada semua ahli komuniti (Giddens, 1998). Pencapaian modal sosial ini boleh diukur melalui penyertaan komuniti dalam organisasi atau persatuan, kehadiran masyarakat dalam aktiviti dan acara awam, penglibatan komuniti dalam aktiviti sukarela dan aspek kepercayaan antara individu dalam komuniti (Putnam, 2000). Mengulas pandangan ini, Putnam mengatakan:

*“Whereas physical capital refers to physical objects and human capital refers to the properties of individuals, social capital refers to connections among individuals – social networks and the norms of reciprocity and trustworthiness that arise from them. In that sense social capital is closely related to what some have called “civic virtue.” The difference is that “social capital” calls attention to the fact that civic virtue is most powerful when embedded in a sense network of reciprocal social relations. A society of many virtuous but isolated individuals is not necessarily rich in social capital”.*

(hal. 19)

Integrasi dasar sosial dengan dasar ekonomi merupakan teras dalam model pelaburan sosial. Kedua-dua dasar ini harus berupaya memberi fokus kepada intervensi sosioekonomi yang boleh meningkatkan modal insan dan modal sosial. Kaedah pelaksanaan intervensi tersebut mesti mampu membawa masuk setiap individu dan komuniti ke dalam aktiviti ekonomi secara aktif dan produktif supaya kesejahteraan hidup dapat ditingkatkan. Pembangunan dan kejayaan modal sosial ini dapat dicapai dengan baik sekiranya setiap individu dalam komuniti itu saling mempercayai, bertoleransi, saling faham-memahami serta mengamalkan prinsip penerimaan.

Di peringkat global, terdapat perubahan yang ketara dalam dasar-dasar pembasmian kemiskinan. Di Amerika Selatan misalnya, berlakunya anjakan daripada strategi pembasmian kemiskinan berasaskan kebijakan residual kepada perlindungan sosial. Bagaimanapun, dalam realiti, perlindungan sosial masih memberi tumpuan kepada perlindungan pendapatan atau penggunaan dalam kalangan masyarakat miskin melalui program pemberian wang tunai dan kemudahan-kemudahan lain (Moser, 2005). Kepelbagaian program pembasmian kemiskinan yang dilakukan oleh pelbagai negara ditunjukkan dalam Jadual 2.1.

Kebanyakan program yang dilaksanakan bagi membasmi kemiskinan melibatkan hubungan langsung antara peningkatan pembangunan dengan keutamaan yang diberikan kepada pembangunan sosial. Korea Selatan telah mencapai kemajuan yang berterusan dalam ekonomi dan indikator sosial dalam tempoh 30 tahun lepas. Republik Czech dan Hungary pula sedang bergerak dari ekonomi pasaran tertutup kepada pasaran terbuka manakala negara-negara Amerika Latin yang sering kali menunjukkan ketaksamaan dalam pengagihan pendapatan telah menunjukkan perubahan apabila menjadikan usaha-usaha pembasmian kemiskinan sebagai keutamaan kerajaan negara masing-masing.

Program-program yang dikembangkan berdasarkan kepada tiga strategi pembasmian kemiskinan yang dinyatakan di perenggan-perenggan terawal subtopik ini dilaksanakan di banyak negara dengan penyesuaian mengikut tahap hidup dan budaya setempat. Tumpuan adalah kepada pembangunan manusia yang berkaitan dengan pemakanan, kesihatan, pendidikan dan latihan. Strategi pembasmian kemiskinan yang telah berjaya dilaksanakan mengikut ICEG ditunjukkan dalam Jadual 2.2.

**Jadual 2.1:** Program pembasmian kemiskinan yang dilakukan oleh pelbagai negara

Program	Pengurangan Kemiskinan	Peluang Pekerjaan	Integrasi Sosial
Mexico	Program air minuman dan pembentangan	Program pembangunan wilayah	Program perpaduan wanita
	Program perpaduan kanak-kanak	Dana sokongan keusahawanan	Program jalan luar bandar dan lebuh raya
	Program pengkayaan makanan	Dana perpaduan produk	Perkhidmatan sokongan sosial
Chile	Dasar pengurangan kemiskinan	Program latihan belia	Desentralisasi perbandaran
	Subsidi pendidikan swasta dan rumah kos rendah	Dasar buruh dan ekonomi untuk pemulihian kerjaya	Program P-900 (institusi sokongan untuk sekolah di kawasan miskin)
Kenya	Majlis pembangunan pertanian (sayur dan buah)	Program jalan raya luar bandar dan elektrik luar bandar	Program literasi dewasa
	Koperasi tabungan dan kredit (Saccos)	Projek <i>Jua-Kali</i> (penyediaan kredit mudah untuk IKKS)	Dasar wanita
	Program pengurusan sumber tempatan	Khidmat bantuan untuk pekerja	-
Filipina	Program “gadai-janji” komuniti	Program penempatan kerjaya dan pembangunan komuniti	-
	Program <i>Lakass</i> (penyediaan malnutrisi berkhasiat)	-	-
	Program latihan vokasional	Program bantuan keusahawanan	Peluang kedua dalam pendidikan
Republik Czech	Nadeje (pengurusan orang-orang tua, masalah mental dan OKU)	Pusat kerjaya dan program penyusunan pasaran kerja	Institut kajian timur-barat dan konflik etnik
	Dasar makroekonomi yang stabil	Penyatuan sektor pertanian dan bukan pertanian	Pembangunan pendidikan
Korea Selatan	Pembangunan modal insan pekerja	Kepelbagaian pertanian	NHIS (pelan kesihatan untuk pekerja, pesara dan penganggur)
	Pelan pembasmian kemiskinan Janasaviya	Zon perdagangan bebas	Program nutrisi kanak-kanak
Sri Lanka	Pelan nutrisi kebangsaan	Agensi penyedia kerja (siswazah)	Buku teks percuma
	Program “payment” (kemudahan golongan kelas menengah selesaikan bayaran perumahan)	Yayasan untuk pembangunan jaringan sosial	Yayasan khidmat sosial (khusus untuk penagih alkohol yang tidak ada kerja Kursus “cincin perak-cincin emas” (penyediaan kerjaya untuk kanak-kanak dari keluarga miskin dan tanpa pendidikan formal)
Hungary			

Sumber: International Center for Economic Growth (ICEG). (1995). *Policies and Programs for Social and Human Development: Experiences from Developing Countries*. California, USA: ICS Press.

**Jadual 2.2:** Strategi pengurangan kemiskinan di negara-negara membangun

Program	Objektif	Faedah	Dasar Khusus
Pengurangan Kemiskinan	<ul style="list-style-type: none"> <li>1.Tingkatkan keupayaan untuk melakukan kerja yang produktif.</li> <li>2.Majukan modal insan.</li> <li>3.Libatkan peserta dalam penyelesaian masalah.</li> <li>4.Kembangkan perkhidmatan asas.</li> <li>5.Buka pasaran antarabangsa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1.Tingkatkan aras hidup, baiki kualiti hidup dan potensi sedia ada.</li> <li>2.Tingkatkan produktiviti, kesaksamaan dan pertumbuhan.</li> <li>3.Agihan sumber lebih cekap.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1.Laksanakan dasar makroekonomi yang galakkan kestabilan berasaskan pertumbuhan ekonomi.</li> <li>2.Galakan kerja produktif dan penyediaan khidmat sosial.</li> <li>3.Akses pada kredit untuk kekalkan aras minimum kepenggunaan dan pelaburan dalam aktiviti-aktiviti yang produktif.</li> <li>4.Perkuuhkan sektor pendidikan, kesihatan awam dan perancangan keluarga untuk tingkatkan produktiviti, cegah penurunan kualiti hidup dan menyerap impak pertumbuhan ekonomi yang pesat.</li> </ul>
Peluang Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>1.Kurangkan pengangguran.</li> <li>2.Gunakan tenaga kerja sepenuhnya.</li> <li>3.Wujudkan peluang produktiviti dan pekerja berbayar.</li> <li>4.Melabur dalam modal insan untuk tingkatkan produktiviti, penggunaan teknologi yang dapat penuhi keperluan pekerjaan.</li> <li>5.Sediakan insentif dan bangunkan mekanisme sokongan untuk tambah baik penyesuaian terhadap permintaan pasaran.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1.Tambahkan pendapatan.</li> <li>2.Kurangkan defisit perbelanjaan.</li> <li>3.Penggunaan sumber lebih cekap.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1.Galakan kepada peniaga-peniaga kecil.</li> <li>2.Mudahkan akses pada kredit.</li> <li>3.Kerajaan tempatan lebih bertanggungjawab supaya pembuatan keputusan lebih hampir pada komuniti.</li> <li>4.Penekanan pada teknologi untuk tingkatkan peluang dalam produktiviti dalam pertanian.</li> <li>5.Galakan buruh dalam ekotor pembangunan industri dan eksport.</li> </ul>
Integrasi Sosial	<ul style="list-style-type: none"> <li>1.Bina rangkaian organisasi untuk penglibatan yang meluas dalam penyertaan dan pembangunan.</li> <li>2.Sediakan akses sama rata untuk program dan perkhidmatan bagi golongan miskin dan orang kurang upaya.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1.Kesepaduan yang lebih luas dalam struktur sosial.</li> <li>2.Tambah baik penyertaan awam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1.Penglibatan NGO semakin bertambah.</li> <li>2.Penyertaan wanita meningkat.</li> <li>3.Aambil kira manfaat desentralisasi yang mana kerajaan lebih sensitif dengan keperluan setempat.</li> <li>4.Kukuhkan struktur organisasi yang menggerakkan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi.</li> <li>5.Sediakan insentif supaya prestasi lebih baik di semua peringkat.</li> </ul>

Sumber: International Center for Economic Growth (ICEG). (1995). *Policies and Programs for Social and Human Development: Experiences from Developing Countries*. California, USA: ICS Press.

## **2.3 STRATEGI PEMBASMIAN KEMISKINAN DI MALAYSIA**

Tidak boleh dinafikan bahawa rakyat Malaysia telah menikmati kehidupan yang lebih baik sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi tempoh Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975 telah memberi takrifan baru dalam senario politik, ekonomi dan sosial ke arah perpaduan nasional. Melalui dasar ini, usaha yang bersungguh-sungguh dilakukan bagi memastikan semua kaum di Malaysia berkongsi kekayaan ekonomi yang lebih besar (Shamsul Amri, 1994).

Setelah Dasar Ekonomi Baru berakhir, terdapat dua dasar yang telah diperkenalkan oleh kerajaan sebagai kesinambungan ke arah pembasmian kemiskinan di negara ini. Agenda ke arah pembentukan masyarakat Malaysia yang sepadu dan harmoni diteruskan oleh kerajaan apabila melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) dan Dasar Wawasan Negara (2001-2010) melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3). Kesinambungan ketiga-tiga dasar ini terangkum dalam aspirasi kerajaan bagi membentuk sebuah negara Malaysia yang maju pada tahun 2020 melalui Wawasan 2020. Kaedah pelaksanaan yang melibatkan strategi bagi meningkatkan pendapatan golongan miskin melalui kegiatan ekonomi telah membantu kelompok ini untuk keluar daripada cengkaman kemiskinan seperti mana yang dinyatakan oleh Zazali (2004) mengenai evolusi pembasmian kemiskinan di bawah DEB, DPN dan DWN.

Antara strategi Dasar Pembangunan Nasional ialah mengurangkan dan menghapuskan ketaksamaan sosial dan ekonomi. Pada masa yang sama dasar ini berusaha menggalakkan perkongsian faedah yang diperolehi dari pertumbuhan ekonomi secara lebih adil dan saksama. Dasar ini turut menggariskan strategi untuk menggalakkan dan

memperkuatkan integrasi nasional dengan mengurangkan jurang ketakseimbangan yang luas dalam Dasar Ekonomi Baru. Antara dimensi tersebut adalah memberi penekanan kepada strategi pembasmian kemiskinan untuk tujuan menghapuskan kemiskinan dalam kalangan golongan miskin tegar (*hardcore poor*); di samping mengurangkan kemiskinan relatif. Penekanan diberikan kepada aspek pendidikan dan latihan sebelum pemberian bantuan dilakukan. Pada masa yang sama, strategi dasar ini turut menumpukan kepada penglibatan sektor swasta dalam penyusunan semula masyarakat.

Dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga yang merangkumi Dasar Wawasan Negara dan Wawasan 2020, kerajaan masih lagi menekankan kepada usaha-usaha memenuhi keperluan pendidikan dan latihan kemahiran sebagai teras utama untuk meningkatkan taraf hidup golongan miskin. Hal ini kerana pendidikan dilihat sebagai satu alat jangka masa panjang yang dapat membasmi kemiskinan dan salah satu kaedah terbaik untuk merangsang integrasi sosial (Noor Azizah & Zalinah, 2005; ICEG, 1995). Sehubungan itu, usaha-usaha ke arah membekalkan pendidikan kepada golongan miskin diteruskan. Bantuan kewangan yang sewajarnya turut disalurkan kepada golongan ini bagi membolehkan mereka mendapatkan pendidikan yang sepatutnya. Selain daripada itu, bantuan turut diberikan dalam bentuk buku teks, makanan tambahan dan pembinaan asrama di kawasan sekolah bagi memastikan golongan ini tidak tercicir dalam pelajaran. Infrastruktur yang berkaitan dengan pendidikan di kawasan luar bandar terus dipertingkatkan; termasuklah usaha menaik taraf sekolah sedia ada supaya setaraf dengan sekolah di bandar.

Usaha peningkatan taraf hidup juga difokuskan kepada penyediaan program latihan kemahiran. Tujuannya ialah bagi membolehkan golongan miskin dan berpendapatan rendah mendapat pekerjaan dalam sektor ekonomi yang menguntungkan.

Hal ini kerana kemahiran yang diterapkan melalui program latihan dapat memberi kelebihan kepada mereka untuk bersaing dalam pekerjaan. Merujuk kepada Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan membina lebih banyak kolej komuniti bagi menyediakan latihan kemahiran kepada lepasan sekolah dan pekerja termasuk di kawasan luar bandar dan estet. Kerajaan juga menyediakan satu kolej komuniti di setiap kawasan parlimen dalam usaha menyediakan tenaga kerja mahir bagi keperluan pembangunan negara. Kolej komuniti bertujuan memberi peluang kepada komuniti setempat untuk mendapatkan pendidikan dan latihan kemahiran yang terancang. Keadaan ini disebabkan permintaan terhadap tenaga kerja berkemahiran tinggi dijangka meningkat dengan bertambahnya pelaburan industri berintensif modal dan berdasarkan pengetahuan serta penggunaan teknologi baru. Berdasarkan kepada RRJP3, kerajaan memperuntukkan lebih banyak pelaburan dalam pembangunan negara terutama dalam latihan dan latihan semula bagi meningkatkan daya saing Malaysia di pasaran antarabangsa (Noor Azizah & Zalinah, 2005).

**Jadual 2.3:** Insiden kemiskinan tegar di Malaysia, 1984-2012

Tahun	1984	1987	1997	2007	2009	2012
Peratus	6.9	5.1	1.4	0.7	0.7	0.2

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Pada tahun 1970, satu daripada dua isi rumah dikategorikan sebagai miskin (Ozay Mehmet, 1988). Kini, kadar kemiskinan tegar telah pun berkurangan daripada 6.9 peratus pada tahun 1984 kepada 0.2 pada 2012 (Jadual 2.3). Walaupun kadar kemiskinan di kawasan luar bandar berkurangan, namun kemiskinan masih ketara sebagai fenomena luar bandar dengan 70.6 peratus daripada isi rumah miskin tinggal di kawasan luar bandar

(Malaysia, 2006). Fenomena kemiskinan boleh dilihat daripada pelbagai dimensi; antaranya ekonomi, sosiobudaya, agama, pendidikan, kesihatan, temporal, ruang, gender, alam sekitar dan sebagainya.

Terdapat tiga aliran pemikiran yang mendominasi kajian-kajian tentang kemiskinan di Malaysia iaitu aliran pemikiran strukturalis-institusionalis, aliran pemikiran budaya dan aliran yang mendokong Teori Kebergantungan. Dalam aliran pemikiran strukturalis-institusionalis yang diterajui oleh Ungku Aziz, komuniti Melayu di luar bandar berada dalam kelompok miskin kerana eksplotasi orang tengah yang mendapat untung lebih besar, produktiviti yang rendah dan tanpa pemedulian oleh kerajaan hingga memiskinkan petani-petani Melayu (Ataul Haq Pramanik *et al.*, 2009). Aliran pemikiran budaya menerangkan kemiskinan Melayu adalah kerana salah faham terhadap nilai-nilai Islam seperti untung nasib dan kurang daya rangsangan serta dorongan untuk berjaya manakala aliran yang mendokong Teori Kebergantungan melihat kesan-kesan pertumbuhan pembangunan di peringkat antarabangsa ke atas Malaysia. Kemiskinan berlaku kerana kesan daripada ketaksamaan dan terlalu bergantung pada kehendak organisasi buruh antarabangsa (Ozay Mehmet, 1988).

Dari segi ekonomi, kemiskinan diertikan sebagai keadaan kekurangan daripada paras keperluan tertentu. Kemiskinan ini sering dirujuk kepada kemiskinan harta benda atau kebendaan, juga merujuk kepada kekurangan pendapatan, mata wang atau modal. Dari segi sosiobudaya, kemiskinan sering dikaitkan dengan budaya kemiskinan dan kemiskinan sikap yang menuntut perubahan ke arah sikap positif (Chamhuri, 2001).

Dari segi pendidikan, kemiskinan sering dikaitkan dengan kemiskinan minda, pengetahuan, ilmu atau pelajaran. Seperti dinyatakan oleh Ungku Aziz (1987), keciciran

pendidikan boleh menyumbang kepada “putaran ganas” kemiskinan melalui pencapaian akademik, pekerjaan dan pendapatan rendah. Dalam zaman ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) dan teknologi maklumat, ketinggalan penguasaan pengetahuan komputer dan teknologi maklumat mencerminkan suatu petunjuk kemiskinan yang boleh meluaskan jurang digital yang membawa kepada ketidaksamaan pendapatan.

Dari segi kesihatan pula, kemiskinan boleh dikaitkan dengan kekurangan pengambilan protein yang menyumbang kepada “kebuluran tak ketara” yang seterusnya memberi kesan kepada kerencatan akal dan fizikal dalam satu “putaran ganas” (Ungku Aziz, 1987). Beberapa sebab kemiskinan menjadi satu isu sosial yang kritikal seperti kemiskinan terlampau boleh memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi dan fizikal seseorang. Terdapat sejumlah kajian menunjukkan anak-anak yang dibesarkan dalam keluarga miskin mengalami tahap perkembangan kognitif yang perlahan, pencapaian pendidikan yang lemah dan emosi yang rendah (Iceland, 2007).

Dalam kepelbagaiannya faktor dan dimensi kemiskinan ini, persoalan pengukuran menjadi suatu masalah yang rumit. Komponen ekonomi sering menjadi unjuran penting yang dibahagikan kepada dua iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Pertama, kemiskinan mutlak menentukan jumlah isi rumah yang tergolong sebagai miskin sebagaimana ditentukan melalui Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Mengikut konsep ini, kemiskinan digambarkan sebagai suatu keadaan sesebuah isi rumah tidak berupaya mencapai pendapatan yang boleh menampung keperluan hidup minimum dari segi makanan, pakaian, tempat tinggal dan kemudahan asas (Mat Noor, 1999).

Kedua, kemiskinan relatif yang diukur dengan perbandingan mengenai taraf hidup. Konsep ini membincangkan kedudukan sosioekonomi individu atau sekumpulan

penduduk. Seseorang dianggap miskin secara relatif, sekiranya taraf sosioekonominya berada pada paras yang rendah berbanding orang lain, walaupun telah mengatasi tahap kemiskinan mutlak (Chamhuri & Surtahman, 1999). Bagi konsep kemiskinan tegar, ia ditafsirkan dari perspektif ekonomi dengan pendapatan separuh daripada PGK. Mereka adalah golongan yang terkebawah dan paling sedikit menerima faedah pembangunan (Azizan, 2004). Kemiskinan yang dialami sebahagian masyarakat adalah kerana faktor-faktor bersifat struktural iaitu kemiskinan yang disebabkan oleh sistem kekuasaan yang tidak memihak kepada keupayaan memajukan masyarakat miskin.

Di Malaysia, isu kemiskinan masih lagi menjadi salah satu daripada cabaran dan halangan ke arah pembangunan negara maju. Keprihatinan kerajaan untuk merangka strategi bagi mengurangkan kadar kemiskinan sebagai persediaan ke arah pembasmian kemiskinan telah dijelmakan di dalam pembentukan program atau skim. Dua jenis strategi yang digunakan oleh kerajaan adalah; i) skim atau program yang meningkatkan produktiviti, dan, ii) skim atau program yang memberi kemudahan, bantuan atau pertolongan keperluan asas (Asnarulkhadi, 2006). Kaedah yang digunakan bagi skim bantuan ialah meningkatkan produktiviti dan memberi peluang pekerjaan kepada kumpulan sasar dan program pembentukan modal insan dengan menyemai nilai dan sikap melalui aktiviti yang dilaksanakan. Antara program yang diperkenalkan ialah Program Pembangunan Luar Bandar Hala Cara Baru yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Keempat yang menjadikan golongan petani sebagai kumpulan sasar, Program Pembasmian Rakyat Termiskin (PPRT) yang diperkenalkan pada tahun 1989 dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) yang mengambil alih peranan PPRT pada tahun 2002.

Di bawah skim ini, kemiskinan dibasmi melalui Program Peningkatan Ekonomi, Program Pembangunan Infrastruktur Asas dan Program Pembangunan Insan kepada golongan sasar bagi membangunkan modal insan dan bina upaya. Inisiatif kerajaan bagi membantu mengenal pasti isu dan masalah kebajikan serta pembangunan masyarakat diteruskan dengan penubuhan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat (MAYANG) di setiap kawasan parlimen. Peranan MAYANG ialah memberi panduan bagi perancangan program kebajikan dan pembangunan masyarakat serta program pencegahan, intervensi awal dan pemulihan yang perlu diberi keutamaan ([www.ncwdsdm.org.my](http://www.ncwdsdm.org.my)).

### **2.3.1 Program Pembasmian Kemiskinan Di Malaysia**

Pelbagai bentuk bantuan dan program telah, sedang dan terus dilaksana oleh kerajaan Malaysia bagi membasmi kemiskinan dalam negara. Secara umumnya, langkah kerajaan dan bentuk bantuan boleh dibahagikan kepada lima kategori yang merangkumi program khusus, latihan dan peningkatan kemahiran, kemudahan pembiayaan, premis perniagaan serta promosi dan pemasaran. Penyediaan dan penyampaian program-program ini yang melibatkan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi mencakupi bidang kepakaran masing-masing ditunjukkan dalam Lampiran III. Antaranya meliputi program utama bagi membasmikan kemiskinan yang merangkumi; 1) Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 2) Program Khusus Pembasmian Kemiskinan, Jabatan Perdana Menteri, 3) Program Pembasmian Kemiskinan Bandar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 4) Program Kredit Mikro, Amanah Ikhtiar Malaysia, dan, 5) Program Bantuan Pendidikan, Kementerian Pendidikan.

Ozay Mehmet (1988) berpendapat bahawa kemiskinan boleh dibasmi melalui intervensi dasar. Jika dasar yang dirangka adalah tepat, kemiskinan boleh dikurangkan.

Kejayaan Eropah melaksanakan intervensi ini pada abad ke-19 telah memberi manfaat kepada kelompok miskin selepas dasar dan perkhidmatan “atas-bawah” (*top-down*) yang dilaksanakan memberi kesejahteraan kepada komuniti. Di Malaysia, proses pelaksanaan dasar dan strategi pembasmian kemiskinan lebih banyak melalui proses “atas-bawah” yang melibatkan perancangan dan pelaksanaan agensi pusat seperti Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, kementerian dan agensi di bawahnya, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jawatankuasa Tindakan Negeri dan Daerah (Chamhuri *et al.*, 1995). Selain kerajaan, parti politik juga terlibat dalam membantu mengurangkan kadar kemiskinan melalui program mereka.

### **2.3.2 Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)**

Amanah Ikhtiar Malaysia bermula selepas Projek Ikhtiar diusahakan oleh David Gibbons dan Sukor Kasim sebagai projek perintis pembasmian kemiskinan di luar bandar. Ikhtiar bermaksud “berusaha” iaitu berusaha keras untuk meningkatkan pendapatan dan menghapuskan kemiskinan. Konsep yang dipilih menggunakan projek penyelidikan untuk menentukan sama ada modal yang disalurkan kepada kelompok miskin dengan prosedur dan format tertentu dapat dijadikan sebagai senjata berkesan memerangi kemiskinan di kawasan luar bandar (AIM, 2000).

Kawasan barat laut Selangor dipilih sebagai kawasan perintis kerana kadar kemiskinan yang tinggi. Tempoh projek ini ialah dua tahun bermula dari Januari 1986 hingga Jun 1988. Penaja yang terlibat ialah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), Pusat Pembangunan Asia Pasifik (APDC) dan kerajaan Selangor sendiri. Peserta yang terlibat dipilih berdasarkan pendapatan mereka yang kurang dua per tiga daripada Pendapatan Garis Kemiskinan iaitu RM250 sebulan serta nilai harta tidak

melebihi nilai tiga ekar tanah. Sasaran awal ialah 300 peminjam. Namun, di akhir tempoh projek, terdapat 448 orang ahli ([www.aim.gov.my](http://www.aim.gov.my)).

Persepsi positif penerima bantuan AIM ke atas skim berkenaan telah membantu para peserta yang kebanyakannya keluarga miskin sangat bertepatan dan diperlukan bagi mengubah keadaan hidup seperti tidak lagi bergantung kepada bantuan percuma atau bantuan sosial daripada kerajaan. AIM dikatakan mempunyai kadar kejayaan bantuan yang tinggi dan telah dapat mengatasi masalah kemiskinan peserta atau penerima bantuan (Rosbi, Sanep & Hairunnizam, 2008). Kenyataan ini dibuktikan melalui kajian impak (keberkesanan) yang dijalankan oleh AIM ke atas 89 peminjam pertama (perintis) yang menunjukkan kebanyakan peminjam telah bertambah pendapatan bulanan mereka (Jadual 2.4). Purata pertambahan pendapatan mereka ialah RM79.99 sebulan iaitu purata pertambahan pendapatan bulanan sebanyak 76 peratus (Zabidah, 2007; Mohd Taib, 1993).

**Jadual 2.4:** Amanah Ikhtiar Malaysia: Kajian impak (keberkesanan) penemuan awal: Perubahan jumlah pendapatan bersih isi rumah sebulan dari modal Projek Ikhtiar mengikut jantina

Jantina	Purata Pinjaman RM	Perubahan Positif Bil.	Perubahan Negatif Bil.	Tidak Ada Perubahan Bil.	Perubahan Purata RM	Perubahan Jumlah Bil.
Lelaki	1194	52 (82.5%)	11 (17.5%)	0	58.51 (54.4%)	63 (100.0%)
Wanita	1167	24 (92.3%)	1 (3.9%)	1 (3.9%)	100.76 (96.7%)	26 (100.0%)
Jumlah	1180	76 (85.4%)	12 (13.5%)	1 (1.1%)	79.99 (75.5%)	89 (100.0%)

Sumber: Amanah Ikhtiar Malaysia (Mohd Taib, 1997)

Dari segi pembayaran balik pinjaman Ikhtiar, didapati prestasi sahabat wanita lebih baik dengan kadar bayaran mencapai 95 peratus. Sebaliknya, kadar bayaran balik dalam kalangan sahabat lelaki adalah sebanyak 72 peratus sahaja. Berdasarkan pencapaian ini, Projek Ikhtiar telah diisyiharkan sebagai berjaya (Mohamed Zaini, 2010). Projek perintis Ikhtiar telah tamat pada Jun 1988 dan kerajaan memutuskan untuk menginstitusikan Projek Ikhtiar dalam bentuk amanah persendirian. AIM didaftarkan pada 17 September 1987 di bawah *The Trustee Incorporation Act 1952 (Revised 1981)* dan bersedia mengembangkan program ke negeri-negeri termiskin seperti Kedah, Perak, Kelantan dan Terengganu ([www.aim.gov.my](http://www.aim.gov.my)).

#### *Falsafah dan Objektif AIM*

Falsafah yang diguna pakai oleh AIM adalah berteraskan konsep bahawa sekiranya golongan miskin hanya diberi makanan, tempat perlindungan dan keperluan asas yang lain, pendekatan ini disifatkan kurang berkesan bagi membantu golongan miskin untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan. Program-program yang dilaksanakan dengan konsep ini tidak dapat mengeluarkan golongan miskin daripada kemiskinan yang dialami apabila semua bantuan telah selesai diagihkan.

Dalam falsafah teras AIM, skim pinjaman adalah berdasarkan bahawa golongan miskin sememangnya tidak mempunyai modal yang mencukupi untuk memulakan aktiviti ekonomi yang dapat menjana pendapatan. Biasanya mereka bekerja untuk menyara kehidupan keluarga. Pengalaman ini telah pun membekalkan mereka dengan kemahiran hidup yang berupaya mendatangkan pendapatan walaupun tidak menentu. AIM percaya bahawa golongan miskin dapat menentukan arah tuju hidup atas usaha sendiri namun perlu digerakkan melalui penyaluran modal yang seterusnya dapat digunakan untuk aktiviti

ekonomi yang boleh menjana pendapatan. Penubuhan AIM menandakan satu detik dalam pengembangan program yang memberi fokus kepada kemiskinan ke seluruh negara ([www.aim.gov.my](http://www.aim.gov.my)).


Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) turut berperanan mengeluarkan isi rumah termiskin melalui pembiayaan kredit mikro tanpa mengira fahaman politik, agama dan kaum (Ishak, 2004). Objektif utama AIM ialah mengurangkan kemiskinan di Malaysia melalui pembiayaan mikro kepada keluarga miskin. Pendekatan mikro ini berasaskan perpaduan kumpulan (*group solidarity*) yang telah dilaksanakan oleh AIM dengan mencontohi model Bank Grameen yang ditubuhkan oleh Profesor Muhammad Yunus, pemenang Anugerah Keamanan 2006.

Ringkasan objektif AIM ialah seperti berikut; 1) Mengurangkan kemiskinan dalam kalangan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah dengan menyediakan pembiayaan kredit mikro untuk membiayai kegiatan-kegiatan yang boleh menambah dan meningkatkan pendapatan, 2) Melahirkan usahawan daripada kalangan miskin dan berpendapatan rendah, dan, 3) Menyediakan kemudahan kewangan, bimbingan dan latihan berterusan kepada usahawan-usahawan dari keluarga miskin dan berpendapatan rendah. Bagi mencapai objektif tersebut, AIM menyediakan; 1) Pembentukan Modal, 2) Simpanan Wajib, dan, 3) Tabung Kebajikan dan Kesejahteraan Sahabat.

#### *Lembaga Pengarah AIM*

AIM ditadbir menerusi satu Lembaga Amanah dan diketuai oleh seorang pengurus. Lembaga Amanah merupakan pihak tertinggi yang bertanggungjawab dalam pembentukan pelbagai dasar. AIM juga mempunyai jawatankuasa pelaburan, pengurusan, audit dan

panel syariah. Lembaga Amanah turut melantik anggota pengurusan yang dipengerusikan oleh Pengarah Urusan yang bertanggungjawab mengendalikan urusan harian AIM. Ibu pejabat AIM bertanggungjawab menyelaraskan operasi AIM di peringkat zon, wilayah dan cawangan. Carta organisasi Pengurusan Kanan AIM ditunjukkan dalam Rajah 2.2.




**Rajah 2.2:** Carta organisasi Pengurusan Kanan AIM

### *Operasi Pentadbiran AIM*

Operasi AIM bersifat disentralisasi yang terbahagi kepada zon Semenanjung dan zon Sabah dan Sarawak (Rajah 2.3). Pada umumnya, susunan pentadbiran adalah seperti berikut:

1. Ibu pejabat – Kuala Lumpur
2. Wilayah merujuk kepada gabungan beberapa negeri dan sebuah negeri iaitu:
  - i) Wilayah Selatan – Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Selangor (daerah Kuala Langat)
  - ii) Wilayah Kedah – Kedah dan Perlis
  - iii) Wilayah Perak – Perak, Pulau Pinang dan Selangor (barat laut Selangor)
  - iv) Wilayah Kelantan (sebuah negeri)
  - v) Wilayah Terengganu (sebuah negeri)
  - vi) Wilayah Sarawak (sebuah negeri)
  - vii) Wilayah Sabah 1 – daerah di pantai barat Sabah
  - viii) Wilayah Sabah 2 – daerah pantai timur Sabah

Selain Lembaga Amanah, pentadbiran harian AIM dikendalikan oleh pengarah urusan di ibu pejabat. Di bawah ibu pejabat terbahagi kepada pengurus zon (dua orang setiap zon), wilayah (setiap wilayah mempunyai satu pengurus dan dua pegawai rancangan) dan cawangan di setiap wilayah yang terdiri daripada pengurus cawangan, pembantu pengurus cawangan, pembantu amanah sistem dan pembantu amanah. Dalam program AIM, pembantu amanah boleh disifatkan sebagai nadi penggerak program AIM kerana mereka bergerak ke kawasan kampung dan luar bandar serta mendampingi peserta AIM dalam urusan harian.



**Rajah 2.3:** Kawasan operasi AIM di Malaysia

Sumber: Malaysia Journal of Society and Space 8 issue 2 (7-19), 2012

## *Pembiayaan Operasi AIM*

Terdapat dua jenis pembiayaan kewangan AIM. Pertama, pembiayaan untuk pusingan modal pinjaman yang digunakan untuk mengeluarkan pinjaman modal. Kedua, pembiayaan untuk kos perbelanjaan tahunan. AIM mendapat sokongan dari kerajaan Malaysia, kerajaan negeri dan pebagai institusi untuk membiayai program pinjaman. Contohnya dalam RMK-7, kerajaan Malaysia memperuntukkan sejumlah RM200 juta (Malaysia, 1996) manakala di bawah RMK-8 diperuntukkan RM300 juta (Malaysia, 2001). Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan juga AIM telah menyediakan kredit mikro berjumlah RM1.02 bilion kepada 147,544 peserta menerusi 69 cawangan dan 3,962 pusat khidmat di seluruh negara.

Kebanyakan peserta AIM terdiri daripada wanita dan ibu tunggal di luar bandar. Peranan AIM terus diperkuuh dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-(9) yang mana AIM telah diberi peranan untuk membantu membasmi kemiskinan tegar, mengurangkan separuh kemiskinan kepada 2.8 peratus menjelang tahun 2010, memperluaskan kemudahan kredit mikro kepada 69,200 peserta tambahan dan menambah keahlian kepada 203,200 (Malaysia, 2006). Selain itu, Syarikat Jaminan Kredit CGC, bank, unit perancang ekonomi dan YPEIM memberi pinjaman tanpa faedah, geran dan modal pinjaman kepada AIM.

## *Jenis-Jenis Skim Pinjaman*

AIM telah mengeluarkan tujuh jenis pinjaman melalui program pembiayaan ekonomi dan sosial. Program pembiayaan ekonomi meliputi Skim Pinjaman Ikhtiar 1 (SPI 1), Skim Pinjaman Ikhtiar 2 (SPI 2), Skim Pinjaman Ikhtiar 3 (SPI 3), Skim Khas Pinjaman Ibu

Tunggal (SKIT) dan Skim Pinjaman Nelayan (SPIN). Skim pembiayaan sosial adalah Skim Pinjaman Pendidikan (SPP) dan Skim Pinjaman Perumahan (SPR). Program pembiayaan ini dipelbagaikan seperti produk ekonomi yang terdiri daripada *i-mesra*, *i-srikandi* dan *i-wibawa*, produk sosial ialah *i-bestari* dan *i-sejahtera* manakala produk pemulihan melibatkan *i-penayang* (Jadual 2.5).

**Jadual 2.5:** Skim pembiayaan AIM

Skim Pembiayaan		Had Biaya (RM)	Tempoh Bayar Balik (Mingguan)
<b>Ekonomi</b>			
i.	i-Mesra	1,000 - 2,000	12, 25, 35, 50
		3,000 – 10,000 (max)	12, 25, 35, 50, 75, 100
ii.	i-Srikandi	12,000 – 20,000 (max)	12, 25, 35, 50, 75, 100, 125, 150
iii.	i-Wibawa	5,000 (max)	12, 25 minggu atau setiap bulan selama 6 bulan atau sekali gus.
<b>Lain-lain</b>			
i.	i-Sejahtera	1,000 – 2,000	12, 25, 35, 50
		3,000 – 10,000 (max)	12, 25, 35, 50, 75, 100
ii.	i-Bestari	1,000 – 2,000	12, 25, 35, 50
		3,000 – 5,000 (max)	12, 25, 35, 50, 75, 100
iii.	i-Penayang	1,000 – 2,000	12, 25, 35, 50
		3,000 – 5,000 (max)	12, 25, 35, 50, 75, 100
iv.	i-Emas	2,000 (max)	12, 25, 35, 50

Pembiayaan sosial meliputi pembiayaan pendidikan (RM5000) dan pembiayaan kepenggunaan (RM10,000). Pembiayaan pendidikan bagi membiayai keperluan persekolahan anak-anak seperti pakaian sekolah, yuran persekolahan, yuran kemasukan ke institusi pengajian tinggi dan yuran kursus kemahiran. Pembiayaan kepenggunaan

dimanfaatkan untuk membaiki rumah, menebus tanah yang telah digadai ataupun membeli peralatan rumah (Zabidah, 2007).

a. Skim Pinjaman Ikhtiar: SPI 1, SPI 2 dan SPI 3

SPI 1 merupakan pinjaman asas yang disediakan kepada semua ahli baru dan bermula pada kadar RM500 bagi pinjaman pertama, diikuti RM1000, RM1500 dan RM2000 bagi pinjaman kedua, ketiga dan keempat. Perubahan nilai modal pinjaman telah dibuat pada tahun 1997 iaitu jumlah minimum dinaikkan kepada RM1000 dan maksimum sebanyak RM4900. SPI 2 diperkenalkan pada tahun 1992 yang dikhaskan kepada ahli yang hendak mendapatkan modal lebih besar. Nilai modal yang ditawarkan ialah di antara RM2000 hingga RM5000 dengan jangka masa yang lebih panjang. Nilai modal ini turut berlaku perubahan pada tahun 1997 apabila dinaikkan kepada jumlah minimum RM5000 dan maksimum RM9900. SPI 3 diperkenalkan untuk ahli yang telah berjaya dalam SPI 2 dengan pembayaran balik selama lima tahun. Dilancarkan pada tahun 1993, nilai modal yang ditawarkan ialah di antara RM5000 hingga RM10,000.

b. Skim Pinjaman Nelayan (SPIN) dan Skim Khas Ibu Tunggal (SKIT)

Walaupun penawaran pinjaman modal untuk tujuan projek perikanan dapat dilakukan melalui portfolio pinjaman ekonomi biasa iaitu SPI, satu skim khas perikanan diperkenalkan pada tahun 1997 dengan nilai pinjaman sebanyak RM10,000. Skim Khas Ibu Tunggal pula menyediakan pinjaman kepada ibu tunggal yang tinggal di kawasan bandar dengan pinjaman RM10,000. Skim ini diperkenalkan pada tahun 1997 bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup ibu tunggal dan menggalakkan mereka menjalankan aktiviti ekonomi yang dapat menyara keluarga.

c. Pinjaman Sosial: Perumahan dan Pendidikan

Pinjaman sosial ini disediakan khas untuk tujuan pinjaman pendidikan dan membaiki rumah. Pinjaman pendidikan bernilai RM500 dan disediakan kepada sahabat AIM selepas selesai SPI 1. Pinjaman perumahan yang bernilai RM2000 dikeluarkan selepas pinjaman ketiga SPI 1. Sejak 1997, pinjaman pendidikan telah meningkat kepada RM1000 dan pinjaman perumahan meningkat kepada RM5000.

d. Tabung Usahawan Kecil

AIM turut memperkenalkan skim yang dikenali sebagai Tabung Usahawan Kecil berdasarkan kerjasama dengan institusi kewangan formal yang menawarkan kredit sehingga RM20,000. Walau bagaimanapun, urusan pengeluaran dan pembayaran dilakukan di institusi berkenaan dengan sahabat AIM tertakluk pada peraturan AIM. Skim pembiayaan ekonomi menerusi SPI 1, SPI 2 dan SPI 3 merupakan skim yang paling popular meliputi 83 peratus daripada jumlah pinjaman. Namun, SPI 1 merupakan tonggak utama program Ikhtiar dan meliputi 53 peratus daripada jumlah keseluruhan pinjaman (AIM, 2000). Rajah 2.4 menunjukkan AIM yang mempunyai 345,053 ahli sehingga 31 Januari 2014. Daripada jumlah ahli seramai ini, 97 peratus daripada mereka yang mendapat pinjaman lebih cenderung membayar balik pinjaman berkenaan ([www.aim.gov.my](http://www.aim.gov.my)).


*Sistem Penyampaian Khusus dan Eksklusif untuk Golongan Termiskin*

AIM merupakan program yang berfokuskan kemiskinan menerusi konsep mikro kredit. Bagi memastikan proses penjangkauan itu berlaku, AIM mewujudkan sistem penyampaian

yang dibentuk khusus dan eksklusif. Dua elemen yang utama ialah tumpuan yang paling eksklusif kepada golongan termiskin dan sistem penyampaian atau saluran bantuan berdasarkan rekabentuk eksklusif untuk menjamin kesejahteraan golongan termiskin.

Penumpuan eksklusif bermaksud AIM mengenal pasti daerah yang termiskin untuk dijadikan kawasan operasi bagi mengelak golongan yang tidak layak mendapat bantuan turut mendapat faedah. Langkah yang diambil ialah memastikan pengurus-pengurus cawangan AIM melawat setiap kampung dalam setiap mukim bagi sesuatu daerah dalam masa tiga hingga empat bulan untuk menentukan potensi kawasan.

TABURAN SAHABAT MENGIKUT WILAYAH PADA 31 JANUARI 2014



Rajah 2.4: Taburan ahli Amanah Ikhtiar Malaysia 2014

Seterusnya, AIM juga menentukan ukuran kemiskinan yang dilakukan oleh pembantu amanah berdasarkan indeks pemarkahan terhadap tempat tinggal atau rumah. Selain itu, hak milik tanah, ternakan, pekerjaan dan semua punca pendapatan isi rumah juga diteliti dan diambil kira. Kumpulan sasar AIM ialah isi rumah yang berpendapatan di bawah RM250 sebulan atau per kapita RM50 sebulan. Bagi kes yang didapati layak dan bakal menjadi peserta AIM, mereka perlu melalui proses temuduga supaya diterima sebagai Sahabat AIM (Mohamed Zaini, 2010).

Bagi menyalurkan bantuan kepada peserta, AIM menetapkan ciri-ciri berikut (Mohamed Zaini, 2010; Mohamed Zaini & Fatimah, 2006):

1. Syarat dan prosedur pinjaman yang sesuai

Sistem penyaluran bantuan AIM telah dibentuk secara eksklusif supaya sesuai dengan latar belakang kumpulan sasar. Hal ini kerana golongan termiskin pada lazimnya tidak mempunyai pendidikan yang formal dan tidak tahu membaca. Oleh itu, modal perlu dibawa masuk ke kampung dan mereka tidak perlu mengisi borang yang panjang lebar. Pinjaman AIM diberikan tanpa dikenakan faedah, tanpa cagaran, tidak memerlukan penjamin dan tidak dikenakan tindakan undang-undang untuk menuntut balik pinjaman. Baki pinjaman akan dihalalkan jika peminjam meninggal dunia. Namun demikian, ia telah digantikan dengan konsep “tanggungjawab kumpulan”.

2. Konsep “lima ahli” sekumpulan

Peserta AIM diwajibkan menubuhkan satu kumpulan yang mengandungi lima ahli. Kumpulan ini merupakan blok binaan asas program dan berperanan sebagai satu jaminan kepada AIM bahawa mereka bertanggungjawab di atas segala kegiatan ahli dan pinjaman mereka. Fungsi kumpulan kecil ini ialah memberi kekuatan kolektif bersama dan bertujuan mewujudkan tekanan sebaya iaitu apabila berlaku

salah laku dalam kalangan ahli dan memberi sokongan sebaya dalam keadaan apabila ahli-ahli memerlukannya seperti apabila menghadapi masalah dengan projek yang dijalankan. Setiap kumpulan diketuai oleh seorang pengerusi dan seorang setiausaha yang dilantik secara bergilir untuk setahun. Pengerusi bertanggungjawab mengesahkan penggunaan modal setiap ahli kumpulan dan sekiranya modal tidak digunakan dengan sempurna iaitu menerusi aktiviti ekonomi yang ditentukan akan menyebabkan giliran meminjam dalam kumpulan akan tergantung. Konsep penggiliran pengerusi memberi peluang kepada setiap ahli untuk menjadi pengerusi.

### 3. Penyatuan “kumpulan” kepada “pusat”

Kumpulan ini digabungkan dengan kumpulan-kumpulan lain untuk membentuk persekutuan “pusat” yang mengandungi dua hingga lapan kumpulan. Persekutuan ini akan memperkuuh tanggungjawab kumpulan di atas segala aktiviti dan pinjaman mereka. Pusat ialah unit pentadbiran asas dan nadi kawalan segala aktiviti Skim Pembentukan Ikhtiar. Ia juga berfungsi sebagai tempat mesyuarat mingguan dan segala urusan AIM dan memberikan disiplin bersama untuk kekuatan, keutuhan, keselamatan kumpulan dan semua Sahabat AIM. Setiap ahli perlu merancang dengan teliti projek-projek ekonomi yang hendak dijalankan mengikut kemahiran dan kemampuan masing-masing dan membentangkannya untuk perbincangan di peringkat kumpulan. Jika dipersetujui, pengerusi kumpulan akan membawanya ke mesyuarat mingguan pusat untuk mendapatkan kelulusan. Pusat ditadbir oleh Ketua Pusat (KP) dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pusat (TKP) yang dipilih oleh ahli-ahli pusat itu sendiri dalam kalangan pengerusi-pengerusi kumpulan. Tempoh pelantikan ialah satu tahun dan dilantik setiap bulan Muharam iaitu permulaan tahun baru Islam. Memandangkan semua ahli akan menyertai mesyuarat mingguan, maka semua rekod atau apa sahaja maklumat berkaitan

pinjaman terbuka kepada penyemakan ahli-ahli dan pentadbir AIM. Ini merupakan cara terbaik untuk mengelakkan sebarang unsur penyelewengan dan secara tidak langsung dapat meyakinkan sahabat terhadap kewibawaan organisasi AIM.

4. Pinjaman yang kecil dan bayaran mingguan

Modal AIM adalah khas untuk sebarang aktiviti yang boleh menjana pendapatan. Lazimnya, semua modal permulaan adalah kecil supaya ia dapat dikendalikan dengan baik dan membolehkan ahli membuat bayaran balik pinjaman setiap minggu. Memandangkan pinjaman pertama adalah tidak mencukupi, peserta berpeluang untuk mendapatkan pinjaman yang berikutnya dengan nilai yang lebih besar. Namun, keistimewaan ini tertakluk kepada syarat bahawa ahli dalam kumpulan tidak mempunyai rekod tunggakan. Pinjaman AIM tidak diberi serentak tetapi berdasarkan giliran iaitu pinjaman pertama dikeluarkan kepada dua sahabat, diikuti dengan dua ahli lagi dua bulan kemudian dan tertakluk kepada pembayaran balik peminjam pertama berjalan lancar tanpa tunggakan dan pengurus kumpulan merupakan ahli terakhir mendapat pinjaman dua bulan selepas itu.

5. Simpanan mingguan wajib dalam tabung kumpulan

Inovasi yang dilakukan oleh AIM ialah konsep tabung kumpulan iaitu semua peserta diwajibkan menyimpan sebanyak RM1 setiap minggu dalam tabung kumpulan masing-masing mengikut jumlah pembiayaan ekonomi (Jadual 2.6). Simpanan dalam tabung ini juga dipercepatkan peningkatannya melalui sumbangan ikhlas lima peratus daripada setiap pinjaman yang diperolehi oleh setiap ahli kumpulan. Tabung ini berfungsi membantu ahli yang menghadapi masalah kewangan dan perlu mendapat persetujuan semua ahli sebelum diberi kelulusan.

6. Penggunaan modal yang diselia rapi

Memandangkan AIM tidak mempraktikkan budaya subsidi tetapi melaksanakan budaya berdikari, setiap pinjaman modal wajib dibayar balik. Selain konsep tekanan sebaya, modal AIM diselia secara rapi penggunaannya oleh kakitangan AIM. Namun demikian, keputusan untuk menentukan aktiviti yang perlu dijalankan adalah hak mutlak peserta tetapi perlu mendapat restu ahli-ahli kumpulan.

**Jadual 2.6:** Jadual simpanan tetap Sahabat AIM

Jadual Simpanan Tetap

Jumlah Pembiayaan (RM)	Simpanan Tetap (RM)
1,000	1
2,000	2
3,000	3
4,000	4
5,000	5
6,000	6
7,000	7
8,000	8
9,000	9
10,000	10
11,000	11
12,000	12
13,000	13
14,000	14
15,000	15
16,000	15
17,000	15
18,000	15
19,000	15
20,000	15

AIM telah berjaya membentuk satu mekanisme penyampaian mendapat semula yang sangat unik sebagai langkah mendapatkan semula pinjaman menerusi konsep tanggungjawab kumpulan dan gabungannya iaitu “pusat”. Setiap pusat ini tertakluk kepada seliaan mengikut peringkat-peringkat yang berteraskan prinsip pengurusan bersama iaitu secara hierarki seperti berikut:

- Peringkat 1 – Pengerusi menjaga sahabat empat kumpulan (empat orang)
- Peringkat 2 – Ketua pusat menjaga pengerusi kumpulan (enam hingga lapan orang)
- Peringkat 3 – Pengurus amanah menjaga ketua pusat (sepuluh orang)
- Peringkat 4 – Pengurus cawangan menjaga pembantu amanah (tujuh orang)
- Peringkat 5 – Pengurus wilayah menjaga pengerusi rancangan (sepuluh orang)

#### *Kakitangan AIM yang Terlatih*

Sistem penyampaian yang khusus ini tidak dapat berfungsi dengan baik jika tidak diperkuuhkan dengan satu lagi elemen terpenting iaitu kakitangan yang terlatih khusus untuk mengendalikan misi AIM. Dalam sistem yang dilaksanakan AIM, peranan cawangan sangat penting dan merupakan nadi utama program AIM yang mempunyai sepuluh orang kakitangan. Pembantu amanah boleh disifatkan sebagai nadi penggerak program AIM yang mendampingi golongan termiskin dan melibatkan kerja lapangan. Pada umumnya, setiap pembantu amanah bertugas di sub-blok masing-masing yang meliputi proses memotivasi peserta, mengendalikan urusan yang berkaitan dengan pemantauan penggunaan modal dan hal-hal lain yang berkaitan (Jadual 2.7). Mereka merupakan golongan yang cukup terlatih dan telah melalui latihan praktikal yang berterusan. Oleh itu, hanya mereka yang mempunyai hati yang cekal dan sanggup berkhidmat dengan golongan termiskin yang akan meneruskan khidmat.

**Jadual 2.7:** Garis panduan pinjaman atau bantuan modal bagi AIM

Perkara	Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)
Syarat-Syarat	
Bantuan/ Pinjaman	<p>Isi rumah yang berpendapatan kurang dari garis kemiskinan semasa kerja iaitu RM661 sebulan (RM152 per kapita) bagi Semenanjung Malaysia, RM765 sebulan (RM167 per kapita) bagi Sarawak dan RM888 sebulan (RM173 per kapita) bagi Sabah.</p> <p>Bersedia menubuhkan kumpulan. Terdiri dari lima orang, sejantina, dipercayai, bertanggungjawab dan tiada tali persaudaraan yang rapat.</p> <p>Perlu menghadiri kursus wajib jangka pendek selama 5 hari, iaitu 1 ½ jam sehari bertujuan memahamai peraturan dan syarat AIM.</p> <p>Selepas lulus ujian khas, peserta perlu menyertai peserta-peserta lain yang terdiri daripada 2 hingga 8 kumpulan yang dipanggil pusat.</p> <p>Peserta wajib hadir ke mesyuarat mingguan pusat. Segala urusan seperti permohonan pembiayaan dan bayaran balik pembiayaan akan dijalankan semasa mesyuarat mingguan.</p>
Jumlah Pinjaman	<p>Terdapat 4 jenis pembiayaan Ikhtiar</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ikhtiar Rezeki             <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Mesra - RM2000 -RM20,000</li> <li>b) Srikandi-RM2000-RM20,000</li> <li>c) Wibawa- RM5000</li> <li>d) I-Wawasan- RM20,000-RM50,000</li> </ol> </li> <li>2. Ikhtiar Bestari- RM5000</li> <li>3. Ikhtiar Sejahtera- RM10,000</li> <li>4. Ikhtiar Penyayang-RM5000</li> </ol>
Jenis Aktiviti Perniagaan yang Dibenarkan	Pelbagai seperti kedai runcit, kedai makan, bermiaga pasar tani dan lain-lain mengikut kemahiran dan pengalaman
Kaedah Pembayaran Balik	<p>Secara mingguan mengikut tempoh dan kadar yang ditetapkan. Tempoh bayaran balik antara 25 minggu sehingga 150 minggu tertakluk kepada jenis pinjaman</p> <p>Caj pengurusan tahunan 10% ke atas setiap peminjam.</p>
Kaedah Pemantauan	<p>AIM ditadbir urus oleh Lembaga Pemegang Amanah yang terdiri daripada Unit Perancang Ekonomi (UPE), Unit Penyelaras dan Pelaksanaan (UPP) Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dan Wakil Kerajaan Negeri dan individu tertentu yang dilantik dalam kapasiti peribadi bagi menjamin urusan AIM yang adil dan tiada penyelewengan.</p> <p>Sahabat perlu menjelaskan pinjaman secara mingguan semasa menghadiri mesyuarat mingguan.</p> <p>Mesyuarat pusat bersama Sahabat secara mingguan yang wajib dihadiri bagi menilai, memantau dan membimbing sahabat. Sahabat juga diwajibkan menyimpan secara mingguan antara RM1 hingga RM15 untuk tujuan kecemasan.</p>

**Jadual 2.8:** Prestasi ekonomi sahabat AIM berdasarkan kajian impak

Kajian Impak Dalam (D) Bebas (B)	Pendapatan “Sebelum”	Pendapatan “Selepas”	Perubahan Pendapatan	Tempat dan Sampel Kajian Impak
(D) Kajian Impak AIM 1 (1988)	RM 142	RM 220	+RM 78 (55%)	178 sampel peserta AIM di Barat Laut Selangor.
(D) Kajian Impak AIM 2 (1990)	RM 221	RM 391	+RM 170 (77%)	Sampel ialah 200 dan terbahagi kepada 150 peminjam AIM dan 50 “kumpulan kawalan”. Seb. Perai dan Barat Laut Selangor
(D) Kajian Impak AIM 3 (1993)	RM 223	RM 532	+RM 296.4 (182.3 %)	152 sampel peminjam AIM di Perak, Barat Laut Selangor, Seberang Perai, Kedah, Kelantan dan Terengganu
(B) Myrna Jimenez (1990)	RM185.60	RM431,60	+ RM 246 (133%)	50 sampel kajian di Barat Laut Selangor
(B) SERU (1991)	RM198	RM 466	+ RM 268 (135%)	578 sampel (396 ahli aktif dan 191 bekas ahli) di Baling, Sik, Seb. Perai dan B. Laut Selangor.
(B) Chamhuri Siwar (1992)	RM 162.6	RM 459	+RM 296.4 (182.3%)	310 sampel di Barat laut Selangor, Seberang Perai, Kedah, Kelantan dan Terengganu.
(B) Mohd Taib (1993)	RM 194.85	RM254.92	+RM 60.07 (30.8%)	60 sampel di Barat Laut Selangor.
(B) Mohamed Zaini (1995)	<i>Peserta AIM</i> RM 165 <i>K. Kawalan</i> RM 158	Peserta AIM RM 317 K. Kawalan RM181	+RM 152 (92%) +RM 23 (14.6%)	265 sampel peserta AIM dan 254 “kumpulan kawalan” di Baling, Kedah.
(B) Sukor Kasim (2000)	RM 201	RM 627	+RM 426 (211%)	Saiz sampel ialah : 207 peminjam AIM yang aktif dibandingkan dengan ahli AIM yang tidak meminjam modal (25 sampel), bekas ahli AIM yang tarik diri (12 sampel) dan golongan termiskin yang bukan ahli (104 sampel).
(B) Salma Mahmud (2006)	Peserta PPRT RM339.11 Peserta AIM RM325.69 K. Kawalan RM288	Peserta PPRT RM513.31 Peserta AIM RM1068.61 K.Kawalan RM338.53	+RM188 (58%) +RM729.50 (215%) +RM50.53 (17.55%)	Saiz sampel peserta AIM ialah 140 yang bandingkan dengan peserta PPRT (65) dan golongan miskin yang tidak menyertai AIM dan PPRT (kumpulan kawalan) iaitu 60.

Sumber: Malaysia Journal of Society and Space 8 issue 2 (7-19), 2012

Model pembasmian kemiskinan AIM membolehkan golongan termiskin menjalankan aktiviti ekonomi yang menjana pendapatan keluarga. Walaupun terdapat pengubahsuaian daripada struktur asal dari Bank Grameen, namun prinsip-prinsip asas mikro kredit telah diikuti khususnya sistem penyaluran bantuan yang direka bentuk secara

eksklusif sesuai dengan latar belakang golongan sasar. Maklumat di dalam Jadual 2.8 pula memaparkan pencapaian program AIM di dalam membantu golongan miskin mencapai kesejahteraan hidup yang lebih baik. Maklumat-maklumat tersebut dipetik daripada serangkaian kajian impak yang telah dilakukan ke atas keberkesanan program AIM.

## 2.4 STRATEGI PEMBASMIAKAN KEMISKINAN DI INDONESIA

Indonesia merupakan salah sebuah negara membangun dengan jumlah penduduk 234 juta. Namun, 32 juta daripadanya berada di bawah paras kemiskinan dan dianggarkan separuh daripada isi rumah kekal berada dalam kelompok di bawah paras garis kemiskinan kebangsaan iaitu Rp200,262 (\$22). Kadar kemiskinan pada tahun 2013 ialah 11.5 peratus daripada jumlah penduduk (Jadual 2.9). Kadar pekerjaan juga lebih perlahan berbanding pertumbuhan penduduk. Indonesia juga masih ketinggalan dalam usaha-usaha menambah baik sektor kesihatan dan infrastruktur yang berkaitan. Impaknya, negara itu gagal mencapai sasaran pembasmian kemiskinannya (Bank Dunia, 2013).

**Jadual 2.9:** Peratusan kemiskinan di Indonesia, 1999-2013

Tahun	1999	2005	2006	2010	2011	2012	2013
Peratus	27.0	16.0	17.8	13.3	11.7	11.5	11.5

Sumber: Badan Pusat Statistik Indonesia, 2 Januari 2012 (No. 06/01/Th. XV, 2 Januari 2012), Bank Dunia (2013)

Ketika era Orde Baru yang dipimpin oleh Soeharto, strategi pembasmian kemiskinan menunjukkan pendekatan secara “*ad-hoc*” untuk membasi kemiskinan dalam masyarakat. Keadaan ini kemudiannya membawa kepada perancangan yang lebih

sistematik dengan menggunakan kaedah “tirisan ke bawah” yang membuka ruang kepada pembangunan (Edy, 2008).

Antara 1998 hingga 2001, era reformasi yang diketuai oleh B. J. Habibie, Abdurahman Wahid dan Megawati telah membentuk program-program baru bagi menghadapi krisis ekonomi. Strategi pembasmian kemiskinan diletakkan di bawah program jaringan keselamatan sosial yang juga dianggap sebagai program teras dalam pemulihan ekonomi Indonesia (Edi, 2007). Strategi yang digunakan ialah menyediakan makanan yang mencukupi, perlindungan sosial dalam pendidikan dan kesihatan serta menjana pekerjaan yang produktif. Program-program tersebut adalah PDM-DKE (Pemberdayaan Daerah dalam Mengatasi Dampak Krisis Ekonomi), KPK-D (Komite Penanggulangan Kemiskinan Daerah) dan P2KP (Program Penanganan Kemiskinan Perkotaan).

Indonesia dapat belajar daripada pertumbuhan ekonomi, polisi dan program kemasyarakatannya sendiri. Negara ini telah diiktiraf mempunyai kejayaan luar biasa dalam pembasmian kemiskinan sejak tahun 1970-an. Tempoh dari akhir tahun 1970-an sehingga pertengahan tahun 1990-an dianggap sebagai episod pertumbuhan yang berpihak kepada penduduk miskin (*pro-poor growth*) yang terbesar dalam sejarah ekonomi mana-mana negara, dengan kejayaan Indonesia mengurangkan angka kemiskinan lebih daripada separuh (Bank Dunia, 2007).

Indonesia telah mencapai sasaran matlamat pertama MDG untuk mengurangkan kadar kemiskinan daripada 20.6 peratus pada 1990 kepada 5.9 peratus pada 2008. Trend ini dijangka akan berterusan sehingga tahun 2015. Biarpun pencapaian ini telah menepati sasaran MDG, kerajaan Indonesia masih belum berpuas hati. Jika menggunakan

pendapatan garis kemiskinan kebangsaan yang menetapkan US\$1.50 sehari sebagai miskin, kadar kemiskinan pada 2006 ialah 17.8 peratus dan pada 2010 telah menurun kepada 13.3 peratus, seterusnya berkurangan kepada 12.4 peratus sehingga September 2011 dan 11.5 peratus pada 2013. Kejayaan mengurangkan kadar kemiskinan ini telah dibantu oleh program PNPM Mandiri yang dilaksanakan di semua daerah dalam tahun 2009 melalui proses sinergi dengan program-program kemiskinan yang merangkumi tiga kluster, menambah baik data penduduk yang miskin dan inisiatif segera daripada kerajaan tempatan untuk mengurangkan kadar kemiskinan. Pelaksanaan Kredit Usaha Rakyat (KUR) telah membantu golongan masyarakat miskin memulakan perniagaan kecil-kecilan untuk menambah pendapatan. Inisiatif mengurangkan kemiskinan juga telah dibantu oleh pertubuhan awam namun terdapat jurang kemiskinan yang masih luas di antara wilayah.

Data dari Badan Pusat Statistik Indonesia (2012) menunjukkan kadar kemiskinan di 17 wilayah masih berada di bawah paras kebangsaan manakala 16 wilayah melepassi paras tersebut. Wilayah yang melebihi paras kebangsaan (13.3 peratus) ialah Papua (36.80 peratus), Papua Barat (34.88) dan Maluku (27.74 peratus). Di Sumatera, wilayah yang berada di atas paras kemiskinan kebangsaan merangkumi Aceh, Sumatera Selatan, Bengkulu dan Lampung. Di Jawa dan Bali, daerah Jawa Tengah, Yogyakarta dan Jawa Timur turut menunjukkan kadar kemiskinan melepassi paras kebangsaan. Daerah Sulawesi Tengah, Sulawesi Tenggara dan Gorontalo di Sulawesi masih mencatatkan paras kemiskinan yang tinggi berbanding paras kebangsaan. Hal yang sama turut ditunjukkan oleh Nusa Tenggara Barat (NTB) dan Nusa Tenggara Timur (NTT). Tiga wilayah yang mencatatkan kadar kemiskinan di bawah paras kemiskinan kebangsaan ialah Jakarta (3.48 peratus), Kalimantan Selatan (5.21 peratus) dan Bali (4.88 peratus).

Sebelum krisis ekonomi dunia, kerajaan Indonesia menambah peruntukan untuk program pembasmian kemiskinan di negara itu dari US\$5.5 bilion pada 2007 kepada US\$6.3 bilion pada 2009. Walaupun telah bertambah sebanyak US\$0.8 bilion, kadar kemiskinan hanya menyusut sebanyak dua peratus (UNDP, 2011). Sukar bagi Indonesia untuk memenuhi sasaran MDG pada 2015 kerana; 1) lebih daripada 35 juta orang atau 15.4 peratus populasi negara itu hidup di bawah pendapatan garis kemiskinan, 2) lebih daripada 30 peratus penduduk bandar dan 50 peratus penduduk luar bandar tidak ada akses ke atas saluran paip air minuman, dan, 3) dianggarkan 95 peratus kanak-kanak belajar di sekolah rendah tetapi hanya 81 peratus yang meneruskan pengajian ke sekolah menengah.

Di sebalik pertambahan peruntukan dalam belanjawan dan rangsangan fiskal, kerajaan Indonesia telah mengambil beberapa pendekatan untuk mengurangkan kadar kemiskinan seperti memperkenalkan sistem keselamatan sosial kebangsaan. Sistem ini dicadangkan untuk menyediakan keselamatan sosial kepada semua warganegara. Program yang dimasukkan dalam sistem ini ialah insurans kesihatan, insurans kemalangan di tempat kerja, insurans pencen, insurans warga emas dan insurans hayat. Mekanisme yang digunakan ialah melalui penubuhan dana terkumpul yang diperolehi daripada sumbangan wajib supaya semua warganegara dapat diberi keperluan asas untuk hidup termasuk penjagaan kesihatan.

Kadar kemiskinan telah dapat dikurangkan sedikit demi sedikit. Namun, pengurangan ini tidak menunjukkan perubahan besar ke atas pembangunan kemanusiaan pada tahun 2009 dan 2010. Laporan Pembangunan Kemanusiaan UNDP 2009 mengatakan Indonesia masih berhadapan dengan beberapa masalah dan penurunan tahap kualiti hidup penduduk. Kedudukan Indonesia dalam Indeks Pembangunan Kemanusiaan (*Human Development Index*) didapati telah jatuh dari paras 107 pada 2005 kepada 111 pada 2009,

suatu keadaan yang lebih teruk berbanding Filipina (105) dan Palestin (110). Kerajaan Indonesia melaksanakan langkah-langkah strategik untuk menambah baik program pembasmian kemiskinan negara melalui dua pendekatan. Pertama, menjadikan program pembasmian kemiskinan sebagai sebahagian daripada belanjawan negara, menyokong usaha-usaha masyarakat awam dan mengelakkan pertindihan aktiviti serta program yang tidak berkesan. Kedua, langkah penambahbaikan mengambil kira usaha mengurangkan rasuah dan menggalakkan tadbir urus kerajaan yang lebih baik. Kewujudan pelan strategik yang dapat mengurangkan hutang dan menambah tahap kecekapan mengurus perbelanjaan negara adalah asas kepada pembangunan mapan bagi Indonesia.

Peratusan bilangan penduduk yang hidup di bawah garis kemiskinan (daripada 234 juta orang) sering kali turun naik. Kerajaan Indonesia mempunyai unjuran untuk mengurangkan kadar kemiskinan tersebut. Contohnya, pada tahun 2005, sasarannya ialah 9.5 peratus, 8.9 peratus dalam 2006, 7.9 peratus dalam 2008 dan 6.6 peratus pada 2008. Sasaran bagi tahun 2009 sebanyak 8.2 peratus telah ditingkatkan kepada 12 hingga 14 peratus. Biarpun sasaran ke atas pembasmian kemiskinan penduduk begitu tinggi, kadar kemiskinan masih tinggi. Dua faktor yang menyebabkan program pembasmian kemiskinan di Indonesia masih gagal ialah kegagalan membuat pembaharuan ke atas tadbir urus agensi yang bertanggungjawab ke atas usaha-usaha ini dan keazaman politik yang lemah (UNDP, 2011).

Pada masa yang sama, kesan daripada krisis ekonomi global menyebabkan pengurangan kadar kemiskinan semakin sukar kerana Indonesia sendiri berhadapan dengan masalah hutang luar yang tinggi, rasuah dan dasar ekonomi makro yang tidak konsisten dengan pelaksanaan bagi mengurangkan kemiskinan ini. Pada Ogos 2009, Bank Indonesia melaporkan hutang luar negara telah mencecah US\$165 bilion. Statistik

belanjawan negara oleh Kementerian Kewangan menunjukkan bayaran hutang luar lebih banyak daripada peruntukan untuk sektor pendidikan atau kesihatan. Sebanyak US\$10.4 bilion telah diperuntukkan untuk melangsai hutang luar negara termasuk kadar faedah pada 2009 sedangkan hanya US\$9 bilion untuk pendidikan dan US\$1.7 bilion untuk kesihatan penduduk (Wie, 2010).

Sejak 2002, pertumbuhan Kadar Dalam Negara Kasar (KDNK) Indonesia sentiasa berada dalam lingkungan lima hingga enam peratus setahun dan kadar kemiskinan menurun sejak krisis ekonomi 1998, suatu petunjuk pengurangan dalam kadar kemiskinan, peningkatan kualiti tadbir urus kerajaan dan proses penyampaian yang lebih baik. Dalam tahun 2009, 14.2 peratus penduduk Indonesia berada di bawah paras kemiskinan kebangsaan US\$1.55 sehari dan hampir separuh lagi berada “hampir miskin” dengan pendapatan di bawah US\$2 sehari (Wie, 2010).

Indonesia juga menderita kesan daripada kejutan ekonomi dan mala petaka alam semula jadi seperti krisis ekonomi 1998, tsunami Aceh 2004, masalah dalam industri makanan tempatan, gempa bumi yang kerap dan berbagai-bagai masalah yang menjadikan lebih ramai penduduk Indonesia miskin dan papa. Contohnya, kenaikan harga beras sebanyak 30 peratus pada tahun 2007 menyebabkan kadar kemiskinan negara meningkat sebanyak 1.6 peratus. Jika ditukarkan dalam angka, jumlah penduduk yang menjadi miskin dianggarkan 3.5 juta orang (Edy, 2008).

Situasi semasa dalam program bantuan sosial di Indonesia sering kali bersifat “cuba jaya” (*trial and error*) dan selalu dikaitkan dengan respons melulu berbanding tindakan yang berdasarkan kajian dan strategi tertentu. Bagaimanapun, bermula tahun 2007, kerajaan Indonesia mula memperkenalkan kerangka konsep untuk menguruskan

perlindungan sosial kepada penduduk. Justeru, di bawah arahan presiden, sebuah Tim Koordinasi Penanggulangan Kemiskinan (TKPK) ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Menteri Kebajikan Sosial yang melibatkan 21 menteri kabinet.

TKPK membahagikan program pembasmian kemiskinan dan perlindungan sosial kepada tiga kluster. Kluster pertama berkaitan individu iaitu melibatkan subsidi beras, bayaran tunai, perbelanjaan pendidikan untuk keluarga miskin dan pelbagai jenis kad kesihatan yang membolehkan akses perubatan secara percuma. Kluster kedua berkaitan dengan komuniti dengan semua bentuk program dibuat melalui PNPM. Projek ini diperuntukkan US\$1.7 bilion setahun merangkumi geran yang akan digunakan untuk pelaburan yang produktif dalam pelbagai bidang. Dilancarkan pada tahun 2007, program ini telah menjangkaui 6,000 komuniti bandar dan luar bandar dan dilanjutkan sehingga tahun 2014. Kluster ketiga adalah lebih luas kerana melibatkan program keusahawanan mikro untuk industri kecil dan sederhana. Peruntukan yang diberi adalah untuk program Kredit Untuk Rakyat (KUR).

Walaupun beberapa aspek dalam program TKPK dan PNPM telah menunjukkan kemajuan, masih terdapat beberapa pencapaian yang masih jauh ketinggalan. Keadaan ini disebabkan oleh masalah birokratik dan penyelarasaran antara kementerian yang lemah. Bagi mempercepatkan proses pelaksanaan program dan pembuatan keputusan, presiden mengarahkan penubuhan sebuah pasukan petugas khas di bawah pejabat naib presiden untuk menyediakan garis panduan dasar kepada ketiga-tiga kluster ini.

#### **2.4.1 Program Pembasmian Kemiskinan Di Indonesia**

Bank Dunia (2007) mengatakan tiga perubahan sedang berlaku di Indonesia yang berpotensi membantu masyarakat miskin. Pertama, seiring dengan pertumbuhan, ekonomi Indonesia sedang berubah dari ekonomi yang bergantung kepada sektor pertanian kepada sistem ekonomi yang akan lebih banyak bergantung kepada sektor perkhidmatan dan industri. Perubahan tersebut menyumbang kepada penjanaan iklim pelaburan yang lebih baik di kawasan luar bandar; terutama melalui adanya rangkaian jalan luar bandar yang lebih baik. Ini sudah pasti akan memberi manfaat kepada penduduk miskin di luar bandar.

Kedua, sejajar pertambahan kekuatan amalan demokrasi, kerajaan sedang berubah daripada pembekal sebahagian besar perkhidmatan peringkat pusat kepada menjadi pemerintahan yang akan lebih banyak kepada pemerintah daerah. Ketiga, seiring dengan integrasi pada dunia antarabangsa, sistem perlindungan sosial Indonesia sedang dimodenkan sehingga dalam bidang sosial, Indonesia menjadi lebih setara dengan bidang ekonomi malah menjadi lebih kompetitif. Keutamaan untuk menjadikan belanja kerajaan bermanfaat bagi penduduk miskin adalah dengan mengubah campur tangan pasaran untuk komoditi yang diambil oleh penduduk miskin (seperti BBM dan beras) dan menjadi bantuan pendapatan yang terarah bagi keluarga miskin. Strategi ini digambarkan dalam pelan tindakan sembilan langkah menuju Indonesia yang bebas dari belenggu kemiskinan (Jadual 2.10).

**Jadual 2.10:** Sembilan langkah menuju Indonesia yang bebas dari kemiskinan

Dimensi Kunci Kemiskinan Indonesia			
	Mengurangi kerentanan terhadap kemiskinan dari segi pendapatan	Mengurangi kemiskinan non-pendapatan	Mengurangi ketempangan kemiskinan antara wilayah
Menjadikan Pertumbuhan Ekonomi Bermanfaat bagi Penduduk Miskin	1. Meninjau kembali dasar beras 2. Merevitalisasi pertanian		3. Program jaringan jalan pedesaan
Menjadikan Perkhidmatan Bermanfaat bagi Penduduk Miskin		1. Perbaiki insentif untuk para penyedia perkhidmatan	2. Perjelaskan tanggungjawab fungsional 3. Perbaiki kapasiti daerah
Menjadikan Bajet Kerajaan Bermanfaat bagi Penduduk Miskin	1. Perluas program PPK	2. Uji cuba bantuan tunai bersyarat untuk penduduk miskin	3. Membuat DAU dan DAK yang berpihak kepada penduduk miskin

Sumber: Era baru dalam pengentasan kemiskinan di Indonesia, Bank Dunia, 2006.

Kerajaan Indonesia menetapkan tiga strategi pembangunan bagi mengurangkan kadar kemiskinan iaitu; 1) Pro-Pertumbuhan (*pro-growth*) untuk meningkatkan dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan, peningkatan kualiti pengeluaran pemerintah, eksport dan peningkatan kepenggunaan; (2) Pro-Lapangan Kerja (*pro-job*) iaitu pertumbuhan ekonomi dapat mencipta peluang pekerjaan yang seluas-luasnya dengan mengutamakan pada pelaburan buruh insentif; dan, (3) Pro-Masyarakat Miskin (*pro-poor*) supaya pertumbuhan ekonomi dapat mengurangi jumlah penduduk miskin sebesar-besarnya dengan penyempurnaan sistem perlindungan sosial, meningkatkan akses kepada perkhidmatan dasar dan melakukan pemerkasaan masyarakat. Pembangunan yang dilakukan bermaksud mencipta peluang kerja yang luas dan mengurangi jumlah penduduk miskin dengan melibatkan seluruh masyarakat (Kementerian Komunikasi dan Informatika RI, 2011).

**Jadual 2.11:** Program pembasmian kemiskinan berdasarkan kluster

Program-Program Pembasmian Kemiskinan			
Kluster I	Kluster II	Kluster III	Kluster IV
Program Keluarga Harapan (PKH)	Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat (PNPM): PNPM Mandiri Perdesaan	Kredit Usaha Rakyat (KUR)	Program Rumah Sangat Murah.
Bantuan Operasional Sekolah (BOS)	PNPM Perdesaan R2PN (Rehabilitasi dan Rekonstruksi Pulau Nias) PNPM Mandiri Agribisnis/SADI ( <i>Smallholder Agribusiness Development Initiative</i> )	Kredit Usaha Bersama (KUBE)	Program Kendaraan Angkutan Umum Murah.
Program Bantuan Siswa Miskin (BSM)	PNPM Generasi Sehat dan Cerdas PNPM Lingkungan Mandiri Perdesaan (PNPM-LMP)		Program Air Bersih Untuk Rakyat.
Program Jaminan Kesehatan Masyarakat (JAMKESMAS)	Program Pengembangan Sistem Pembangunan Partisipatif (P2SPP) PNPM Mandiri Respek (Rencana Strategis Pengembangan Kampung) bagi Masyarakat Papua PNPM Mandiri Perkotaan		Program Listrik Murah dan Hemat.
Program Beras untuk Keluarga Miskin (RASKIN)	PNPM Mandiri Infrastruktur Perdesaan Pengembangan Infrastruktur Sosial Ekonomi Wilayah (PISEW) Program Penyediaan Air Minum Berbasis Masyarakat (PAMSIMAS) PNPM-Mandiri Daerah Tertinggal dan Khusus/Percepatan Pembangunan Daerah Tertinggal dan Khusus (P2DTK) PNPM Mandiri Kelautan dan Perikanan (PNPM Mandiri-KP) PNPM-Mandiri Pariwisata PNPM-Mandiri Perumahan dan Permukiman (PNPM-Mandiri Perkim)		Program Peningkatan Kehidupan Nelayan. Program Peningkatan Kehidupan Nelayan.
			Program Peningkatan Kehidupan Masyarakat Miskin Perkotaan.

Sumber: Kementerian Komunikasi dan Informatika RI, 2011.

Berdasarkan kepada tiga strategi ini, kerajaan Indonesia melaksanakan empat kluster untuk membasi kemiskinan di negara itu. Kluster pertama ialah bantuan sosial terpadu berbasis keluarga, kluster kedua ialah pembasmian kemiskinan berbasis pemberdayaan masyarakat, kluster ketiga ialah pembasmian kemiskinan berbasis pemberdayaan usaha ekonomi mikro dan kecil, dan kluster keempat ialah upaya peningkatan dan perluasan program Pro-Rakyat (Jadual 2.11).

Berdasarkan penilaian program pembasmian kemiskinan di Indonesia yang dilakukan oleh Asia Development Bank pada tahun 2008, kebanyakan program pembasmian kemiskinan ini tidak semuanya mendapat hasil yang diingini (Jadual 2.12). Kegagalan ini bermula di peringkat awal lagi iaitu bermula dari perancangan awal program yang bersifat “*top-down*”, salah kumpulan sasar, pelaksanaan program yang bersifat rawak, pemilihan model program yang tidak sesuai dengan keperluan dan keadaan masyarakat miskin serta peruntukan yang tidak setara dengan impak.

#### **2.4.2 Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat (PNPM)**

Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat (PNPM) adalah program yang menaungi aktiviti PNPM Mandiri Perdesaan, PNPM Mandiri Generasi, PNPM Mandiri RESPEK, PNPM Mandiri Pasca Bencana, PNPM Mandiri R2PN, PNPM Mandiri Perkotaan dan PNPM Mandiri Pelancongan. Kerajaan Indonesia melancarkan PNPM Mandiri pada 30 April 2007 di Kota Palu, Sulawesi Tengah, Indonesia untuk merumus kembali mekanisme pembasmian kemiskinan masyarakat bermula dengan peringkat perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian. Melalui proses penyertaan, kelompok sasar iaitu golongan miskin dibantu untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Program ini merupakan pengembangan yang lebih luas daripada program-program pembasmian kemiskinan yang pernah dijalankan sebelum ini.

**Jadual 2.12:** Penilaian program pembasmian kemiskinan di Indonesia

Program	Diagnosis & Analisis Kemiskinan	Tujuan, Indikator & Sasaran	Rencana	Bajet
Program Kompensasi Pengurangan Subsidi BBM (PKPS) – Infrastruktur Jalan Pedesaan	Sedang	Baik	Kurang	Sedang
Bantuan Langsung Tunai (BLT)	Baik	Kurang	Kurang	Sedang
Beras untuk Rakyat Miskin (RASKIN)	Baik	Kurang	Sedang	Kurang
Bantuan Operasional Sekolah (BOS)	Kurang	Kurang	Baik	Kurang
Jaminan Pemeliharaan Kesihatan untuk Keluarga Miskin (JPK-GAKIN)	Baik	Sedang	Baik	Kurang
Proyek Pengembangan Wilayah Berbasis Pertanian Sulawesi (SAADP)	Baik	Baik	Baik	Baik
Program Penyediaan Air dan Sanitasi untuk Masyarakat Pendapatan Rendah (WSLIC2)	Baik	Baik	Baik	Sedang
Program Pengembangan Prasarana Pedesaan (P2D)	Sedang	Kurang	Baik	Baik
Projek Kemitraan bagi Pengembangan Ekonomi Lokal (KPEL)	Sedang	Baik	Baik	Kurang
Pemberdayaan Masyarakat untuk Pembangunan Desa (CERD/PMPD)	Baik	Baik	Sedang	Kurang
Pembinaan Peningkatan Pendapatan Petani-Nelayan Kecil (P4K)	Baik	Baik	Baik	Sedang

Sumber: Bank Pembangunan Asia, 2008.

Matlamat PNPM Mandiri adalah sebagai payung kepada pelbagai program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh jabatan dan agensi kerajaan Indonesia yang menggunakan konsep pembangunan komuniti sebagai pendekatan operasional. Contoh program yang dilaksanakan dan melibatkan pelbagai organisasi yang berbeza dapat dilihat pada program Inpres Desa Tertinggal (IDT) pada tahun 1993 di bawah arahan

Presiden tentang peningkatan pembasmian kemiskinan. Program IDT bertujuan memberi bantuan dana modal kepada kelompok miskin selama tiga tahun di samping bantuan teknikal supaya dapat membantu mereka keluar daripada belenggu kemiskinan. Program Pengembangan Kecamatan (PPK) pula dilaksanakan oleh Departemen Dalam Negeri, Program Pembasmian Kemiskinan di Perkotaan (P2KP) dilaksanakan oleh Departemen Pekerjaan Umum, Pemberdayaan Ekonomi Masyarakat Pesisir (PEMP) oleh Departemen Kelautan dan Perikanan serta Kelompok Usaha Bersama (KUBE) oleh Departemen Sosial. Selepas Presiden Indonesia memutuskan bahawa pemerkasaan masyarakat menjadi program peringkat nasional, PNPM Mandiri menjadi program utama yang disokong dua program teras iaitu Program Pengembangan Kecamatan (PPK) dan Program Pembasmian Kemiskinan di Perkotaan (P2KP).

Pelaksanaan PNPM Mandiri pada 2007 dimulai dengan Program Pengembangan Kecamatan sebagai asas kepada pemerkasaan masyarakat di luar bandar melalui PNPM Generasi, Program Pembasmian Kemiskinan di Perkotaan (P2KP) untuk masyarakat bandar dan program Percepatan Pembangunan Daerah Tertinggal dan Khusus (P2DTK) untuk masyarakat yang berada di kawasan terpinggir, selepas bencana dan mundur. Seterusnya PNPM Mandiri diperluaskan dengan melibatkan program Pengembangan Infrastruktur Sosial dan Ekonomi Wilayah (PISEW) bagi mengintegrasikan pusat pertumbuhan ekonomi dengan kawasan sekitar. Pelaksanaan PNPM Mandiri disokong oleh pelbagai jabatan dan agensi melibatkan kawasan bandar dan luar bandar. Tempoh PNPM Mandiri adalah sehingga tahun 2015 seiring dengan sasaran yang hendak dicapai dalam *Millineum Development Goals*.

PNPM Mandiri adalah program nasional kerajaan Indonesia yang menjadi dasar dan acuan pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan berdasarkan

pembangunan komuniti. PNPM Mandiri dilaksanakan melalui gabungan dan pembangunan sistem yang mendorong inisiatif dan inovasi masyarakat ke arah usaha pembasmian kemiskinan yang berterusan. Pendekatan pembangunan komuniti bertujuan meningkatkan keupayaan masyarakat secara individu dan berkelompok bagi menyelesaikan pelbagai persoalan yang berkaitan pendekatan meningkatkan kualiti hidup, sifat berdikari dan kesejahteraan hidup. Pembangunan komuniti perlukan penglibatan yang lebih besar daripada kerajaan dan kerjasama pelbagai pihak supaya matlamat pembasmian kemiskinan dapat dicapai.

### *Objektif PNPM Mandiri*

PNPM Mandiri dibahagikan kepada objektif umum dan objektif khusus. Objektif umum ialah meningkatnya kesejahteraan dan peluang pekerjaan kepada masyarakat miskin melalui proses berdikari ataupun mandiri. Bagi objektif khusus, pencapaian yang hendak dicapai ditetapkan dalam tujuh perkara, iaitu:

- 1) meningkatnya penyertaan kelompok masyarakat yang terdiri daripada masyarakat miskin, wanita, penduduk luar bandar dan golongan terpinggir ke dalam proses pembuatan keputusan dan pengurusan pembangunan,
- 2) meningkatnya kapasiti institusi masyarakat di peringkat akar umbi, diwakili dan bertanggungjawab,
- 3) meningkatnya kapasiti kerajaan dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat terutama golongan miskin melalui dasar dan program yang memihak kepada kelompok tersebut,
- 4) meningkatnya sinergi masyarakat, kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan institusi masyarakat untuk meningkatkan keberkesanan program-program pembasmian kemiskinan,

- 5) meningkatnya usaha-usaha pemerkasaan dan survival masyarakat serta kapasiti pihak kerajaan dan agensi-agensi berkaitan dalam program pembasmian kemiskinan di peringkat wilayah,
- 6) meningkatnya modal sosial masyarakat yang berkembang sesuai dengan potensi sosial dan budaya serta melestarikan kebijaksanaan tempatan, dan,
- 7) meningkatnya inovasi dan manfaat teknologi, maklumat dan komunikasi dalam inisiatif pemerkasaan masyarakat ini.

#### *Strategi, Prinsip dan Pendekatan PNPM Mandiri*

Pencapaian objektif PNPM Mandiri dilaksanakan melalui strategi, prinsip dan pendekatan yang menjadi acuan dalam pelaksanaan program-program pembangunan komuniti.

##### a. Strategi PNPM Mandiri

Strategi pelaksanaan PNPM Mandiri dibahagikan kepada strategi dasar dan operasional. Dalam strategi dasar, kaedah yang diguna pakai ialah menggiatkan usaha pemerkasaan bagi meningkatkan kemampuan berdikari kumpulan sasar, menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak untuk mewujudkan kelompok yang berdaya saing dan menerapkan sifat-sifat inklusif dan sinergi dalam pembangunan sektor, wilayah dan penyertaan dalam pembangunan. Dalam strategi operasional, kaedah yang diguna pakai ialah; 1) mengoptimumkan seluruh potensi dan sumber yang dimiliki masyarakat, kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan institusi masyarakat secara sinergi, 2) menguatkan peranan pihak berkuasa pentadbiran di kawasan bandar dan luar bandar sebagai penyelia kepada program-program pembasmian kemiskinan di peringkat wilayah, 3) mengembangkan institusi masyarakat supaya peranan mereka dipercayai, kukuh dan

bertanggungjawab, 4) mengoptimumkan peranan sektor perkhidmatan dan aktiviti pembangunan secara bersepadu, 5) meningkatkan kemampuan pembelajaran dalam masyarakat untuk memahami keperluan dan potensi di samping memecahkan pelbagai masalah yang dihadapi, dan, 6) menerapkan konsep pembangunan partisipatif secara konsisten, dinamik dan berterusan.

b. Prinsip-Prinsip PNPM Mandiri


Oleh kerana PNPM Mandiri menyesuaikan sepenuhnya mekanisme dan prosedur Program Pengembangan Kecamatan (PPK), prinsip-prinsip dalam PNPM Mandiri sebenarnya meneruskan agenda yang telah dilaksanakan oleh PPK di samping memberi penambahbaikan kepada program sedia ada. Prinsip dan ciri PNPM Mandiri ditunjukkan dalam Jadual 2.13.

c. Pendekatan PNPM Mandiri

Pendekatan yang diguna pakai untuk menjayakan PNPM Mandiri adalah menggunakan konsep pembangunan komuniti melalui; 1) menjadikan daerah sebagai lokus program untuk penyelarasan perancangan, pelaksanaan dan pengendalian program, 2) meletakkan masyarakat sebagai penentu dasar dan penerima utama pembangunan, 3) mengutamakan nilai-nilai universal dan budaya setempat dalam mengambil kira proses penyertaan partisipatif, 4) menggunakan pendekatan pemerkasaan masyarakat sesuai dengan ciri-ciri sosial, budaya dan geografi, dan, 5) penerapan proses pemerkasaan dalam proses pembelajaran, sifat berdikari dan berkesinambungan (Rajah 2.5).

**Jadual 2.13:** Prinsip dan ciri PNPM Mandiri

Prinsip	Ciri-Ciri
Fokus pembangunan manusia	Setiap aktiviti bermatlamat meningkatkan maruah peserta.
Autonomi	Masyarakat diberi kemudahan untuk mengambil bahagian dalam menentu dan menguruskan aktiviti pembangunan secara pengurusan kendiri (swakelola).
Desentralisasi	Urusan aktiviti pembangunan sektoral dan wilayah diserahkan kepada pegawai daerah sesuai dengan keupayaannya.
Orientasi masyarakat miskin	Aktiviti yang dilaksanakan mengutamakan kepentingan dan keperluan masyarakat miskin dan kurang mampu.
Penglibatan masyarakat	Masyarakat terlibat secara aktif dalam setiap proses membuat keputusan pembangunan dan menjalankan pembangunan bersama-sama.
Kesetaraan dan keadilan gender	Setiap orang mempunyai kesaksamaan dalam menunaikan peranannya di setiap tahap pembangunan dan dapat menikmati manfaat tersebut secara adil.
Demokratik	Proses membuat keputusan dilakukan secara musyawarah dan muafakat.
Telus dan akauntabiliti	Masyarakat memiliki akses yang mencukupi ke atas maklumat dan proses membuat keputusan sehingga aktiviti dapat dilaksanakan secara terbuka dan bertanggungjawab.
Keutamaan	Kerajaan dan masyarakat memberi keutamaan untuk memenuhi program pembasmian kemiskinan dan memperkasa pelbagai sumber.
Kolaborasi	Semua pihak yang berkepentingan dalam pembasmian kemiskinan digalak mewujudkan kerjasama dan sinergi.
Kesinambungan	Setiap keputusan wajar mengambil kira peningkatan kesejahteraan masyarakat.



**Rajah 2.5:** Konsep pelaksanaan PNPM Mandiri

#### *Komponen dan Penyelarasian Program*

Masyarakat yang berdikari tidak mungkin diwujudkan dalam tempoh yang singkat melainkan melalui serangkaian aktiviti pembangunan komuniti yang dirancang, dilaksana dan dipantau oleh kelompok sasar sendiri. Melalui aktiviti yang dilakukan dari masyarakat, hasilnya dikembalikan kepada masyarakat seterusnya hasrat pembasmian kemiskinan oleh kerajaan dapat dijalankan dengan berkesan. Program pembasmian kemiskinan yang berdasarkan pembangunan komuniti dikategorikan kepada dua iaitu PNPM-Inti dan PNPM-Penguatan.

PNPM-Inti terdiri daripada program pemerkasaan masyarakat berdasarkan wilayah yang mencakupi Program Pengembangan Kecamatan, Program Pembasmian Kemiskinan

Perkotaan, Pengembangan Infrastruktur Sosial dan Ekonomi Wilayah dan Percepatan Pembangunan Daerah Tertinggal dan Khusus. PNPM-Penguatan pula merangkumi program-program pemerkasaan masyarakat berdasarkan sektoral, wilayah dan berperanan mendukung program pembasmian kemiskinan berdasarkan sasaran tertentu.

Dalam pelaksanaan PNPM Mandiri, rangkaian proses pemerkasaan masyarakat dilakukan melalui komponen program yang melibatkan pengembangan masyarakat, bantuan langsung masyarakat, peningkatan kapasiti pentadbiran kerajaan dan bantuan pengendalian program. Komponen pengembangan masyarakat merangkumi serangkaian aktiviti untuk membentuk kesedaran yang kreatif dan muh u berdikari dalam kalangan kelompok sasar berdasarkan masalah dan keperluan, perancangan partisipatif, pengurusan organisasi, pemanfaatan sumber, pemantauan dan mengekalkan pencapaian-pencapaian yang diperolehi sebelum ini.

Bagi mendukung kejayaan rangkaian aktiviti ini, kerajaan menyediakan dana bagi aktiviti pembelajaran, pembangunan kesukarelawanan dan perdampingan sosial (*social outreach*). Komponen bantuan langsung masyarakat adalah dana rangsangan yang diberikan kepada golongan sasar untuk membiayai aktiviti atau kegiatan yang dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat miskin. Komponen peningkatan kapasiti pentadbiran kerajaan adalah serangkaian aktiviti untuk meningkatkan tahap kecekapan pentadbiran daerah sehingga berupaya membentuk persekitaran yang kondusif dan mampu menggerakkan perubahan dalam kalangan kumpulan sasar supaya dapat keluar daripada lingkungan kemiskinan. Aktiviti berkaitan peningkatan kapasiti ini dilakukan melalui seminar, bengkel, latihan dan lawatan. Komponen bantuan pengendalian program meliputi aktiviti perundingan, pengurusan, pengawalan kualiti, penilaian dan pengembangan program dari semasa ke semasa.

Terdapat empat peringkat yang dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pelbagai program pemerkasaan masyarakat dalam PNPM Mandiri iaitu pemilihan peserta, penubuhan insitusi masyarakat, penyediaan dana dan pelaksanaan program. Dalam peringkat pertama, pemilihan peserta melibatkan penentuan daerah atau wilayah yang memiliki kriteria seperti jumlah penduduk miskin yang ramai, kekurangan kemudahan asas, tahap pembelajaran yang rendah dan kawasan terpinggir.

Di peringkat kedua, pembentukan institusi masyarakat bertujuan mewujudkan sebuah kepimpinan setempat yang boleh dipercayai, diyakini, tadbir urus yang cekap, berusaha meningkatkan keberkesanan program pembasmian kemiskinan dan membantu memberi kerjasama ke arah menyelesaikan kemiskinan setempat bersama pihak kerajaan. Dimensi institusi masyarakat ini meliputi proses pembuatan keputusan dan tindakan kolektif yang dilakukan melalui pengembangan dan pengukuhan institusi sedia ada dengan cara meningkatkan kapasiti pengurusan, membaiki prestasi dan etika serta mempelbagaikan wakil untuk memenuhi suara semua pihak. Usaha juga dilakukan melalui kerjasama antara daerah sebagai forum perbincangan untuk membuat keputusan bersama.

Di peringkat ketiga, penyediaan dana dilakukan dengan cara penggabungan pelbagai sumber dan cara guna, membiayai aktiviti yang tidak bertindih, agihan kepada peserta yang layak secara adil dan memantau prestasi program. Tujuan penyelarasaran dana adalah bagi meningkatkan keberkesanan pembasmian kemiskinan melalui pemerkasaan masyarakat yang diselia oleh pasukan pemantau yang merangkumi pegawai dari PNPM Mandiri dan ahli jawatankuasa institusi masyarakat.

Dalam peringkat keempat iaitu pelaksanaan program, tahun 2008 merupakan tempoh transisi dalam proses penyelarasaran program-program pemerkasaan masyarakat

melalui; 1) pelaksanaan pelbagai program pemerkasaan masyarakat yang menjurus kepada strategi, prinsip, pendekatan dan peraturan yang ditetap dalam PNPM Mandiri, 2) pelaksanaan aktiviti peringkat daerah berdasarkan kepada perancangan yang diputuskan oleh kumpulan sasar, 3) lokasi PNPM Mandiri diarahkan ke lokasi PNPM-Inti melalui penggabungan data, maklumat perancangan dan aktiviti serta sasaran supaya penyelarasan pelaksanaan program dapat dicapai, 4) pengembangan sistem maklumat data asas PNPM Mandiri dilakukan secara bersepadu dan terbuka antara pelbagai program pemerkasaan masyarakat termasuk PNPM-Penguatan, 5) pelaksanaan pemantauan dan penilaian berdasarkan kepada kaedah dan indikator keberhasilan dan kerangka kerja dan tempoh yang ditetapkan oleh PNPM Mandiri, 6) memenuhi keperluan fasilitator atau penggerak transformasi dan pembantu teknikal di lapangan, 7) pengembangan dan persetaraan kurikulum, modul latihan dan tahap kompetensi penyelaras yang menjadi panduan dalam melaksanakan program latihan PNPM Mandiri, 8) menerima maklum balas dan bertindak sesuai dengan panduan yang disediakan oleh PNPM Mandiri, 9) strategi sosialisasi dan komunikasi yang mengarah kepada strategi dan komunikasi PNPM Mandiri, dan, 10) sinkronisasi perancangan sektoral tahunan yang tepat.

### *Pengurusan Program*

Pengurusan program PNPM Mandiri terdiri daripada persiapan, perancangan partisipatif, pelaksanaan aktiviti, pemantauan, penilaian, pelaporan dan sosialisasi.

#### a. Persiapan

Pelaksanaan PNPM Mandiri bermula dengan persiapan di pusat penyelarasan Pasukan Pengendali PNPM Mandiri meliputi dasar umum dan pengembangan program, penetapan

lokasi, kaedah komunikasi, pengembangan sistem informasi, pemantauan dan penilaian. Di peringkat daerah, pasukan pengendali menyediakan sumbangan dana berdasarkan anggaran keperluan daerah, membentuk sekretariat dan Satuan Kerja Pelaksanaan Program (SKPP) manakala kementerian atau institusi yang berkaitan akan menguruskan proses pemilihan, memberi latihan dan menempatkan fasilitator atau perunding berdasarkan keperluan dan kaedah yang ditetapkan dalam hala tuju PNPM Mandiri.

**b. Perancangan Partisipatif**

Perancangan partisipatif adalah proses membuat keputusan pembangunan yang melibatkan masyarakat, pihak swasta dan kerajaan sendiri berdasarkan kepada fungsi dan sumbangan masing-masing. Mekanisme perancangan partisipatif ini terdiri daripada penyertaan di peringkat desa/kelurahan, antara desa/kelurahan dan penyelarasan partisipatif di bandar/kecamatan.

**c. Perancangan Partisipatif Di Desa/Kelurahan**

Perancangan partisipatif bertujuan memberikan ruang kepada masyarakat khususnya golongan miskin untuk terlibat secara aktif dalam mengenal pasti keperluan dan membuat keputusan dalam pembangunan komuniti setempat. Kualiti perancangan partisipatif ini dapat dilihat daripada jumlah peserta yang hadir, kualiti pandangan atau usul yang dikemukakan dan dokumen perancangan yang diluluskan. Perancangan di desa/kelurahan bermula dengan meningkatkan kesedaran masyarakat melalui proses sosialisasi, kekerapan mengadakan pertemuan, mengadakan refleksi kemiskinan pemetaan swadaya (pengurusan kendiri) untuk mengenal pasti masalah, potensi dan keperluan, pengurusan organisasi masyarakat dan pengurusan rancangan yang dilakukan secara bersama.

Rancangan aktiviti pembangunan dimuatkan ke dalam rancangan Pembangunan Desa/Kelurahan Jangka Menengah (PJM) dan rancangan tahunan serta Rencana Strategi (Renstra) pembangunan desa/kelurahan. Dokumen yang dihasilkan daripada perancangan partisipatif PNPM Mandiri ini merupakan bahagian yang tidak terpisah daripada dokumen rancangan pembangunan desa/kelurahan untuk diteruskan ke peringkat seterusnya. Hasil perancangan partisipatif PNPM Mandiri adalah menyeluruh dan ada hubungan dengan aspek sosial, ekonomi dan budaya supaya semua maklumat yang berkaitan masyarakat berada dalam keadaan tepat. Cara ini dapat memastikan tindakan susulan dapat dilakukan oleh petugas PNPM Mandiri untuk mengawal kualiti rumusan perancangan yang dihasilkan di peringkat desa/kelurahan tersebut.

d. Perancangan Partisipatif Di Kecamatan

Perancangan partisipatif di kecamatan bertujuan menyusun keutamaan aktiviti antara desa/kelurahan berdasarkan hasil perancangan partisipatif tersebut sekali gus merancakkan rancangan pembangunan kecamatan atau bandar. Keutamaan hasil perancangan pembangunan partisipatif PNPM Mandiri dibiayai oleh sumber dana kecamatan yang disusun dalam rancangan kerja seperti Rencana Pembangunan Tahunan Daerah (RPTD) dan Rencana Pembangunan Jangka Menengah Daerah (RPJMD). Rencana kerja ini seterusnya menjadi dokumen bagi Musyawarah Perencanaan Pembangunan (Musrenbang) peringkat kecamatan untuk diproses ke peringkat perancangan selanjutnya.

Di sinilah hasil perancangan kecamatan dan kelurahan dibahas dengan melibatkan semua kelompok masyarakat. Pelaksanaan Musrenbang Kecamatan melibatkan wakil desa/kelurahan sebagai rakan kongsi Satuan Kerja Peringkat Daerah (SKPD) bagi

menentukan keutamaan pembangunan kecamatan. Wakil desa/kelurahan yang dipilih dalam Musrenbang Kecamatan ditetapkan sebagai delegasi yang akan menyertai Forum SKPD dan Musrenbang Kabupaten/Kota. Dalam penentuan perwakilan ini mesti terdapat wakil wanita dan anggota perundangan.

e. Perancangan Penyelarasian Di Kabupaten/Kota

Rancangan aktiviti antara desa/kelurahan dan antara kecamatan yang memerlukan pengurusan di peringkat seterusnya memerlukan wakil kecamatan untuk berbahas dalam Forum SKPD. Dalam forum ini, rencana kerja masyarakat menjadi keutamaan untuk digabungkan dalam Rencana Kerja SKPD yang mana usul yang diberikan akan menjadi agenda dalam Rencana Kerja Pembangunan Daerah (RKPD) peringkat Musrenbang Kabupaten/Kota yang turut dihadiri oleh wakil kecamatan.

i. Forum SKPD

Forum ini merupakan pertemuan perwakilan masyarakat dari kecamatan yang menjadi rakan kongsi dalam menentukan keutamaan pembangunan kabupaten/kota. Wakil masyarakat kecamatan akan memastikan usul dari forum ini menjadi agenda perbahasan sehingga wujud keputusan tertentu supaya perancangan partisipatif menggambarkan penglibatan masyarakat keseluruhannya.

ii. Forum Musrenbang Kabupaten/Kota

Forum ini memastikan terdapat kesinambungan dalam usul di peringkat masyarakat diberi keutamaan dalam RKPD melalui perwakilan masyarakat kecamatan. Penglibatan anggota

perundangan masih diperlukan di peringkat ini bagi memastikan mereka dapat memahami keadaan dan masalah yang dihadapi masyarakat di samping dapat menjaga kesinambungan pembangunan dari proses perancangan sehingga penilaian program.

f. Pelaksanaan Aktiviti

Pelaksanaan aktiviti PNPM Mandiri dilakukan oleh masyarakat secara pengurusan kendiri berdasarkan prinsip autonomi dan dibantu oleh kakitangan kerajaan, fasilitator dan perunding yang dilantik. Tahap pelaksanaan aktiviti ini dilakukan selepas proses perancangan selesai dan telah ada keputusan berkaitan peruntukan dana. Ia meliputi pemilihan dan penetapan pasukan pengelola aktiviti, pengurusan dana, pengagihan tenaga kerja, penyediaan perkhidmatan dan pelaksanaan kerja seperti yang telah dicadangkan. Anggota pasukan ini dipilih oleh masyarakat, bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan fizikal, pentadbiran kewangan dan aktiviti yang bersesuaian dan selari dengan rancangan pembangunan. Pelaksanaan aktiviti secara pengurusan kendiri ini memerlukan bantuan dan dokongan daripada agensi teknikal seperti penyediaan peralatan dan tenaga kerja yang tidak dapat dipenuhi oleh masyarakat. Penyediaan bantuan ini melibatkan prinsip efisien, efektif, terbuka, adil dan bertanggungjawab.

Efisien diwujudkan dalam bentuk mencari dan membandingkan harga barang atau perkhidmatan yang kualitinya setara dan memilih harga yang rendah sesuai dengan keperluan. Bagi mendapatkan harga rendah, masyarakat dapat melakukan hubungan terus kepada pembekal dan mengelak daripada melalui orang tengah yang akan menyebabkan kenaikan kos. Efektif diwujudkan dalam bentuk ketepatan kualiti, kuantiti, tempoh dan sesuai dengan keperluan dalam pelaksanaan aktiviti.

Keterbukaan pula diwujudkan dalam bentuk pemberitahuan kepada umum tentang lokasi aktiviti supaya mudah dilihat dengan memasukkan butir-butir agensi pelaksana, jenis aktiviti, jumlah dana, penyedia perkhidmatan, jangka masa siap dan agensi bertanggungjawab supaya masyarakat dapat mengetahui, memantau dan mengawal aktiviti projek. Keadilan adalah penglibatan setiap komponen masyarakat untuk mendapat manfaat bersama manakala bertanggungjawab dimaksudkan setiap penggunaan dana dapat dipertanggungjawabkan secara pentadbiran seperti merekodkan setiap pembelian dan pembayaran serta mencatatkan penerimaan dan pengeluaran barang atau perkhidmatan yang setara dengan kuantiti dan kualiti yang dikehendaki.

Antara perhatian yang diberikan semasa melaksanakan aktiviti pembangunan adalah; a) penggunaan teknologi yang sederhana dan berisiko rendah, tidak membahayakan keselamatan awam atau harta benda dan tidak perlukan tenaga kerja yang ramai, b) membuat perancangan teknikal seperti gambar, spesifikasi dan Rencana Anggaran Biaya dari pekerjaan pembinaan yang akan dilaksanakan. Pelaksanaan perancangan teknikal boleh mendapat bantuan daripada agensi pelaksana (Dinas) yang berkaitan, c) pekerjaan dibantu oleh pekerja yang dibayar secara harian berdasarkan rekod kehadiran atau upah sekali gus, dan, d) proses pemantauan dilakukan oleh wakil pasukan pengurusan aktiviti atau dibantu oleh wakil agensi yang berkaitan.

Bagi proses pelaksanaan berbentuk perkhidmatan oleh masyarakat, tindakan berikut dilaksanakan iaitu; a) perkhidmatan atau barang yang tidak melebihi Rp5 juta (RM1400) boleh diperolehi secara terus daripada pembekal dengan resit pembuktian dan material, b) perkhidmatan atau barang lebih daripada Rp5 juta (RM1400) sehingga Rp15 juta (RM4100) boleh diperolehi secara terus daripada pembekal dengan bukti Surat Perintah Kerja dan material, c) perkhidmatan atau barang lebih daripada Rp15 juta

(RM4100) hingga Rp50 juta (RM14,000) dilakukan oleh jawatankuasa yang dianggotai oleh tiga orang dari kelompok masyarakat dengan membuat perbandingan tiga tender daripada tiga pembekal yang berbeza dan memilih harga terendah. Bukti perkhidmatan atau barang ialah menyediakan Surat Perintah Kerja dan material, dan, d) perkhidmatan atau barang lebih daripada Rp50 juta (RM14,000) dilakukan oleh jawatankuasa yang dianggotai oleh tiga atau lima orang dari kelompok masyarakat dengan membuat perbandingan tiga tender daripada tiga pembekal yang berbeza dan memilih harga terendah.

g. Pengendalian Program

Pengendalian adalah serangkaian aktiviti pemantauan, pengawasan dan tindakan susulan yang dilakukan untuk menjamin pelaksanaan pembangunan yang dirancang sesuai dengan tujuan dan sasaran yang telah ditetapkan dan memastikan bahawa dana digunakan selari dengan matlamat program. Pemantauan dan pengawasan adalah aktiviti yang mengikut perkembangan pelaksanaan rancangan pembangunan, mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Tindakan susulan ialah aktiviti atau langkah-langkah operasional yang diambil akibat daripada kelewatan, tidak mencapai sasaran, tidak jelas dan sebagainya untuk membaiki kualiti pelaksanaan aktiviti.

Sistem pemantauan dan pengawasan meliputi; a) pemantauan partisipatif oleh masyarakat iaitu penglibatan masyarakat dalam proses pemantauan dan pemeriksaan bermula dari perancangan partisipatif peringkat desa hingga kota dan pelaksanaan PNPM Mandiri, b) pemantauan oleh kerajaan di mana aktiviti ini dilakukan secara bertahap bagi memastikan kegiatan PNPM Mandiri dilaksanakan selari dengan prinsip dan prosedur yang dirancang dan peruntukan dana digunakan dengan sempurna, dan, c) pemantauan dan

pengawasan oleh perunding dan fasilitator iaitu perunding melakukan kedua-dua proses berkenaan secara bertahap dari peringkat kebangsaan, serantau, wilayah, kabupaten/kota, kecamatan dan desa/kelurahan. Aktiviti ini dilakukan secara rutin dengan memanfaatkan sistem maklumat pengurusan program dan lawatan ke lokasi projek. Pengawasan yang rapi dilakukan oleh fasilitator dalam setiap peringkat pengurusan program supaya penambahbaikan dan penyesuaian pelaksanaan program dapat dilakukan dengan pantas, d) pemantauan bebas adalah pelbagai pihak, PNPM Mandiri membuka ruang kepada pelbagai pihak seperti Lembaga Swadaya Masyarakat, universiti dan akhbar untuk melaporkan hasil progam PNPM Mandiri yang berkait dengan pihak berkuasa, dan, e) kewangan dan proses audit dilaksanakan oleh Badan Pengawas Kewangan dan Pembangunan (BPKP) dan Badan Pengawas Daerah (Bawasda) akan melakukan pemeriksaan secara rutin untuk memastikan penggunaan dana mengikut peraturan di lokasi terpilih secara rambang.

#### h. Pengurusan Aduan Masyarakat

Aduan dan maklum balas masyarakat, kumpulan sasar, kerajaan dan sebagainya yang ada kaitan dengan PNPM Mandiri dimulai dengan pengurusan pada peringkat paling hampir dengan lokasi aduan supaya penambahbaikan dapat dibuat dengan cepat. Bagi memastikan aduan masyarakat dapat diterima, Sistem Pengurusan Pengaduan Masyarakat (SPPM) PNPM Mandiri dibentuk dan diselaraskan dengan pelbagai pihak, memberikan maklumat kepada masyarakat tentang tindakan dan hasilnya.

i. Penilaian

Penilaian program bertujuan menilai prestasi pelaksanaan, manfaat, impak dan kesinambungan aktiviti yang dilaksanakan dalam ruang lingkup PNPM Mandiri terhadap tujuan dan sasaran yang telah ditetapkan. Aktiviti penilaian dilakukan secara rutin dan berkala oleh pelbagai pihak yang disusun secara sistematik, berobjektif dan telus berdasarkan laporan, hasil pengawasan dan aduan daripada pelbagai pihak.

j. Pelaporan


Pelaporan PNPM Mandiri dibuat secara berkala dan bertahap melalui saluran struktural (agensi kerajaan) dan saluran fungsional (perunding dan fasilitator) untuk menjamin pengaliran maklumat yang pantas, tepat dan jelas.

k. Sosialisasi

Sosialisasi PNPM Mandiri bertujuan memberi pemahaman kepada agensi kerajaan sama ada di peringkat eksekutif atau legislatif, institusi pengajian tinggi, insitusi masyarakat, usahawan, media dan orang awam. Inti pati maklumat yang disampaikan meliputi dasar, pengertian, tujuan, konsep, mekanisme dan hasil pelaksanaan PNPM Mandiri supaya wujud kefahaman, kepedulian dan dukungan ke atas program-program itu. Sosialisasi dan penyebaran maklumat dilakukan melalui pelbagai media sosial dan komunikasi secara berterusan sepanjang pelaksanaan program-program ini.

## Struktur Organisasi PNPM Mandiri

Struktur organisasi PNPM Mandiri bertujuan memberi ruang kepada semua peserta untuk melaksanakan aktiviti bagi meningkatkan kapasiti diri dan mengambil bahagian dalam kegiatan ekonomi produktif (Rajah 2.6).



Rajah 2.6: Struktur organisasi PNPM Mandiri

## I. Pusat

Tim Pengendali PNPM Mandiri bertindak sebagai pengendali dan penyelaras projek di mana ahlinya ditentukan oleh Menteri Koordinator Bidang Kesejahteraan Rakyat sebagai Ketua Tim Koordinasi Pembasmian Kemiskinan (TPPK). Tim Pengendali PNPM Mandiri terdiri daripada Tim Pengarah dan Tim Pelaksana. Tim Pengarah terdiri daripada menteri-menteri dan ketua lembaga yang ada kaitan dengan pelaksanaan PNPM Mandiri. Tugas dan tanggungjawab Tim Pengarah adalah memberi arahan kepada Tim Pelaksana. Bagi Tim Pelaksana, tugas dan tanggungjawab adalah gabungan pelbagai kementerian dan agensi untuk; a) merumuskan konsep dasar operasi, penyelaras, perancangan, pelaksanaan dan pengendalian PNPM Mandiri, b) melakukan pemantauan dan penilaian terhadap pelaksanaan PNPM Mandiri, c) menilai hasil, faedah dan impak daripada pelaksanaan PNPM Mandiri terhadap pengurangan kadar kemiskinan dan pembentukan peluang pekerjaan bagi masyarakat miskin, d) mencadangkan kaedah untuk meningkatkan keberkesanan PNPM Mandiri kepada Tim Pengarah, e) melaporkan hasil pemantauan dan penilaian pelaksanaan PNPM Mandiri kepada Menteri Koordinator Bidang Kesejahteraan Rakyat setiap tiga bulan, f) merumuskan konsep dasar operasi, perancangan dan mekanisme pengendalian PNPM Mandiri yang dimuatkan dalam pelbagai bentuk panduan dan pekeliling, dan, g) melaksakan hal-hal lain yang ditentukan kemudian oleh Tim Pengarah.

Bagi melancarkan penyelaras pelaksanaan PNPM Mandiri, ruang lingkup tanggungjawab pusat yang berada dalam Tim Pelaksana PNPM Mandiri dibahagikan kepada aspek berikut; a) penyelaras pengendalian PNPM Mandiri: Kementerian Koordinasi Bidang Kesejahteraan Rakyat, b) perancangan dan pengembangan dasar serta pemantauan dan penilaian: Badan Perencanaan Pembangunan Nasional (Bappenas),

c) pembiayaan: Jabatan Kewangan, d) pelaksanaan pembinaan teknikal: Jabatan-jabatan teknikal yang ada kaitan, dan, e) sosialisasi dan komunikasi: Jabatan Komunikasi dan Informasi. Semua pelaksanaan program ini diuruskan oleh Satuan Kerja yang dibentuk di jabatan teknikal agensi terlibat.

## II. Daerah

Struktur organisasi PNPM Mandiri peringkat daerah terdiri daripada empat pecahan iaitu Tim Koordinasi PNPM Mandiri Provinsi, Tim Koordinasi PNPM Mandiri Kabupaten/Kota, Satuan Kerja PNPM Mandiri di Kabupaten/Kota dan Masyarakat/Komuniti.

### i. Tim Koordinasi PNPM Mandiri Provinsi

Anggota tim ini terdiri daripada agensi yang ada kaitan dengan daerah tersebut di bawah penyelarasan TKPKD provinsi dan dibentuk berdasarkan Surat Keputusan yang dikeluarkan oleh pihak bertanggungjawab TKPKD provinsi. Tugas tim ini adalah; a) menyelaraskan panduan operasi teknikal program-program PNPM Mandiri di provinsi, b) menyelaraskan penyusunan anggaran dan bantuan teknikal pelbagai kegiatan progam sektoral di provinsi, c) menyelaraskan pelaksanaan aktiviti PNPM Mandiri di provinsi, d) memantau dan menilai pelaksanaan aktiviti PNPM Mandiri di provinsi, e) meningkatkan sinergi aktiviti pusat dan daerah, f) memantau dan membantu penyelesaian pelbagai masalah yang muncul dalam pelaksanaan aktiviti dan mengambil tindakan yang sesuai, g) melaporkan perkembangan aktiviti, hasil audit dan penilaian kepada gabenor, dan, h) memastikan proses aktiviti selari dengan peraturan PNPM Mandiri.

### ii. Tim Koordinasi PNPM Mandiri Kabupaten/Kota

Anggota tim ini terdiri daripada agensi yang ada kaitan dengan daerah tersebut di bawah penyelarasan TKPKD Kabupaten/Kota. Tim ini dibentuk berdasarkan Surat Keputusan yang dikeluarkan oleh pihak bertanggungjawab TKPKD Kabupaten/Kota. Tugas tim ini adalah; a) menyelaraskan panduan operasi teknikal program-program PNPM Mandiri di kabupaten/kota, b) menyelaraskan penyusunan anggaran dan bantuan teknikal pelbagai kegiatan progam sektoral di kabupaten/kota, c) menyelaraskan pelaksanaan aktiviti PNPM Mandiri di kabupaten/kota, d) memantau dan menilai pelaksanaan aktiviti PNPM Mandiri di kabupaten/kota, e) meningkatkan sinergi aktiviti pusat dan daerah, f) memantau dan membantu penyelesaian pelbagai masalah yang muncul dalam pelaksanaan aktiviti dan mengambil tindakan yang sesuai, g) melaporkan perkembangan aktiviti, hasil audit dan penilaian kepada ketua daerah (bupati/walikota), dan, h) memastikan proses aktiviti selari dengan peraturan PNPM Mandiri.

### iii. Satuan Kerja PNPM Mandiri Di Kabupaten/Kota

Pelaksanaan PNPM Mandiri di kabupaten/kota dilakukan oleh Satuan Kerja kabupaten/kota. Kecamatan merupakan Satuan Kerja Pentadbiran Daerah (SKPD) kabupaten/kota yang memberikan perkhidmatan kepada desa/kelurahan dan bertugas membantu mereka dalam bekerjasama antara desa/kelurahan bagi kepentingan program. Kecamatan juga bertugas untuk melakukan pembangunan, menguatkan kapasiti organisasi kerjasama antara desa/kelurahan serta menguruskan pentadbiran aktiviti untuk menjamin akauntabiliti dan ketelusan program.


#### iv. Masyarakat/Komuniti

Masyarakat membentuk atau mengembangkan organisasi masyarakat yang salah satu fungsinya adalah menguruskan aktiviti di kecamatan dan desa/kelurahan. Organisasi di kecamatan adalah Badan Kerjasama Antara Desa (BKAD) dengan Musyawarah Antara Desa (MAD) sebagai forum tertinggi membuat keputusan dan Unit Pengelola Kegiatan (UPK) sebagai penyelaras yang bertanggungjawab kepada MAD. Musyawarah antara desa/kelurahan dilakukan melalui Musyawarah Perencanaan Pembangunan (Musrenbang) yang dibantu oleh fasilitator PNPM Mandiri supaya agenda dari hasil perancangan partisipatif PNPM Mandiri menjadi bahan perbincangan Musrenbang kecamatan dan wakil-wakil masyarakat.

Organisasi PNPM Mandiri di desa/kelurahan adalah organisasi pengurusan kendiri yang dibentuk dan ditetapkan oleh masyarakat serta bertanggungjawab kepada masyarakat melalui musyawarah desa/kelurahan. Organisasi ini berfungsi secara kolektif dan bertanggungjawab terhadap pengurusan aktiviti PNPM Mandiri di desa/kelurahan. Prinsip pemilihan keanggotaan dan pengurusan ahli dibuat secara langsung, umum, bebas dan rahsia. Proses pemilihan dilakukan dengan cara tanpa kempen, tanpa pencalonan, bertahap dimulai dari peringkat bawah menggunakan kad pemilih dan tapisan latar belakang. Keanggotaan dan penglibatan adalah bersifat sukarela dan tempoh masa yang dipersetujui oleh masyarakat. Bagi menjayakan pengurusan program, PNPM Mandiri memerlukan tenaga penggerak yang dapat menjadi pelopor aktiviti bagi pembangunan setempat. Penggerak-penggerak ini diambil dari kalangan masyarakat yang mengambil berat perkembangan dalam masyarakatnya, memiliki komitmen yang tinggi dan tidak ada kepentingan peribadi. Kelompok masyarakat yang ada ini dapat menjadi pelaksana atau penyelaras aktiviti PNPM Mandiri yang seterusnya.

## *Perkembangan Organisasi PNPM Mandiri*

Ruang lingkup perkembangan organisasi PNPM Mandiri meliputi perkembangan formal dan informal (Rajah 2.7). Perkembangan formal meliputi peraturan dasar organisasi manakala informal meliputi penyesuaian terhadap pengalaman, nilai-nilai tradisi, agama dan faktor-faktor yang mempengaruhi bentuk persepsi subjektif individu.



**Rajah 2.7:** Rancangan mekanisme pelaksanaan PNPM Mandiri

PNPM Mandiri memiliki prinsip-prinsip berikut untuk mencapai sasarnya iaitu; 1) semua bentuk program intervensi dan aturan tidak boleh mengesampingkan fabrik sosial yang sudah kukuh seperti bekerjasama, gotong-royong dan sebagainya, asas kerjasama bukan sekadar memiliki tujuan yang sama malah peraturan juga disepakati secara sukarela, 2) semua peraturan sama ada formal atau informal yang diterapkan dalam PNPM Mandiri merupakan longgokan dari keperluan sebenar masyarakat, dan, 3) pelbagai bentuk organisasi perlu disertai dimensi tadbir urus yang baik untuk meminimumkan impak sosial dan kesan-kesannya yang bakal muncul kelak.

### *Pendanaan dan Pengurusan Kewangan*

#### a. Sumber dan Peruntukan Dana

Sumber dana pelaksanaan PNPM Mandiri diperolehi dari; a) Anggaran Pendapatan dan Belanja Negara (APBN) sama ada dari Rupiah Murni ataupun pinjaman dan hibah, b) Anggaran Pendapatan dan Belanja Daerah (APBD) provinsi terutama untuk menyokong penyediaan dana bantuan bagi kabupaten dengan perbelanjaan yang rendah, c) APBD Kabupaten/Kota sebagai dana bantuan dengan had minimum 20 peratus bagi kabupaten/kota dengan kapasiti perbelanjaan yang rendah dan minimum 50 peratus bagi kabupaten/kota dengan kapasiti perbelanjaan yang sederhana ke atas daripada jumlah keseluruhan Bantuan Langsung Masyarakat di kabupaten/kota, d) sumbangan pihak swasta melalui tanggungjawab sosial korporat, dan, e) masyarakat sendiri melalui organisasi bukan kerajaan, institusi pengajian tinggi, organisasi masyarakat dan individu. Dana dari ABPD, sumbangan pihak swasta dan masyarakat merupakan sumbangan yang bersinergi dengan dana dari APBN berdasarkan mekanisme tertentu. Dana yang diperolehi dari luar negara seperti pinjaman atau hibah diselaraskan oleh Tim Pengendali PNPM

Mandiri. Semua sumber dana ini digunakan untuk memenuhi keperluan program yang melibatkan pembangunan komuniti, Bantuan Langsung Masyarakat, peningkatan kapasiti kerajaan dan penggerak tempatan serta bantuan pengurusan dan pengembangan program.

**b. Pengurusan Kewangan Program**

I. Persiapan Penyaluran Dana

PNPM Mandiri bertanggungjawab dalam penyaluran dana untuk aktiviti yang telah dirancang dan dilaksanakan dengan mengajukan Surat Perintah Pembayaran dan Surat Perintah Membayar kepada Pejabat Perkhidmatan Perbendaharan Negara. Bank pelaksana akan menyalurkan dana yang diminta kepada penerima. Oleh itu, peserta perlu membuka akaun mereka di bank yang telah dikenal pasti dengan tiga contoh tanda tangan peserta. Penyaluran dana Bantuan Langsung Masyarakat ke akaun dilakukan secara bertahap sesuai dengan jenis bantuan dan keperluan. Jika terdapat salah guna atau penyelewengan bantuan, PNPM Mandiri boleh membatalkan sebahagian atau keseluruhan dana berkenaan.

II. Akauntansi dan Pelaporan

Pengurusan kewangan program dilakukan oleh sekretariat kerja PNPM Mandiri mengikut sistem dan prosedur kewangan kerajaan. Sekretariat kerja juga membuat laporan konsolidasi pengurusan kewangan program sama ada dana tersebut berasal dari dalam negara mahupun luar negara. Di peringkat daerah, sekretariat kerja PNPM Mandiri membuat laporan konsolidasi pengurusan kewangan program yang memuatkan laporan pelaksanaan yang diuruskannya sama ada dari Anggaran Pendapatan dan Belanja Negara

(APBN) ataupun Anggaran Pendapatan dan Belanja Daerah (APBD). Format dan bentuk laporan kewangan program adalah sama di antara agensi terlibat supaya tidak berlaku pertindihan antara satu sama lain.

### III. Audit

Sekretariat kerja PNPM Mandiri bertanggungjawab menyiapkan dan membuat laporan konsolidasi pengurusan kewangan program seterusnya diaudit oleh institusi audit dalaman mahupun luaran. Audit luar yang dipilih oleh sekretariat kerja ini mesti diambil dari institusi audit rasmi yang dipersetujui bersama. Bagi sumber dana luar negara, laporan audit tahunan mesti dikemukakan kepada pihak penyumbang sekurang-kurangnya enam bulan selepas akaun tahunan berakhir. Selain kewangan, pihak audit turut melakukan penilaian ke atas pencapaian program berdasarkan indikator-indikator yang ditetapkan. Unit Pengelola Kegiatan (UPK) atau organisasi masyarakat penerima bantuan bertanggungjawab menyiapkan laporan kewangan supaya semua maklumat dapat dirujuk dan diketahui oleh masyarakat umum.

### IV. Transparensi dan Akauntabiliti

Proses transparensi adalah langkah menyebarluaskan keputusan dan pencapaian yang telah diperolehi dari aspek kewangan, pengurusan aktiviti, penerima bantuan dan maklumat yang berkaitan melalui papan kenyataan yang diletakkan di tempat strategik, forum, media, audit tahunan dan laporan kewangan. Dalam aspek akauntabiliti, proses pembuatan keputusan dan pengurusan aktiviti serta kewangan perlu berdasarkan kepada prinsip kebertanggungjawaban yang terdapat dalam PNPM Mandiri. Akauntabiliti ini pada dasarnya diterapkan melalui pemberian akses kepada semua pihak yang berkepentingan

untuk melakukan audit, mendapatkan maklum balas dan berkongsi maklumat di peringkat program, daerah dan masyarakat. Ia dilakukan melalui perundingan, penyelarasan berkala, perjumpaan bersama penerima bantuan, pertemuan tahunan atau forum yang melibatkan PNPM Mandiri dan masyarakat.

### *Strategi Operasional PNPM Mandiri*

Strategi Operasional PNPM Mandiri berdasarkan tahap berikut.

#### a. Pembelajaran

Tahap pembelajaran merupakan tahap pengenalan bagi masyarakat, kerajaan dan ejen pembangunan. Dalam tahap ini, masyarakat dan ejen pembangunan di peringkat kecamatan hingga desa/kelurahan mendapat peluang untuk memahami mekanisme pengurusan pembangunan partisipatif yang ditawarkan PNPM Mandiri. Bagi pihak kerajaan, tahap pembelajaran dijadikan sebagai bahan pembelajaran dalam penerapan pengurusan pembangunan partisipatif dan penerapan model kerjasama antara kerajaan pusat dan pentadbiran di kabupaten/kota bagi mempersiapkan, melaksanakan dan mengendalikan program. Tahap pembelajaran memerlukan tempoh dua tahun bergantung kepada keadaan tempat dan kesediaan masyarakatnya.

Aspek yang diberi perhatian untuk mencapai kejayaan pada tahap ini adalah; a) bantuan dana merupakan faktor utama penggerak proses pemerkasaan masyarakat yang menjadi medium bagi meyakinkan masyarakat bahawa mereka mampu menyusun perancangan dan melaksanakan pembangunan sendiri, b) menyediakan bantuan dana dan bantuan khusus kepada golongan wanita atau kelompok terpinggir (minimum 30 peratus

dari peruntukan Bantuan Langsung Masyarakat), c) peranan perunding atau fasilitator yang dominan dalam proses pelaksanaan PNPM Mandiri, d) rasa berpunya terhadap program dalam kalangan masyarakat, institusi sosial dan pentadbiran desa dan daerah belum kuat dan masih bergantung kepada perunding dan fasilitator, e) bagi mengurangkan kebergantungan masyarakat kepada perunding, kedua-dua pihak iaitu perunding dan fasilitator menggunakan pendekatan yang sesuai untuk membina keyakinan ejen pembangunan dalam masyarakat tempatan untuk melaksanakan program PNPM Mandiri, dan, f) proses perancangan partisipatif belum diintegrasikan ke dalam sistem perancangan pembangunan perdana.

b. Kemandirian

Tahap kemandirian adalah proses intensifikasi dari tahap internalisasi yang dimulai di lokasi di mana masyarakat pernah melaksanakan program pemerkasaan melalui proses berikut; a) insitusi pelaksana pembangunan partisipatif di desa/kelurahan dan kecamatan, b) institusi pelaksana pendanaan mikro yang berdasarkan masyarakat untuk membantu golongan miskin, dan, c) peningkatan kapasiti masyarakat dan pentadbiran tempatan dalam pelaksanaan pembangunan partisipatif dan berkesinambungan.


Tahap ini disasarkan selama dua tahun. Aspek yang diberi perhatian untuk mencapai kejayaan pada tahap ini adalah; a) bantuan peruntukan dana yang bersifat rangsangan sehingga dana dari swadaya dan sumber-sumber lain menjadi faktor penggerak kepada pembangunan komuniti dan daerahnya, b) kemudahan pelaksanaan PNPM Mandiri lebih banyak dilakukan oleh ejen pembangunan tempatan yang terdiri daripada masyarakat itu sendiri, c) rasa berpunya terhadap program semakin kuat dalam kalangan masyarakat dan pentadbiran daerah sehingga peranan perunding atau fasilitator lebih

difokuskan kepada peningkatan kapasiti masyarakat, ejen pembangunan tempatan dan kakitangan pentadbiran daerah, d) masyarakat, pentadbiran daerah, perunding dan fasilitator telah menjadi rakan kongsi yang akrab, dan, e) proses perancangan partisipatif telah diintegrasikan ke dalam sistem perancangan pembangunan perdana.

c. Kesinambungan

Tahap kesinambungan dimulai dengan proses menyiapkan masyarakat agar mampu meneruskan pelaksanaan program pembangunan secara berdikari. Proses ini memerlukan tempoh setahun untuk dilengkapkan. Pada tahap ini masyarakat dapat menghasilkan keputusan pembangunan yang rasional dan adil, semakin sedar tentang hak dan tanggungjawab dalam pembangunan, mampu memenuhi keperluan sendiri dan berupaya melaksanakan pelbagai potensi sumber daya yang ada dalam usaha meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat.

Aspek yang diberi perhatian untuk mencapai kejayaan pada tahap ini adalah; a) swadaya masyarakat sebagai faktor penting menggerakkan proses pembangunan, b) perancangan secara partisipatif, terbuka dan demokratik sudah menjadi kebiasaan bagi masyarakat dalam merancang aktiviti pembangunan dan masyarakat mampu membangunkan perkongsian dengan pelbagai pihak untuk menggembungkan sumber daya untuk melaksanakan proses pembangunan, c) kapasiti pentadbiran daerah meningkat sehingga lebih kritikal dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat, dan, d) kehadiran perunding atau fasilitator adalah atas permintaan masyarakat atau pentadbiran daerah sesuai dengan keperluan mereka. Proses pemerkasaan masyarakat dalam PNPM Mandiri diprogramkan dalam lapan langkah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.8.



**Rajah 2.8:** Proses pemerkasaan masyarakat dalam PNPM Mandiri

## 2.5 KESIMPULAN

Program pembasmian kemiskinan di Malaysia dan Indonesia memerlukan penglibatan agensi kerajaan bagi memastikan kumpulan sasar mendapat faedah yang maksimum. Tindak balas kedua-dua kerajaan dalam program pembangunan sosial seperti ini sangat jelas iaitu memantau dengan dekat setiap peringkat pelaksanaan supaya matlamat yang

dikehendaki akan tercapai. Walaupun terdapat pelbagai strategi yang telah diperkenalkan oleh ramai pakar sosial, pelaksanaan program pembasmian kemiskinan di Malaysia dan Indonesia ini mengambil kira kesesuaian taraf hidup, kepelbagaian budaya dan keperluan masyarakat setempat.

## BAB 3

### KERANGKA TEORITIKAL: TEORI PEMBANGUNAN SOSIAL

#### 3.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji mengulas bahan-bahan akademik dan kajian-kajian terdahulu mengenai pembangunan sosial dan intervensi sosial. Bagi memudahkan pembacaan, struktur bab ini disusun seperti berikut: i) definisi pembangunan sosial, ii) prinsip pembangunan sosial, iii) kaitan antara pembangunan sosial dengan institusi kerja sosial, iv) Model Piawaian Pembangunan Sosial, dan, v) strategi pembangunan sosial.

#### 3.2 DEFINISI PEMBANGUNAN SOSIAL

Pembangunan sosial adalah satu konsep yang luas, kompleks dan sukar difahami disebabkan empat perkara. Pertama, aktiviti pembangunan sosial merangkumi skop yang lebih besar daripada perkembangan individu kerana rangkumannya melibatkan perkembangan geopolitik dunia. Kedua, ia mengambil kira pelbagai bidang disiplin yang setiap satunya mempunyai perspektif sendiri. Ketiga, inisiatif pembangunan sosial adalah terlalu kompleks kerana ia merupakan inisiatif-inisiatif untuk mengintegrasikan ekonomi, sosial, politik dan budaya yang merentas pelbagai tahap pembangunan. Keempat, terdapat pertimbangan nilai dalam pembangunan sosial. Keempat-empat ciri ini sebahagiannya menjadi penyebab kepada perkembangan teori pembangunan (Estes, 1998; Beverly & Sherraden, 1997; Meinert & Kohn, 1987; Pandey, 1981).

Walaupun banyak cabaran, pembangunan sosial menjadi bidang penting bagi memastikan faedah kemajuan ekonomi diperolehi oleh komuniti. Namun begitu,

kegagalan membentuk keharmonian ekonomi dan sosial sering diketepikan. Pembahagian pendapatan yang tidak seimbang, kemiskinan, kekurangan rumah, tahap kesihatan kurang memuaskan dan pemunggiran kelompok-kelompok tertentu dalam pembangunan merupakan manifestasi kegagalan proses harmoni tersebut. Midgley (2014, 2012, 1995) mengatakan walaupun isu kemiskinan masih jauh lagi menjadi cabaran, kadar jangka hayat, celik huruf dan perkhidmatan kesihatan telah bertambah baik di negara-negara membangun. Justeru, pembangunan sosial boleh dilihat sebagai pelengkap kepada pembangunan berorientasikan ekonomi.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (1969) memainkan peranan yang signifikan dalam menggerakkan dan menggalakkan strategi pembangunan sosial. Usaha ini boleh dilihat daripada definisi pembangunan sosial oleh PBB untuk menghapuskan kemiskinan dan menggalakkan pembangunan sosial seiring dengan perkembangan ekonomi;

*“...the greater capacity of the social system, social structure, institutions, services and policy to utilize resources to generate favorable changes in levels of living, interpreted in the broad sense as related to accepted social values and a better distribution of income, wealth and opportunities”.*

(hal: 2)

Secara umum, pembangunan sosial ini merupakan satu usaha untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti, melakukan proses integrasi penambahbaikan sosial dengan pertumbuhan ekonomi serta memastikan semua anggota masyarakat mengambil bahagian dalam proses pembangunan. Sikap pemerintah di beberapa negara maju dan membangun yang benar-benar menggunakan sumber negara untuk manfaat semua pihak, menyebabkan pembangunan sosial masih relevan (Hall & Midgley, 2004; Midgley, 1995; Jones, 1981).

Pembangunan sosial telah menarik minat tokoh-tokoh sosial untuk mengenangkan model dan definisi masing-masing. Antaranya ialah Paiva (1977) yang mendefinisikan pembangunan sosial sebagai “proses perancangan perubahan institusi untuk memenuhi dua bahagian iaitu keperluan manusia dan aspirasi serta program-program dan dasar sosial”. Kunci kepada perancangan dan pelaksanaan pembangunan sosial ini ialah; 1) integriti, 2) matlamat serta insitusi sosial dan ekonomi, 3) perubahan struktur seperti reformasi tanah, status wanita atau akses kepada peluang, 4) pembangunan institusi, penyediaan sokongan ke atas struktur sosial dan nilai-nilai yang mengekalkan pembangunan lestari, dan, 5) memberi nafas baru ke atas peranan institusi dalam meneruskan maklum balas dan penilaian.

Sumbangan Jones (1981) dan Pandey (1981) terhadap maksud pembangunan sosial boleh ditelusuri dalam buku *“Social Development”* yang mengatakan pembangunan sosial adalah suatu proses perubahan institusi yang terancang untuk memenuhi keperluan manusia dan aspirasi program dasar sosial. Definisi ini membayangkan, 1) keperluan intervensi sosial, 2) penekanan kepada perubahan institusi sosial (seperti dasar, program, agensi dan peranan sosial) berbanding mengubah individu, dan, 3) kemungkinan terdapat penilaian yang berasaskan kepada kecenderungan persepsi, pengalaman dan sebagainya.

Streeten, Burki, Haq, Hicks dan Stewart (1981) pula mengemukakan pendekatan keperluan asas yang turut diangkat sebagai pembangunan sosial. Pernyataan yang digunakan itu adalah “*...attempts to provide the opportunities for the full physical, mental, and social development of the human personality...*” (hal. 33). Pendekatan ini melibatkan struktur dasar pelaburan, pengeluaran, penggunaan dan pekerjaan untuk memenuhi kepuasan ke atas keperluan masyarakat, khususnya keperluan pendidikan dan kesihatan. Keutamaan diberikan kepada kumpulan sasar yang miskin supaya mereka lebih produktif

(Ishak, 2002; So, 1990; Seers, 1972, 1969). Pendekatan ini turut memenuhi keperluan yang tidak bersifat material seperti semangat untuk maju, cekal, keselamatan diri, mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan, mengenal pasti budaya dan mengetahui tujuan hidup dan bekerja (Streeten *et al.*, 1981).

Seterusnya, yang terakhir adalah definisi pembangunan sosial yang diberikan oleh Midgley (2014) iaitu “*a process of planned social change designed to improve the well-being of the population as a whole within the context of a dynamic multifaceted development process*” (hal. 13). Definisi ini menunjukkan sedikit pembaharuan daripada definisi beliau sebelum ini (Midgley, 1995) iaitu “*a process of planned social change designed to promote the well-being of the population as a whole in conjunction with a dynamic process of economic development*” (hal. 25). Midgley membina perspektif ini yang bertentangan dengan pembangunan terbantut (*distorted development*) [pemisahan antara sosial dan kemakmuran ekonomi], bukti di kebanyakan negara yang mana pembangunan ekonomi memberi manfaat kepada kelompok minoriti tetapi membiarkan kelompok majoriti berada dalam keparahan kemiskinan dan tidak ada perubahan (Bak, 2002).

Dalam definisi ini, Midgley mengenal pasti perspektif proses perubahan sosial yang berterusan. Proses perubahan mesti dirancang dan melihat kebajikan keseluruhan penduduk. Jika perancangan dibuat hanya melihat ke atas sesetengah penduduk berbanding keseluruhan penduduk, ia tidak dikira sebagai perancangan pembangunan sosial. Definisi ini juga memfokuskan integrasi sosial dan matlamat ekonomi dalam pembangunan polisi dan ekonomi dapat berada sebelah-menyebelah.

Midgley (1995) juga berpendapat idea asas perspektif ini dihubungkan dengan galakan kebijakan kemanusiaan untuk pembangunan ekonomi. Beliau percaya pembangunan sosial mencetuskan sumber untuk komuniti dengan menghubungkan sosial bersama pembangunan ekonomi, berbanding melihat kebijakan sebagai bertentangan kepada pertumbuhan ekonomi (Payne, 1997). Midgley percaya pembangunan terganggu apabila kemajuan sosial tidak selari dengan pembangunan ekonomi. Beliau juga percaya kemajuan sosial bergantung kepada keharmonian pembangunan ekonomi dan sosial. Justeru dasar dan program yang dilaksanakan dapat meningkatkan kebijakan masyarakat, dan pada masa yang sama menyumbang secara positif kepada kemajuan ekonomi.

Pembangunan sosial mengutamakan hubungan langsung antara dasar dan program kebijakan sosial dengan pembangunan ekonomi. Pendekatan ini tidak hanya menyediakan cakupan ekonomi yang lebih luas tetapi juga menggalakkan pembangunan secara aktif. Midgley (1995) mencadangkan kemajuan ke arah pencapaian matlamat pembangunan sosial wajar ditentukan dalam bentuk yang boleh diukur. Ini kemudian membawa kepada penerapan pendekatan institusi yang bertujuan; 1) menggerakkan institusi sosial seperti pasaran, komuniti dan kerajaan bagi menggalakkan kebijakan masyarakat, 2) mengintegrasikan strategi pembangunan sosial individu, komuniti dan kerajaan dengan mengutamakan peranan kerajaan, 3) menggerakkan kompromi dalam kalangan kepelbagaiannya fahaman ideologi, dan, 4) mewujudkan keupayaan profesional dan organisasi untuk melaksanakan strategi pembangunan sosial di peringkat tempatan dan antarabangsa.

### **3.3 PRINSIP PEMBANGUNAN SOSIAL**

Midgley (2012) serta Midgley dan Livermore (2009) mengatakan tiga prinsip pendekatan pembangunan sosial yang dikenal pasti oleh sarjana sosial dan dasar sosial adalah:

- (i) tanggapan terhadap proses perubahan sosial,
- (ii) intervensi sosial; dan,
- (iii) universalisme (kesejagatan).

Prinsip-prinsip berkenaan mencerminkan perbezaan perspektif normatif dan ideologi serta mendedahkan usaha perjuangan ideologi untuk mencapai matlamat pembangunan sosial.

#### **3.3.1 Tanggapan Perubahan Sosial**

Perubahan sosial yang progresif adalah prinsip utama pembangunan sosial. Penyokong pembangunan sosial menolak pandangan statik atau konservatif yang membiarkan keadaan sosial semasa atau menyimpulkannya sebagai tidak boleh dilakukan apa-apa untuk memperbaiki kebajikan manusia. Mereka mengambil pandangan optimistik yang mempercayai bahawa perubahan adalah satu kemungkinan dan masalah sosial seperti kemiskinan, kemelaratan sosial, masalah kesihatan, buta huruf, tempat tinggal yang tidak mencukupi, ketaksamaan, eksplorasi dan ketidakadilan boleh ditangani (Midgley & Livermore, 2009). Walaupun pandangan ini telah dikritik sebagai terlalu idealistik dan juga bersifat utopia, penyokong pembangunan sosial mengakui dasar pembangunan sosial dan program-program yang dilaksanakan telah menunjukkan penambahan yang ketara dalam banyak negara dan perubahan pada masa hadapan juga menunjukkan keadaan yang sama. Kepentingan konsep perubahan sosial yang progresif dalam pembangunan sosial

mencerminkan tanggapan bahawa pembangunan sosial sebagai satu proses yang berkembang (Midgley, 2012; Midgley & Livermore, 2009; Midgley & Hall, 1995).

Aktivis pembangunan sosial mengatakan perubahan sosial tidak berlaku serta-merta tetapi berkembang melewati masa, melibatkan ejen yang berbeza, peruntukan sumber serta komitmen politik. Oleh itu, pembangunan sosial boleh berbeza dengan pendekatan-pendekatan lain seperti kebajikan atau penyampaian khidmat sosial yang tidak menekankan perlunya proses perubahan progresif yang berterusan.

Proses dalam pembangunan sosial juga mencerminkan maklum balas yang lebih luas dan konsep pembangunan yang pelbagai rupa yang saling bergantung kepada ekonomi, sosial, gender, politik dan dimensi ekologi dalam proses pembangunan. Penyokong pembangunan sosial menegaskan dimensi yang berbeza ini dikaitkan dengan berkesan dalam pembangunan dasar, program dan projek yang dilaksanakan. Idea ini dapat diungkapkan dalam tiga asas. Pertama, pengharmonian komponen yang berbeza-beza dalam proses pembangunan dan menggunakan pendekatan organisasi untuk mencapai matlamat berkenaan. Hal ini bermaksud pembangunan dasar, program dan projek wajar dilaksanakan melalui sebuah agensi untuk menjayakan pembangunan sosial. Agensi ini ditubuhkan secara formal, mempunyai struktur dan dianggotai oleh individu yang memiliki pelbagai latar belakang dan pengalaman. Walaupun pemikiran dasar sosial konvensional telah mengatakan perbezaan yang ketara antara intervensi ekonomi dan sosial, pengkaji pembangunan sosial telah menggesa pengenalan pengaturan yang formal bagi mengintegrasikan dasar ekonomi dan sosial (Midgley, 2012).

Asas yang kedua ialah dasar pembangunan ekonomi harus “berpusatkan kemanusiaan” dan mapan serta menggalakkan kesejahteraan masyarakat secara

keseluruhan. Esping-Andersen (1990) menggunakan konsep ini untuk menunjukkan pencapaian Sweden yang berjaya membantu mencapai tahap guna tenaga penuh melalui pendidikan, latihan kerja dan pelaburan modal insan di samping perkhidmatan kesihatan dan penjagaan kanak-kanak yang menyokong guna tenaga kerja penuh ini. Menurut Midgley (2014, 2012), pembangunan berpusatkan kemanusiaan ini memerlukan dasar ekonomi pembangunan yang aktif mempromosikan penyertaan ekonomi melalui pengwujudan pekerjaan yang menguntungkan, peningkatan pendapatan, pelaburan dalam pendidikan dan kemahiran serta memastikan pertumbuhan ekonomi meningkatkan tahap hidup penduduk.

Asas ketiga ialah intervensi sosial, program dan projek yang wajar meningkatkan penyertaan kumpulan sasar dalam ekonomi produktif melalui pelaburan sosial (Midgley, 2010). Sebagai contoh, intervensi yang menggerakkan manusia dan modal sosial, mewujudkan peluang pekerjaan, menggalakkan perusahaan mikro dan pengumpulan aset serta memberi keutamaan kepada penyertaan ekonomi. Pelaburan berproduktiviti menggalakkan kesejahteraan dengan meningkatkan keupayaan dan memupuk penyertaan dalam kegiatan ekonomi. Di samping itu, kumpulan sasar ini dapat menyumbang secara positif kepada pembangunan. Walaupun sering disasarkan kepada keluarga miskin dan mereka yang secara tradisinya dibantu oleh sistem kebijakan, kedua-duanya mempunyai kaitan. Matlamat menggalakkan kebijakan sosial melalui intervensi pengeluaran ini dikatakan sebagai ciri pembangunan sosial yang paling menonjol (Midgley, 2012). Hal ini kerana pendekatan pembangunan sosial juga dikenali sebagai pelaburan sosial atau secara teknikalnya sebagai pendekatan intervensi pengeluaran dalam dasar sosial (Midgley; 1997, 1995). Di samping itu, Sen (1999, 1985), Giddens (1998), Sherraden (1991) dan Esping-Anderson (1990) turut mengatakan integrasi dasar sosial dan pasaran

ekonomi serta peranan pelaburan dalam kebijakan sosial membantu pelaksanaan pendekatan intervensi pengeluaran.

Midgley dan Livermore (2009) menggariskan pendekatan ini melalui pelaburan dalam pembangunan modal insan. Ia bermaksud pelaburan dalam pemakanan, rawatan kesihatan, pendidikan dan tempat perlindungan memberikan pulangan sosial yang positif dalam peningkatan penyertaan dan meningkatkan hubungan serta kestabilan sosial. Pelaburan ini juga menjana pulangan ekonomi yang positif dalam peningkatkan produktiviti, pertambahan dalam pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan ketakseimbangan pendapatan serta aset (Beverly & Sherraden, 1997). Penubuhan pusat jagaan kanak-kanak menunjukkan impak yang sangat besar ke atas pembangunan modal insan (Kirp, 2007).

### **3.3.2 Intervensi Sosial**

Prinsip intervensi sosial adalah satu lagi prinsip utama dalam pembangunan sosial. Pendukung pembangunan sosial percaya proses perubahan sosial yang progresif tidak berlaku secara spontan atau sengaja disebabkan kuasa semula jadi sosial dan ekonomi tetapi kerana usaha manusia, organisasi dan kerajaan yang komited untuk memperbaiki keadaan sosial (Midgley, 2012). Penyumbang yang berbeza seperti ahli isi rumah dan keluarga, komuniti berasaskan persatuan masyarakat awam dan organisasi berasaskan agama turut menyumbang kepada proses pembangunan sosial. Kerajaan adalah agensi yang amat penting untuk mempromosikan perubahan sosial. Selain itu, pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan berperanan melakukan intervensi. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang ketara tentang peranan bagi setiap penyumbang ini. Kita boleh

mengambil peranan kerajaan Malaysia sebagai contoh intervensi sosial di peringkat tempatan.

Kerajaan Malaysia sangat mengambil berat mengenai kemiskinan kerana masalah kemiskinan yang utama ialah di kawasan luar bandar yang melibatkan masyarakat Melayu. Program pembasmian kemiskinan bersifat intervensi sentiasa diperkenalkan dari semasa ke semasa (Mohd. Taib, 2006; Wood, 2005; Nor Aini & Chamhuri, 2003). Dengan melihat struktur kerja dan tahap pendapatan kelompok ini yang rata-ratanya berkaitan dengan pertanian, masyarakat luar bandar menerima pendapatan yang sedikit disebabkan polisi pihak British yang mengamalkan pendekatan “pecah dan perintah”. Kerajaan pernah memperkenalkan Revolusi Hijau bagi menambahkan pengeluaran beras berdasarkan pengenalan penanaman padi dua kali setahun dengan menggunakan benih yang berhasil tinggi, bahan kimia, sistem pengairan dan alat jentera. Istilah Revolusi Hijau merujuk kepada perubahan yang berkaitan dengan pengetahuan teknologi pertanian makanan bijian baru yang mula diperkenalkan di negara-negara Dunia Ketiga pada tahun 1960-an. Para petani di kawasan Revolusi Hijau telah mendapat faedah daripada projek ini seperti di kawasan pengairan Muda di Kedah dan Perlis. Antara tahun 1965 dan 1975, pendapatan petani di kawasan ini telah meningkat sebanyak 2.4 kali ganda (Jomo, 1991).

Usaha kerajaan bagi membasmi kemiskinan secara besar-besaran dimulakan dengan Dasar Ekonomi Baru dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) yang mengatakan salah satu objektifnya ialah pembasmian kemiskinan. Matlamatnya ialah mengurangkan kadar kemiskinan daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 16.7 peratus pada tahun 1990 (Malaysia, 1971). Malaysia adalah antara beberapa buah negara membangun yang dikatakan telah berjaya mengurangkan kemiskinan (Shamsul Amri, 2011). Sepanjang tempoh DEB, sejumlah RM329,000 juta telah diperuntukkan untuk

pembasmian kemiskinan yang meliputi Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima. Perbelanjaan ini meliputi 73.1 peratus daripada perbelanjaan pembangunan kerajaan bagi tempoh berkenaan (Malaysia, 1991b).

Proses pelaksanaan dasar dan strategi pembasmian kemiskinan lebih banyak melalui proses “atas-bawah” yang melibatkan perancangan dan pelaksanaan agensi pusat seperti Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelaras Pelaksanaan, kementerian-kementerian dan agensi-agensi di bawahnya, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jawatankuasa Tindakan Negeri dan Daerah (Chamhuri, Abdul Hamid & Ahmad, 1995). Kerajaan menubuhkan beberapa agensi bagi menggerakkan usaha pembasmian kemiskinan seperti FELDA (*Federal Land Development Authority*), FELCRA (*Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority*) dan RISDA (*Rubber Industry Smallholders Development Authority*).

Di samping itu, beberapa program khusus yang lebih terancang telah dilaksanakan oleh kerajaan dengan tumpuan kepada masyarakat luar bandar. Salah satu daripadanya adalah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang diperkenalkan pada tahun 1989. PPRT telah diwujudkan khusus untuk membantu golongan miskin seramai 107,000 orang di seluruh negara. Sebanyak RM600 juta telah diperuntukkan bagi program ini dengan matlamat membantu keluarga termiskin di seluruh negara berdikari dan menjayakan diri dalam arus pembangunan negara. PPRT melibatkan enam buah kementerian yang dikoordinasi oleh Jabatan Perdana Menteri (Mohd Taib, 2002).

Kerajaan negeri turut membantu menjayakan projek-projek sosioekonomi PPRT melalui agensi negeri masing-masing seperti DARA, KEJORA, KESEDAR, KETENGAH, PERDA, KEDA dan JENGKA. Mohd Taib (2002) menjelaskan bahawa

tiga agensi kerajaan yang aktif memberi bantuan ialah KEMAS (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah), Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) dan Baitulmal (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan). Setiap agensi ini mempunyai kumpulan sasar masing-masing seperti Baitulmal yang memberi fokus kepada golongan fakir manakala KEMAS dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia memberi bantuan kepada mereka yang berpendapatan kurang daripada RM300 sebulan sebagai sasaran.

Melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) 2006-2010, kerajaan Malaysia memperuntukkan sebanyak RM11.52 bilion yang mana RM4.46 bilion diperuntukkan untuk membasi kemiskinan dan RM7.06 bilion lagi bagi menyusun semula masyarakat. Kemiskinan tegar dikurangkan melalui peluasan program berpakej di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) seperti Program Peningkatan Ekonomi, Program Pembangunan Infrastruktur Asas dan Program Pembangunan Insan kepada kumpulan sasar bagi membangunkan modal insan dan bina upaya (Malaysia, 2006). Walaupun sukar menghapuskan kadar kemiskinan umum, pengurangan daripada 8.5 peratus (1999) kepada 5.7 peratus (2004) adalah sesuatu yang membanggakan. Matlamat mengurangkan kemiskinan tegar daripada 1.9 peratus pada 1999 kepada 1.2 peratus pada 2004 seterusnya kemiskinan tegar sifar telah menjadi kenyataan jika dilihat kepada peruntukan kewangan dan program yang dirancang oleh kerajaan. Tekad dan azam kerajaan untuk mencapai kadar kemiskinan 2.8 peratus selepas berakhirnya tempoh RMK-9 telah menjadi kenyataan (Malaysia, 2011).

Di peringkat global, kejayaan Model Londolozi membawa perubahan ke atas masyarakat Afrika Selatan menunjukkan intervensi sosial berperanan besar dalam pembangunan (Groch, Gerdes, Segal & Groch, 2013). Model ini menyerlahkan kaedah

menjana perniagaan mikro kredit ekonomi yang mewujudkan peluang pekerjaan kepada kumpulan sasar untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Kerjasama dua pihak iaitu Pusat Pembelajaran Londolozi dan pertubuhan bukan kerajaan *Good Work Foundation* telah berjaya menamatkan era kemiskinan di kawasan tumpuan. Kedua-dua pihak ini menawarkan latihan pembelajaran literasi, peluang pendidikan untuk kanak-kanak dan remaja, pendidikan AIDS dan pelbagai perkhidmatan kepada penduduk tempatan. *Good Work Foundation* adalah sebuah pertubuhan yang bercita-cita melakukan transformasi komuniti luar bandar di Afrika Selatan melalui proses intervensi pendidikan ([www.londolozi.com](http://www.londolozi.com)).

Model Londolozi bermula dengan keinginan untuk mengelakkan ekosistem semula jadi dan dibiayai melalui pelancongan ekosistem. Bagaimanapun, sistem ekologi hanya dapat dikekalkan jika penduduk sekitar tidak merosakkan persekitaran atau merampas kehidupan semula jadi alam. Melalui penyediaan pendidikan, perkhidmatan sosial dan pekerjaan kepada penduduk tempatan, Model Londolozi membantu komuniti keseluruhannya bekerja secara harmoni dengan persekitaran mereka. Usaha-usaha ini dilaksanakan oleh masyarakat yang hidup dalam komuniti yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan kedudukan sosial (Groch *et al.*, 2013).

*“During my long walk to freedom, I had the rare privilege to visit Londolozi. There I saw people of all races living in harmony amidst the beauty that Mother Nature offers. Londolozi represents a model of the dream I cherish for the future of nature preservation in our country” – Nelson Mandela*

([www.londolozi.com](http://www.londolozi.com))

Kunci kejayaan Model Londolozi ialah pendidikan khususnya kepada kanak-kanak dan wanita iaitu dengan memperkasa wanita tempatan melalui pelbagai peluang dan sokongan pendidikan berterusan. Dua buah kampung kecil, Justicia dan Lilldale yang

melaksanakan model ini telah berjaya mengeluarkan penduduk kampung daripada era kemiskinan dan pada masa yang sama mengekalkan sistem ekologi dan nilai-nilai budaya hidup mereka. Contohnya, penduduk yang mahir berburu haiwan kini beralih kepada perniagaan gambar safari. Model Londolozi membantu komuniti luar bandar yang mana kemasuhan hidupan alam sekitar dan kemiskinan dilihat sukar diatasi melalui peranan pertubuhan bukan kerajaan ([www.londolozi.com](http://www.londolozi.com)).

### **3.3.3 Universalisme (Kesejagatan)**

Universalisme adalah satu lagi prinsip utama pembangunan sosial. Universalisme merujuk kepada konsep yang digunakan secara meluas dalam dasar sosial dan kajian berkaitan negara kebijakan. Universalisme dirujuk sebagai suatu kaedah pengagihan sumber dalam masyarakat (Anttonen, Sipilä & Baldock, 2003). Definisi universalisme yang khusus ialah menekankan kepentingan manfaat kebijakan manakala definisi universalisme yang lebih luas ialah memberi tumpuan ke atas kelayakan semula jadi (Cox, 2004). Dari perspektif pembuat dasar, universalisme difahami sebagai suatu idea di sebalik penetapan dasar. Di negara-negara yang melaksanakan konsep ini, langkah-langkah dasar terpilih hanya memainkan peranan kecil bagi menyediakan faedah sosial dan perkhidmatan kebijakan. Contohnya, program pembasmian kemiskinan di negara-negara Scandinavia seperti Finland tidak dianggap sebagai matlamat utama dasar sosial (Kanges & Palme, 2005; Korpi & Palme, 1998).

Pada dasarnya, konsep universalisme digunakan untuk membuat perbezaan yang besar untuk idea dan prinsip dasar sosial yang berlainan, namun kerap kali ditujukan ke atas dasar berbentuk agihan semula, penyisihan, terpilih dan keutamaan (*residualism, marginalism, selectivity, and particularism*). Biasanya konsep universalisme diperlukan

untuk mencapai tujuan politik tertentu. Namun terdapat kenyataan bahawa universalisme menjadi teras dan prinsip utama di sebalik reformasi dasar sosial di negara Scandinavia. Dengan meluaskan liputan ke atas insurans sosial keseluruhan penduduk berbanding memberi pampasan ke atas pekerja yang hilang pendapatan, negara-negara itu berikhtiar untuk melepaskan diri daripada tradisi memberi bantuan kepada kelompok miskin ke arah membangunkan akses universal perkhidmatan kebajikan yang mempromosi kesaksamaan dan kesatuan antara kelas sosial, khususnya antara lelaki dan wanita (Kildal & Kuhnle, 2005).

Peranan universalisme dilihat semakin menurun terutamanya disebabkan oleh perkembangan semasa dalam ekonomi dan politik (Mkandawire, 2005; Kemshal, 2002; Clayton & Pontusson, 1998; Cox, 1998; Langan, 1998). Terdapat pemikiran dalam kalangan penyelidik khususnya di negara Scandinavia yang cenderung mengatakan kelemahan universalisme menyebabkan kehilangan besar bagi penduduk dan kerasionalan dalam keseluruhan sistem dasar sosial (Rothstein 2001; Sunesson, 1998). Hal ini kerana model kebajikan dan dasar sosial negara-negara itu kerap kali dirujuk sebagai universalisme. Kildal dan Kuhnle (2005) mengatakan prinsip yang menjadi panduan dasar sosial di sana ialah universalisme iaitu penetapan sebuah negara kebajikan yang merangkumi semua penduduk. Model kebajikan universalisme ini sering digambarkan sebagai “model sosial demokratik” atau “rejim demokratik sosial” (Esping-Andersen, 1990). Oleh itu, dapat difahami bahawa “institusi”, “universalisme” dan “demokrasi sosial” merupakan konsep yang hampir sinonim biarpun tanggapan terhadap “institusi” hampir hilang daripada sorotan-sorotan kajian tentang kebajikan. Pengkaji-pengkaji di negara-negara Scandinavia sering menggunakan label negara kebajikan “universal”, “demokrasi sosial” dan “Scandinavia” untuk menggambarkan maksud yang sama (Bergh, 2004).

Universalisme memberi manfaat dalam dua langkah. Pertama, merangkumkan warganegara yang berkelayakan dan kedua, kaedah peruntukan yang digunakan. Kildal dan Kuhnle (2005) mengatakan keterangkuman melibatkan keahlian untuk semua warganegara termasuk penerima yang berpotensi dan tidak ada yang tersisih. Peruntukan yang digunakan pula bermaksud manfaat yang diagihkan adalah sama rata tetapi mengutamakan penerima yang lebih memerlukan. Kesannya adalah kadar cukai akan meningkat dan kerajaan sendiri keberatan membuat reformasi dasar sosial yang bakal meningkatkan kos. Oleh kerana program universalisme ini mahal dan tidak disasarkan kepada penerima yang benar-benar layak, amat jarang disediakan alternatif kepada dasar penjimatan atau pengurangan kos untuk penerima berkenaan. Program-program berpilih dapat membantu menjimatkan kos dan meningkatkan peluang pekerjaan, justeru proses penswastaan akan terus berlaku (Sipilä & Kröger, 2004).

Dalam situasi umum, universalisme lebih positif terhadap ekonomi. Biarpun mahal, program-program universal menambah baik asas-asas ekonomi seperti perkhidmatan kanak-kanak dan belia khususnya pendidikan yang sangat mustahak dalam pelaburan modal insan dan pembiayaan tunai tidak menghalang penyertaan dalam tenaga penuh. Pentadbiran program-program universal lebih cekap berbanding program-program terpilih dan penerima juga mendapat manfaatnya (Bergh, 2004). Dalam erti kata lain, negara-negara Scandinavia adalah contoh yang baik dalam kecekapan ekonomi dan etika kerja seiring dengan pelaksanaan universalisme. Keadaan ekonomi dalam universalisme lebih penting apabila krisis ekonomi yang runcing telah berakhir. Kemunculan kelompok menengah merupakan kejayaan negara kebijakan yang mengubah iklim politik. Universalisme adalah satu cara untuk menghapuskan perbezaan dalam kalangan masyarakat. Kelebihan utama universalisme adalah keberkesanan pentadbiran sosial, penerima bantuan berasa selamat, galakan integrasi sosial dan serasi dengan keberkesanan

ekonomi. Walau bagaimanapun universalisme bukannya penawar kerana tidak memberi perlindungan sosial kepada semua kelompok sasar (Anttonen *et al.*, 2003).

### **3.4 PEMBANGUNAN SOSIAL DAN INSTITUSI KERJA SOSIAL**

Pertumbuhan ekonomi diperakui sebagai prasyarat kepada pembangunan negara tetapi keperkasaan ekonomi semata-mata tidak akan menjamin kesejahteraan masyarakat yang menyeluruh. Pembangunan negara perlu berpaksikan kepada kerangka pembangunan yang komprehensif yang mana kemajuan ekonomi perlu diimbangi dengan pembangunan dan kemajuan sosial (Barusch, 2011). Sebuah negara yang sedang memacu ke arah peningkatan kualiti hidup untuk semua penduduk seharusnya tidak membataskan konsep kemajuan kepada aspek-aspek yang boleh diukur secara kuantitatif sahaja. Penekanan kepada aspek kualitatif seperti kemantapan sosial, nilai-nilai moral, kekuatan intelektual dan keutuhan budaya perlu diberi perhatian yang saksama. Matlamat utama pembangunan sebenarnya adalah untuk mencapai kesejahteraan secara menyeluruh (Midgley; 2014, 1995).

Pembangunan sosial dihubungkaitkan dengan pelbagai strategi, program dan aktiviti yang menekankan kepada pengisian nilai-nilai yang akan meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan dalam erti kata sebenar (Roziah & Doling, 2000). Proses transformasi sosial, urbanisasi dan globalisasi yang telah memberi implikasi yang ketara kepada masyarakat hari ini menyebabkan kebanyakan negara sedang berusaha untuk mengimbangkan pembangunan sosial dan kemajuan ekonomi.

Ramai tokoh dan pengamal dasar sosial seperti Midgley dan Livermore, (2009), Spicker (2008), Siti Hajar (2007) serta Roziah dan Doling (2000) percaya bahawa individu

dan keluarga tidak dapat memenuhi keperluan sendiri apabila berhadapan dengan kesuraman ekonomi seperti pengangguran. Justeru pada mereka, intervensi pihak kerajaan amat diperlukan. Caranya ialah melalui galakan dalam pertumbuhan ekonomi negara seterusnya menyediakan peluang pekerjaan. Dalam jangka panjang, terdapat penambahbaikan dalam dasar-dasar kerajaan untuk meningkatkan kebijakan sosial dan mencegah daripada berlakunya masalah-masalah sosial yang sedang menjadi trend di seluruh dunia. Penambahbaikan yang dimaksudkan ialah perkhidmatan, program, peraturan, insentif cukai dan perundangan. Semua ini memberi impak kepada kebijakan sosial komuniti dan negara.

Peranan kerajaan dalam memberi kebijakan telah berkembang sejak bermulanya abad ke-21. Antara peranan ini ialah memenuhi keperluan komuniti, mengurus masalah sosial dan mengembangkan potensi yang boleh diperolehi oleh setiap warganegara. Banyak faktor yang menyumbang kepada pengembangan ini seperti penggerak sosial, kesatuan sekerja, pemimpin politik di samping proses industrialisasi, perbandaran, perubahan budaya dan pengecilan keluarga. Kerajaan menggunakan pendekatan yang berbeza-beza untuk memastikan dasar sosial memberi impak kepada komuniti. Walaupun mereka merangka dasar dan menguatkuaskan peraturan dengan harapan dapat meningkatkan kesejahteraan hidup, masih terdapat cara lain yang bersifat intervensi seperti melalui aktiviti ekonomi, pengangkutan, persekitaran dan dasar-dasar awam yang lain. Biarpun tidak memberi impak secara langsung ke atas dasar sosial, sedikit sebanyak ia memberi impak ke atas keadaan sosial dalam komuniti.

Dasar sosial kerajaan telah diakui dan dilaksanakan melalui perundangan. Pelbagai jenis undang-undang dan peraturan digunakan untuk menyokong kebijakan sosial seperti membenarkan sesetengah agensi kerajaan memperkenalkan perkhidmatan terkini,

menukar perkhidmatan sedia ada atau menghentikan perkhidmatan yang usang. Peruntukan kerajaan juga menentukan cara dan bagaimana program-program sosial ini dilaksanakan. Pada masa yang sama, cukai yang dikutip oleh kerajaan untuk menggalakkan kebajikan dalam komuniti dikawal oleh perundangan. Kerajaan kerap menggunakan peruntukan belanjawan untuk meningkatkan kebajikan sosial negara. Peruntukan seperti ini digunakan untuk membiayai pelbagai jenis program bagi menyokong pemenuhan keperluan ke atas kumpulan sasar. Oleh kerana kerajaan berupaya menggerakkan sumber-sumber yang signifikan melalui cukai, peruntukan belanjawan menjadi faktor penting dalam kebajikan sosial ini.

Perkhidmatan sosial sering kali diangkat sebagai kaedah utama kepada kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti. Di seluruh dunia, banyak negara merangka dasar dan menguatkuasakannya bagi membolehkan perkhidmatan sosial beroperasi dan mencapai matlamat. Perkhidmatan sosial yang dimaksudkan merangkumi bidang kesihatan, pendidikan, perumahan, jaminan pendapatan dan kebajikan keluarga. Menggunakan perundangan untuk membentuk program-program perkhidmatan sosial dan pembiayaan ke atas program-program seperti ini, kerajaan juga merangka undang-undang yang memberi mandat kepada penambahbaikan kebajikan sosial. Mekanisme ini dikenali sebagai peraturan berkanun (*statutory regulation*). Kaedah ini memerlukan majikan, rumah penjagaan, institusi pendidikan, firma komersil, hospital dan sebagainya untuk menyesuaikan banyak perkara yang memberi kesan langsung ke atas kebajikan sosial. Banyak bidang kebajikan seperti perumahan, kesihatan, penjanaan pendapatan, pekerjaan dan pendidikan yang ditentukan oleh peraturan ini. Gaji minimum, kawalan sewa, tindakan afirmatif, kehadiran ke sekolah, keselamatan di tempat kerja dan sebagainya memberi impak ke atas kebajikan orang ramai.

Kaedah lain yang kerajaan mempengaruhi kebajikan sosial ialah melalui sistem cukai. Penggunaan sistem cukai untuk tujuan sosial dikenali sebagai kebajikan fiskal (*fiscal welfare*). Contohnya, kerajaan Malaysia mengurus Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagai cara menabung selepas bersara yang beroperasi melalui penyimpanan wajib untuk menyediakan faedah persaraan kepada orang awam, sektor swasta dan institusi bukan berpencen. Di Indonesia, Jamsostek mengadakan peruntukan bagi perlindungan insurans kemalangan kerja, kumpulan wang simpanan dan insurans kematian. Di Brunei pula, Tabung Amanah Pekerjanya yang merangkumi persaraan, dana sumbangan, pra-persaraan wajib, simpanan ketika tidak berupaya (*incapacitated saving*), keluarga terdekat, penghijrahan dan pemilikan rumah.

Selain daripada perundangan dan badan eksekutif, institusi kehakiman turut memberi sumbangan besar kepada kebajikan sosial melalui proses kehakiman. Fungsi mahkamah dalam dasar sosial ialah menjelaskan hal ehwal perundangan dan membuat keputusan muktamad ke atas kes-kes yang memberi impak kepada kebajikan individu atau kelompok tertentu. Impak tersebut merangkumi hak asasi, imigresen, langkah-langkah pencegahan dan pengangguran. Selain itu, mahkamah turut berperanan menyelesaikan tuntutan kewangan ke atas perbalahan keluarga seperti pendidikan anak-anak dan kebajikan ibu tunggal (Midgley, 1995).

Konsep “negara berkebajikan” yang menjadi arena pemikiran politik sekitar tahun 1940-an secara umumnya diterima sebagai definisi untuk menerangkan peranan kerajaan dalam dasar sosial dan ekonomi, meliputi skop perkhidmatan sosial yang lebih luas. Dalam “*Beyond the Welfare State*” oleh Myrdal (1960), beliau merumuskan bahawa dalam separuh abad yang lalu, semua negara kaya di Barat telah menjadi negara berkebajikan yang demokratik dengan pencapaian pembangunan yang jelas, penggunaan tenaga buruh

penuh, kesaksamaan peluang kepada orang-orang muda, keselamatan sosial dan memenuhi keperluan minimum yang terpiawai ke atas pendapatan, pemakanan, perumahan, kesihatan dan pendidikan kepada semua kelompok sosial. Jerman dan Sweden amat berkesan dalam sistem persaraan, British memiliki perkhidmatan kesihatan yang komprehensif, Perancis menekankan elaun kepada keluarga besar manakala Amerika Syarikat lebih memberi tumpuan ke atas pendidikan. Justeru, di negara-negara ini pertukaran rejim kerajaan tidak memudarkan komitmen mereka untuk mengekalkan kebijakan, pertumbuhan ekonomi dan tenaga kerja penuh di samping perubahan kecil dalam beberapa dasar negara (Chaudhary, 2006).

Isu utama dalam menentukan teori dalam kebijakan sosial ialah politik, ideologi, ekonomi, sosial dan budaya yang mempunyai kaitan langsung dengan pemahaman konsep dan penetapan ciri-ciri konsep berkenaan. Sejarah sesebuah negara dan tahap pembangunan yang dilalui memperlihatkan kaitannya terhadap kaedah kebijakan sosial ini yang akan terus berkembang. Midgley (1995) mengatakan terdapat lima pendekatan yang dominan dalam model kebijakan sosial yang diguna pakai iaitu derma sosial, institusi, konservatif, kritikal dan perspektif sosial.

Dasar sosial pula adalah mengenai kebijakan sosial dan perkhidmatan manusia. Dasar ini juga merupakan pelan sosial tentang sekumpulan kaedah dan strategi yang diamalkan oleh sesebuah sistem atau institusi kebijakan sosial bagi bertindak balas dengan kekurangan keperluan, masalah sosial serta peluang-peluang peningkatan sosial yang wujud. Matlamat utama dasar sosial ialah membasmi kemiskinan, meningkatkan tahap kebijakan, kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat (Midgley, 2012; Bochel, Page & Sykes, 2009; Siti Hajar, 2007).

Pelaksanaan dasar sosial dibuat melalui kaedah, pendekatan dan strategi tertentu supaya sumber-sumber untuk pembangunan dapat disampaikan kepada masyarakat bagi memenuhi keperluan hidup. Strategi untuk meningkatkan kesejahteraan hidup tidak sama dengan strategi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan penyampaian. Strategi kebijakan untuk membaiki dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat memberi keutamaan kepada impak dasar kebijakan sosial, bantuan dan perkhidmatan manusia ke atas kehidupan (Bochel *et al.*, 2009; Siti Hajar, 2007; Faizah, 2006).

Pelaksanaan strategi kebijakan sosial bergantung kepada kemampuan bertindak balas terhadap keperluan sosial, peluang sosial, masalah sosial serta mampu mencapai semua matlamat ekonomi, politik dan sosial. Dalam erti kata lain, implementasi sesuatu strategi melibatkan proses, perubahan, intervensi dan kesejagatan supaya masyarakat mendapat impak maksimum dalam kehidupan mereka (Midgley, 2012; Jordan, 2008; Siti Hajar, 2007; Kennett, 2004; Alcock *et al.*, 2002).

Strategi kebijakan sosial yang menjadi teras kepada kebanyakan negara ialah strategi pengeluaran ekonomi, strategi agihan semula, strategi perlindungan sosial, strategi “cara ketiga” dan strategi pelaburan sosial. Melihat kepada semua strategi ini, boleh dikatakan reformasi program-program dasar sosial adalah sebagai tindak balas ke atas perubahan struktur ekonomi dan sosial serta mobilisasi politik (Kanges & Palme, 2005).

### **3.4.1 Strategi Pengeluaran Ekonomi**

Strategi pengeluaran ekonomi seiring dengan teori pertumbuhan yang dikaitkan dengan tokoh-tokoh ekonomi seperti Adam Smith, Karl Marx dan French Ramsey. Teori pertumbuhan ekonomi menjelaskan hubungan antara pengeluaran dan penggunaan

(*production and consumption*) dalam pasaran ekonomi (Siti Hajar, 2007). Prestasi ekonomi negara diukur berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan pendapatan per kapita. Hal ini bermakna pengeluaran perlu dimaksimumkan bagi menyediakan bekalan yang mencukupi kepada pengguna yang secara langsung memastikan pasaran buruh sentiasa aktif dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Kesannya ialah saiz ekonomi berkembang dan pasaran bertambah luas serta menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dengan bayaran upah yang lebih banyak. Pekerjaan dan upah yang tinggi mampu menampung dan mengawal masalah kemiskinan, perumahan, pendidikan dan kesihatan. Namun begitu, pertumbuhan ekonomi amat sensitif dengan penggunaan tahap guna tenaga penuh supaya aktiviti ekonomi dapat bergerak dengan lancar (Siti Hajar, 2007; Kenneth, 2004). Milberg dan Winkler (2010) mengatakan pertumbuhan ekonomi meningkatkan kehidupan sosial pekerja melalui pembayaran upah yang lebih tinggi. Permintaan terhadap pasaran buruh ditentukan oleh teknologi, penawaran peluang pekerjaan dan kekuatan relatif dalam pasaran buruh itu sendiri.

### **3.4.2 Strategi Agihan Semula**

Strategi agihan semula bermaksud mengagihkan semula sumber material dan bukan material dari kelompok kaya kepada kelompok miskin, dari satu kumpulan etnik kepada satu lagi kumpulan etnik lain, dari kehidupan sebagai pekerja ke umur persaraan dalam kelompok berpendapatan dan kelas-kelas sosial seperti skim pencen kelas pertengahan dan sebagainya (Titmuss, 1974). Pemikiran Titmuss melalui penulisan dalam bukunya, “*Social policy: An introduction*” menjelaskan tiga model agihan kebajikan semula ini iaitu dasar sosial kebajikan residual (*residual welfare*), dasar sosial perindustrian pencapaian-prestasi (*industrial achievement-performance*) dan dasar sosial pengagihan semula institusi (*institutional redistributive*).

a. Dasar sosial kebajikan residual

Penggubalan model ini adalah berdasarkan kepada pernyataan bahawa terdapat dua keadaan saluran yang mana keperluan sosial individu dan keluarga dipenuhi menerusi pasaran pekerjaan. Bantuan atau faedah sosial yang diberi berdasarkan kepada ganjaran atau upah yang dilaksanakan oleh individu. Dalam model ini, keutamaan diberikan kepada penyediaan sumber oleh individu, kebajikan persendirian, keluarga, bantuan kendiri dan sokongan daripada institusi kesukarelawan. Objek sebenar negara kebajikan adalah mengajar orang bagaimana untuk melakukannya tanpa ada negara kebajikan tersebut (Peacock, 1960).

Dalam melaksanakan dasar sosial ini, hasilnya amat bergantung kepada keupayaan institusi keluarga melaksanakan peranan, obligasi dan fungsi sosial untuk memenuhi keperluan anggota, menyelesaikan masalah dan menyediakan peluang untuk peningkatan diri. Perkara lain yang menentukan kejayaan dan keberkesanan sistem ini ialah obligasi dan sokongan dari komuniti secara berterusan. Penglibatan kerajaan dalam model ini adalah sebagai pembuat dasar, pemboleh (*enabler*), pemantau, penilai, pembuat keputusan atau pembentuk projek. Kegagalan keluarga dan pasaran menyebabkan kerajaan masuk campur.

b. Dasar sosial perindustrian pencapaian-prestasi

Model ini menggabungkan peranan penting bagi institusi kebajikan sosial sebagai penyesuaian ekonomi. Titmuss berpendapat bahawa keperluan sosial perlu dipenuhi atas dasar kecekapan prestasi kerja dan produktiviti. Ianya berasal dari teori-teori ekonomi dan psikologi yang berkenaan dengan insentif, usaha dan ganjaran serta pembentukan

kesetiaan kelas dan kumpulan. Ia telah digambarkan sebagai “Model Handmaiden”. Dalam model ini, dasar sosial dibentuk untuk membantu menjana produktiviti ekonomi negara. Prasyarat utama model ini ialah ekonomi berada dalam keadaan stabil serta terdapat usaha dan galakan untuk mencapai tahap guna tenaga penuh. Bagi merealisasikan dua prasyarat ini, modal manusia dan modal sosial negara perlu dijana terlebih dahulu seperti penyediaan pelbagai perkhidmatan, kemudahan dan intervensi sosial supaya bekalan tenaga yang aktif dapat disalurkan kepada pembangunan negara.

c. Dasar sosial pengagihan semula institusi

Model ini melihat kebijakan sosial sebagai institusi yang utama berintegrasi dengan komuniti dan menyediakan perkhidmatan yang lebih luas berkenaan prinsip-prinsip keperluan hidup. Ia sebahagian daripada teori mengenai kesan pelbagai perubahan sosial dan sistem ekonomi serta prinsip kesaksamaan sosial. Secara asas, ianya satu model yang menggabungkan sistem pengagihan semula ke atas sumber secara berterusan. Pendekatan ini dikaitkan dengan campur tangan atau intervensi kerajaan yang minimum dalam peruntukan dan pembiayaan perkhidmatan kebijakan sosial dan keselamatan sosial. Dua faktor utama ialah keluarga dan pasaran bebas yang menjadi mekanisme semula jadi untuk memenuhi keperluan negara. Jika terdapat kelemahan dalam sistem sedia ada, mekanisme ketiga diwujudkan dalam bentuk kebijakan sosial dengan anggapan bahawa peruntukan kebijakan sosial perlu dibuat dalam jangka pendek, bersifat kecemasan dan boleh mengelakkan lebih ramai orang yang terlibat dalam krisis serta harus dihentikan sebaik sahaja krisis tamat.

Kelayakan bagi mendapatkan perkhidmatan dan faedah dalam pendekatan ini adalah satu set kriteria minimum yang ditetapkan. Pendekatan ini percaya bahawa kerajaan

perlu membebaskan pasaran ekonomi kerana cara ini adalah yang terbaik untuk mewujudkan kekayaan dan pembangunan. Pendekatan ini juga cenderung untuk menekankan prinsip moral dan agama yang kukuh, menggalakkan kesetiaan kepada ideologi yang menjadi dominan, menekankan tanggungjawab individu, sasaran perkhidmatan dan memberi faedah kepada mereka yang amat memerlukan sokongan sosial. Program-program sosial bertujuan membuat perubahan di peringkat individu berbanding peringkat masyarakat. Mereka berpendapat bahawa manfaat kebijakan sosial adalah mewujudkan kelas bawah orang miskin dan pergantungan ke atas manfaat kebijakan serta cenderung untuk menyebabkan lebih banyak masalah daripada yang boleh diselesaikan. Namun pengkritik pendekatan ini melihat prinsip pemilihan yang dilaksanakan adalah bersifat mendiskriminasi kelompok yang patut menerima faedah dan perkhidmatan yang disediakan.

### **3.4.3 Strategi Perlindungan Sosial**

Perlindungan sosial merupakan salah satu daripada strategi kebijakan sosial yang penting untuk menjamin dan melindungi kebijakan masyarakat (Siti Hajar, 2007). Chronic Poverty Research Centre (2007) mentakrifkan perlindungan sosial sebagai:

*“...as those which aim to help poor and vulnerable people manage risk and overcome deprivation, through direct cash or in-kind transfers. These include: cash transfers (e.g. pensions, child benefits, disability grants, social assistance), employment guarantee programmes, input distribution programmes (e.g. agricultural ‘starter packs’) and subsidised access to services (e.g. health insurance subsidies, user fee exemptions, lifeline water and energy tariffs)”.*

Kepentingan perlindungan sosial turut diiktiraf di peringkat antarabangsa oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization*) yang mana ia menyumbang kepada pertumbuhan yang adil, kestabilan sosial dan peningkatan produktiviti. ILO telah menetapkan dua objektif utama yang secara tidak langsung mencerminkan tiga dimensi utama perlindungan sosial iaitu; 1) meluaskan liputan dan keberkesanan skim keselamatan sosial, dan, 2) galakan perlindungan buruh seperti keadaan kerja yang baik merangkumi upah, masa bekerja dan keselamatan serta kesihatan pekerjaan. Agensi antarabangsa kini terlibat secara aktif dalam pembangunan dasar mengenai perlindungan sosial. Bank Dunia mempunyai program “Strategi Sektor Perlindungan Sosial” dan Bank Pembangunan Asia telah membangunkan kerangka strategi yang menetapkan dasar perlindungan sosial dalam konteks komitmen menyeluruh untuk mengurangkan kadar kemiskinan (Norton, Conway & Foster, 2001).

Perlindungan sosial berasal daripada idea bahawa kerajaan sebagai pembekal dan pelindung masyarakat. Pada awalnya perlindungan sosial adalah terhad kepada sokongan masyarakat dalam mengurus dan mengurangkan kejutan dan kelemahan yang semakin meningkat, namun perbincangan tentang perlindungan sosial telah berkembang merangkumi empat jenis campur tangan iaitu perlindungan (pemulihan daripada kejutan), risiko pencegahan (mengurangkan risiko untuk mengelakkan kejutan), penggalakan (menggalakkan peluang) dan transformatif (tumpuan kepada ketidaksamaan struktur asas yang menimbulkan banyak kelemahan). Meluaskan perlindungan sosial boleh dikaitkan dengan kesedaran dan keimbangan mengenai risiko global seperti kemelesetan ekonomi dan ancaman terhadap sumber pendapatan. Perlindungan sosial ada kalanya dilihat bertindih dengan kekhuitiran terhadap implikasi pembangunan seperti kemiskinan, pertumbuhan yang cenderung kepada kemiskinan, pembangunan pertanian, bantuan kemanusiaan dalam peralihan pembangunan, hak-hak asasi, pengecualian dan tiada suara

serta keupayaan negara membangun untuk memenuhi fungsi-fungsi penting (Barrientos & Hulme, 2008).

Objektif terpenting perlindungan sosial adalah membantu mengurangkan beban ekonomi yang ditanggung oleh sekelompok individu akibat gangguan dalam sumber ekonomi seperti kematian, kemalangan, kecederaan dan kecacatan yang berlaku kepada individu dalam keluarga atau pencari nafkah utama. Bantuan boleh bersifat kewangan atau peralatan yang dijangka dapat membantu menampung kos perubatan, penjagaan dan memenuhi keperluan hidup. Bagi Siti Hajar (2007), matlamat perlindungan sosial ialah membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat, perpaduan sosial, pembangunan ekonomi dan pembangunan komuniti.

#### a. Perlindungan sosial dan kemiskinan

Perlindungan sosial telah lama dianggap sebagai jaringan keselamatan bagi kelompok yang berada di bawah garis kemiskinan. Walau bagaimanapun, penyelidikan kebelakangan ini menunjukkan bahawa hubungan yang kuat antara kemiskinan dan perlindungan sosial boleh memberi kesan yang besar ke atas kumpulan sasar. Banyak pihak berpendapat bahawa dasar-dasar pembangunan masih belum mencapai tahap kronik, justeru kemiskinan boleh ditangani melalui mekanisme perlindungan sosial. Namun pendapat yang lebih bernas ialah perlindungan sosial menjadi lebih baik jika kelompok miskin dapat keluar daripada bayang-bayang terlalu bergantung kepada kerajaan.

Perlindungan sosial dipecahkan kepada empat jenis iaitu bantuan sosial (sumber-sumber sama ada tunai atau bukan tunai yang dipindahkan kepada isi rumah atau individu), insurans sosial (penjaga atau waris membuat caruman dalam skim tertentu untuk

mengurangkan risiko seperti insurans kesihatan atau skim insurans pengangguran), intervensi pasaran buruh (peraturan yang diwujudkan untuk melindungi pekerja seperti undang-undang gaji minimum) dan perlindungan sosial berdasarkan komuniti yang mana penyediaan jaringan keselamatan sosial dengan strategi tertentu yang berterusan dalam semua peringkat masyarakat.

b. Bantuan sosial

Program perlindungan sosial digambarkan sebagai “bantuan sosial” apabila sumber sama ada wang tunai atau barang (contohnya pemindahan makanan) dipindahkan kepada individu atau isi rumah yang mudah terjejas dengan perubahan ekonomi dan faktor-faktor lain. Mekanisme bantuan sosial telah lama diperkenalkan di negara-negara perindustrian. Program ini terdapat pelbagai bentuk seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia atau Bantuan Langsung Tunai. Selain itu bantuan sosial seperti ini boleh juga meliputi pemindahan wang tunai, pencen sosial, program kerja awam dan pemindahan barang.

c. Pemindahan wang tunai

Terdapat banyak sorotan kajian mengenai impak pemindahan wang tunai dan program-program yang berkaitan dengan pemindahan wang tunai ini. Walaupun pemindahan wang tunai tidak dianggap sebagai penawar, ia terbukti memberi kesan sebagai mekanisme yang berdaya maju dalam konteks pembangunan dan kemanusiaan. Implementasi *Conditional Cash Transfer (CCTs)* di Amerika Latin telah berjaya mengurangkan risiko salah guna pemindahan wang tunai. CCTs memberi kesan positif dalam program pembasmian kemiskinan, menambah baik tahap kesihatan dan menambahkan kualiti pendidikan serta memecahkan “kitaran ganas” kemiskinan antara generasi dalam jangka masa panjang.

Walau bagaimanapun, CCTs dikritik kerana mempunyai pentadbiran, pemantauan dan penguatkuasaan kos yang tinggi, terlalu bergantung kepada sasaran, mempunyai kesan melemahkan mengenai penerima dan menjelaskan secara negatif tahap keseluruhan penggunaan dalam kalangan kedua-dua waris dan bukan waris. Pelaksanaan CCTs ini menunjukkan bahawa keperluan penilaian yang mencukupi sangat penting dan tindakan mengintegrasikan intervensi CCTs ke dalam dasar-dasar sosial yang lebih luas membawa keuntungan yang besar. Secara umum terdapat keperluan untuk meyakinkan kerajaan bahawa pemindahan wang tunai adalah “pelaburan” sosial yang lebih baik daripada pemberian percuma (Arnold *et al.*, 2011; Hanlon, Barrientos & Hulme., 2010; Slater, Farrington & Holmes, 2008).

d. Program kerja-kerja awam

Program kerja-kerja awam adalah satu bentuk pemindahan bersyarat iaitu wang tunai atau makanan diberi sebagai balasan untuk kerja-kerja ke atas projek infrastruktur awam seperti pembinaan jalan atau infrastruktur awam. Mereka boleh bekerja dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Program kerja-kerja awam ini popular dalam kalangan penderma kerana mereka mewujudkan aset, menghasilkan pekerjaan dan mensasarkan diri sendiri atau individu. Walau bagaimanapun, program seperti ini membentuk sifat bergantung terhadap kerajaan sebagai pemberi dan menghalang golongan miskin daripada melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti penjanaan upah semula jadi (McCord, 2004).

e. Pengecualian bayaran kesihatan

Pengecualian bayaran perkhidmatan kesihatan adalah sebahagian daripada inisiatif yang diterima pakai secara rasmi dan tidak rasmi di banyak negara membangun. Pengecualian

bayaran ini membetulkan akses terhadap beberapa masalah yang disebabkan oleh pengenalan bayaran perkhidmatan. Walau bagaimanapun dicadangkan bahawa pengecualian perkhidmatan bayaran kesihatan hanya akan berkesan jika ia menjadi sebahagian daripada dasar di seluruh negara yang dipantau secara formal dan dikuatkuasakan di peringkat tempatan dan nasional (Bitrán & Giedion, 2003).

f. Insurans sosial

Skim insurans sosial adalah program penyumbangan kewangan yang dibuat secara teratur dan dapat mengurangkan risiko sekiranya berlaku sesuatu kejutan. Oleh kerana kos kesihatan meningkat tinggi, skim insurans kesihatan adalah cara yang popular untuk mengurangkan risiko penyakit. Antara jenis skim insurans sosial termasuk insurans pencen, insurans pengangguran, bantuan pengebumian dan insurans bencana. Insurans sosial boleh dikaitkan dengan pasaran buruh formal iaitu perlindungan ditentukan oleh bilangan pekerja berdaftar dalam sesebuah negara. Dalam skim ini pasaran buruh tidak formal memberi cabaran ke atas kejayaan program-program insurans sosial (Mesa-Lago, 2008; Ranson, 2002).

g. Perlindungan sosial berdasarkan komuniti

Sistem perlindungan sosial formal tidak menawarkan perlindungan yang lengkap dan tidak dapat dielakkan telah menyisihkan sebahagian penduduk dalam negara. Pelbagai cara tradisional atau tidak formal menyediakan perlindungan sosial untuk isi rumah, kumpulan dan jaringan komuniti bagi mengisi jurang yang diwujudkan oleh intervensi perlindungan sosial formal dan mengagihkan risiko dalam masyarakat. Mekanisme perlindungan sosial berdasarkan komuniti menjadi semakin popular di samping minat yang semakin besar

dalam pelaksanaan aktiviti pembangunan yang lebih luas, mewujudkan hubungan antara skim keselamatan sosial dan pendekatan berdasarkan komuniti dengan tujuan meluaskan perlindungan bagi memenuhi cabaran menyediakan perkhidmatan kesihatan yang mencukupi (De Coninck & Drani, 2009).

### **3.4.4 Strategi Cara Ketiga**

Cara Ketiga boleh dikatakan sebagai “salah satu strategi teori dan politik yang paling berjaya” dalam era kontemporari (Geyer, 2003). Perdebatan mengenai Cara Ketiga telah menjadi wacana reformasi yang paling penting dalam landskap parti-parti politik di Eropah. Penyokong-penyokong parti politik menyifatkan strategi ini sebagai “demokrasi sosial moden, memenuhi komitmen terhadap keadilan sosial dan pencapaian matlamat aliran kiri tetapi fleksibel, inovatif dan berpandangan ke hadapan dalam cara-cara untuk mencapainya” (Blair, 1998). Cara Ketiga merujuk kepada politik, ekonomi, budaya dan sesetengah kes adalah merujuk kepada gerakan agama yang bersekutu atau berpadanan dengan kelompok yang mendominasi konteks sosiopolitik pada masa tersebut. Giddens (1998) mendefinisikan Cara Ketiga sebagai, “*...a framework of thinking and policy-making that seeks to adapt social democracy to a world which has changed fundamentally over the past two or three decades*” (hal. 28).

Istilah “Cara Ketiga” telah digunakan untuk menerangkan pelbagai program dasar berinovatif yang berada di antara dua kedudukan yang bertentangan. Konsep Cara Ketiga telah digunakan seiring dengan “Cara Tengah” yang dipopularkan oleh Marcus Childs pada tahun 1936 ketika membandingkan guna tenaga penuh dan membangunkan negara kebajikan di Sweden pada tahun 1930-an dengan keadaan penindasan yang dikaitkan dengan Stalin. Di Britain, Ramsay MacDonald melaksanakan Cara Ketiga sebagai

alternatif kepada sosialisme. Malah Cara Ketiga juga cuba dibandingkan antara komunisme dan demokrasi sosial. Ahli teori menyifatkan Cara Ketiga sebagai kabur dan sukar difahami serta boleh dianggap sebagai satu retorik ideologi semata-mata (White, 2001; Lukes, 1999). Tony Blair dan Bill Clinton adalah tokoh pelaksana Cara Ketiga ini yang mana Blair sendiri mengakui bahawa strategi ini perlu dianggap sebagai “dalam tindakan” iaitu satu bentuk “pembaharuan berkekalan” yang mencakupi pencarian yang berterusan untuk menambah baik kaedah menjamin matlamat dalam etika (Blair, 1996).

Kemunculan Cara Ketiga adalah sebahagiannya kerana reaksi terhadap perkembangan ekonomi dan politik antarabangsa seperti keruntuhan komunisme Kesatuan Soviet dan Eropah Timur, di samping peningkatan pengaruh globalisasi dan perkembangan pengeluaran dalam sektor perindustrian. Punca kedua ialah terdapat kejayaan yang meluas dalam kalangan parti-parti politik yang mengaitkan dasar parti dengan demokrasi sosial moden. Bagi tempoh lima tahun sehingga 1998, kelompok parti politik beraliran kiri telah dipilih membentuk kerajaan seperti di Britain dan Amerika Syarikat. Kemenangan kelompok ini digambarkan sebagai “yang hebat dan tidak pernah berlaku sebelum ini”. Parti Buruh pimpinan Blair mengimplementasi Cara Ketiga ke dalam dasar sosial negara supaya demokratik sosial dapat bertahan lama. Parti Demokratik pimpinan Clinton juga menggunakan Cara Ketiga untuk menangani isu-isu sosial negara itu seperti kejatuhan moral, jurang sosial dan ekonomi yang luas antara kaya dan miskin, kegagalan kerajaan menyediakan kemudahan asas kepada rakyat, peruntukan kebajikan sosial yang sering dipotong dan pertikaian mengenai jenis masyarakat yang ingin dibentuk oleh rakyat Amerika pada masa hadapan (Giddens, 1998). Kombinasi autonomi individu dan mobiliti hubungan pasaran dengan elemen tradisional kekeluargaan dan masyarakat awam telah membentuk apa yang digelar sebagai komuniti bertanggungjawab (*responsible community*). Kombinasi ini telah mempengaruhi benua Eropah yang mana tradisi kristian

demokratik bergabung dengan neo-liberalisme dan menyediakan pekerjaan dalam pasaran buruh (Jordan, 2008).

Memahami operasi Cara Ketiga dapat memberi penjelasan tentang bagaimana kaedah ini boleh dilaksanakan. Alcock *et al.*, (2002) dan Siti Hajar (2007) menyifatkan Cara Ketiga lebih mudah diimplementasi dalam realiti sistem penyediaan dan penyampaian perkhidmatan sosial di kebanyakan negara kerana maksud Cara Ketiga ialah peranan voluntari atau sukarela yang melibatkan organisasi jaya diri dan organisasi bantuan bersama sektor tidak formal yang terdapat dalam keluarga, kejiranan dan komuniti. Mereka membantu kerajaan dan pasaran dalam penyediaan perkhidmatan sosial kepada masyarakat.

Pelaksanaan Cara Ketiga dalam sistem kebajikan sosial kerap kali dikaitkan dengan faktor sosial dan ekonomi. Antara faktor tersebut ialah kekangan kewangan atau fiskal, usaha memperkasa pengguna perkhidmatan, falsafah dan wawasan pembentukan masyarakat prihatin dan penyayang, resolusi bagi berhadapan dengan impak globalisasi, mekanisme keadilan sosial dan etika moral, mengukuhkan autoriti dengan demokrasi dan mewujudkan masyarakat sivil yang baik (Siti Hajar, 2007). Berkaitan faktor-faktor ini, Siti Hajar (2007) dan Etzioni (2000) mengelompokkannya kepada empat prinsip iaitu sebuah masyarakat yang baik; kerjasama antara negara atau kerajaan, pasaran ekonomi dan masyarakat; budaya moral dan institusi-institusi moral masyarakat; dan keadilan sosial.

a. Sebuah masyarakat yang baik

Prinsip pertama ini dikaitkan dengan masyarakat yang ditopang oleh tiga kaki iaitu negara, pasaran ekonomi dan masyarakat. Etzioni (2000) berpendapat masyarakat yang

dimaksudkan itu ialah sebuah perkongsian wajib antara sektor awam (kerajaan), swasta (perniagaan) dan sektor sosial (masyarakat, institusi agama dan lain-lain) diuruskan melalui piawaian dan undang-undang yang ditubuhkan oleh kerajaan. Giddens (1998) mengatakan pembentukan sebuah masyarakat yang baik amat bergantung pada keseimbangan antara ketiga-tiganya manakala Etzioni (2000) mengatakan “membudayakan masyarakat di mana mereka berada dan membantu mereka ketika sukar wajar menjadi keutamaan dalam kemajuan Cara Ketiga ini”. Blair (1998) meletakkan masyarakat sebagai salah satu daripada empat teras dalam Cara Ketiga. Justeru dalam konteks ini, masyarakat merupakan penyedia, pembekal dan pemberi perkhidmatan sosial yang utama.

b. Kerjasama antara negara atau kerajaan, pasaran ekonomi dan masyarakat

Sebuah masyarakat yang baik dicirikan oleh rakan kongsi kepada tiga sektor tadi iaitu kerajaan, sektor persendirian dan masyarakat (Siti Hajar, 2007; Etzioni, 2000). Peranan, fungsi dan tanggungjawab sosial ini tidak dipisahkan kerana mereka saling melengkapi. Salah satu peranan kerajaan ialah menggalakkan masyarakat membantu antara satu sama lain. Etos ini diberi penekanan sebagai “masyarakat aktif” yang merangkumi kerja-kerja kesukarelaan dan amal (Hale, 2004).

Cara Ketiga melihat perhubungan kerjasama yang baru dan segar antara kerajaan dan masyarakat. Justeru, slogan Giddens ialah *“no rights without responsibilities”*. Etzioni (2000) mengatakan tiga sektor berkenaan sebagai pasangan produktif iaitu kerajaan perlukan pasaran ekonomi bagi membiayai pelbagai program sosial. Seterusnya pertumbuhan ekonomi negara membolehkan kerajaan menyediakan pelbagai jenis bantuan, manfaat, perkhidmatan dan program sosial untuk masyarakat. Begitu juga

manfaat ekonomi semata-mata tidak dapat mewujudkan kesejahteraan kerana kebijakan bukan sekadar satu konsep ekonomi sebaliknya bergantung kepada sama ada masyarakat berpuas hati atau tidak dengan kehidupan mereka (Fukagawa, 2000).

### c. Budaya moral dan institusi-institusi moral masyarakat

Pada asasnya, Cara Ketiga mengiktiraf masyarakat yang baik adalah gabungan penghormatan terhadap hak individu dan memenuhi keperluan asas manusia dengan jangkaan bahawa masyarakat bertanggungjawab kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat keseluruhan (Etzioni, 2000). Budaya moral yang dialirkan oleh masyarakat kepada ahli-ahlinya memastikan setiap orang dapat melaksanakan fungsi, peranan, jangkaan dan tanggungjawab sosial masing-masing mengikut peraturan, nilai dan etika yang telah ditentukan dan dipersetujui. Budaya moral juga dapat menanam tingkah laku yang baik kepada anggota masyarakat, mampu mengajar dan menggalakkan mereka menghormati ibu bapa atau orang lebih tua (Etzioni, 2000). Peranan kerajaan juga amat penting dalam membentuk budaya moral ini. Usaha menggalakkan tingkah laku yang baik tidak perlu tergesa-gesa kerana apabila masyarakat telah bersedia untuk mengubah tingkah laku mereka, perubahan itu adalah lebih baik daripada mengenakan undang-undang untuk mewujudkan tingkah laku yang baik itu.

Inti pati di sini ialah dialog moral iaitu perbincangan berkaitan nilai. Dialog ini tidak dibincangkan dalam kalangan pakar sebaliknya dalam kalangan masyarakat sendiri supaya sepanjang proses dialog berlaku, masyarakat dapat mengubah tingkah laku, perasaan dan kepercayaan mereka. Jika masyarakat perlu melakukan perubahan dalam fabrik sosial, dialog sosial adalah penting untuk menjana perubahan peribadi dan tingkah laku sosial serta menyokong dasar-dasar awam (Etzioni, 2000).

#### d. Keadilan sosial

Keadilan sosial ditakrifkan sebagai “menggalakkan kewujudan masyarakat yang adil dengan mencabar ketidakadilan dan menghargai kepelbagaian”. Ia wujud apabila “semua orang berkongsi kemanusiaan, oleh itu mempunyai hak untuk layanan yang saksama, sokongan hak asasi dan peruntukan yang adil dalam agihan sumber masyarakat”. Keadilan sosial biasanya disamakan dengan tanggapan kesaksamaan atau peluang yang sama dalam masyarakat. Walaupun kesaksamaan tidak dapat dinafikan sebagai sebahagian daripada keadilan sosial, pengertian keadilan sosial yang sebenarnya adalah lebih luas (Scherlen & Robinson, 2008). Keadilan sosial merangkumi keadilan ekonomi yang mana keadilan sosial merupakan manifestasi kebajikan yang menjadi panduan untuk membentuk kesatuan interaksi sesama manusia yang digelar institusi. Semua orang dalam negara perlu diberi peluang sosial untuk memajukan hidup masing-masing. Sekurang-kurangnya setiap individu diberi hak minimum terhadap keperluan asasi manusia (Siti Hajar, 2007).

Menurut Jordan (2008), cabaran Cara Ketiga adalah menyebarkan budaya yang seragam kepada penduduk negara supaya sasaran program untuk melibatkan kelompok terpinggir dan yang bergantung kepada kerajaan dalam pasaran buruh, ibu tunggal, penganggur, kurang upaya, terbiar, penagih dadah dan banduan dapat menggunakan “teknologi *self*” dengan cara ini. Di Amerika Syarikat, nilai penghargaan kendiri (*self-esteem*) dan maruah (*self-worth*) menjadi kunci utama kepada kejayaan program-program kebajikan. Ketika era Clinton, semua momentum dalam reformasi kebajikan menggunakan pendekatan idea keterlibatan dan pemerkasaan. Namun, perubahan sosial yang hendak dilakukan berdasarkan individu berada dalam keadaan rapuh apabila individu berkenaan memiliki tahap pendidikan yang rendah, kekurangan kemahiran dan tidak memiliki kepentingan dalam arus perdana masyarakat, justeru individu seperti ini perlukan

pelbagai bentuk nasihat, kaunseling dan sekatan tertentu seperti ancaman dikeluarkan daripada senarai bantuan (Geyer, 2003).

### **3.5 MODEL PIAWAIAN PEMBANGUNAN SOSIAL BAGI BERTINDAK BALAS DENGAN KEMISKINAN MASYARAKAT**

PBB masih aktif meneroka bidang pembangunan sosial dengan mencadangkan model pembangunan manusia yang selari dengan objektif dan jangkaan pencapaian dalam tempoh tertentu. Laporan Pembangunan Manusia PBB (1990) menyebut;

*“...human development is a process of enlarging people's choices. The most critical of these wide-ranging choices are to live a long and healthy life, to be educated and to have access to resources needed for a decent standard of living. Additional choices include political freedom, guaranteed human rights and personal selfrespect. The process of development should at least create a conducive environment for people, individually and collectively, to develop their full potential and to have a reasonable chance of leading productive and creative lives in accord with their needs and interests”.*


(hal. 2)

Pendekatan yang diutarakan PBB ialah melihat pembangunan manusia sebagai kemuncak kepada pembangunan ekonomi. Perspektif ini mengatakan strategi pembangunan tidak sahaja melihat kepada kuantiti produk dan perkhidmatan. Sebaliknya, ia juga melihat kepada inisiatif memperkasa komuniti untuk bergerak ke hadapan dengan lebih produktif dan memenuhi jangkaan hidup atau kesejahteraan hidup. Pendekatan ini berpendapat perhatian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah perlu tetapi masih tidak mencukupi bagi skop pembangunan manusia yang lebih menyeluruh. Pendekatan ini juga berpendapat melibatkan manusia sebagai penerima dan peserta pembangunan adalah lebih bermanfaat daripada menjadikan mereka sebagai ejen menambah produktiviti ekonomi (UNDP, 1990). Pada masa yang sama, pembangunan

manusia dilihat sebagai perlu untuk pembangunan ekonomi (Junaidi, 2005; Drabble, 2000; Haq, 1995; Hagenbuch, 1958).

Strategi pembangunan sosial yang lebih lengkap dan menyeluruh dikemukakan oleh Griffin dan McKinley (1994). Idea mereka ialah faedah ekonomi yang diterima oleh komuniti daripada aliran modal yang merangkumi; 1) sumber semula jadi seperti mineral, tumbuhan, tanah dan hasil laut, 2) sumber fizikal seperti pengeluaran peralatan dan infrastruktur, dan, 3) kemanusiaan seperti pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan insentif. Strategi ini meletakkan harapan ke atas modal insan sebagai watak utama dalam pertumbuhan ekonomi. Bagi mempercepatkan perumusan dalam modal insan ini, strategi dan pendekatannya bergantung kepada intervensi kerajaan untuk menentukan proses pembangunan. Antara caranya ialah membetulkan kegagalan pasaran dan menambah baik struktur insentif, peruntukan semua sumber dalam sektor awam dan membuat perubahan struktur. Elemen yang kritikal ialah pemakanan, kesihatan dan pendidikan.

Midgley (2014, 2012, 1995) juga telah memperkenalkan satu model pembangunan sosial yang komprehensif iaitu Model Piawaian Pembangunan Sosial. Model ini memerlukan keazaman dan intervensi daripada pihak kerajaan dengan mewujudkan organisasi yang terurus dan diinstitusikan. Kesejahteraan manusia adalah berkaitan pembangunan manusia yang mana pencapaian kesejahteraan menjadi matlamat dalam pembangunan sosial. Ia juga menekankan proses perubahan sosial dan intervensi yang progresif dan komprehensif. Para pendokong pembangunan sosial berhujah bahawa pelaburan sosial dalam program sosial dapat meningkatkan kebajikan masyarakat melalui penyertaan mereka dalam ekonomi yang produktif. Kaedah ini merupakan cara yang paling berkesan untuk meningkatkan kebajikan masyarakat dan mencapai pembangunan ekonomi (Rajah 3.1).



**Rajah 3.1:** Model Piawaian Pembangunan Sosial dalam pembasmian kemiskinan

Model ini cenderung ke arah pendekatan institusi kebajikan sosial kerana ia menyokong prinsip universalisme, agihan semula dan penglibatan yang ketara oleh kerajaan dalam melaksanakan perkhidmatan kebajikan sosial. Ia berbeza daripada pendekatan institusi kerana ia tidak melihat pemisahan antara dasar ekonomi dan dasar sosial yang menyokong usaha pembangunan yang mensasarkan golongan miskin dan terpinggir. Pembangunan sosial adalah pendekatan yang berpusatkan insan (*people-centered approach*) kerana ia menggalakkan masyarakat mengambil bahagian dan menguatkan suara mereka khususnya kelompok miskin dalam membuat keputusan dan berusaha membina institusi yang demokratik dan bertanggungjawab kerana penyertaan demokratik dianggap penting kepada pencapaian pembangunan masyarakat. Dasar dan program kebajikan sosial daripada perspektif pembangunan sosial meletakkan sasaran yang membawa kepada peningkatan taraf kehidupan rakyat.

Program-program yang dirangka adalah untuk menggalakkan penyertaan, memperkasa kumpulan sasar melalui pekerjaan yang produktif, membangunkan aset mereka dan mengukuhkan institusi tempatan dan modal sosial. Pendekatan ini bersifat pelbagai kerana ia memberi tumpuan kepada tindakan kerajaan dan kerjasama antara individu, kumpulan, masyarakat awam dan sektor swasta. Penerima bantuan dianggap sebagai rakan kongsi dan ejen perubahan pembangunan yang bekerja di peringkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa.

Model Piawaian Pembangunan Sosial mengambil pendekatan menggabungkan dasar sosial dan dasar ekonomi. Dasar sosial tidak perlu dilihat sebagai sebahagian atau satu unit dalam dasar ekonomi sebaliknya bertindak sebagai pelengkap kepada dasar ekonomi. Model ini cenderung dipengaruhi oleh pendekatan pembangunan sosial iaitu menyediakan pelbagai intervensi sosial yang berupaya memperkasa modal insan dan

modal sosial. Dalam memenuhi modal insan, dasar sosial wajar menyediakan pelbagai bentuk intervensi yang merangkumi pendidikan, kemahiran ekonomi dan latihan dalam pembangunan ekonomi. Intervensi seperti ini akan dapat meningkatkan keupayaan ekonomi individu dan komuniti seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara (Midgley, 2002).

Merujuk kepada pendekatan pembangunan sosial, bagi mengintegrasikan dasar sosial dan ekonomi, tiga langkah berikut diperlukan (Midgley & Tang, 2001; Midgley, 1997) iaitu; 1) penubuhan organisasi pengurusan peringkat nasional supaya agensi perkhidmatan sosial dan pembangunan ekonomi boleh bekerja dalam satu kerangka kerja, 2) membentuk polisi yang memastikan penyertaan aktif masyarakat dalam ekonomi. Matlamat ini boleh dicapai dengan melaksanakan dasar mikroekonomi. Kaedah terbaik untuk mencapai matlamat ini adalah mewujudkan peluang pekerjaan dan galakan bekerja sendiri untuk semua dan menghapuskan unsur-unsur perkauman dan halangan diskriminasi ke arah penglibatan ekonomi bersama. Kerajaan wajar menggerakkan institusi-institusi utama dalam masyarakat untuk mempromosi penyertaan penuh (penyertaan popular) dan agihan sumber yang saksama, dan, 3) memperkenalkan program-program sosial (intervensi sosial atau intervensi kerajaan) yang bakal menjana kadar pulangan dalam perbelanjaan sosial dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi secara langsung. Program-program ini mestilah bersifat produktif atau berorientasi pelaburan.

Tambahan pula, pembangunan sosial dilihat cuba mengembangkan kaedah konvensional yang bersifat “pemulihan dan senggaraan” dengan program sosial bersama intervensi yang meningkatkan pelaburan sosial dan keterangkuman ekonomi serta menggalakkan pembangunan ekonomi itu sendiri. Intervensi atau program sosial mesti

dirancang dalam menggalakkan perubahan sosial yang progresif. Menurut Amartya Sen (dalam Midgley & Tang, 2001), program-program ini memberi penekanan terhadap keperluan material, pelaburan dalam meningkatkan keupayaan modal insan, galakan penyertaan yang berkesan dalam ekonomi dan menyumbang dalam pembangunan ekonomi yang aktif serta berorientasikan produktif atau pelaburan. Pelbagai jenis kebajikan sosial produktif seperti program-program sosial yang mempromosi pembentukan modal insan, memupuk mobilisasi modal sosial, menggalakkan penyertaan mencari pekerjaan dan bekerja sendiri, membantu dalam pembinaan aset, menyingkirkan halangan dalam penyertaan ekonomi dan memastikan kos program-program sosial adalah bersesuaian. Istilah “pelaburan sosial” dan “produktivisme” adalah teras kepada teori pembangunan sosial. Maksudnya ialah sumber-sumber yang diperuntukkan dalam program kebajikan sosial tidak sepatutnya dinyatakan sebagai perbelanjaan kepenggunaan tetapi sebagai pelaburan yang meningkatkan penyertaan ekonomi dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi (Midgley, 1995).

Pandangan Midgley (1995) adalah pembangunan sosial bertujuan menggalakkan kesejahteraan penduduk melalui pewujudan perubahan sosial yang berperancangan supaya masalah sosial dapat diurus, keperluan dapat dipenuhi dan peluang memajukan diri disediakan. Pembangunan sosial tidak sama seperti kebajikan tradisional yang berasaskan kepada falsafah bantuan dan perkhidmatan institusi kebajikan yang menyediakan bantuan melalui pekerja sosial profesional (Payne, 1997). Sebaliknya, pembangunan sosial bertujuan memberi impak kepada kumpulan yang lebih besar seperti komuniti atau masyarakat dan memperlihatkan perkembangan berbanding kembali kepada kelompok yang telah pun mencapai tahap kesejahteraan. Ia melihat kepada “taraf hidup” untuk semua dengan menyepadukan dasar sosial dan ekonomi serta menekankan keterangkuman tanpa meminggirkan golongan termiskin dan tertinggal dalam komuniti (Midgley, 2002). Idea

pembangunan sosial memberi keutamaan kepada pengurangan kadar kemiskinan, memenuhi keperluan pendatang, etnik minoriti, kelompok yang tinggal di kawasan terpencil, golongan wanita dan kanak-kanak miskin serta kelompok diskriminasi.

Meningkatkan kapasiti modal sosial akan mengukuhkan modal insan. Bank Dunia (2009) dalam laporan tahunan yang bertajuk “*Entering the 21<sup>st</sup> Century*” telah mengiktiraf modal sosial sebagai pelengkap kepada pembangunan ekonomi. Kaedah meningkatkan modal sosial ialah membaiki jaringan sosial antara ahli dalam komuniti di samping menyediakan pelbagai bentuk bantuan yang menggalakkan mereka menyertai aktiviti pasaran ekonomi secara aktif dan produktif. Model ini juga menekankan pembangunan sosial yang seiring dan berterusan dengan pembangunan ekonomi negara melalui pelbagai pendekatan dan strategi sosioekonomi yang dapat membantu meningkatkan ekonomi komuniti. Caranya ialah menghubungkan kebijakan sosial secara terus terhadap program dan dasar pembangunan ekonomi yang dirancang. Dasar sosial yang bersifat pelaburan sosial dilihat lebih adil iaitu dapat mengagihkan sumber dan peluang sosial secara sama rata kepada semua ahli komuniti (Giddens, 1998). Pencapaian modal sosial ini boleh diukur melalui penyertaan komuniti dalam organisasi atau persatuan, kehadiran masyarakat dalam aktiviti dan acara awam, penglibatan komuniti dalam aktiviti sukarela dan aspek kepercayaan antara individu dalam komuniti. Hal ini dijelaskan oleh Putnam (2000) seperti berikut;

*“Whereas physical capital refers to physical objects and human capital refers to the properties of individuals, social capital refers to connections among individuals – social networks and the norms of reciprocity and trustworthiness that arise from them. In that sense social capital is closely related to what some have called “civic virtue.” The difference is that “social capital” calls attention to the fact that civic virtue is most powerful when embedded in a sense network of reciprocal social relations. A society of many virtuous but isolated individuals is not necessarily rich in social capital”.*

(hal: 19)

Pembangunan dan kejayaan modal sosial ini dapat dicapai dengan baik sekiranya setiap individu dalam komuniti itu saling mempercayai, bertoleransi, bersefahaman serta mengamalkan prinsip penerimaan (McCord, 2004). Integrasi dasar sosial dengan dasar ekonomi merupakan teras dalam Model Piawaian Pelaburan Sosial. Kedua-dua dasar ini harus berupaya memberi fokus kepada intervensi sosioekonomi yang boleh meningkatkan modal insan dan modal sosial. Kaedah pelaksanaan intervensi tersebut mesti mampu membawa masuk setiap individu dan komuniti ke dalam aktiviti ekonomi secara aktif dan produktif supaya kesejahteraan hidup dapat ditingkatkan.

Di peringkat global, terdapat perubahan yang ketara dalam dasar-dasar berkaitan pembasmian kemiskinan seperti yang berlaku di Amerika Selatan iaitu anjakan daripada strategi pembasmian kemiskinan berdasarkan kebajikan residual kepada perlindungan sosial. Bagaimanapun, dalam realiti, perlindungan sosial masih memberi tumpuan kepada perlindungan pendapatan atau penggunaan dalam kalangan masyarakat miskin melalui program pemberian wang tunai dan kemudahan-kemudahan lain (Moser, 2005). Anjakan seperti ini sebagai refleksi terhadap isu-isu sosial yang dibawa oleh organisasi antarabangsa dan kerajaan-kerajaan negara Barat ke pentas global melalui agenda pembangunan antarabangsa seperti *World Summit for Children 1990*, *World Conference on Education for All 1990*, *UN Conference on Population and Development 1993*, *UN Conference on Environment and Development 1995*, *Fourth World Conference on Women 1995*, *World Summit for Social Development 1995* dan *Millennium Summit 2000*.

Model Piawaian Pelaburan Sosial memberi perhatian kepada unit asas dalam masyarakat iaitu individu. Kemudian, perhatian diberikan kepada komuniti dan kerajaan yang melibatkan tiga jenis intervensi. Pertama, program ekonomi yang menghasilkan modal insan yang produktif dan mahir. Kedua, program pembangunan modal sosial yang

menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Ketiga, penciptaan peluang sosial yang dapat menghapuskan halangan untuk disertai oleh masyarakat (Midgley, 2012; Milberg & Winkler, 2010; Spicker, 2008; Siti Hajar, 2007).

Midgley (2012, 1995), Siti Hajar (2011, 2007) dan Jordan (2008) menyenaraikan intervensi yang dapat merealisasikan pelaksanaan pelaburan modal sosial untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat iaitu; i) peningkatan pelaburan dalam modal insan, ii) galakan pelaburan dalam program pembentukan modal insan, iii) meneguhkan aset yang ada pada individu dan komuniti, iv) galakan penyertaan yang aktif sama ada individu atau masyarakat dalam ekonomi produktif, v) mengalihkan dan menghapuskan halangan terhadap penyertaan aktif individu atau masyarakat dalam ekonomi, dan, vi) pembentukan persekitaran yang kondusif untuk pembangunan.

### i) Peningkatan pelaburan dalam modal insan

Manusia merupakan aset paling penting dalam institusi atau masyarakat. Kesejahteraan sosial boleh dicapai dengan keupayaan berdikari dan berusaha untuk menambah baik taraf hidup. Manusia atau individu mesti berusaha merebut peluang untuk mengubah keadaan hidup sama ada dibantu atau tidak dibantu oleh kerajaan ataupun orang lain. Keinginan yang tinggi untuk mengubah keadaan hidup akan mendorong seseorang untuk menyertai program pembangunan sosial secara aktif dan menyeluruh (Hugo, 1984). Kerajaan sebagai pelabur utama dalam pembangunan modal insan perlu menyediakan sumber untuk merealisasikan perubahan berkenaan (Azizan, 2004; Abdul Rahman, 2002). Sumber ini boleh dalam bentuk program, aktiviti, peraturan atau persekitaran yang dapat menghidupkan budaya keusahawanan yang aktif.

ii) Galakan pelaburan dalam program pembentukan modal insan

Kebajikan sosial akan lebih berkesan dicapai melalui kerjasama dalam masyarakat. Kerjasama ini berkaitan memenuhi keperluan sosial, menghadapi masalah sosial dan mencari peluang memajukan diri. Strategi pembangunan komuniti membolehkan mereka mengawal dan mentadbir urus sumber-sumber sedia ada bagi memajukan ahli dalam masyarakat. Pada masa yang sama, sumber-sumber itu juga boleh digunakan untuk memenuhi keperluan mereka dengan sempurna. Antara pelaburan yang sangat penting dan berpotensi membangunkan masyarakat ialah pendidikan. Pelaburan dalam pendidikan dapat menghasilkan pulangan yang positif dalam jangka masa panjang kepada individu, menggandakan ekonomi masyarakat dan mensejahterakan seluruh komuniti (Nor Hayati, 2010; Mohd. Taib, 2006; Sayed Abdul Rahman, 2004). Pelaburan lain adalah dalam bentuk kursus yang menjurus kepada penambahan pendapatan dan penjagaan kesihatan.

iii) Meneguhkan aset yang ada pada individu dan komuniti

Model pelaburan sosial menggesa pelabur sosial utama iaitu kerajaan untuk menambah baik aset individu dan masyarakat supaya terdapat perubahan pada nilai, sikap dan tindakan pada individu dan masyarakat. Siti Hajar (2007) dan Sherraden (1991) mengatakan program-program pembangunan individu dan masyarakat berupaya membentuk sikap, nilai-nilai positif dan keyakinan diri untuk memajukan hidup. Antara pelaburan ini adalah pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, pengangkutan, jambatan, sekolah, sistem pengairan pertanian, bekalan air awam, klinik, hospital, infrastruktur pekerjaan, penjagaan anak dan kemudahan sekolah.

- iv) Galakan penyertaan yang aktif sama ada individu atau masyarakat dalam ekonomi produktif

Kerajaan harus membuat pelaburan dalam program yang dapat menawarkan peluang pekerjaan, latihan dan perkhidmatan yang boleh menawarkan pendapatan yang lebih tinggi kepada individu dan masyarakat (Jessop; 2000, 1994). Pusat sehenti yang menguruskan penyertaan dalam ekonomi produktif dapat memastikan individu yang berpendapatan rendah melakukan pekerjaan yang produktif supaya taraf hidup dapat ditingkatkan (Mohamed Fadzil, Siti Hajar, Rosyidah & Noorun, 2007). Kerjasama dengan pihak swasta dapat membuka ruang yang lebih besar kepada penyertaan aktif di samping meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang pekerjaan.

- v) Mengalihkan dan menghapuskan halangan terhadap penyertaan aktif individu atau masyarakat dalam ekonomi

Terdapat banyak jenis halangan kepada penyertaan yang aktif anggota masyarakat terhadap ekonomi seperti tidak memiliki tahap pendidikan yang baik, kurang kemahiran dan pengalaman, akses kepada peluang pekerjaan yang terhad atau maklumat yang dipencarkan. Halangan seperti ini mengganggu kelancaran penyertaan individu atau masyarakat dalam aktiviti ekonomi yang berupaya mengubah kehidupan mereka (Sugandi, 2007; Nurizan, 2006).

- vi) Pembentukan persekitaran yang kondusif untuk pembangunan

Persekitaran yang dimaksudkan merangkumi keadaan sosial dan politik negara di samping modal, buruh dan kemahiran manusia. Kerajaan membuat pelaburan dalam program-program sosial yang dapat mencegah dan mengurangkan masalah jenayah dan masalah sosial (Friis-Hansen, 2005; Lukman, Abdul Aziz, Mohd Yusof & Faridatul Azna, 2002).

Selain itu program-program yang dapat meningkatkan keharmonian kaum dan integrasi komuniti pelbagai kaum serta aktiviti-aktiviti yang dapat menjamin keselamatan, kestabilan dan ketenteraman politik negara.

### **3.6 STRATEGI PEMBANGUNAN SOSIAL**

Matlamat utama pembangunan sosial ialah membasmi kemiskinan bagi memenuhi keperluan sosial dan menangani masalah sosial. Dalam hal ini, sudah pastilah intervensi yang praktikal adalah lebih penting berbanding konsep atau teori (Midgley, 2012). Sebilangan besar intervensi yang terdiri daripada projek-projek perancangan sosial dalam pembangunan masyarakat dan negara telah diterima pakai oleh pengamal pembangunan sosial. Seperti yang disebutkan sebelum ini, amalan pembangunan sosial bergantung kepada pelbagai agensi yang memainkan peranan aktif dalam melaksanakan intervensi ini. Mereka termasuk isi rumah, pekerja pembangunan masyarakat, pertubuhan tidak berasaskan keuntungan dan agensi kerajaan.

Intervensi pembangunan sosial juga mencerminkan pengaruh yang lebih luas dan strategi ideologi bermotivasi serta aktiviti-aktiviti yang berbeza. Midgley (2012) menggariskan tiga strategi yang boleh digunakan iaitu:

- (i) strategi perusahaan individu,
- (ii) strategi masyarakat popular; dan,
- (iii) strategi kolektif berencana.

Ketiga-tiga strategi ini boleh digunakan untuk membasmi kemiskinan walaupun setiap strategi adalah berbeza. Contohnya, intervensi dalam perusahaan mikro mencerminkan strategi yang lebih luas bagi membantu individu dan isi rumah miskin

untuk memulakan perniagaan kecil yang boleh beroperasi di pasaran bebas. Sebaliknya, pemberian wang tunai, penetapan gaji minimum atau subsidi makanan yang disediakan oleh kerajaan mencerminkan strategi kolektif berencana. Begitu juga dengan intervensi yang menggerakkan komuniti desa melalui pembinaan klinik. Strategi ini mencerminkan strategi masyarakat popular. Sudah tentu, pendekatan strategi dan intervensi yang berbeza boleh digabungkan. Malah, banyak program dan projek pembangunan sosial bersama masyarakat dibiayai oleh kerajaan sebagai aktiviti ekonomi berasaskan pasaran semasa. Dalam kes ini, strategi yang berbeza boleh bergabung dalam cara yang kompleks. Walau bagaimanapun, contoh perusahaan mikro yang diberikan mungkin boleh memberi maklum balas terhadap kesesuaian strategi dalam intervensi ini bagi membasmi kemiskinan.

### **3.6.1 Strategi Perusahaan Individu**

Beberapa dasar, program dan projek yang mencerminkan prinsip pembangunan sosial yang lebih luas dan mempunyai keutamaan normatif yang dilaksanakan sejak lama telah pun didokumentasikan oleh tokoh-tokoh mutakhir pembangunan sosial seperti Midgley dan Tang (2008), Midgley (1995) dan Sherraden (1991). Intervensi yang dimaksudkan ini termasuk pelaburan modal manusia dan modal sosial, pengumpulan aset individu dan komuniti, mewujudkan pekerjaan dan peluang pekerjaan sendiri, melanjutkan perlindungan sosial, mengatasi halangan terhadap penyertaan ekonomi dan promosi program dengan kos yang efektif.

Sebilangan besar program dan projek yang berbeza ini mempunyai fungsi pelaburan sosial yang dikategorikan di bawah intervensi ini. Pelaburan modal insan menyediakan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan kepada kita untuk mengambil bahagian secara berkesan dalam ekonomi produktif. Keperluan terhadap pengetahuan dan

kemahiran mulai diberi keutamaan di seluruh dunia hari ini dan banyak negara komited untuk meningkatkan peluang pendidikan kepada rakyat masing-masing. Penekanan juga sedang diberi kepada penjagaan kanak-kanak, pendidikan prasekolah, literasi latihan, kemahiran kerja dan latihan semula serta pembelajaran sepanjang hayat (Hill, 2003).

Kebanyakan orang termasuk kelompok miskin mengiktiraf kepentingan pendidikan dan sering membuat pengorbanan yang besar untuk menghantar anak-anak ke sekolah. Kesanggupan keluarga miskin melabur dalam pendidikan perlu disokong sepenuhnya oleh kerajaan. Anggapannya ialah pelaburan modal insan boleh menggembung dan mengimbangi sumber isi rumah, individu, komuniti dan negara dengan berkesan. Walaupun pengamal pembangunan sosial menekankan keperluan untuk intervensi pendidikan, pembangunan modal insan juga digalakkan melalui pemakanan yang baik dan program penjagaan kesihatan. Pelaburan modal insan membawa faedah positif bukan sahaja kepada individu tetapi juga kepada komuniti secara keseluruhannya dan wajar diberi keutamaan (Tannenbaum & Reisch, 2011).

Tujuan utama pembangunan ekonomi seiring dengan nilai dan objektif pembangunan sosial iaitu meningkatkan keupayaan individu membentuk kehidupan yang bererti dan produktif. Pada masa yang sama meningkatkan keberkesanannya individu, keluarga dan komuniti (Beverly & Sherradan, 1997; Sen, 1987). Berpandukan model pembangunan sosial yang pragmatik dan normatif, pelaburan dalam pembangunan manusia boleh dilakukan dalam aspek pemakanan, kesihatan, perumahan dan pendidikan yang dapat dikaitkan dengan kebijakan melalui pembangunan ekonomi.

Beverly dan Sherradan (1997) berpendapat banyak sebab untuk meyakini bahawa pelaburan untuk memenuhi keperluan asas ini memberi pulangan ekonomi yang ketara.

Hal ini turut diakui oleh Bank Dunia (2011) yang mengatakan seseorang yang kekurangan nutrisi atau sakit memberi sumbangan yang sedikit kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sebaliknya seseorang yang sihat lebih cenderung menjadi produktif dan inovatif. Pertama, produktiviti kerja meningkat dengan mengurangkan hari sakit, mendapat bayaran yang lebih banyak dan memanjangkan tempoh kerja. Kedua, kesihatan dan pemakanan yang baik meningkatkan enrolmen kanak-kanak ke sekolah dan menambah keupayaan dalam pembelajaran. Ketiga, mengurangkan insiden penyakit yang membolehkan perbelanjaan ke atas rawatan penyakit dikurangkan (Bank Dunia, 1993).

Penyelidikan empirikal menyokong sepenuhnya bahawa terdapat hubungan antara pelaburan dalam kesihatan dan pemakanan dengan peningkatan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi. Kajian Bank Dunia ke atas keperluan asas dari 1978 hingga 1981 dirumuskan oleh Streeten *et al.*, (1981) bahawa terdapat hubungan antara pemakanan dan kesihatan yang baik dengan peningkatan produktiviti tenaga buruh dan penyesuaian terhadap perubahan. Dapatan yang sama turut disimpulkan oleh Behrman (1993) yang mengatakan pemakanan mempunyai kesan produktiviti secara langsung dan tidak langsung ke atas komuniti miskin di negara-negara membangun. Bank Dunia (1993) telah membuat analisis ke atas 70 buah negara bagi mengenal pasti hubungan antara pertumbuhan per kapita dari tahun 1960 hingga 1990 bagi pendapatan negara, tahap pendidikan dan status kesihatan menunjukkan aspek status kesihatan sebagai peramal atau petunjuk yang signifikan terhadap prestasi ekonomi. Justeru, dalam laporan-laporan Bank Dunia selepas itu, kesihatan dan pemakanan telah diberi fokus sebagai perkhidmatan yang berkesan dan memberi pulangan yang besar ke atas pelaburan.

Seperti mana pelaburan dalam modal kesihatan, pelaburan dalam pendidikan juga menyumbang pulangan yang lebih besar apabila sumber-sumber diarahkan kepada

memenuhi keperluan asas. Psacharopoulos (1985) dan Colclough (1982) masing-masing mendapati pulangan yang diperolehi daripada pendidikan rendah lebih besar daripada pendidikan tinggi. Pelaburan dalam latihan kemahiran adalah satu bentuk pelaburan atas modal insan dan kejayaan ekonomi Jerman disumbangkan oleh sistem latihan yang berbentuk ekstensif (luas dan secara besar-besaran) untuk pelajar yang tidak mendapat pendidikan di institusi pengajian tinggi (Thurow, 1992).

Oleh kerana pelaburan ini disasarkan kepada pendidikan rendah dan latihan kemahiran asas, ia dilihat boleh menyumbang kepada pengurangan ketaksamaan. Griffin dan McKinley (1994) berpendapat faedah pelaburan modal insan biasanya lebih banyak berbanding pelaburan-pelaburan aspek lain. Colclough (1982) menjelaskan strategi pelaburan yang menjadikan pendidikan rendah bukan sahaja memudahkan pertumbuhan malah memberi lebih banyak peluang dan pilihan. Analisis empirikal ke atas 66 negara maju dan sedang membangun menunjukkan bahawa kemasukan ke sekolah rendah mempunyai petunjuk yang signifikan dalam perkongsian pendapatan dalam kalangan negara yang mempunyai 40 peratus penduduk miskin (Ahluwalia, 1974). Pendidikan bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan pendapatan malah galakan lebih produktif iaitu menjadikan kemahiran bekerja sebagai aset utama kehidupan mereka (Bank Dunia, 1995).

Peningkatan dalam hubungan sosial memberi faedah yang besar kepada komuniti selain faedah kepada ekonomi. Justeru, istilah modal sosial telah diterima pakai untuk mencerminkan produktiviti hubungan sosial. Granovetter (1985) berpendapat dengan menjana amanah dan galakan mengurangkan tingkah laku negatif, rangkaian hubungan sosial dilihat memainkan peranan yang penting dalam urus niaga ekonomi. North (1990)

telah membentuk teori pertumbuhan ekonomi berkaitan institusi sosial dan politik yang mewujudkan satu bentuk kepastian dan kepercayaan serta memudahkan urusan ekonomi.

Penyelidik dalam pelbagai bidang turut melihat modal sosial memberi hasil yang positif kepada individu. Midgley (1995), Sherraden (1991) dan Coleman (1988) mengatakan modal sosial boleh menyumbang kepada pembentukan modal insan di samping rangkaian sosial memberi manfaat yang ketara kepada sokongan emosi, maklumat dan akses yang lebih mudah kepada pekerjaan, kredit, perumahan dan pemilikan harta. Keadaan ini juga mungkin menyumbang kepada produktiviti, pertumbuhan ekonomi, pendapatan dan kesaksamaan aset. Pembangunan sosial menyediakan pelengkap kepada ekonomi yang berorientasikan pembangunan dan pendekatan agihan semula. Walau bagaimanapun, memandangkan pelbagai kerumitan bagi membina potensi aktiviti pembangunan sosial, adalah penting untuk membina teori yang lebih produktif dan praktikal.

### **3.6.2 Strategi Masyarakat Popular**

Walaupun program perlindungan sosial tidak lagi menjadi sebahagian besar pembangunan sosial pada masa lalu, implikasi pemberian wang bantuan sara hidup sedang diiktiraf dan digunakan secara meluas. Sebagai contoh, program pemberian wang tunai yang diperkenalkan di Mexico dan Brazil pada tahun 1990-an telah diguna pakai di negara-negara lain (Fiszbein & Schady, 2009). Ia menunjukkan bahawa menyuntik wang tunai ke dalam perbelanjaan isi rumah keluarga miskin dapat meningkatkan penggunaan dan permintaan bagi barang dan perkhidmatan, mempengaruhi proses pembuatan keputusan dalam perusahaan kecil isi rumah serta menggalakkan kehadiran anak-anak ke sekolah,

semuanya mempunyai implikasi positif untuk pembangunan (Ellis, Devereux & White, 2009; Patel & Trieghaardt, 2008).

Menyedari bahawa terdapat banyak rintangan yang menghalang penyertaan masyarakat miskin dalam pembangunan, dasar-dasar yang memudahkan penyertaan mereka telah disuarakan oleh ramai sarjana dan pengamal pembangunan sosial. Rintangan ini termasuk amalan diskriminasi terhadap wanita, kumpulan minoriti, orang kurang upaya dan warga tua. Menghapuskan halangan jenis ini memerlukan peranan aktif kerajaan dalam menggubal dan menguatkuaskan undang-undang yang bersifat diskriminasi dan program afirmatif.

Di samping itu, penyertaan dalam ekonomi memerlukan persekitaran yang aman dan adil. Matlamat pembangunan sosial tidak mungkin dapat direalisasikan dalam masyarakat yang mana ketakadilan sering berlaku dan kelompok elit mengekalkan keistimewaan mereka serta menghalang usaha kelompok majoriti memperbaiki taraf hidup mereka. Dalam situasi ini, cita-cita pembangunan sosial yang terbaik adalah dilaksanakan dalam komuniti yang aman dan adil yang dicirikan oleh penyertaan demokratik dan komitmen kepada hak asasi manusia.

Akhirnya, penyokong pembangunan sosial hari ini lebih menyedari keperluan untuk menilai intervensi dan memastikan bahawa ia adalah dalam lingkungan kos efektif. Disebabkan tekanan ke atas perbelanjaan semakin bertambah, idea memastikan projek dan pembangunan sosial yang menepati objektif dan berorientasikan matlamat telah diterima secara meluas. Penerimaan terhadap kepelbagai teknologi dari analisis kos sehingga penilaian hasil adalah baik dan pendekatan berasaskan pembuktian semakin popular.

Secara tidak langsung kecekapan kos menjadi satu prinsip yang penting dalam amalan pembangunan sosial pada masa hadapan.

Contoh lain strategi masyarakat popular adalah penyediaan perumahan. Dari segi hubungan antara perumahan dan impak positifnya, kedua-duanya tidak menunjukkan hubungan yang jelas. Burns dan Grebler (1977) melihat keadaan ini berlaku kerana kos sosial yang menyumbang kepada kelemahan perumahan berdasarkan korelasi sahaja berbanding data-data sebenar, justeru tidak menyumbang kepada manfaat penambahbaikan perumahan. Bagaimanapun daptan Katsura (1984) berbeza sama sekali. Beliau merumuskan bahawa terdapat daptan empirikal yang positif ke atas perumahan dengan kesihatan, prestasi pendidikan dan produktiviti kerja. Kajian ke atas pelombong-pelombong arang batu di Korea menunjukkan penambahbaikan perumahan membawa kepada peningkatan dalam tahap kesihatan dan produktiviti. Namun, banyak kajian yang bersifat berat sebelah disebabkan pengumpulan data yang terhad. Hal ini disebabkan penambahbaikan perumahan berlaku dalam jangka masa panjang dan pengumpulan data hanya dilakukan selepas tempoh setahun hingga dua tahun untuk melihat impaknya (Burns & Grebler, 1977).

Terdapat sebab untuk mempercayai bahawa pelaburan dalam keperluan asas berupaya menunjukkan pulangan sosial yang penting seperti peningkatan penyertaan, jaringan sosial dan kestabilan. UNDP (1993) turut mencadangkan pentafsiran yang lebih luas termasuk penyertaan isi rumah, ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik. Semua bentuk penglibatan ini saling bergantung dan mampu memecahkan tembok penghalang kemiskinan dan kekurangan dalam memenuhi keperluan asas. Arnaud (1993) menyimpulkan bahawa perumahan yang tidak mencukupi meningkatkan pemunggiran ekonomi dan sosial golongan yang tidak berasib baik. Sebaliknya Putnam (1995)

mengatakan pelaburan dalam memenuhi keperluan asas boleh menyokong pembentukan modal sosial yang ditakrifkan sebagai, “*...features of social organization such as networks, norms, and social trust that facilitate coordination and cooperation for mutual benefit*” (hal: 66).

Streeten (1995) melihat keperluan pembangunan manusia yang menyumbang kepada masyarakat yang bermaruah, meningkatkan kesedaran terhadap demokrasi dan kestabilan sosial yang lebih besar. Dapatan yang sama turut dilihat pada peringkat kejiranan dan isi rumah dalam bentuk penyertaan dalam sosial, politik, agama dan budaya organisasi, meningkatkan keberkaitan sosial serta mengukuhkan kestabilan keluarga dan masyarakat.

### **3.6.3 Strategi Kolektif Berencana**

Di samping intervensi ini, isu seperti keperluan untuk gaji yang mencukupi, persekitaran kerja yang selamat dan sihat serta penciptaan peluang pekerjaan yang baik mesti juga diberi keutamaan. Memandangkan cabaran yang dihadapi dalam mewujudkan pekerjaan-pekerjaan baru, bekerja sendiri telah diiktiraf oleh pengamal pembangunan sosial yang percaya bahawa perusahaan mikro yang dibiayai melalui pinjaman kecil boleh menyumbang kepada peningkatkan pendapatan keluarga miskin. Didorong oleh kejayaan Bank Grameen dan inisiatif yang sama, perusahaan mikro dilihat mempunyai asas kejayaan. Walaupun sering dikatakan terlalu optimistik, pendekatan ini mungkin memberi manfaat hanya kepada sesetengah orang yang berpendapatan rendah, sumbangan kepada pembangunan sosial dalam aktiviti sektor tidak formal, meningkatkan pendapatan keluarga yang berpendapatan rendah dan memperkasa wanita (Midgley & Tang, 2008; Remenyi & Quinones, 2000).

Program pembangunan aset juga telah menjadi popular dan melibatkan pengumpulan aset kewangan oleh individu dan kelompok isi rumah serta aset yang dimiliki oleh komuniti seperti sekolah, klinik, bekalan air bersih dan jalan raya. Pengumpulan aset kewangan telah ditambah baik melalui akaun simpanan kanak-kanak. Padanan yang disediakan oleh pertubuhan bukan kerajaan, yayasan dan kerajaan telah mewujudkan insentif untuk membantu keluarga miskin. Walaupun kajian menunjukkan jumlah yang disimpan adalah tidak penting, ia mempunyai kesan psikologi dan sosial yang positif kerana mereka dapat meningkatkan kepercayaan kredit keluarga miskin dan menyediakan akses kepada bank (Schreiner & Sherraden, 2007).

Terdapat banyak alasan untuk mempercayai bahawa penambahbaikan dalam pendidikan menunjukkan pulangan ekonomi yang signifikan seperti peningkatan produktiviti, pertumbuhan ekonomi dan pengecilan dalam jurang ketaksamaan. Bank Dunia (1980) merumuskan terdapat persetujuan bersama bahawa peningkatan kadar celik huruf menyumbang kepada peningkatan produktiviti buruh. Selain daripada perubahan kognitif, perubahan juga melibatkan bukan kognitif seperti perubahan kepercayaan, nilai dan sikap. Secara umum, pendidikan meningkatkan keupayaan belajar, membuat inovasi, berupaya menyesuaikan diri, menggalakkan disiplin kerja dan responsif kepada pembelajaran berterusan. Griffin (1989) mencadangkan pembentukan modal insan menyumbang kepada perubahan teknologi.

Pertambahan pendapatan dan produktiviti yang diperolehi melalui pendidikan boleh diperhatikan dalam persekitaran pertanian khususnya bagi peningkatan gaji dan jawatan (Bank Dunia, 1980). Kajian empirikal yang dinilai oleh Colclough (1982) menyimpulkan bahawa pendidikan peringkat sekolah rendah berupaya meningkatkan produktiviti kerja di bandar dan di luar badar, malahan kajian Bank Dunia (1991) memetik

dapatkan dari negara-negara maju dan membangun yang menyaksikan tambahan setahun di dalam persekolahan boleh meningkatkan gaji dan hasil ladang. Dapatan pada tahun 1995 pula menunjukkan pulangan ekonomi yang disebabkan oleh pendidikan kerap lebih tinggi berbanding pulangan pelaburan dalam sektor-sektor yang lebih bernilai tinggi seperti industri, infrastruktur dan pertanian. UNDP (1993) mengatakan produktiviti buruh di Jepun dan negara-negara perindustrian Asia Timur telah meningkat sepuluh peratus di mana separuh daripadanya dikaitkan dengan pelaburan dalam pendidikan dan kemahiran teknikal. Begitu juga pengalaman Eropah Barat dari tahun 1970 hingga 1980 yang menunjukkan hampir 20 hingga 30 peratus pertumbuhan pendapatan dikaitkan dengan perubahan dalam keupayaan modal insan.

### **3.7 PERANAN PEMBANGUNAN SOSIAL DALAM KESEJAHTERAAN KOMUNITI**

Moser (2005) berpendapat pendekatan dalam spektrum dasar sosial dapat dikategorikan kepada satu laluan yang panjang bermula dengan kebijakan residual melalui dasar-dasar tambahan (*incremental*) dan memenuhi keperluan asas kepada agenda yang berkaitan dengan keadilan sosial, kewarganegaraan dan hak-hak asasi. Pendekatan ini termasuk perubahan dalam pembangunan sosioekonomi yang bermula dari dasar pemodenan yang menggerakkan pertumbuhan ekonomi kepada model reformasi neo-liberalisme yang dikaitkan dengan globalisasi.

Terdapat tiga dimensi penting dalam pembangunan sosial (Groch *et al.*, 2013; Chaudhary, 2006; Bank Dunia, 2005; Lukman *et al.*, 2002; Beverly & Sherraden, 1997). Pertama, meningkatkan kualiti kehidupan sosial. Kedua, mengambil kira elemen sosial. Ketiga, meningkatkan penyertaan komuniti. Dimensi pertama merupakan komponen penting dalam meningkatkan kualiti kehidupan sosial seperti kesihatan, pemakanan,

pendidikan, perumahan, kerohanian, perkhidmatan awam, perbandaran dan peluang pekerjaan. Inti pati dimensi kedua ialah memberi penekanan yang sama kepada aspek pembangunan dalam ekonomi dan teknologi kerana aspek-aspek ini juga memberi pengaruh terhadap negara seperti melambatkan pembangunan ekonomi dan menyempitkan peluang pekerjaan. Komuniti menjadi sebahagian daripada proses pembangunan melalui proses penggubalan, pelaksanaan, penilaian dan pengawalan dasar, program dan projek pembangunan. Penyertaan dan penglibatan komuniti sangat signifikan supaya pelaksanaan perancangan menjadi lebih adil, seimbang dan dapat meneroka masyarakat paling asas dalam piramid kelas sosial.

Dalam pembangunan sosial, komuniti menjadi objek utama pembangunan. Mereka harus dibawa bersama dalam pembentukan dasar dan pelaksanaan program kerana dapat memberi implikasi yang penting dan berpanjangan. Dasar yang telah ditetapkan memerlukan penyertaan dan sokongan semua pihak demi kejayaan projek atau program yang akan dilaksanakan (Bochel *et al.*, 2009; Chatterjee & Vadapalli, 2009; Bank Dunia, 2005; Bessant, Watts, Dalton & Smith, 2005; Gil, 1981). Penyertaan komuniti memberi tiga implikasi penting. Pertama, komuniti dapat mempengaruhi proses menggubal dasar yang berkaitan dengan pengagihan dan penggunaan sumber pembangunan sosial yang lebih produktif. Kedua, penglibatan komuniti dapat meningkatkan taraf hidup sosial melalui pengurusan program yang teratur dan diterima baik. Ketiga, penyertaan komuniti harus berfungsi untuk memastikan mereka adalah kelompok paling layak menerima faedah pembangunan sosial tersebut dan diberikan peluang yang sewajarnya. Penyertaan yang dimaksudkan adalah penglibatan dalam proses membuat keputusan, perancangan, penggubalan dasar, agihan sumber produktif, pemilihan projek dan pelaksanaan serta pengagihan faedah dalam pembangunan sosial (PBB; 2013, 2010, 1969).

Kamaruddin (2003) memetik pendapat Sakiko Fukuda Parr yang mengaitkan hubungan yang erat antara pembangunan manusia dengan pembangunan ekonomi dan politik. Beliau menekankan bahawa pembangunan manusia bergantung kepada kejayaan kedua-dua pembangunan tersebut. Pembangunan politik pula bergantung kepada jumlah masyarakat miskin yang diberikan kuasa menerusi sistem demokrasi yang berkesan dalam membuat keputusan penting terutamanya yang bersangkutan dengan peluang mereka untuk terlibat dalam proses pembangunan yang saksama.

### **3.8 KESIMPULAN**

Memahami konsep dan teori pembangunan sosial dapat memberi kejelasan strategi dan hala tuju pembangunan sesebuah negara. Memilih pendekatan yang betul dapat meningkatkan keberkesaan program pembangunan sosial, mengurangkan kos dan menggalakkan perkembangan pembangunan manusia dalam tempoh yang lebih singkat.

Sesebuah negara tidak perlu meniru atau mengikut pelaksanaan program pembangunan sosial negara lain kerana keberkesaan sesuatu program pembangunan sosial ditentukan oleh pelbagai faktor seperti keperluan masyarakat, tahap pendidikan dan kadar pendapatan. Sebaik-baiknya ialah memahami benar-benar keperluan masyarakat dan memilih konsep pembangunan sosial yang dapat memenuhi keperluan sosial utama kumpulan sasar.

## **BAB 4**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Bab ini menerangkan kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini. Penerangan melibatkan reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, teknik persampelan, kaedah pengumpulan data, instrumen kajian dan kajian rintis, pentadbiran kajian, teknik analisis data dan batasan kajian.

#### **4.2 REKA BENTUK KAJIAN**


Kajian ini mengkaji pelaksanaan dasar sosial berkaitan kemiskinan di Malaysia dan Indonesia untuk membangunkan kehidupan komuniti yang sejahtera di kedua-dua negara. Persoalan utama kajian adalah mengetahui impak program pembasmian kemiskinan ke atas pembangunan komuniti di Malaysia dan Indonesia. Kajian ini juga ingin mengetahui mengapa program pembasmian kemiskinan di Malaysia dan Indonesia tidak dapat memajukan komuniti dengan sewajarnya, mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan pelaksanaan pembasmian kemiskinan tidak berjaya membangunkan masyarakat dan mengetahui strategi program pembangunan sosial di Malaysia dan Indonesia yang boleh diperkasakan agar menjurus ke arah komuniti sejahtera. Reka bentuk kajian ini adalah bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang kompleks dan rumit dengan menggabungkan beberapa pendekatan dan kaedah sosiologi. Kajian perbandingan digunakan dengan memanfaatkan empat cara, iaitu:

- a) Pengumpulan data mentah yang berkaitan dengan objektif kajian menggunakan kajian jenis laporan kendiri (*self-report*). Jenis kajian ini dipilih kerana pengkaji ingin mendapatkan gambaran sebenar mengenai penglibatan responden dalam pelaksanaan program pembasmian kemiskinan.
- b) Menggunakan maklumat dari data sekunder yang melibatkan penyelidikan perpustakaan dan melalui laman sesawang di samping membuat perbandingan dengan kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini untuk melihat perubahan hidup komuniti.
- c) Kajian komuniti dan membuat perbandingan responden di empat kawasan kajian iaitu tidak memberi tumpuan kepada satu komuniti di satu kawasan sahaja. Kajian ini menggabungkan metodologi kajian yang dikenali sebagai teknik persampelan rawak berlapis (*multi stage sampling*) yang telah membantu proses analisis data secara paling cekap dan berkesan.
- d) Kajian ini menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu kaedah tinjauan dan kajian kes. Dalam kaedah tinjauan, soal selidik digunakan sebagai alat ukur untuk mendapatkan data mengenai pelaburan sosial dan pelaburan ekonomi serta impak pelaksanaan program pembasmian kemiskinan ke atas responden. Dalam kajian kes pula, teknik temu bual dilakukan ke atas informan utama dan analisis dokumen turut digunakan.

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif secara bersama (*combined design*) ataupun digelar “*mixed method*” untuk memperkuuh hasil kajian. Dua pengkaji iaitu Giddens (1995) dan Vredenbregt (1985) mengutarakan pendapat

mereka berkaitan gabungan ini. Bagi Giddens, gabungan dua pendekatan ini merupakan jalan keluar kepada ahli sosiologi untuk memahami masyarakat secara makro (cenderung deterministik-boleh diramal) dan struktur mikro (menekankan perlunya penjelasan dan proses kreatif-interaktif). Vredenbregt pula melihat pendekatan kuantitatif mampu memberi kerangka ke atas realiti sosial yang telah diteliti dan pendekatan kualitatif pula dapat menempatkan data kuantitatif itu dalam perspektif yang benar. Gabungan kedua-dua pendekatan ini menjadikan hasil penyelidikan dapat dicapai dengan lebih tepat, munasabah dan memuaskan.


Menurut Scott dan Garner (2013), kelebihan utama kaedah “*mixed method*” ini adalah menyediakan kajian kualitatif yang lebih jelas dan pengayaan konteks melalui kajian kuantitatif. Di samping itu, pendekatan ini menawarkan peluang untuk proses triangulasi bagi pembelajaran yang berkaitan dunia sosial daripada pelbagai perspektif. Bagi Marshall dan Rossman (2006), pilihan kaedah kualitatif adalah kerana tingkah laku manusia kerap kali dipengaruhi oleh penetapan di sekitar mereka dan pengkaji perlu menyelidik tingkah laku itu dalam kehidupan sebenar. Walaupun kombinasi kedua-dua pendekatan ini boleh dilakukan, strategi kombinasi bergantung kepada persoalan kajian. Scott dan Garner seterusnya menjelaskan, “*There are many different strategies available for combining different approaches, and the choice of strategy will vary with the research questions*” (hal. 192). Bagi kajian ini, kaedah “*mixed method*” yang dipilih adalah model reka bentuk triangulasi (*triangulation design model*) yang diperkenalkan oleh Creswell dan Plano Clark (2007). Cohen dan Manion (1989) mengatakan triangulasi adalah “*...attempt to map out, or explain more fully, the richness and complexity of human behavior by studying it from more than one stand point*” (hal. 19). Triangulasi melibatkan metodologi (soal selidik) dan subjek (temu bual). Model triangulasi ini ditunjukkan dalam Rajah 4.1.



**Rajah 4.1:** Model triangulasi “*mixed method*”

Sumber: Creswell, L. dan Plano Clark, V. (2007). *Designing and conducting mixed methods research*. Thusand Oaks, CA, USA: SAGE Publications.

Dalam model ini, pengkaji telah mengumpul data pada masa yang sama. Maksudnya, semasa pengkaji berada di lapangan, sesi pengedaran borang soal selidik dan temu bual berjalan serentak. Hal ini kerana pengkaji memiliki masa yang sangat terhad untuk mengumpul data dan mesti mengutip data dengan sekali lawatan. Pengkaji juga merasakan terdapat nilai yang setara bagi mengumpul dan menganalisis kedua-dua data kuantitatif dan kualitatif untuk memahami permasalahan kajian. Akhir sekali, pengkaji boleh menguruskan data yang dikutip dan membuat penganalisaan. Menurut Greene (2007), model ini sangat sesuai untuk seorang pengkaji atau kumpulan pengkaji yang dapat mengutip data kuantitatif dan kualitatif dalam jumlah yang terhad. Prosedur pelaksanaan proses kutipan data ditunjukkan dalam Rajah 4.2. Seterusnya pengkaji menyediakan analisis dan dapatan kajian dalam dua bahagian berbeza. Setiap data yang dikumpul telah dianalisis secara berasingan dan bebas menggunakan teknik yang bersesuaian.



**Rajah 4.2:** Prosedur pelaksanaan proses kutipan data

Kajian perbandingan dalam erti kata yang mudah adalah tindakan membandingkan dua atau lebih perkara dengan tujuan untuk menemui satu atau semua perkara yang dibandingkan. Kaedah penyelidikan perbandingan ini telah lama digunakan dalam kajian silang budaya untuk mengenal pasti, menganalisis dan menjelaskan persamaan dan perbezaan dalam masyarakat. Contohnya, Erikson dan Goldthorpe (1992) yang menjalankan kajian stratifikasi masyarakat berdasarkan kelas sosial ataupun kajian etnografik dalam kajian klasifikasi etnik oleh Gravlee (2005). Teknik ini sering menggunakan multidisiplin dalam satu kajian. Apabila ia berkaitan metodologi, persetujuan majoriti umum adalah tidak ada kaedah khusus kepada penyelidikan perbandingan.

Relevansi kajian perbandingan ini ialah sebagai percubaan untuk mencari penyelesaian kepada masalah dalam program pembasmian kemiskinan dengan melibatkan proses rundingan dan kompromi bersama pengetahuan mengenai konteks negara yang berbeza. Perbandingan pelaksanaan program pembasmian di Malaysia dan Indonesia berupaya membawa idea yang lebih segar, pandangan yang lebih menarik dan menambah kefahaman terhadap isu-isu yang menjadi kebimbangan pembuat dasar di kedua-dua negara. Hal ini dapat membantu mereka membina fokus yang lebih rinci untuk menganalisis subjek yang dikaji seterusnya memberi cadangan perspektif baru.

Di samping itu, kajian ini juga memberi kefahaman yang mendalam tentang sosiobudaya masyarakat yang berbeza (institusi, adat, tradisi, sistem nilai, gaya hidup, bahasa dan pola berfikir) di Malaysia dan Indonesia dengan menggunakan instrumen kajian. Di akhir kajian ini, pengkaji mendapat penjelasan bagi persamaan dan perbezaan serta mendapatkan kesedaran yang lebih besar dan pemahaman yang lebih mendalam tentang realiti sosial dalam konteks negara yang berbeza. Pengkaji juga dapat

menyerlahkan aspek-aspek unik yang muncul bersama daptan kajian. Justeru, dapat memahami proses pemikiran budaya yang berbeza ini sebagai proses “mujahadah” membaiki usaha-usaha pembasmian kemiskinan yang sedang dijalankan.

Ketika melaksanakan kajian perbandingan ini, pengkaji menghadapi tiga masalah. Pertama, menguruskan pertemuan antara responden. Pengkaji perlu mencari masa yang sesuai untuk bertemu dengan responden yang berada di merata tempat dalam kawasan kajian. Begitu juga dengan tempat perundingan yang dipersetujui dan kos perjalanan bagi setiap perundingan. Kedua, sukar mengakses data yang sepadan kerana kaedah pengumpulan data yang berbeza. Di Malaysia, pengkaji mendapat kerjasama yang sangat baik daripada pihak AIM yang mencadangkan tempat khusus untuk pengkaji membuat temu bual dan soal selidik manakala di Indonesia pengkaji mendapatkan khidmat pembantu penyelidik untuk mendapatkan data. Perbezaan dalam kaedah pengumpulan data ini memberi kesan kepada analisis data yang lebih tepat. Ketiga, konsep dan parameter kajian iaitu laras bahasa dan penggunaan perkataan yang berbeza. Contohnya ialah farmasi. Di Indonesia, istilah yang digunakan ialah “apotek”. Bagi mengatasi perbezaan ini, pengkaji mendapatkan bantuan daripada sarjana Indonesia yang mahir dalam bahasa Melayu untuk menterjemahkan soal selidik dan soalan temu bual ke dalam bahasa Indonesia.

Kajian perbandingan yang dilakukan dalam kajian ini didapati memiliki kekayaan data. Bagaimanapun data yang banyak ini harus ditapis supaya ianya relevan dan berat sebelah (Mills, Bunt & Bruijn, 2006). Walaupun terdapat satu item yang difahami bersama, ukuran skala yang digunakan mungkin berbeza di seluruh populasi. Justeru, ia terdedah kepada sesiapa sahaja yang berhak mempersoalkan kesahihan jawapan semasa proses temu bual apabila membandingkan sesuatu konsep antara negara ini (Jowell, 1998).

Justeru, kajian ini secara semulajadinya perlukan fokus dan kompromi yang lebih besar seperti mendapatkan kerjasama pusat tanggungjawab tempat pengkaji bekerja, mendapatkan kebenaran menjalankan kajian daripada agensi kajian dan membina jaringan sosial bersama pembantu penyelidik di Indonesia. Semua proses ini melibatkan tempoh yang panjang iaitu satu hingga tiga tahun.

Tidak dapat dinafikan terdapat proses percubaan dan kesilapan yang sering kali mengganggu kelancaran kajian ini yang menjelaskan kualiti dapatan kajian (Hantrais, 1995). Namun pengkaji sentiasa mendapatkan bimbingan daripada penyelia dan sering kali mengadakan perbincangan dengan pakar metodologi kajian supaya kajian ini mempunyai rangka kerja yang lengkap, pengetahuan yang mantap, kefahaman dalam konteks negara lain dan lenggok bahasa serta budaya.

Dari semasa ke semasa, penyelidik sentiasa berwaspada terhadap gangguan budaya supaya percanggahan yang muncul ketika kajian ini tidak mengganggu dapatan kajian. Dalam memberi tafsiran terhadap keputusan kajian, penemuan berkenaan sentiasa diperiksa kembali supaya relevan dengan konteks masyarakat yang lebih menyeluruh dan mengambil kira batasan kajian yang telah ditetapkan.

#### **4.3 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN**


Populasi kajian ini adalah komuniti miskin di Malaysia dan Indonesia yang merupakan kelompok miskin dan telah menjalankan perniagaan sama ada dalam jangka masa pendek atau jangka masa panjang melalui pembiayaan mikro kredit. Di Malaysia, sebanyak 0.6 peratus penduduk negara itu dikategorikan sebagai miskin (Unit Perancang Ekonomi, 2014) manakala di Indonesia pula sebanyak 11.47 peratus (Badan Pusat Statistik Indonesia,

2013). Penglibatan mereka dalam perniagaan adalah untuk mengubah keadaan hidup sedia ada supaya dapat keluar daripada lingkaran kemiskinan.


Sampel komuniti miskin bagi kajian ini adalah komuniti miskin yang menyertai program pembangunan sosial skim mikro kredit di kedua-dua buah negara. Di Malaysia, antara pelaksana program skim mikro kredit adalah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Yayasan Usaha Maju (YUM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) (Suraya Hanim & Zariyawati, 2015). Di Indonesia pula, jenis-jenis program skim mikro kredit yang telah dilaksanakan adalah Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat Mandiri (PNPM), Bank Rakyat Indonesia-Unit Desa (BRI-UD), Bimbingan Massal (BIMAS) dan Program Hubungan Bank dan KSM (PHBK) yang dilaksanakan oleh Bina Swadaya iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan (Yoko Miyashita, 2000). Dalam kajian ini, pengkaji hanya memilih skim mikro kredit yang diurus selia oleh AIM di Malaysia dan PNPM di Indonesia. Bagaimanapun tidak semua peserta AIM dan PNPM yang terlibat sebagai sampel kajian sebaliknya hanya melibatkan peserta AIM di Melaka (Malaysia) dan PNPM di Riau (Indonesia).

Sampel kajian terlibat secara langsung menguruskan perniagaan mereka bagi menambah pendapatan keluarga. Pemilihan responden di daerah Melaka Tengah, Jasin, Pekanbaru dan Rumbai adalah kerana agensi pembiaya di kawasan-kawasan ini sedang giat meningkatkan pendapatan penduduk berpendapatan rendah dan miskin melalui Amanah Ikhtiar Malaysia dan Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat Mandiri (Rajah 4.3 dan Rajah 4.4). Kawasan-kawasan ini dipilih kerana tiga sebab. Pertama, kawasan ini merupakan wilayah yang sedang membangun dengan penduduk lebih daripada sejuta orang yang memiliki kaedah dan prasarana yang bersepadu dan memadai dengan konsep pembangunan kota lestari (*sustainable city*) dalam bidang ekonomi,

ekologi, sosial dan politik untuk memenuhi keperluan komuniti. Kedua, tahap limpahan ekonomi dari kawasan pembangunan utama kedua-dua negara telah menyebabkan migrasi penduduk ke bandar dan pinggir bandar hingga mewujudkan golongan miskin. Ketiga, struktur sosioekonomi masyarakat yang hampir sama iaitu kawasan pinggir bandar.



Rajah 4.3: Kawasan kajian di Melaka, Malaysia.



Rajah 4.4: Kawasan kajian di Riau, Indonesia.

Perbandingan kawasan kajian ditunjukkan dalam Jadual 4.1. Sampel bagi tujuan tinjauan telah dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) kerana bersesuaian dengan kajian ini iaitu mengetahui impak pelaksanaan program pembasmian kemiskinan terhadap komuniti. Dalam jadual ini, sampel kajian yang dijadikan unit analisis utama melibatkan 900 orang responden yang dipilih secara sampel bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan Jadual Saiz Sampel Krejie & Morgan (1970) selepas mengambil kira peratusan penduduk miskin di Melaka iaitu 0.1 peratus (Unit Perancang Ekonomi, 2014) dan Riau sebanyak 3.27 peratus (Badan Pusat Statistik Indonesia, 2014).

Menurut Babbie (1986), kaedah persampelan bertujuan dilakukan setelah pengkaji mengetahui bahawa populasi berkenaan dapat memenuhi matlamat kajian. Persampelan cara ini membolehkan pengkaji memilih informan tertentu bagi memudahkan perkembangan terhadap sesuatu teori yang dibentuk (Glaser & Strauss, 1967). Maxwell (1996) memberikan empat faktor kepentingan kaedah persampelan bertujuan iaitu; (1) dapat mewakili atau sebagai contoh (*typicality*) tentang latar, individu dan aktiviti-aktiviti yang dipilih, (2) dapat mencakupi heteroginiti sesuatu populasi atau variasi maksimum (Miles & Huberman, 1994), (3) pemilihan sampel yang sengaja dipilih bertujuan untuk meneliti kes kajian, dan, (4) dapat membentuk perbandingan khusus bagi menjelaskan sebab-sebab perbezaan antara latar dan individu. Seterusnya, Marshall dan Rossman (1989) mengatakan bahawa sampel (informan) sebegini mampu menghasilkan data-data untuk sesuatu kajian kerana ia mengambil kira latar atau “*setting*” yang sesuai. Goetz dan LeCompte (1984) dalam Merriam (1991) menerangkan persampelan bertujuan sebagai “*criterion based sampling*” yang bermaksud pengkaji perlu membentuk kriteria, asas atau piawai (*standard*) kepada unit yang dikaji.

**Jadual 4.1:** Kawasan kajian dan sampel kuantitatif

Negara	Lokasi	Bilangan (n)
Malaysia	Melaka	250
	Jasin	200
Indonesia	Riau	225
	Rumbai	225
Jumlah		900

Kaedah persampelan bertujuan ini digunakan untuk memilih responden yang spesifik bagi mendapatkan maklumat tertentu yang tidak dapat diperolehi daripada semua individu. Neuman (2011) dan Krathwohl (1998) mengatakan kaedah persampelan secara bertujuan ini diterima untuk situasi tertentu sama ada kajian kuantitatif mahupun kualitatif. Individu yang dipilih berdasarkan kepada kepakaran dan pengetahuan mereka terhadap isu yang dikaji dan kepentingan responden berkenaan sebagai sumber yang kaya dengan maklumat mengenai isu yang dikaji (Leedy & Ormrod, 2005).

#### 4.4 TEKNIK PERSAMPELAN

Kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak berlapis (*multi stage sampling*) yang mana sampel dari kawasan yang luas dikenal pasti melalui pembahagian wilayah atau zon yang lebih kecil seterusnya sampel rawak dikenal pasti dari kawasan yang lebih khusus seperti daerah dan kawasan kampung atau taman perumahan. Persampelan rawak berlapis dipilih kerana dua sebab iaitu sukar membentuk senarai semua responden dalam populasi dan kedua mengurangkan kos perbelanjaan kajian. Kaedah ini lebih mudah, ekonomikal dan efisien serta senarai responden hanya diperlukan di peringkat akhir. Teknik ini melibatkan lima peringkat teknik persampelan iaitu:

- (i) Pada tahap pertama, pengkaji memilih program pembangunan sosial yang ingin dikaji. Bagi konteks kajian ini, dengan menggunakan teknik persamplean bertujuan (*purposive sampling*), pengkaji memilih skim mikro kredit kerana program ini merupakan program pembasmian kemiskinan yang lebih menonjol dan menampakkan kejayaan dari segi perubahan taraf hidup peserta.
- (ii) Seterusnya pada tahap kedua, pengkaji menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) sekali lagi bagi memilih lokasi kajian iaitu Melaka (Melaka Tengah dan Jasin) bagi Malaysia dan Riau (Pekanbaru dan Rumbai) bagi Indonesia.
- (iii) Pada tahap ketiga, pengkaji menentukan saiz sampel bagi kedua-dua kawasan. Bagi tujuan ini, pengkaji memerlukan “master frame” iaitu bilangan peserta AIM di Melaka dan Riau. Pengkaji menggunakan Jadual Saiz Sampel Krejje & Morgan untuk menentukan bilangan saiz sampel daripada bilangan keseluruhan peserta di keempat-empat lokasi.
- (iv) Seterusnya, pada tahap keempat, pengkaji menggunakan “proportionate formula” bagi menentukan bilangan responden bagi setiap empat lokasi tersebut (i.e., Melaka Tengah- 250, Jasin- 250, Pekanbaru- 250 dan Rumbai- 250).
- (v) Akhirnya, pengkaji menggunakan teknik persampelan rawak selesa (*convenience random technique*) bagi memilih responden bagi setiap lokasi kajian terpilih. Mengikut teknik ini, pengkaji pergi ke lokasi-lokasi kajian dan meminta responden yang menepati ciri-ciri inklusif yang telah ditetapkan menyertai kajian ini iaitu menjawab borang soal selidik yang disediakan.

Di Malaysia, pengkaji mendapatkan maklumat populasi dari ibu pejabat Amanah Ikhtiar Malaysia seterusnya dari cawangan AIM di Melaka Tengah dan Jasin. Begitu juga di Riau, pengkaji mendapatkan maklumat populasi dari Lembaga Bantuan Hukum Untuk Orang Miskin di Riau yang mana prosedur yang sama digunakan untuk menentukan sampel di kedua-dua kawasan ini. Dengan teknik ini, data yang diperolehi lebih bervariasi, kaya dengan maklumat dan dapat membuat perbandingan tentang faktor dan proses yang berbeza antara satu kawasan dengan kawasan yang lain.

#### **4.5 KAEADAH PENGUMPULAN DATA**

Menurut Sabitha (2006), data ialah pengiraan ke atas ciri-ciri, kejadian, fakta atau ukuran ke atas sesuatu peristiwa yang boleh dikira. Kajian ini menggunakan dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer dikumpulkan sendiri oleh pengkaji selepas memperolehnya melalui soal selidik, temu bual dan pemerhatian daripada individu, kumpulan fokus dan pakar. Metodologi pengumpulan data primer dilakukan secara pasif dan aktif.

Pengumpulan data secara pasif dibuat dengan berstruktur dan terbuka iaitu pengumpulan data dilakukan menggunakan soal selidik berdasarkan tahap keformalan yang tinggi. Bagi tujuan ini, responden telah dimaklumkan mengenai tujuan kajian supaya mereka memberikan jawapan yang sesuai dan ikhlas. Pengumpulan secara aktif adalah temu bual yang dibuat secara bersemuka melalui soalan semi struktur yang mengandungi dua bahagian. Kajian ini melaksanakan sesi temu bual dalam dua peringkat, peringkat pertama melibatkan temu bual secara mendalam (*in-depth interview*) kumpulan pakar yang terdiri daripada perancang dasar, pakar dasar dan pelaksana dasar selama dua jam. Mereka ialah Encik Mohd Shafiq Anas Abdullah, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Dasar

Sosial Negara, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mewakili perancang dasar, Prof Madya Dr Siti Hajar dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur mewakili pakar dasar dan Dr Mohd Yusuf Daeng iaitu Ketua *Riau Lawyer Club*, Sekretariat Umum Senat Universiti Lancang Kuning, Riau dan ahli Lembaga Bantuan Hukum Untuk Orang Miskin Riau mewakili pakar dasar dan aktivis sosial dari Indonesia.

Proses temu bual bermula dengan pengkaji mendapatkan maklumat mengenai responden berdasarkan saranan daripada penyelia kajian, menghubungi responden melalui e-mel dan membuat temujanji pada tarikh dan masa yang dipersetujui. Tempoh temu bual bermula dari Disember 2012 sehingga Ogos 2013. Cara ini dapat membina hubungan yang tidak formal antara pengkaji dan responden membolehkan temu bual berjalan dalam suasana santai dan rasional.

Peringkat kedua adalah temu bual ke atas responden dalam kumpulan fokus yang dilakukan di Malaysia dan Indonesia masing-masing melibatkan empat orang. Mereka dikumpulkan di lokasi yang dipersetujui dan proses temu bual dipandu oleh pemudahcara yang dilantik oleh pengkaji berdasarkan soalan-soalan tidak berstruktur dan terbuka. Sebelum pemudahcara memulakan sesi temu bual, mereka diberi penerangan tentang tatacara temu bual kumpulan berfokus dan jangkaan dapatan yang hendak diperolehi. Jangka masa yang diambil untuk melengkapkan proses temu bual adalah satu setengah jam.

#### **4.5.1 Soal Selidik**

Seramai 920 individu telah dipilih secara teknik persampelan rawak berlapis (*multi stage sampling*) dan dikenal pasti masing-masing melalui Amanah Ikhtiar Malaysia cawangan Melaka dan Lembaga Bantuan Hukum Untuk Orang Miskin di Riau. Bagaimanapun, jumlah bilangan responden bagi kajian tinjauan ini bergantung kepada jumlah soal selidik yang dikembalikan kepada pengkaji. Di akhir kajian, terdapat 900 individu yang telah memulangkan borang soal selidik dan menjadi responden bagi kajian tinjauan yang dijalankan untuk mendapatkan data. Data yang diperolehi melalui soal selidik dianalisis secara kuantitatif menggunakan perisian SPSS versi 19.

Kajian kuantitatif berbentuk deskriptif dijalankan menerusi satu set soal selidik. Kaedah ini digunakan dalam penyelidikan untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku dan berupaya untuk menggambarkan secara lengkap mengenai hal-hal yang berkaitan dengan masalah yang dikaji (Mohd Majid, 2005). Di samping itu, kajian bentuk ini juga berperanan menghuraikan dan menjelaskan mengenai sesuatu perkara atau keadaan pada sesuatu masa. Data yang diperolehi daripada kajian ini dapat digunakan untuk membantu mengenal pasti dan menyelesaikan sesuatu masalah. Selain itu, kajian deskriptif ini juga cuba menunjukkan hubungan antara kesan dan akibat berasaskan teknik yang sesuai (Johnson & Christensen, 2000; Taylor, 2000).

#### **4.5.2 Temu Bual**

Dalam temu bual, responden kajian yang terbabit ialah individu yang mempunyai maklumat tentang teoritikal, operasional dan praktikaliti program pembasmian kemiskinan di Malaysia dan Indonesia. Seramai tiga orang telah ditemu bual dalam kajian kes yang


dijalankan iaitu dua orang dari Malaysia dan seorang dari Indonesia. Responden yang dijadikan informan utama ini merupakan pegawai kanan di kementerian, tokoh akademik dan aktivis sosial. Tujuan utama pemilihan informan ialah kemampuan membekalkan maklumat yang berkaitan dan menjadi fokus kajian ini. Temu bual menggunakan soalan semi struktur untuk memandu arah tuju proses temu bual ke arah memenuhi objektif kajian. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan sebagai satu andaian pengkaji mahu menerokai dan memahami secara mendalam daripada responden yang boleh memberikan maklumat yang banyak dan mendalam. Bagi temu bual untuk mengetahui faktor penghalang kepada pembentukan masyarakat sejahtera, enam orang responden telah ditemui masing-masing tiga di Malaysia dan tiga di Indonesia.

Kaedah ini dilakukan berdasarkan kriteria iaitu mereka menjalankan perniagaan untuk menambah pendapatan keluarga, terdiri daripada kelompok miskin yang mendapat bantuan dari Amanah Ikhtiar Malaysia dan Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat Mandiri yang kebanyakannya berada di kawasan pinggir bandar atau luar bandar. Bagi mendapatkan jumlah yang sama bagi Malaysia dan Indonesia, seramai 450 ditetapkan bagi setiap negara. Saiz sampel bagi setiap kawasan harus menepati ciri-ciri utama yang diperlukan di samping faktor masa dan kesanggupan mereka untuk ditemu bual. Selain kaedah sampel bertujuan, kaedah “snowball” juga diguna pakai dalam kajian ini yang mana sebahagian responden yang mempunyai ciri-ciri diperlukan kajian telah didekati melalui perkenalan dengan responden sebelumnya.

#### **4.5.3 Prosedur Kajian dan Kutipan Data**

Pengumpulan data dalam kajian ini dibuat melalui dua peringkat iaitu kajian rintis dan kajian lapangan. Kedua-dua peringkat ini saling berkait antara satu sama lain kerana

peringkat kajian rintis adalah untuk menyokong pelaksanaan kajian lapangan seperti kaedah kajian, responden kajian, pendedahan dan pengalaman pengkaji. Tujuan kajian rintis ini adalah menilai kesesuaian konteks, mengenal pasti masalah logistik yang mungkin berlaku apabila menggunakan kaedah yang dicadangkan, membina dan menguji kecukupan instrumen kajian, mereka bentuk protokol penyelidikan dan mengenal pasti kesesuaian penggunaan bahasa dan ayat dalam soal selidik. Kaitan antara peringkat kajian rintis dan kajian lapangan ditunjukkan dalam Rajah 4.5.



**Rajah 4.5:** Kaitan antara kajian rintis dan kajian lapangan

#### 4.5.4 Kajian Lapangan

Kajian lapangan bagi kajian ini telah dilaksanakan selama 22 bulan bermula pada Februari 2013 hingga November 2014. Jangka masa ini digunakan untuk mengumpulkan data melalui kaedah tinjauan dan kajian kes. Kajian lapangan menggunakan kaedah tinjauan sebagai cara utama untuk mendapatkan data mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan intervensi sosial dan impak kepada kesejahteraan komuniti di Malaysia dan Indonesia. Punch (2001, 2000) mengatakan bahawa kaedah tinjauan adalah mendapatkan maklumat secara langsung daripada sekumpulan individu yang menjadikannya lebih berkesan untuk memenuhi tujuan sesuatu kajian dijalankan. Data tentang perkara-perkara

yang berkaitan dengan intervensi sosial ini membabitkan variabel-variabel berikut iaitu pendidikan, tempat tinggal, pekerjaan, pendapatan, bantuan perniagaan, kesihatan, penglibatan dalam komuniti dan perubahan dari segi sosial dan ekonomi.

Selain kaedah tinjauan, kajian kes telah dijalankan untuk melihat secara lebih mendalam pelaksanaan intervensi sosial dalam program pembasmian kemiskinan di Malaysia dan Indonesia. Yin (2003) dan Krathwohl (1998) menyifatkan kajian kes membenarkan sesuatu kajian yang diteliti dilakukan ke atas sesuatu kes dengan mengekalkan ciri-ciri holistik dan bermakna dalam situasi sebenar. Dalam kajian kes ini, teknik yang digunakan ialah temu bual dan analisis dokumen. Data yang diperolehi melalui kaedah temu bual adalah lebih mendalam dan dapat memberikan gambaran sebenar dan jelas tentang apa yang ingin disampaikan oleh seseorang berbanding kaedah-kaedah lain (Neuman, 2011). Data-data ini memberi maklumat yang berkaitan dengan pengalaman, pendapat dan maklum balas seseorang terhadap isu yang dikaji.

Temu bual dalam kajian kes ini dilakukan berdasarkan kepada masa dan kesediaan informan utama untuk ditemu bual. Justeru terdapat jarak masa yang agak jauh untuk mendapatkan data melalui teknik ini. Tiga orang informan yang ditemu bual dalam kajian ini memberi maklumat yang mendalam tentang selok-belok berkaitan implementasi intervensi sosial yang dilaksanakan di Malaysia dan Indonesia. Antara soalan yang dikemukakan ialah proses pembentukan, operasi dan penerimaan intervensi sosial ini dalam kalangan masyarakat, kejayaan besar yang dicapai dan bagaimanakah pencapaiannya sejak mula dilaksanakan telah mempengaruhi kesejahteraan komuniti dan sejauh mana penglibatan kumpulan sasar dalam program-program yang dijalankan. Dalam kajian kes ini, teknik temu bual dan analisis dokumen telah digunakan untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan implementasi intervensi sosial dan impak kepada komuniti.

Pengumpulan data sekunder dilakukan melalui penelitian ke atas dokumen-dokumen yang diperolehi dari perpustakaan seperti jurnal, tesis, buku, laporan tahunan dan laman sesawang. Selain dalam bentuk tulisan, maklumat data sekunder diperolehi melalui saluran pandang dengar seperti ucapan pemimpin negara, tayangan gambar dan tayangan video melalui laman sesawang *Youtube* dan bahagian dokumentasi audio video di perpustakaan.

Analisis dokumen ini dapat membantu pengkaji mendapatkan data secara objektif melalui dokumen serta tidak memerlukan kehadiran informan (Frankael & Wallen, 1996). Dokumen dapat memberikan data yang konsisten kerana semua data diperoleh secara jelas dan boleh digunakan untuk mendapatkan kesahan sesuatu jawapan daripada analisis soal selidik. Antara dokumen yang dirujuk untuk mendapatkan data bagi kajian kes adalah:

1. Dokumen Laporan Sosial berkaitan Petunjuk Sosial Malaysia,  
Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.
2. Dokumen Laporan Sosial Malaysia 2011.
3. Dokumen Dasar Sosial Negara, Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat.
4. Dokumen Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015.
5. Dokumen Laporan Tahunan Amanah Ikhtiar Malaysia (pelbagai tahun).
6. Dokumen Laporan Tahunan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia  
(pelbagai tahun).
7. Undang-undang Nombor 40 Tahun 2004 dan Undang-undang Nombor  
24 Tahun 2011 Tentang Sistem Jaminan Sosial Nasional.
8. Dokumen Peraturan Presiden Republik Indonesia Nombor 5 Tahun 2010  
Tentang Rencana Pembangunan Jangka Menengah Nasional 2010-2014.

9. Dokumen Rencana Strategis Kementerian Sosial Indonesia Tahun 2010-2014.

Dalam kaedah kerja lapangan, pengkaji membuat pemerhatian langsung dengan cara bersama responden terpilih. Pemerhatian langsung dipilih kerana kaedah ini membantu penyelidik memahami dan mendapat gambaran ke atas peranan dan aktiviti yang dilaksanakan di kawasan lapangan. Kaedah ini dilakukan dengan cara mengadakan lawatan ke lokasi terpilih bagi melihat aktiviti responden. Melalui pemerhatian langsung dan turut serta, pengkaji mendapat peluang dan pengalaman sebenar berkaitan permasalahan, keperluan dan pencapaian matlamat program pembasmian kemiskinan ini.

#### **4.6 INSTRUMEN KAJIAN DAN KAJIAN RINTIS**

Di Malaysia, pengkaji telah mendapat kebenaran untuk mengedarkan borang soal selidik oleh Amanah Ikhtiar Malaysia bagi kawasan Melaka. Taklimat ringkas telah diberikan kepada pengurus cawangan Melaka Tengah dan Jasin berkaitan kaedah menjawab soalan dan penerangan terhadap bahagian-bahagian yang perlukan penjelasan lebih lanjut. Pengedaran borang soal selidik telah mendapat kerjasama yang sangat baik dan borang-borang yang diedarkan telah dikembalikan dengan sempurna untuk dianalisis.

Di Indonesia, pengkaji telah pergi ke Riau dan berjumpa wakil pengkaji bagi memaklumkan tatacara pengedaran borang soal selidik. Proses pengedaran mengambil masa selama empat minggu yang turut dibantu oleh tiga orang mahasiswa universiti. Setiap orang daripada mereka diberi saguhati kerana pengkaji mahu memastikan setiap borang soal selidik yang diedarkan mesti dikembalikan dengan lengkap dan sempurna. Bagi tujuan memudahkan kefahaman responden di sana, pengkaji meminta bantuan

sarjana dari Indonesia menterjemahkan borang soal selidik dari Bahasa Melayu ke Bahasa Indonesia. Proses penterjemahan ini penting kerana perkataan yang tepat dan difahami oleh responden dapat memberikan jawapan yang jelas. Urusan pengedaran dan pengumpulan semula borang soal selidik telah dilaksanakan oleh pengkaji pada Jun 2013 hingga November 2014.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama untuk mengumpulkan data kuantitatif bagi meninjau implementasi intervensi sosial dan impak kepada komuniti. Borang berkenaan telah diedarkan kepada responden di Melaka Tengah dan Jasin serta Pekanbaru dan Rumbai di Riau. Soal selidik ini disusun berasaskan kepada *Living Standards Measurement Study (LSMS)* oleh Bank Dunia dan survei PNPM Mandiri yang menentukan maklumat tentang faedah dan impak sesuatu program, pelaksanaan dasar dan kemudahan ke atas isi rumah. LSMS dibentuk untuk membantu pembuat dasar mengenal pasti bagaimana sesuatu dasar dapat dirangka dan ditambah baik ke arah hasil yang memberi kesan positif dalam pelbagai aspek seperti pendidikan, kesihatan, aktiviti ekonomi, perumahan dan sebagainya. Ia juga digunakan sebagai data dalam membentuk dasar berkaitan kebijakan yang merangkumi keadaan sosial, mengukur kebijakan, simulasi dasar dan penilaian program.

Dalam proses membentuk soal selidik kajian ini, sesi perbincangan telah dibuat bersama pembuat dasar, pakar sosial dan aktivis sosial untuk mengetahui dasar-dasar asas yang diukur di samping mendapatkan isi-isi penting yang berkaitan. Seterusnya perbincangan secara dalam talian dilakukan bersama ahli statistik untuk mengetahui dan menetapkan isu-isu utama yang boleh dibentuk dan dimasukkan ke dalam soal selidik. Soalan-soalan daripada LSMS dan survei PNPM Mandiri dibandingkan dan dibahagikan dalam bentuk kategori dan variabel. Perbincangan turut dilakukan tentang kaedah

mendapatkan responden yang bersesuaian dengan kajian ini. Pengkaji juga menelaah dan membuat penelitian ke atas kajian-kajian mengenai dasar sosial untuk mendapatkan informasi yang lebih jelas dan dimasukkan sebagai item penting dalam borang soal selidik. Seterusnya dibentuk soalan-soalan yang perlukan penjelasan (*explicit question*) seperti tahap pendidikan tertinggi dan soalan pra-berkod (*pre-coded question*) seperti hubung kait jantina dan tempat mendapatkan rawatan kesihatan. Kemudian dibina soalan-soalan yang perlukan maklumat langsung (*direct informants*) seperti bebanan hidup yang dihadapi dan sikap yang dimiliki meliputi perbelanjaan isi rumah dan keperluan di rumah di samping soalan-soalan yang dianggap sensitif seperti jumlah pendapatan, tabungan bulanan dan hutang. Akhir sekali dibentuk soalan-soalan berkaitan keberkesanan program pembasmian kemiskinan dan perubahan hidup yang dialami. Pengkaji telah membentuk dan menyusun soal selidik ini secara berstruktur iaitu setiap jawapan responden telah diarahkan dan dihadkan sesuai dengan kategori jawapan dalam soal selidik. Kategori soal selidik dibahagikan kepada lapan bahagian iaitu profil responden, tempat tinggal, pendidikan, kesihatan, pekerjaan dan pendapatan, bantuan perniagaan, perbelanjaan dan pemilikan aset serta keberkesanan bantuan agensi.

Bahagian pertama terdiri daripada profil responden seperti jantina, umur, etnik, taraf perkahwinan, bilangan anak, bilangan anak yang bersekolah dan bilangan isi rumah. Bahagian kedua mengenai kemudahan kediaman seperti rumah sendiri, pembayar sewa rumah, jumlah bilik dalam rumah, bilik yang dijadikan sebagai tempat untuk bermiaga, tempoh tinggal di rumah, memiliki telefon dan bayaran bil bulanan telefon. Bahagian ketiga berkenaan pendidikan seperti taraf pendidikan, tempoh belajar dalam pendidikan formal dan alasan tidak meneruskan persekolahan. Bahagian keempat ialah untuk menjawab persoalan tentang kesihatan diri responden yang merangkumi masalah kesihatan dan tempat mendapatkan rawatan.

Bahagian kelima ialah set soal selidik tentang pendapatan dan perbelanjaan yang merangkumi sumber pendapatan yang tetap, kategori pekerjaan, taraf pekerjaan, tempoh bekerja, jumlah pendapatan sebulan, pekerjaan sampingan, pengangkutan ke tempat kerja dan perbandingan tahap pendapatan dahulu dengan sekarang. Bahagian keenam ialah bantuan perniagaan yang berkaitan dengan bentuk dan jumlah bantuan serta kaedah pemberian bantuan. Bahagian ketujuh mengenai perbelanjaan dan pemilikan aset seperti jumlah perbelanjaan semua orang yang tinggal di rumah dalam sebulan, jumlah simpanan dalam sebulan serta hutang dan peralatan dalam rumah. Bahagian terakhir pula mengenai keberkesanan bantuan agensi terhadap kesejahteraan hidup seperti penglibatan dalam komuniti, penyertaan dalam persatuan, perubahan sikap serta peluang-peluang perniagaan dan pinjaman.

Kajian rintis dilakukan sebelum kajian lapangan bermula yang melibatkan dua teknik iaitu tinjauan lapangan tidak rasmi dan analisis dokumen. Tinjauan lapangan di peringkat ini telah dilakukan selama dua bulan iaitu November hingga Disember 2012 di sekitar Bandaraya Melaka Bersejarah. Pemilihan tempat ini sebagai tinjauan lapangan adalah bagi meneliti kehidupan responden yang bermiaga di sekitar Jalan Hang Tuah secara berperingkat dan mengadakan temu bual tidak rasmi dengan mereka. Bilangan responden yang ditemui adalah 25 orang yang merangkumi pelbagai bidang perniagaan, pengalaman bermiaga dan peringkat umur. Di sebelah siang pengkaji menemui usahawan yang mempunyai premis kekal manakala di sebelah malam pengkaji menemui usahawan yang menggunakan gerai mudah alih dan kenderaan bergerak. Responden diberi masa hampir satu jam untuk menjawab soalan-soalan berkenaan. Temu bual yang dijalankan ini tidak dirakam secara audio dan tidak ditranskripsi kerana peringkat ini hanya mendapat gambaran umum mengenai profil sosio dan ekonomi responden.

Analisis dokumen dibuat bagi tujuan membangunkan butiran soal selidik untuk digunakan dalam kaedah tinjauan bagi kajian lapangan sebenar. Antara dokumen yang dirujuk adalah yang berkaitan dengan pencapaian Malaysia dan Indonesia dalam *Millenium Development Goals*, transformasi sosial dan ekonomi serta impak perubahan sosial dan ekonomi ke atas golongan berpendapatan rendah.

Data-data dan pengalaman yang diperolehi oleh pengkaji daripada tinjauan lapangan ini dijadikan asas dalam menentukan fokus kajian, kaedah kajian dan responden kajian bagi kerja lapangan sebenar. Analisis dokumen yang berkaitan pencapaian kedua-dua negara dalam transformasi sosial membantu dalam membangunkan butiran soal selidik dan pembentukan soalan dalam temu bual. Sementara itu pengkaji telah memohon kebenaran kajian ke atas penerima bantuan skim mikro kredit Amanah Ikhtiar Malaysia dan mendapat surat kebenaran pada 3 April 2013 dan 18 November 2014 manakala di Indonesia pengkaji menggunakan hubungan peribadi yang akrab dengan informan untuk mendapatkan senarai kawasan dan maklumat responden.

#### **4.7 PENTADBIRAN KAJIAN**

Kajian ini ditadbir secara dua peringkat iaitu kajian rintis dan kajian sebenar. Kajian rintis telah dilaksanakan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan maklumat dalam soal selidik. Hal ini kerana semua kajian yang dilaksanakan amat mementingkan hasil dapatan yang sah dan boleh dipercayai. Kesahan merujuk kepada penilaian yang dibuat terhadap kesesuaian dalam mentafsir dan tindakan yang dibuat terhadap skor-skor kajian (Johnson & Christensen, 2000). Tafsiran ini hampir sama dengan Neuman (2011) iaitu kesahan berkait dengan kebenaran dan merujuk kepada kesesuaian antara pembinaan atau cara pengkaji mengkonsepsikan idea dalam mendefinisikan sesuatu konsep dan sesuatu

pengukuran. Menurut Merriam (1998), kedua-dua elemen ini dapat memastikan pengetahuan yang diperolehi melalui kajian ini dapat dipercayai dan menyumbang kepada perkembangan ilmu sedia ada. Merriam (2009) berpendapat isu kesahan dalaman dan luaran serta kebolehpercayaan adalah sangat penting dalam penyelidikan kerana kualiti dapatan kajian bergantung kepada aspek kesahan dan kebolehpercayaannya. Kedua-dua aspek ini bermula dari awal pelaksanaan, pengumpulan data, penganalisaan data sehingga kepada penulisan laporan kajian. Ia lebih merupakan isu kejujuran dan etika penyelidik untuk memungut dan menganalisis data serta membentangkannya.

Bagi tujuan kajian rintis, 25 orang responden sekitar Bandaraya Melaka Bersejarah telah dipilih. Mereka terdiri daripada usahawan kecil-kecilan separuh masa dan sepenuh masa. Fungsi percubaan rintisan ialah supaya pengkaji dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam maklumat soal selidik dan mengambil langkah memperkemas maklumat yang ada. Dalam kajian sebenar, pengkaji melakukannya dalam dua peringkat. Peringkat pertama melibatkan temu bual bersama kumpulan pakar. Bagi tujuan temu bual, pengkaji terlebih dahulu menetapkan janji melalui telefon dan e-mel. Kaedah ini dilakukan untuk menyesuaikan masa sesi temu bual penyelidik dengan masa informan. Peringkat kedua adalah pengedaran borang soal selidik kepada responden di Melaka dan Riau. Pengkaji memastikan borang berkenaan dikembalikan dengan sempurna melalui pengurus cawangan AIM di Melaka Tengah dan Jasin serta mengambil sendiri di pejabat ahli Lembaga Bantuan Hukum Untuk Orang Miskin di Riau. Di peringkat ini juga pengkaji menjalankan temu bual bersama tiga responden di Malaysia dan tiga responden lagi di Indonesia.

## **4.8 TEKNIK ANALISIS DATA**

### **4.8.1 Prosedur Analisis Data Kuantitatif**

Data kuantitatif bagi kajian ini telah dikumpulkan melalui kaedah tinjauan dengan menjadikan soal selidik sebagai alat ukur. Pengkaji menggunakan analisis data statistik deskriptif untuk melihat tahap dan peringkat dalam setiap variabel yang digunakan bagi mengetahui implementasi intervensi sosial dan impak kepada kesejahteraan komuniti di Malaysia dan Indonesia. Data-data telah dikelompokkan mengikut aktiviti dan variabel yang dipersembahkan dalam bentuk jadual.

### **4.8.2 Prosedur Analisis Data Kajian Kes**

Kajian kes digunakan untuk mengenal pasti dan meneliti implementasi intervensi sosial dan impak kepada kesejahteraan komuniti di Malaysia dan Indonesia. Data-data dalam kajian kes ini berbentuk kualitatif yang dikumpulkan menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen. Semasa proses temu bual, alat perakam suara telah digunakan untuk merekodkan setiap butiran maklumat dengan informan. Enam responden masing-masing tiga di Malaysia dan Indonesia telah ditemu bual dari Februari 2013 hingga Ogos 2014. Transkripsi rakaman tersebut mengambil masa selama tiga bulan untuk diterjemahkan ke dalam bentuk tulisan. Data temu bual telah dianalisis mengikut prosedur yang disarankan oleh Creswell (1998) yang melibatkan proses meringkas, mengkod, mengklasifikasi dan mentafsir data. Temu bual secara mendalam dapat memberikan gambaran sebenar tentang pengalaman responden bagi mendapatkan data yang tepat dan tulen. Maklumat temu bual dikumpulkan sehingga mencapai tahap tenu (*saturation*) iaitu maklumat yang diberi oleh responden baru semasa temu bual memberikan sedikit tambahan maklumat baru yang ada kaitan dengan persoalan kajian berbanding responden sebelumnya (Merriam, 1998).

Langkah pertama yang telah diikuti dalam menganalisis data temu bual ialah menyusun dan meringkaskan data. Dalam proses ini, transkripsi temu bual dan kategori kod dihasilkan. Kategori kod bagi data ini diperolehi daripada penulisan catatan, “*rephrasing*” (pernyataan informan berdasarkan kefahaman pengkaji) dan “*identifying*” iaitu pernyataan yang bermakna untuk dimuatkan dalam huraian. Bagi langkah kedua, data berkenaan seterusnya disusun dan diagregat semula dengan mengenal pasti tema daripada dapatan keseluruhan data. Ketika dilakukan pembahagian mengikut tema ini, terdapat keadaan yang mana data yang sama berada dalam kod yang berbeza. Semasa proses analisis dan interpretasi dapatan kajian ini, pengkaji menggunakan perisian *NVIVO* dalam menentukan tema ini.

Langkah ketiga adalah membina kerangka penulisan atau penceritaan yang dapat difahami. Dalam melengkapkan penulisan ini, setiap tema dibaca beberapa kali bagi menghasilkan kerangka penulisan atau cerita yang mengaitkan implementasi intervensi sosial dan impak kepada kesejahteraan komuniti. Selain menggunakan data temu bual, penulisan juga dihasilkan berdasarkan data dari analisis dokumen yang berkaitan. Rujukan kepada dokumen-dokumen tersebut dibandingkan dengan dapatan temu bual melalui kaedah triangulasi untuk kesahan dapatan kajian ini. Hal ini dapat memastikan data kualitatif bagi kajian kes ini lebih bermakna. Scott dan Garner (2013), Punch (2000) dan Merriam (1998) mengatakan triangulasi berfungsi memeriksa kebenaran data dengan cara membandingkan data yang diperolehi dari sumber lain di samping meningkatkan kesahan data dan memberi kedalaman hasil kajian. Triangulasi boleh dijalankan dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan laporan yang dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti.

#### **4.9 BATASAN KAJIAN**

Kajian ini memberikan tumpuan hanya kepada responden dari kelompok berpendapatan rendah yang mengusahakan perniagaan di Melaka Tengah, Jasin, Pekanbaru dan Rumbai dengan melihat kepada implementasi intervensi sosial oleh kerajaan Malaysia dan Indonesia serta impak implementasi tersebut kepada komuniti yang dikaji melalui program pembasmian kemiskinan. Pemilihan responden kajian hanya melibatkan peserta dari skim mikro kredit yang dilaksanakan oleh AIM dan PNPM untuk melihat impak dasar sosial. Selain itu, proses merawak yang bersifat “convenience” dalam memilih responden kajian dan kesan penggunaan teknik persampelan bertujuan dalam kajian triangulasi bagi memilih perwakilan.

Selain daripada itu, jumlah responden dalam soal selidik ini amat bergantung kepada bilangan soal selidik yang dipulangkan kepada pengkaji. Hal ini kerana soal selidik diedarkan oleh pengkaji dan banyak kekangan yang dilalui sepanjang pengumpulan semula borang berkenaan untuk mencukupkan bilangannya. Data-data yang diperolehi daripada kajian kes yang dijalankan di Malaysia dan Indonesia itu hanya menggambarkan transformasi yang berlaku di kawasan kajian dan tidak boleh dijadikan sebagai dapatan kajian umum di peringkat nasional bagi kedua-dua negara.

## BAB 5

### DAPATAN KAJIAN

#### 5.1 PENDAHULUAN

Bab ini memberi dapatan terperinci ke atas soal selidik dan temu bual yang melibatkan responden di Malaysia dan Indonesia. Hasil dapatan kedua-dua negara digandingkan untuk melihat persamaan dan perbezaan yang diperolehi. Analisis dapat dilakukan ke atas latar belakang responden dari segi profil, kediaman, tahap pendidikan, kesihatan, pekerjaan dan pendapatan, bantuan perniagaan serta pemilikan aset. Seterusnya analisis dilakukan ke atas keberkesanan bantuan terhadap kehidupan responden dan faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada kejayaan pelaksanaan intervensi sosial dalam program pembasmian kemiskinan di Malaysia dan Indonesia. Temu bual mendalam telah dilakukan ke atas responden untuk mendapatkan maklumat bagi mengetahui faktor-faktor kegagalan berkenaan. Kaedah ini dipilih bagi membolehkan kajian ini menjawab persoalan kajian berdasarkan latar belakang subjek kajian yang mahu berkongsi kehidupan mereka secara sukarela di samping menjelmakan maklumat-maklumat yang tersembunyi yang dianggap sulit. Justeru, melalui pendekatan ini pengkaji dapat mengenal pasti elemen introspeksi diri responden semasa proses memerhati terhadap tingkah laku mereka yang hanya boleh ditafsir berdasarkan apa yang dilihat.

## 5.2 PROFIL SOSIOEKONOMI RESPONDEN

Bahagian ini memberi butir-butir terperinci mengenai profil responden Malaysia dan Indonesia yang merangkumi profil diri seperti umur, etnik, taraf perkahwinan, bilangan anak, bilangan anak yang bersekolah, tempat tinggal, tempoh tinggal, penggunaan telefon, pendidikan, pekerjaan, kesihatan, isu-isu kewangan dan penglibatan dalam komuniti.

### 5.2.1 Umur Responden

**Jadual 5.1:** Umur responden

Umur	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kurang dari 20 tahun	12	2.7	48	10.7
21 - 30 tahun	96	21.3	186	41.3
31 - 40 tahun	150	33.3	105	23.3
41 - 50 tahun	144	32.0	87	19.3
Lebih dari 51 tahun	48	10.7	24	5.4
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Merujuk pada jadual di atas, soal selidik umur responden Malaysia mendapat terdapat 12 orang (2.7 peratus) berumur di bawah 20 tahun, seramai 96 orang (21.3 peratus) berumur antara 21 hingga 30 tahun, seramai 150 orang (33.3 peratus) berumur antara 31 hingga 40 tahun, seramai 144 orang (32.0 peratus) berumur antara 41 hingga 50 tahun dan seramai 48 orang (10.7 peratus) berumur lebih daripada 51 tahun. Bagi responden Indonesia, soal selidik mendapat 48 orang (10.7 peratus) berumur di bawah 20 tahun, 186 orang (41.3 peratus) berumur antara 21 hingga 30 tahun, seramai 105 orang (23.3 peratus) berumur

antara 31 hingga 40 tahun, seramai 87 orang (19.3 peratus) berumur antara 41 hingga 50 tahun dan seramai 24 orang (5.4 peratus) berumur lebih daripada 51 tahun.

### **5.2.2 Etnik Responden**

**Jadual 5.2:** Etnik responden

Etnik	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Melayu	302	67.1	90	20.0
Cina	134	29.8	-	-
India	8	1.8	-	-
Iban	6	1.3	-	-
Batak	-	-	130	28.9
Bugis	-	-	6	1.3
Jawa	-	-	93	20.7
Minang	-	-	102	22.7
Manado	-	-	6	1.3
Nias	-	-	11	2.4
Sunda	-	-	12	2.7
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Bahagian ini memberi maklumat mengenai komposisi etnik yang terlibat dalam kajian. Merujuk jadual di atas, etnik responden Malaysia paling ramai dari kalangan Melayu iaitu 302 orang (67.1 peratus) diikuti Cina seramai 134 orang (29.8 peratus), India hanya lapan orang atau 1.8 peratus dan Iban seramai enam orang iaitu 1.3 peratus manakala bagi responden Indonesia, terdapat lapan etnik yang telah terlibat dalam soal selidik ini. Kelompok etnik yang paling ramai adalah dari kalangan Batak iaitu 130 orang (28.9

peratus) diikuti Minang seramai 102 orang (22.7 peratus), Jawa seramai 93 orang (20.7 peratus) dan Melayu seramai 90 orang (20.0 peratus). Lain-lain etnik ialah Sunda seramai 12 orang (2.7 peratus), Nias seramai 11 orang (2.4 peratus) dan masing-masing enam orang dari etnik Manado (1.3 peratus) dan Bugis (1.3 peratus).

### 5.2.3 Taraf Perkahwinan Responden

**Jadual 5.3:** Taraf perkahwinan

Taraf perkahwinan	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Bujang	75	16.6	186	41.4
Berkahwin	345	76.7	222	49.3
Balu atau duda	9	2.0	33	7.3
Bercerai	21	4.7	9	2.0
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Jadual di atas menunjukkan responden Malaysia paling ramai berada dalam kelompok berkahwin iaitu 345 orang (76.7 peratus) diikuti bujang seramai 75 orang (16.6 peratus), responden yang bercerai seramai 21 orang (4.7 peratus) dan balu atau duda seramai sembilan orang atau dua peratus. Manakala di Indonesia, responden paling ramai juga berada dalam kelompok berkahwin iaitu 222 orang (49.3 peratus) diikuti bujang seramai 186 orang (41.4 peratus), responden yang bercerai seramai sembilan orang (2.0 peratus) dan balu atau duda seramai 33 orang atau 7.3 peratus.

#### 5.2.4 Bilangan Anak Responden

**Jadual 5.4:** Bilangan anak

Bilangan anak	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Tiada anak	75	16.6	195	43.3
1 - 3	345	76.7	186	41.3
4 - 6	9	2.0	69	15.4
Lebih dari 7	21	4.7	0	0.0
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Jadual di atas menggambarkan taburan responden berdasarkan bilangan anak. Dalam kajian ini, didapati seramai 75 orang (16.6 peratus) responden Malaysia tidak mempunyai anak, seramai 345 orang (76.7 peratus) mempunyai sekurang-kurangnya satu hingga tiga orang anak manakala sembilan orang (2.0 peratus) pula memiliki empat hingga enam orang anak. Selebihnya iaitu 21 orang (4.7 peratus) mempunyai lebih daripada tujuh orang anak. Di Indonesia, didapati seramai 195 orang (43.3 peratus) responden tidak mempunyai anak, seramai 186 orang (41.3 peratus) mempunyai sekurang-kurangnya satu hingga tiga orang anak manakala 69 orang (15.4 peratus) pula memiliki empat hingga enam orang anak.

### 5.2.5 Bilangan Anak Responden yang Bersekolah

**Jadual 5.5:** Bilangan anak responden yang bersekolah

Bilangan anak bersekolah	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Tiada bersekolah	117	26.0	237	52.7
1 - 3	252	56.0	174	38.7
4 - 6	75	16.7	39	8.6
Lebih dari 7	6	1.3	0	0.0
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Sejumlah 117 orang (26.0 peratus) responden Malaysia masih belum mempunyai anak-anak yang bersekolah berbanding 252 orang (56.0 peratus) yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak hingga tiga orang anak yang sudah mula bersekolah. Seramai 75 orang lagi (16.7 peratus) mempunyai empat hingga enam anak yang bersekolah manakala selebihnya iaitu enam orang (1.3 peratus) mempunyai anak-anak yang bersekolah lebih daripada tujuh orang. Sejumlah 237 orang (52.7 peratus) responden Indonesia masih belum mempunyai anak-anak yang bersekolah berbanding 174 orang (38.7 peratus) yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak hingga tiga orang anak yang sudah mula bersekolah. Seramai 39 orang lagi (8.6 peratus) mempunyai empat hingga enam anak yang bersekolah.

### 5.2.6 Tempat Tinggal Responden

**Jadual 5.6:** Tempat tinggal

Tempat tinggal	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Rumah sendiri	243	54.0	240	53.4
Rumah pusaka	105	23.3	105	23.3
Rumah sewa	102	22.7	105	23.3
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Merujuk kepada jadual di atas, majoriti responden Malaysia iaitu 243 orang (54.0 peratus) tinggal di rumah sendiri manakala 105 orang lagi (23.3 peratus) tinggal di rumah pusaka diikuti 102 orang (22.7 peratus) tinggal di rumah sewa. Majoriti responden Indonesia pula iaitu 240 orang (53.4 peratus) tinggal di rumah sendiri manakala masing-masing 105 orang lagi (23.3 peratus) tinggal di rumah pusaka dan di rumah sewa.

### 5.2.7 Tempoh Responden Tinggal di Rumah

**Jadual 5.7:** Tempoh tinggal di rumah

Tempoh tinggal	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kurang 1 tahun	30	6.7	3	0.6
2 - 10 tahun	216	48.0	297	66.1
11 - 20 tahun	105	23.3	129	28.7
21 - 30 tahun	63	14.0	18	4.0
Lebih dari 31 tahun	36	8.0	3	0.6
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Dalam jadual di sebelah, kebanyakan responden Malaysia iaitu 216 orang (48.0 peratus) memilih untuk tinggal di rumah mereka dari dua hingga sepuluh tahun, diikuti 105 orang (23.3 peratus) tinggal selama 11 hingga 20 tahun, seterusnya 63 orang (14.0 peratus) tinggal menetap selama 21 hingga 30 tahun. Responden yang tinggal lebih daripada 31 tahun adalah seramai 36 orang (8.0 peratus) manakala yang tinggal kurang daripada setahun hanya seramai 30 orang atau 6.7 peratus. Manakala di Indonesia, kebanyakan responden iaitu 297 orang (66.1 peratus) memilih untuk tinggal di rumah mereka dari dua hingga sepuluh tahun, diikuti 129 orang (28.7 peratus) tinggal selama 11 hingga 20 tahun, seterusnya 18 orang (4.0 peratus) tinggal menetap selama 21 hingga 30 tahun. Responden yang tinggal lebih daripada 31 tahun dan kurang daripada setahun masing-masing tiga orang (0.6 peratus).

### **5.2.8 Bil Telefon Bulanan Responden**

**Jadual 5.8:** Bil telefon bulanan

Bil bulanan	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kurang dari RM30	87	19.3	144	32.0
RM31 - RM50	168	37.3	189	42.0
RM51 - RM70	99	22.0	81	18.0
RM71 - RM100	30	6.7	24	5.3
Lebih dari RM101	66	14.7	12	2.7
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Sebahagian besar responden Malaysia iaitu 168 orang (37.3 peratus) membayar bil telefon bulanan mereka dalam lingkungan RM31 hingga RM50 diikuti 99 orang (22.0 peratus)

yang membayar RM51 hingga RM70 sebulan. Seramai 87 orang (19.3 peratus) pula membayar bil mereka kurang daripada RM30 sebulan sebaliknya 66 orang (14.7 peratus) membayar lebih daripada RM101 sebulan. Hanya 30 puluh orang atau 6.7 peratus yang membayar RM71 hingga RM100 sebulan bagi penggunaan telefon mereka manakala sebahagian besar responden Indonesia iaitu 189 orang (42.0 peratus) membayar bil telefon bulanan mereka dalam lingkungan RM31 hingga RM50 diikuti 144 orang (32.0 peratus) yang membayar kurang daripada RM30 sebulan. Seramai 81 orang (18.0 peratus) pula membayar bil mereka di RM51 hingga RM70 sebulan sebaliknya 24 orang (5.3 peratus) membayar RM71 hingga RM100 sebulan bagi penggunaan telefon mereka. Hanya 12 orang atau 2.7 peratus yang membayar lebih daripada RM101 sebulan.

### **5.2.9 Taraf Pendidikan Responden**

**Jadual 5.9:** Taraf pendidikan

Pendidikan	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Sekolah rendah	42	9.3	42	9.3
Sekolah menengah	342	76.0	153	34.0
Sekolah vokasional/ teknik	24	5.4	147	32.7
Kolej/Maktab	18	4.0	48	10.7
Universiti	15	3.3	57	12.7
Lain-lain	9	2.0	3	0.6
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Jadual di atas menunjukkan taraf pendidikan yang telah dicapai oleh responden di Malaysia dan Indonesia. Berdasarkan soal selidik, seramai 42 orang (9.3 peratus) responden Malaysia pernah belajar di peringkat sekolah rendah, 342 orang pula (76.0

peratus) belajar di sekolah menengah, 24 orang lagi (5.4 peratus) belajar di sekolah vokasional atau teknik, seramai 18 orang (4.0 peratus) lagi belajar sehingga ke kolej atau maktab dan sembilan orang atau dua peratus belajar di tempat-tempat lain. Data yang diperolehi menunjukkan hanya 15 orang (3.3 peratus) responden yang telah berjaya belajar sehingga ke universiti. Di Indonesia pula, seramai 42 orang (9.3 peratus) pernah belajar di peringkat sekolah rendah, 153 orang pula (34.0 peratus) belajar di sekolah menengah, 147 orang lagi (32.7 peratus) belajar di sekolah vokasional atau teknik, seramai 48 orang (10.7 peratus) lagi belajar sehingga ke kolej atau maktab dan 57 orang atau 12.7 peratus belajar di universiti.

### **5.2.10 Tempoh Pendidikan Formal Responden**

**Jadual 5.10:** Tempoh pendidikan formal

Tempoh pendidikan formal	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kurang 5 tahun	66	14.7	21	4.7
6 - 10 tahun	69	15.3	108	24.0
11 - 15 tahun	294	65.3	309	68.6
Lebih dari 16 tahun	21	4.7	12	2.7
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Dalam jadual di atas, majoriti responden Malaysia iaitu seramai 294 orang (65.3 peratus) melalui tempoh pendidikan dari 11 hingga 15 tahun, diikuti 69 orang (15.3 peratus) bagi tempoh pengajian enam hingga sepuluh tahun, seterusnya 66 orang (14.7 peratus) berada dalam tempoh kurang daripada lima tahun. Terdapat seramai 21 orang (4.7 peratus) yang melalui tempoh pendidikan formal lebih daripada 16 tahun. Di Indonesia, majoriti responden iaitu seramai 309 orang (68.6 peratus) melalui tempoh pendidikan dari 11

hingga 15 tahun, diikuti 108 orang (24.0 peratus) bagi tempoh pengajian enam hingga sepuluh tahun, seterusnya 21 orang (4.7 peratus) berada dalam tempoh kurang daripada lima tahun. Terdapat seramai 12 orang (2.7 peratus) yang melalui tempoh pendidikan formal lebih daripada 16 tahun.

### **5.2.11 Tempat Responden Mendapatkan Rawatan**

**Jadual 5.11:** Tempat rawatan

Tempat rawatan	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Hospital/Klinik kerajaan	387	86.0	294	65.3
Hospital/Klinik swasta	54	12.0	66	14.7
Farmasi	9	2.0	36	8.0
Kedai ubat	-	-	9	2.0
Rawatan tradisional/ dukun/ bomoh	-	-	24	5.3
Lain-lain	-	-	21	4.7
Jumlah	450	100.0	150	100.0

Dapatan daripada soal selidik menunjukkan majoriti responden Malaysia iaitu 387 orang (86.0 peratus) cenderung memilih hospital atau klinik kerajaan bagi merawat masalah kesihatan mereka. Bagi rawatan di hospital atau klinik swasta, seramai 54 orang (12.0 peratus) cenderung memilih premis berkenaan manakala selebihnya iaitu sembilan orang (2.0 peratus) lebih selesa mendapatkan rawatan melalui pembelian ubat di farmasi. Di Indonesia pula, majoriti responden iaitu 294 orang (65.3 peratus) cenderung memilih hospital atau klinik kerajaan bagi merawat masalah kesihatan mereka. Bagi rawatan di hospital atau klinik swasta, seramai 66 orang (14.7 peratus) cenderung memilih premis

berkenaan manakala 36 orang (8.0 peratus) lebih selesa mendapatkan rawatan melalui pembelian ubat di farmasi. Dapatan soal selidik ini turut menunjukkan rawatan tradisional, dukun dan buruh mendapat perhatian responden apabila 24 orang (5.3 peratus) mengatakan mereka memilih rawatan berkenaan. Di samping itu, seramai sembilan orang (2.0 peratus) memilih kedai ubat dan lain-lain tempat rawatan adalah 21 orang (4.7 peratus).

### **5.2.12 Tempoh Pekerjaan Responden**

**Jadual 5.12:** Tempoh pekerjaan

Tempoh pekerjaan	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kurang dari 1 tahun	57	12.7	75	16.7
2 - 10 tahun	255	56.7	294	65.3
11 - 20 tahun	105	23.3	69	15.3
Lebih dari 21 tahun	33	7.3	12	2.7
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Tempoh pekerjaan responden diperlihatkan dalam jadual di atas. Taburan tempoh pekerjaan responden Malaysia dalam jadual ini menunjukkan 255 orang (56.7 peratus) bekerja bagi tempoh dua hingga 10 tahun, seramai 105 orang (23.3 peratus) pula bekerja bagi tempoh 11 hingga 20 tahun manakala seramai 57 orang lagi (12.7 peratus) bekerja dalam tempoh kurang setahun. Selebihnya iaitu 33 orang (7.3 peratus) telah bekerja lebih daripada 21 tahun. Manakala taburan bagi responden Indonesia, menunjukkan 294 orang (65.3 peratus) bekerja bagi tempoh dua hingga 10 tahun, seramai 69 orang (15.3 peratus) pula bekerja bagi tempoh 11 hingga 20 tahun manakala seramai 75 orang lagi (16.7

peratus) bekerja dalam tempoh kurang setahun. Selebihnya iaitu 12 orang (2.7 peratus) telah bekerja lebih daripada 21 tahun.

### **5.2.13 Pendapatan Bulanan Responden**

**Jadual 5.13:** Pendapatan bulanan

Pendapatan bulanan	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kurang dari RM300	15	3.3	42	9.3
RM301 - RM600	87	19.3	213	47.4
RM601 - RM900	126	28.0	96	21.3
RM901 - RM1200	93	20.7	33	7.3
Lebih dari RM1201	129	28.7	66	14.7
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Jadual di atas menggambarkan taburan pendapatan responden Malaysia yang menunjukkan seramai 15 orang (3.3 peratus) memperoleh kurang daripada RM300 sebulan. Seramai 87 orang (19.3 peratus) pula memperoleh pendapatan bulanan di antara RM301 hingga RM600, diikuti seramai 126 orang (28.0 peratus) memperoleh RM601 hingga RM900 sebulan. Dalam pada itu seramai 93 orang (20.7 peratus) mendapat pendapatan bulanan di antara RM901 hingga RM1200 dan seramai 129 orang lagi (28.7 peratus) memperoleh pendapatan bulanan mereka lebih daripada RM1201. Jadual ini juga menggambarkan taburan pendapatan responden Indonesia yang menunjukkan seramai 42 orang (9.3 peratus) memperoleh kurang daripada RM300 sebulan. Seramai 213 orang (47.3 peratus) pula memperoleh pendapatan bulanan di antara RM301 hingga RM600, diikuti seramai 96 orang (21.3 peratus) memperoleh RM601 hingga RM900 sebulan.

Dalam pada itu seramai 33 orang (7.3 peratus) mendapat pendapatan bulanan di antara RM901 hingga RM1200 dan seramai 66 orang lagi (14.7 peratus) memperoleh pendapatan bulanan mereka lebih daripada RM1201. Dapatan ini bermaksud setiap responden memiliki pendapatan sendiri sehingga dapat menyusun keperluan hidup secara berdikari sesuai dengan perolehan pendapatan mereka.

### **5.2.14 Pekerjaan Sampingan Responden**

**Jadual 5.14:** Kerja sampingan

Kerja sampingan	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Ya	270	60.0	267	59.3
Tidak	180	40.0	183	40.7
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Bahagian ini menjelaskan pekerjaan sampingan responden sepermata dalam jadual di atas. Majoriti responden Malaysia iaitu 270 orang (60.0 peratus) mempunyai pekerjaan sampingan berbanding 180 orang (40.0 peratus) yang tidak mempunyai pekerjaan sampingan. Majoriti responden Indonesia pula iaitu 267 orang (59.3 peratus) mempunyai pekerjaan sampingan berbanding 183 orang (40.7 peratus) yang tidak mempunyai pekerjaan sampingan. Hal ini bererti responden berupaya mencari pendapatan tambahan melalui pelbagai pekerjaan sampingan yang mereka lakukan.

### 5.2.15 Penerimaan Bantuan dan Jumlah Bantuan Kewangan Responden

**Jadual 5.15:** Jumlah bantuan kewangan dan tahap kecukupan bantuan

Penerima bantuan	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
<b>Jumlah bantuan</b>				
Kurang dari RM1000	251	55.9	166	37.1
RM1001 - RM3000	105	23.5	130	29.0
RM3001 - RM5000	14	2.9	73	16.1
RM5001 - RM7000	27	5.9	38	8.1
Lebih dari RM7001	53	11.8	43	9.7
<b>Jumlah</b>	<b>450</b>	<b>100.0</b>	<b>450</b>	<b>100.0</b>
<b>Kecukupan bantuan</b>				
Ya	255	55.9	329	75.8
Tidak	195	44.1	121	24.2
<b>Jumlah</b>	<b>450</b>	<b>100.0</b>	<b>450</b>	<b>100.0</b>

Jadual di atas menunjukkan 251 orang (55.9 peratus) responden Malaysia menerima bantuan kurang daripada RM1000, 105 orang (23.5 peratus) menerima di antara RM1001-RM3000, 14 orang (2.9 peratus) menerima bantuan di antara RM3001-RM5000, 27 orang (5.9 peratus) menerima bantuan di antara RM5001-RM7000 dan 53 orang (11.8 peratus) menerima bantuan lebih daripada RM7001. Di Indonesia, 166 orang (37.1 peratus) menerima bantuan kurang daripada RM1000, 130 orang (29.0 peratus) menerima di antara RM1001-RM3000, 73 orang (16.1 peratus) menerima bantuan di antara RM3001-RM5000, 38 orang (8.1 peratus) menerima bantuan di antara RM5001-RM7000 dan 43 orang (9.7 peratus) menerima bantuan lebih daripada RM7001. Soal selidik menunjukkan majoriti responden (lebih daripada 55.9 peratus) mengakui bahawa bantuan yang diterima adalah mencukupi.

### 5.2.16 Perbelanjaan Bulanan Responden

**Jadual 5.16:** Jumlah perbelanjaan sebulan

Perbelanjaan bulanan	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kurang dari RM300	3	0.7	69	15.3
RM301 - RM600	33	7.3	165	36.7
RM601 - RM900	102	22.7	99	22.0
RM901 - RM1200	87	19.3	39	8.7
Lebih dari RM1201	225	50.0	78	17.3
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Jadual di atas menggambarkan jawapan responden berdasarkan perbelanjaan bulanan mereka. Melalui soal selidik, didapati bahawa majoriti responden Malaysia iaitu seramai 225 orang (50.0 peratus) berbelanja lebih daripada RM1201 sebulan, diikuti seramai 102 orang (22.7 peratus) berbelanja dalam lingkungan RM601 hingga RM900 seterusnya seramai 87 orang (19.3 peratus) pula berbelanja di antara RM901 hingga RM1200 sebulan. Selebihnya iaitu 33 orang (7.3 peratus) berbelanja di antara RM301 hingga RM600 dan hanya tiga orang atau 0.7 peratus yang mengeluarkan perbelanjaan di bawah RM300 sebulan manakala bagi responden Indonesia, didapati bahawa majoriti responden iaitu seramai 165 orang (36.7 peratus) berbelanja di antara RM301 hingga RM600 sebulan, diikuti seramai 99 orang (22.0 peratus) berbelanja dalam lingkungan RM601 hingga RM900. Seramai 39 orang (8.7 peratus) pula berbelanja di antara RM901 hingga RM1200 sebulan manakala selebihnya iaitu 69 orang (15.3 peratus) berbelanja di bawah RM300 sebulan dan 78 orang (17.3 peratus) berbelanja lebih daripada RM1201 sebulan.

### 5.2.17 Simpanan Bulanan Responden

**Jadual 5.17:** Jumlah simpanan sebulan

Simpanan bulanan	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kurang dari RM300	354	78.7	351	78.0
RM301 - RM600	69	15.3	33	7.3
RM601 - RM900	6	1.3	36	8.0
RM901 - RM1200	0	0.0	9	2.0
Lebih dari RM1201	21	4.7	21	4.7
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Kebanyakan responden Malaysia iaitu 354 orang (78.7 peratus) menyimpan kurang daripada RM300 sebulan. Simpanan bulanan di antara RM301 hingga RM600 melibatkan 69 orang (15.3 peratus) manakala 21 orang (4.7 peratus) menyimpan lebih daripada RM1201 sebulan. Hanya enam orang atau 1.3 peratus yang menyimpan pendapatan bulanan mereka dalam lingkungan RM601 hingga RM901. Bagi responden Indonesia, sebanyak 351 orang (78.0 peratus) menyimpan kurang daripada RM300 sebulan. Simpanan bulanan di antara RM301 hingga RM600 melibatkan 33 orang (7.3 peratus) manakala 36 orang (8.0 peratus) menyimpan dalam lingkungan RM601 hingga RM901. Sembilan orang atau dua peratus menyimpan di antara RM901 hingga RM1200 manakala 21 orang (4.7 peratus) menyimpan lebih daripada RM1201 setiap bulan.

### **5.2.18 Keberhutangan Responden**

**Jadual 5.18:** Pengalaman berhutang

Pernah berhutang	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Ya	327	72.7	261	58.0
Tidak	123	27.3	189	42.0
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Maklumat mengenai pengalaman berhutang responden ditunjukkan dalam jadual di atas.

Majoriti responden pernah berhutang untuk perniagaan mereka. Di Malaysia, seramai 327 orang (72.7 peratus) pernah berhutang kerana pelbagai sebab sebaliknya 123 orang (27.2 peratus) tidak pernah berhutang manakala di Indonesia seramai 261 orang (58.0 peratus) pernah berhutang dan 189 orang (42.0 peratus) tidak pernah berhutang.

### **5.2.19 Penglibatan Dalam Persatuan**

Jadual di sebelah menggambarkan kekerapan responden berdasarkan penglibatan dalam persatuan. Di Malaysia, seramai 153 orang (34.0 peratus) terlibat dalam pelbagai jenis persatuan berbanding 297 orang (66.0 peratus) tidak melibatkan diri dalam persatuan. Kekerapan responden Indonesia berdasarkan penglibatan dalam persatuan iaitu seramai 117 orang (26.0 peratus) yang terlibat berbanding 333 orang (74.0 peratus) tidak melibatkan diri. Hal ini menunjukkan masih ramai responden yang enggan melibatkan diri dalam persatuan.

**Jadual 5.19:** Penglibatan dalam persatuan

Terlibat dalam persatuan	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Ya	153	34.0	117	26.0
Tidak	297	66.0	333	74.0
Jumlah	450	100.0	450	100.0

### **5.2.20 Penggerak Komuniti Responden**

Dapatan kajian dalam Jadual 5.20 menunjukkan separuh daripada responden di Malaysia iaitu 225 orang (50.0 peratus) berpendapat penggerak komuniti di tempat mereka adalah kerajaan sendiri, manakala seramai 123 orang (27.3 peratus) berpendapat ia digerakkan oleh pertubuhan bukan kerajaan dan selebihnya 84 orang (18.7 peratus) melihat gerakan komuniti di tempat mereka datangnya dari pihak swasta. Terdapat juga penggerak komuniti ini terdiri daripada individu atau kelompok tertentu yang menjadi pilihan pendirian kepada 18 orang responden (4.0 peratus). Di Indonesia, dapatan kajian menunjukkan lebih separuh daripada responden iaitu 327 orang (72.7 peratus) berpendapat penggerak komuniti di tempat mereka adalah kerajaan sendiri, manakala seramai 93 orang (20.6 peratus) berpendapat ia digerakkan oleh pertubuhan bukan kerajaan dan selebihnya 12 orang (2.7 peratus) melihat gerakan komuniti di tempat mereka datangnya dari pihak swasta. Selebihnya 18 orang (4.0 peratus) mengatakan penggerak komuniti dilakukan oleh individu atau kelompok tertentu.

**Jadual 5.20:** Penggerak komuniti dan perubahan hidup

Penggerak komuniti	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kerajaan	225	50.0	327	72.7
NGO	123	27.3	93	20.6
Swasta	84	18.7	12	2.7
Lain-lain	18	4.0	18	4.0
Jumlah	450	100.0	450	100.0
Perubahan hidup				
Ya	267	59.3	117	26.0
Tidak	183	40.7	333	74.0
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Dapatan kajian menunjukkan lebih daripada separuh responden Malaysia iaitu 267 orang (59.3 peratus) menyifatkan hidup mereka telah berubah selepas melibatkan diri dan mengambil bahagian dalam aktiviti persatuan berbanding 183 orang (40.7 peratus) yang tidak merasai sebarang perubahan hidup selepas menyertai aktiviti persatuan. Berbeza dengan responden di Indonesia, dapatan kajian menunjukkan lebih daripada separuh iaitu 333 orang (74.0 peratus) menyifatkan hidup mereka tidak ada perubahan selepas melibatkan diri dan mengambil bahagian dalam aktiviti persatuan berbanding 117 orang (26.0 peratus) yang melihat ada perubahan hidup.

### 5.2.21 Pendedahan Responden Terhadap Kursus

**Jadual 5.21:** Pendedahan terhadap kursus

Pendedahan kursus	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Ya	258	57.3	84	18.7
Tidak	192	42.7	366	81.3
Jumlah	450	100.0	450	100.0
<b>Perubahan selepas kursus</b>				
Ya	189	73.3	22	26.0
Tidak	69	26.7	62	74.0
Jumlah	258	100.0	84	100.0

Dapatan kajian menunjukkan seramai 258 orang (57.3 peratus) responden Malaysia mengatakan mereka pernah didedahkan dengan pelbagai kursus berkaitan peningkatan kemahiran kerja bagi meningkatkan taraf hidup. Namun masih ramai iaitu 192 orang (42.7 peratus) yang tidak pernah mendapat pendedahan kursus-kursus yang disediakan. Mereka juga iaitu 189 orang (73.3 peratus) menyifatkan hidup telah banyak berubah selepas menghadiri kursus-kursus yang disediakan berbanding 69 orang (26.7 peratus) yang masih belum merasai sebarang perubahan hidup selepas menghadiri kursus. Berdasarkan dapatan ini, kursus memainkan peranan besar untuk mengubah kehidupan responden.

Seramai 84 orang (18.7 peratus) responden Indonesia mengatakan mereka pernah didedahkan dengan pelbagai kursus berkaitan peningkatan kemahiran kerja bagi meningkatkan taraf hidup. Namun, majoriti iaitu 366 orang (81.3 peratus) tidak pernah mendapat pendedahan kursus yang disediakan. Sebanyak 62 orang (74.0 peratus) menyifatkan hidup mereka tidak banyak berubah selepas menghadiri kursus yang

disediakan berbanding 22 orang (26.0 peratus) yang dapat merasai terdapat perubahan hidup selepas menghadiri kursus. Berdasarkan dapatan ini, kesedaran terhadap kebaikan kursus tidak diberi perhatian oleh responden.

### **5.2.22 Kepentingan Kursus dan Perniagaan untuk Meningkatkan Taraf Hidup Responden**

**Jadual 5.22:** Kepentingan kursus dan bermiaga untuk tingkat taraf hidup

Kepentingan kursus dan bermiaga untuk tingkat taraf hidup	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Ya	345	76.7	186	41.3
Tidak	105	23.3	264	58.7
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Dapatan terhadap kepentingan kursus dan perniagaan bagi membaiki taraf hidup responden ditunjukkan dalam jadual di atas. Soal selidik yang dijalankan menunjukkan bahawa seramai 345 orang (76.7 peratus) responden Malaysia menyedari bahawa kursus dan perniagaan yang mereka lakukan boleh meningkatkan taraf hidup berbanding hanya 105 orang (23.3 peratus) yang tidak melihat peranan penting kursus dan perniagaan untuk membaiki taraf hidup mereka. Manakala bagi responden Indonesia, dapatan menunjukkan hanya 186 orang (41.3 peratus) menyedari bahawa kursus dan perniagaan yang mereka lakukan boleh meningkatkan taraf hidup berbanding 264 orang (58.7 peratus) yang tidak melihat peranan penting kursus dan perniagaan untuk membaiki taraf hidup mereka.

### 5.2.23 Persepsi Terhadap Keberkesanan Bantuan Agensi

Jadual 5.23 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan bagi persepsi responden terhadap keberkesanan atau impak bantuan dalam program pembasmian kemiskinan di Malaysia dan Indonesia. Dapatan memperlihatkan lebih daripada 90 peratus responden bersetuju bahawa program yang dilaksanakan ke atas mereka adalah berkesan untuk membantu golongan miskin. Malah hampir seratus peratus bersetuju bahawa program ini telah dirancang dengan teliti untuk faedah mereka. Di samping itu, majoriti responden (lebih 85.0 peratus) bersetuju bahawa kemiskinan adalah sesuatu yang boleh diubah. Dari segi pertindihan dengan program-program pembasmian kemiskinan lain, responden kurang bersetuju dengan kenyataan berkenaan (lebih 60.0 peratus).

**Jadual 5.23:** Taburan persepsi responden terhadap bantuan agensi

Skim bantuan ini adalah program berkesan untuk membantu golongan miskin.	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Setuju	421	93.5	440	97.8
Kurang setuju	5	1.1	8	1.8
Tidak setuju	24	5.4	2	0.4
Jumlah	450	100.0	450	100.0
Program ini telah dirancang dengan teliti untuk faedah golongan miskin.				
Setuju	444	98.8	440	97.8
Kurang setuju	3	0.6	6	1.3
Tidak setuju	3	0.6	4	0.9
Jumlah	450	100.0	450	100.0
Kemiskinan adalah sesuatu yang boleh diubah.				
Setuju	413	91.7	391	86.9
Kurang setuju	26	5.7	41	9.1
Tidak setuju	11	2.6	18	4.0
Jumlah	450	100.0	450	100.0

**Jadual 5.23, sambungan**

Program skim bantuan ini terdapat pertindihan dengan program yang sama seperti Baitulmal atau Bantuan Tunai Langsung.

Setuju	52	11.6	65	14.4
Kurang setuju	281	62.4	297	66.0
Tidak setuju	117	26.0	88	19.6
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Pemilihan peserta dilakukan secara sistematik dengan mengambil kira pelbagai maklumat.

Setuju	437	97.1	425	94.4
Kurang setuju	10	2.2	16	3.6
Tidak setuju	3	0.7	9	2.0
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Hanya mereka yang benar-benar layak diberi keutamaan bantuan.

Setuju	438	97.3	423	94.0
Kurang setuju	7	1.6	21	4.7
Tidak setuju	5	1.1	6	1.3
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Saya bertuah kerana menjadi peserta dalam program ini.

Setuju	441	98.0	438	97.3
Kurang setuju	9	2.0	9	2.0
Tidak setuju	0	0.0	3	0.7
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Bagi kedua-dua program pembasmian kemiskinan di Malaysia dan Indonesia, responden bersetuju bahawa proses pemilihan peserta telah dilakukan secara sistematik dengan mengambil kira pelbagai maklumat dan hanya yang benar-benar layak telah diberi bantuan. Seterusnya majoriti responden menzahirkan rasa bertuah kerana telah dipilih menjadi peserta dalam program ini yang mana masing-masing 98.0 peratus di Malaysia dan 97.3 peratus di Indonesia.

### 5.3 IMPAK PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIAL

#### 5.3.1 Impak Terhadap Kesejahteraan Individu

**Jadual 5.24:** Taburan persepsi responden terhadap program pembasmian kemiskinan

	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
<b>Tahap pekerjaan sekarang berbanding 10 tahun lalu.</b>				
Amat tidak baik	0	0.0	0	0.0
Kurang baik	9	2.0	18	4.0
Sama saja	18	4.0	24	5.3
Baik	129	28.7	157	34.9
Amat baik	294	65.3	251	55.8
Jumlah	450	100.0	450	100.0
<b>Jumlah pendapatan sekarang ini mencukupi.</b>				
Tidak cukup	25	5.5	44	9.8
Kurang cukup	48	10.7	50	11.1
Sederhana	117	26.0	121	26.9
Cukup	185	41.1	165	36.7
Amat cukup	75	16.7	70	15.5
Jumlah	450	100.0	450	100.0
<b>Menyimpan pendapatan bulanan yang diperolehi.</b>				
Tidak simpan	9	2.0	15	3.3
Simpan sedikit	321	71.4	348	77.3
Satu per tiga	70	15.6	43	9.6
Separuh	25	5.5	21	4.7
Lebih separuh	25	5.5	23	5.1
Jumlah	450	100.0	450	100.0
<b>Tahap pendapatan sekarang lebih baik daripada 10 tahun lalu.</b>				
Amat tidak baik	0	0.0	0	0.0
Kurang baik	0	0.0	0	0.0
Sama saja	15	3.3	18	4.0
Baik	254	56.4	223	49.6
Amat baik	181	40.3	209	46.4
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Responden Malaysia dan Indonesia berpuas hati dengan tahap perkerjaan sedia ada.

Merujuk kepada Jadual 5.24, majoriti responden (lebih 55.0 peratus) merasakan pekerjaan yang mereka sedang lakukan pada masa kini adalah amat baik berbanding sepuluh tahun

lalu. Perubahan juga dapat dilihat dalam jumlah pendapatan mereka. Sebahagian besar responden Malaysia (41.1 peratus) dan responden Indonesia (37.0 peratus) berpendapat pendapatan mereka sudah mencukupi. Walaupun begitu, 16 peratus hingga 20 peratus responden kedua-dua negara berpendapat pendapatan mereka belum mencukupi. Majoriti responden mempunyai kesedaran menyimpan pendapatan bulanan walaupun sedikit yang mana masing-masing responden Malaysia dan Indonesia menyimpan lebih daripada 90 peratus berbanding kurang sepuluh peratus yang tidak membuat simpanan bulanan. Justeru mereka berpendapat tahap pendapatan sekarang lebih baik daripada sepuluh tahun lalu (lebih 95 peratus).

### **5.3.2 Impak Terhadap Kesejahteraan Sosial**

Jadual 5.25 menunjukkan dapatan terhadap perubahan yang dilalui dari segi sosial di Malaysia dan Indonesia. Responden di kedua-dua negara mempunyai pandangan yang bercampur-campur. Aspek positif atau bersetuju dengan kenyataan ini adalah bagi kenyataan bahawa kegagalan untuk berubah disebabkan oleh diri sendiri yang mana responden yang bersetuju adalah 72.6 peratus di Malaysia dan 77.8 peratus di Indonesia. Begitu juga bagi kenyataan penyertaan dalam aktiviti masyarakat setempat selepas mendapat bantuan. Rata-rata responden bersetuju bahawa mereka telah berbuat demikian dengan responden Malaysia mencatat 97.1 peratus bersetuju manakala responden Indonesia mencatat 98.4 peratus. Namun begitu, bagi aspek-aspek lain, dapatan menunjukkan pernyataan yang kurang bersetuju dan tidak bersetuju yang jika digabungkan menjadi lebih besar ke arah negatif. Kenyataan seperti peningkatan harga diri yang semakin meningkat selepas mendapat bantuan lebih banyak menerima ulasan kurang setuju iaitu masing-masing lebih 50 peratus bagi kedua-dua responden Malaysia dan Indonesia. Begitu juga keyakinan responden untuk meneruskan kehidupan tanpa mendapat

bantuan, kedua-dua responden Malaysia dan Indonesia tidak bersetuju yang mana responden Malaysia mencatat 70.7 peratus manakala responden Indonesia mencatat 65.5 peratus. Kenyataan berkaitan keyakinan untuk berdamping dengan masyarakat, berupaya bergaul dengan masyarakat dan peserta dapat bersama-sama meningkatkan sumber pendapatan cenderung kepada tidak bersetuju dengan catatan peratusan lebih daripada 50 peratus.

**Jadual 5.25** :Taburan persepsi responden terhadap perubahan yang dilalui dari segi sosial

	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kegagalan untuk berubah disebabkan oleh diri saya sendiri.				
Setuju	327	72.6	350	77.8
Kurang setuju	101	22.3	84	18.7
Tidak setuju	22	5.1	16	3.5
Jumlah	450	100.0	450	100.0
Sejak menerima bantuan, saya merasakan harga diri saya semakin meningkat.				
Setuju	175	38.8	219	48.5
Kurang setuju	223	49.7	178	39.5
Tidak setuju	52	11.5	53	12.0
Jumlah	450	100.0	450	100.0
Saya mencuba sedaya upaya untuk keluar daripada kemiskinan dan tidak berputus asa untuk mencapai matlamat tersebut.				
Setuju	184	40.8	241	53.6
Kurang setuju	74	16.4	36	7.9
Tidak setuju	192	42.8	173	38.5
Jumlah	450	100.0	450	100.0
Saya yakin dapat meneruskan kehidupan saya selepas ini tanpa mendapat bantuan daripada AIM/PNPM Mandiri.				
Setuju	43	9.6	56	12.4
Kurang setuju	89	19.7	99	22.1
Tidak setuju	318	70.7	295	65.5
Jumlah	450	100.0	450	100.0

### Jadual 5.25, sambungan

Sejak mendapat bantuan, saya telah menyertai aktiviti yang diadakan di tempat tinggal saya.	Setuju	437	97.1	443	98.5
	Kurang setuju	10	2.2	5	1.1
	Tidak setuju	3	0.7	2	0.4
	Jumlah	450	100.0	450	100.0
Setelah mendapat bantuan, saya berasa lebih yakin untuk mendampingi masyarakat di sekitar saya.	Setuju	156	35.0	155	34.5
	Kurang setuju	172	38.2	189	42.1
	Tidak setuju	122	26.8	106	23.4
	Jumlah	450	100.0	450	100.0
Skim bantuan ini membolehkan saya bergaul secara aktif dengan masyarakat setempat.	Setuju	150	33.2	196	43.5
	Kurang setuju	155	34.4	131	29.2
	Tidak setuju	145	32.4	123	27.3
	Jumlah	450	100.0	450	100.0
Melalui bantuan yang diterima, peserta dapat bersama-sama meningkatkan sumber pendapatan dengan berdikari.	Setuju	209	46.4	188	41.7
	Kurang setuju	175	38.9	189	42.0
	Tidak setuju	66	14.7	73	16.3
	Jumlah	450	100.0	450	100.0

#### 5.3.3 Impak Terhadap Kesejahteraan Ekonomi

Dalam Jadual 5.26, dua per tiga (lebih 70 peratus) responden bersetuju bahawa pinjaman yang diperolehi telah meningkatkan perniagaan mereka. Dalam aspek peluang pinjaman menjadikan mereka bebas menjana pendapatan sendiri, terdapat perbezaan antara responden Malaysia dan Indonesia. Hampir 50 peratus responden Malaysia kurang bersetuju sebaliknya 48.5 peratus responden Indonesia mengakui bahawa peluang

pinjaman yang diperolehi menjadikan mereka bebas menjana pendapatan sendiri. Wujud perbezaan berkaitan kesediaan responden bekerja lebih masa iaitu yang bersetuju (53.6 peratus responden Indonesia) dengan kerja lebih masa berbanding responden Malaysia (42.0 peratus). Berkaitan jumlah pinjaman terhadap keuntungan perniagaan, lebih 65 peratus responden Malaysia dan Indonesia mengatakan tidak ada kaitan jumlah pinjaman dengan keuntungan dalam perniagaan mereka.

**Jadual 5.26:** Taburan persepsi responden terhadap perubahan yang dilalui dari segi ekonomi

	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
<u>Pinjaman telah meningkatkan prestasi perniagaan saya.</u>				
Setuju	327	72.6	350	77.8
Kurang setuju	101	22.3	84	18.7
Tidak setuju	22	5.1	16	3.5
Jumlah	450	100.0	450	100.0
<u>Peluang pinjaman ini menjadikan saya bebas untuk menjana pendapatan sendiri.</u>				
Setuju	175	38.8	219	48.5
Kurang setuju	223	49.7	178	39.5
Tidak setuju	52	11.5	53	12.0
Jumlah	450	100.0	450	100.0
<u>Saya bersedia untuk bekerja lebih masa untuk hidup saya.</u>				
Setuju	187	41.6	241	53.6
Kurang setuju	74	16.4	36	7.9
Tidak setuju	189	42.0	173	38.5
Jumlah	450	100.0	450	100.0
<u>Semakin besar jumlah pinjaman yang diterima, perniagaan saya semakin untung.</u>				
Setuju	43	9.6	56	12.4
Kurang setuju	89	19.7	99	22.1
Tidak setuju	318	70.7	295	65.5
Jumlah	450	100.0	450	100.0

### 5.3.4 Impak Terhadap Peluang Memajukan Kehidupan

Jadual 5.27 menunjukkan taburan peluang untuk responden memajukan diri selepas terlibat dalam program mikro kredit di Malaysia dan Indonesia. Sebahagian besar responden mengakui mereka mendapat peluang untuk membuat pinjaman modal perniagaan dalam jumlah yang banyak. Responden di Malaysia mengakui mendapat pinjaman yang banyak seramai 73.6 peratus manakala di Indonesia seramai 65.7 peratus.

**Jadual 5.27:** Taburan peluang memajukan kehidupan

	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kemudahan pinjaman untuk modal bermula				
Tiada langsung	0	0.0	0	0
Ada, sedikit	119	26.4	154	34.3
Ada, banyak	331	73.6	296	65.7
Jumlah	450	100.0	450	100.0
Menyediakan peluang pemasaran semasa menjalankan perniagaan				
Tiada langsung	0	0.0	0	0
Ada, sedikit	141	31.3	174	38.7
Ada, banyak	309	68.7	276	61.3
Jumlah	450	100.0	450	100.0
Menyediakan kursus-kursus kemahiran dalam perniagaan				
Tiada langsung	0	0.0	0	0.0
Ada, sedikit	51	13.6	96	21.3
Ada, banyak	399	86.4	354	78.7
Jumlah	450	100.0	450	100.0
Memberikan kursus pengurusan perniagaan/keusahawanan				
Tiada langsung	0	0.0	11	2.4
Ada, sedikit	219	48.6	246	54.7
Ada, banyak	231	51.4	193	42.9
Jumlah	450	100.0	450	100.0
Memberikan kursus pemasaran				
Tiada langsung	0	0.0	14	3.1
Ada, sedikit	258	57.3	293	65.1
Ada, banyak	192	42.7	143	31.8
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Responden Malaysia dan Indonesia mengatakan agensi pelaksana juga menyediakan peluang pemasaran yang luas kepada mereka iaitu masing-masing sebanyak 68.7 peratus dan 61.3 peratus. Namun begitu, satu per tiga responden berpendapat agensi pelaksana tidak banyak menyediakan peluang pemasaran semasa mereka menjalankan perniagaan. Responden mengakui mereka kerap diberikan peluang untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran dalam perniagaan. Responden Malaysia mengatakan kursus-kursus yang mereka lalui sangat banyak (86.4 peratus) dan begitu juga responden Indonesia (78.7 peratus). Peluang mengikuti kursus pengurusan perniagaan atau keusahawanan kerap diadakan sama ada di Malaysia atau Indonesia. Namun, responden di kedua-dua negara mengakui kursus-kursus yang diberikan masih lagi sedikit.

Dari segi peluang menerima kursus pemasaran, lebih ramai responden Malaysia mengakui ada menghadirkan diri ke kursus berkenaan, begitu juga responden Indonesia. Walau bagaimanapun kursus pemasaran berkenaan boleh ditambahkan memandangkan majoriti responden di kedua-dua negara mengatakan bilangan kursus masih lagi sedikit.

### **5.3.5 Situasi Kehidupan Keluarga Berbanding 10 Tahun Lepas**

Keseluruhan situasi kehidupan responden berbanding kehidupan sepuluh tahun lalu menunjukkan perubahan yang lebih baik. Situasi yang jauh lebih baik (lebih 80 peratus) dicatatkan pada perubahan modal insan dan jaringan sosial manakala bagi situasi lebih baik (lebih 50 peratus) dicatatkan terhadap peluang pekerjaan, peluang perniagaan, peluang mendapat pinjaman dan pertambahan aset. Situasi kehidupan responden Malaysia dan Indonesia dari segi penyertaan dalam aktiviti komuniti dan kebersamaan membangunkan komuniti mencatatkan perbezaan. Di Malaysia, dalam aspek penyertaan aktiviti komuniti, responden lebih cenderung menyifatkan penyertaan aktiviti tidak

terdapat perubahan (45.3 peratus) berbanding responden Indonesia yang mengatakan keadaannya adalah lebih baik (45.7 peratus). Begitu juga dengan aspek bersama-sama membangunkan komuniti, majoriti responden Malaysia mengatakan tidak ada perubahan (44.2 peratus) berbanding responden Indonesia hanya 26.2 peratus.

**Jadual 5.28:** Situasi kehidupan sekarang berbanding 10 tahun lepas

	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
<b>Dari segi modal insan (pengetahuan/kemahiran).</b>				
Jauh lebih buruk	0	0.0	0	0.0
Lebih buruk	0	0.0	0	0.0
Sama saja	0	0.0	0	0.0
Lebih baik	21	4.6	39	8.5
Jauh lebih baik	429	95.4	411	91.5
Jumlah	450	100.0	450	100.0
<b>Dari segi jaringan sosial (bilangan rakan bertambah).</b>				
Jauh lebih buruk	0	0.0	0	0.0
Lebih buruk	0	0.0	0	0.0
Sama saja	0	0.0	0	0.0
Lebih baik	46	10.3	44	9.7
Jauh lebih baik	404	89.7	406	90.3
Jumlah	450	100.0	450	100.0
<b>Dari segi penyertaan dalam aktiviti komuniti.</b>				
Jauh lebih buruk	0	0.0	0	0.0
Lebih buruk	0	0.0	0	0.0
Sama saja	204	45.3	129	28.7
Lebih baik	158	35.1	206	45.7
Jauh lebih baik	88	19.6	115	25.6
Jumlah	450	100.0	450	100.0
<b>Dari segi bersama-sama membangunkan komuniti.</b>				
Jauh lebih buruk	0	0.0	0	0.0
Lebih buruk	18	4.0	0	0
Sama saja	199	44.2	118	26.2
Lebih baik	135	30.1	208	46.3
Jauh lebih baik	98	21.7	124	27.5
Jumlah	450	100.0	450	100.0

---

**Jadual 5.28**, sambungan

Dari segi peluang pekerjaan.				
Jauh lebih buruk	0	0.0	0	0.0
Lebih buruk	0	0.0	0	0.0
Sama saja	0	0.0	0	0.0
Lebih baik	384	85.4	418	92.7
Jauh lebih baik	66	14.6	32	7.3
Jumlah	450	100.0	450	100.0
Dari segi peluang perniagaan.				
Jauh lebih buruk	0	0.0	0	0.0
Lebih buruk	0	0.0	0	0.0
Sama saja	0	0.0	0	0.0
Lebih baik	402	89.3	365	81.2
Jauh lebih baik	48	10.7	85	18.8
Jumlah	450	100.0	450	100.0
Dari segi peluang mendapatkan pinjaman.				
Jauh lebih buruk	0	0.0	0	0.0
Lebih buruk	0	0.0	0	0.0
Sama saja	9	2.0	28	6.2
Lebih baik	285	63.4	332	73.7
Jauh lebih baik	156	34.6	90	20.1
Jumlah	450	100.0	450	100.0
Dari segi pertambahan material/pemilikan aset.				
Jauh lebih buruk	0	0.0	0	0.0
Lebih buruk	0	0.0	42	9.3
Sama saja	18	4.0	66	14.7
Lebih baik	289	64.2	258	57.3
Jauh lebih baik	143	31.8	84	18.7
Jumlah	450	100.0	450	100.0

Dari segi pemilikan aset, situasi pemilikan aset atau material responden di kedua-dua negara menunjukkan pertambahan yang lebih baik dengan kadar lebih 75 peratus. Walau bagaimanapun 9.3 peratus responden Indonesia dan 4.0 peratus responden Malaysia mengatakan tidak ada perubahan.

## 5.4 TEMU BUAL RESPONDEN

### 5.4.1 Latar Belakang Responden Di Malaysia Dan Indonesia

Lapan indikator pembangunan sosial telah dikenal pasti oleh pengkaji berdasarkan Model Piawaian Pembangunan Sosial yang dikemukakan oleh Midgley (1995). Indikator-indikator ini dibahagikan kepada pelaburan sosial dan pelaburan ekonomi. Dalam pelaburan sosial, indikator yang dikaji adalah modal insan, jaringan sosial, penyertaan komuniti dan pembangunan komuniti, manakala dalam pelaburan ekonomi, faktor yang dikaji ialah peluang mendapatkan pekerjaan, peluang dalam perniagaan, peluang mendapatkan pinjaman dari pelbagai institusi dan pembinaan aset bagi jangka masa panjang.

**Jadual 5.29:** Profil responden yang ditemu bual

Negara	Responden	Umur	Jantina	Status perkahwinan	Jenis perniagaan
Malaysia					
	A	44	Perempuan	Berkahwin	Makanan dan minuman
	B	53	Perempuan	Ibu tunggal	Makanan dan minuman, pengangkutan
	C	55	Lelaki	Berkahwin	Makanan dan minuman
Indonesia					
	D	44	Perempuan	Ibu tunggal	Jahitan
	E	35	Lelaki	Bujang	Tepung beras
	F	42	Lelaki	Berkahwin	Pelancongan

Bagi menjelaskan indikator-indikator berkenaan, dibentangkan profil enam individu yang terdiri daripada tiga individu dari Malaysia dan tiga individu lagi dari Indonesia yang menyertai program mikro kredit AIM dan PNPM Mandiri (Jadual 5.29). Mereka dipilih berdasarkan dua perkara iaitu menjalankan perniagaan sendiri dan menyara keluarga. Dalam setiap kes, perkara yang diberi penekanan ialah latar belakang diri bersandarkan tahap pendidikan, jenis pekerjaan dan perniagaan serta pemilikan aset. Selain daripada itu, dalam profil kajian ini juga ditonjolkan faktor-faktor yang menghalang kualiti hidup yang lebih baik. Analisis ini dapat menajamkan huraian ke atas faktor penyumbang dan penghalang kepada komuniti sejahtera di Malaysia dan Indonesia. Pengkaji menggunakan huruf sebagai pengenalan kepada setiap responden untuk melindungi identiti mereka. Responden dalam kajian kes ini berusia antara 35 hingga 55 tahun dan memiliki sekurang-kurangnya satu jenis perniagaan. Setiap nama yang dinyatakan merupakan nama samaran yang disesuaikan bagi tujuan kajian dijalankan. Berdasarkan temu bual bersama semua responden, maklumat kehidupan mereka dipaparkan merangkumi keadaan kehidupan, tahap pendidikan dan kesihatan terkini serta perkembangan perniagaan mereka.

Semua maklumat ini mewakili pelaburan sosial dan pelaburan ekonomi yang dinyatakan dalam Model Piawaian Pembangunan Sosial. Huraian adalah berdasarkan kes demi kes seterusnya dijelaskan setiap satu ciri dalam pelaburan sosial dan pelaburan ekonomi sepetimana yang terdapat dalam model berkenaan. Corak penulisan ini dipilih kerana pengkaji hendak menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi kegagalan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan di Malaysia dan Indonesia. Menurut Merriam (2001), tidak ada satu format yang standard untuk melaporkan kajian kualitatif. Kandungan laporan kajian kes bergantung kepada minat audiens yang disasarkan dalam laporan serta tujuan pengkaji menjalankan kajian.

### **Kes 1: Responden A**

Berumur 44 tahun dan mendapat pendidikan sehingga tingkatan lima serta tidak meneruskan persekolahan kerana kemiskinan keluarga. Beliau merupakan anak bongsu daripada lima adik-beradik. Responden A telah berkahwin dan mempunyai lima orang anak, dua lelaki dan tiga perempuan yang masih bersekolah. Responden mencebur perniagaan makanan dan minuman dengan menjual nasi lemak, masakan bergoreng, kuih-muih dan pelbagai jenis minuman seperti teh tarik dan milo ais. Suami responden seorang pekerja kontrak.

Keluarga responden A berhadapan dengan kehidupan yang susah sebelum mendapat peluang bermula dengan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Kemiskinan keluarga ini menyebabkan perbelanjaan harian keluarga responden A terganggu kerana gaji bulanan yang sedikit dan tidak mencukupi. Beliau menjelaskan keadaan hidup yang sukar menyebabkannya terpaksa mencari pelbagai kerja dengan gaji yang sedikit. Menurut responden A:

*Dulu hidup akak ... susah sangat...dapat kerja pun gaji sikit...tak cukup untuk keluarga akak. Suami akak kerja pun gaji tak banyak...kadang-kadang akak terpaksa meminjam duit dengan adik-beradik, kawan-kawan...memang susah hidup dulu...*

Kesusahan hidup responden A dipengaruhi oleh tahap pendidikan beliau yang belajar setakat sekolah menengah dan tidak berhasrat menyambung pengajian kerana kemiskinan. Rumah yang didiaminya sekarang merupakan rumah sewa dan dibayar secara bulanan sebanyak RM350 sebulan. Beliau juga berkongsi dengan suami memperuntukkan perbelanjaan persekolahan anak-anak, keperluan harian dan perbelanjaan luar jangka

seperti sakit atau demam. Responden A dan suami masing-masing memiliki sebuah telefon bimbit prabayar untuk berkomunikasi sama ada komunikasi sesama ahli keluarga atau komunikasi dengan pelanggan. Dalam penggunaan telefon bimbit, responden A mengakui perlu berjimat-cermat kerana kos untuk tambah nilai agak mahal.

*Akak bukan apa...[senyum sinis]...handphone ni senang nak “contact” suami, apa-apa hal...kadang-kadang ada le juga pelanggan telefon mintak “order”. Akak tak kerap sangat telefon...”top-up” ni cepat habisnya.*

Responden A adalah seorang yang gigih melakukan kerja sendiri, kesan daripada kehidupan miskin yang menuntutnya melakukan kerja tanpa mengharapkan bantuan orang lain, di samping memiliki tahap ketelitian yang tinggi dalam kerjanya. Walaupun banyak melakukan kerja, tahap kesihatannya masih baik dan beliau dapat bekerja dengan selesa. Daripada cara bercakap dan wajah muka yang dipamerkan semasa temu bual, beliau menunjukkan semangat yang tinggi dan jiwa yang kental. Walaupun begitu, latar belakang hidup responden A yang dilingkari kemiskinan menyebabkan terbinanya unsur-unsur kelemahan diri yang ketara seperti mudah tersinggung jika ditegur dan mudah mengalah kerana enggan bersaing.

Responden A bukan seorang yang aktif dalam aktiviti kemasyarakatan di tempat tinggalnya. Justeru tidak kerap melibatkan diri dalam kegiatan masyarakat. Beliau lebih banyak memikirkan kerja yang dilakukannya bagi menambah pendapatan keluarga. Beliau juga memaklumkan terdapat jiran-jiran yang mengajaknya menyertai program melibatkan keluarga yang dilaksanakan oleh pertubuhan bukan kerajaan dan parti politik tetapi beliau tidak berminat, suaminya juga mempunyai pandangan yang sama. Hal ini adalah kerana keperluan mencari pendapatan dirasakan lebih penting daripada melibatkan diri dalam

aktiviti sosial yang dianjurkan. Pengkaji dapat melihat dan merasai keengganannya menyertai aktiviti kemasyarakatan melalui mimik muka dan nada tutur kata.

Responden A memberitahu pengkaji bahawa terdapat rakan-rakannya yang aktif dalam program di kawasan tempat tinggalnya dengan menyertai pertubuhan bukan kerajaan dan parti politik. Rakan-rakannya ini ada yang telah berjaya dalam perniagaan kecil-kecilan kerana mendapat sokongan dan bantuan daripada tokoh-tokoh pemimpin masyarakat yang dikenali. Beliau tidak tahu prosedur dan pada masa yang sama tidak mahu meninggalkan premis perniagaan kerana tidak ada siapa yang akan menjaganya. Penglibatannya dengan Amanah Ikhtiar Malaysia hanya dua tahun lalu apabila seorang pelajar dari insitusi pengajian tinggi mengadakan program anak angkat memaklumkan kepadanya bahawa Amanah Ikhtiar Malaysia boleh membantu untuk memulakan perniagaan.

*Pelajar ni bagus...dia terang kat akak [senyum]...yang akak boleh dapatkan pinjaman modal untuk bermula...*

### **Latar Belakang Perniagaan**

Bermodalkan pinjaman yang kecil, responden A memulakan perniagaan menjual makanan dan minuman dengan gelaran “Warung Kak A” yang dikenali oleh penduduk sekitar kawasan Ayer Keroh, Melaka. Warung ini menyediakan makanan pada kadar harga yang murah kerana menggunakan tapak bermula milik keluarga. Perniagaan tersebut telah ditubuhkan pada tahun 2012 sehingga sekarang. Responden A telah mendapat idea menubuhkan perniagaan selepas berbincang bersama-sama ahli keluarga dan adik-beradik. Pandangan yang diberikan semasa perbincangan ini memberi ruang dan peluang

kepadanya untuk meneroka perniagaan yang diminati iaitu penyediaan makanan dan minuman.

*Dalam berbincang nak berniaga apa...akak dapat keyakinan...bisnes akak boleh maju...tapi akak nak semua adik-beradik sokong usaha akak ni (ini). Jadi, akak yakinkan adik-beradik akak yang akak boleh berjaya...*

### **Isu-Isu Perniagaan**

Semasa menjalankan perniagaan, responden A tidak lekang daripada berhadapan dengan pelbagai isu yang mencabar. Dalam kajian terhadap responden A, tiga isu besar yang dihadapinya ialah operasi perniagaan, kemahiran kewangan dan cara pemasaran. Walaupun responden A mendapat peluang berniaga dan peluang pembiayaan, ketiga-tiga cabaran ini kerap membantutkan usahanya untuk membesarkan perniagaan. Dalam isu operasi perniagaan, responden A sering kali menyediakan makanan yang kurang menepati cita rasa pelanggan kerana kekurangan bahan-bahan penyediaan makanan yang sepatutnya disediakan. Masalah pusingan modal kerap kali menjadi keluhan responden A dan beliau tidak dapat menguruskan perniagaan dengan lancar.

*Ada jugak orang yang makan di kedai akak “complain” kurang garam, tak de (ada) kicap, sayur tak cukup...akak rasa malu jugak tapi nak buat macam mana, untung yang dapat tak cukup nak buat pusingan modal.*

Dalam pengurusan kewangan, responden A menghadapi masalah kerana tidak ada asas pengurusan kewangan yang sistematik dalam perniagaan. Justeru beliau menghadapi cabaran untuk menguruskan untung dan rugi berdasarkan sistem kewangan perniagaan yang telus. Contohnya aliran wang keluar tidak dicatat dengan sempurna dan setiap

pembelian jarang disertakan dengan resit. Persediaan wang kecil juga lemah kerana beliau jarang ke bank untuk menukar wang di samping hanya menukarkan wang kecil di kedai-kedai berhampiran yang kadangkalanya tidak cukup.

Dalam isu cara pemasaran, warung yang diusahakan responden A masih lagi tidak meletakkan elemen pemasaran sebagai keutamaan kerana tidak tahu cara untuk mempromosi perniagaannya. Kewujudan perniagaan responden A hanya diketahui oleh penduduk sekitar dan tidak meluas. Pelanggannya hanya masyarakat sekitar yang membeli kuih-muih dan waktu puncaknya adalah semasa pagi ketika pelanggan keluar bekerja atau menghantar anak ke sekolah dan waktu rehat pagi.

### Kes 2: Responden B

Responden B merupakan seorang ibu tunggal sejak 18 tahun yang lalu dan telah menjadi sahabat AIM sejak tahun 2008. Beliau menetap bersama dua orang anaknya dan seorang ibu saudara. Responden B dan keluarga hidup dalam kesederhanaan iaitu tidak susah dan juga tidak terlalu senang. Dalam keluarga beliau, terdapat adik-beradiknya yang menjalankan perniagaan. Pendidikan responden B hanya setakat Sijil Pelajaran Malaysia dan tidak begitu tinggi kerana beliau hanya tinggal bersama keluarga angkat.

*Makcik ni [ini], seorang anak dari satu keluarga akak diserah pada keluarga lain. Masa kecil lagi...sebab keluarga akak sendiri adik-beradik ramai.*

Hidup responden B telah berubah. Jika dahulu beliau terpaksa berkongsi banyak benda tetapi sekarang beliau boleh berbangga kerana hidupnya lebih senang. Kehidupan responden B yang susah ketika kecil mengajarnya erti ketabahan hidup.

*Kehidupan makcik kalau nak dibandingkan dulu dengan sekarang...jauh bezanya. Dulu kita tak ada banyak kemudahan macam sekarang ni, dengan handphone, tv (televisyen)...macam-macam ada sekarang ni.*

### **Latar Belakang Perniagaan**

Responden B telah mula menjalankan perniagaan kedai makanan dan minuman sejak dua tahun lalu di Bukit Katil, Melaka. Pada masa yang sama, beliau mempunyai bot yang disewakan bagi perkhidmatan mengangkut pekerja kapal perdagangan dari jeti ke kapal di laut dalam. Perniagaan bot ini diuruskan oleh menantunya di Klebang. Sebelum terlibat dalam perniagaan sekarang, responden B telah bermula dalam penyewaan kereta, sewaan alatan muzik, pusat jahitan dan menyertai perniagaan jualan langsung. Walau bagaimanapun, semua perniagaan tersebut tidak dapat diteruskan kerana kekurangan modal. Beliau memilih perniagaan yang beliau mahir iaitu membuka kedai makanan dan minuman. Oleh kerana masih baru dalam perniagaan ini, matlamat dan objektif perniagaannya belum jelas. Responden B bertindak sebagai pengasas, pengurus dan pekerja bagi perniagaan kedai makannya. Beliau belum dapat mengambil pekerja kerana kapasiti perniagaan yang masih kecil. Dalam perniagaan bot sewa, beliau menawarkan khidmat nasihat kepada menantunya supaya perniagaan tersebut berjalan lancar.

### **Isu-Isu Perniagaan**

Kedai makan responden B terletak di lokasi yang agak jauh dari laluan utama menyebabkannya tidak disedari ramai orang. Kewujudan gerainya hanya diketahui oleh penduduk kawasan sekitar tempat tinggalnya. Tambahan pula saiz premis yang diusahakannya agak kecil untuk menampung jumlah pelanggan yang semakin meningkat. Keadaan ini menjelaskan perniagaannya kerana persaingan dengan premis kedai makanan

lain di sekitar kawasan tersebut. Tapak perniagaannya terdedah kepada ancaman akan dirobohkan oleh pihak Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah kerana terdapat ura-ura pembinaan bangunan baru oleh pemaju tanah.

*Kedai makcik ni (ini) tak kekal lama. Majlis bandaraya pun dah naik papan notis. Katanya nak dibuat tiga lot kedai. Biasanya dalam tempoh setahun dua ni (ini) kontraktor akan mula projek ni (ini).*

Biarpun masih baru dalam perniagaan, responden B memiliki kemahiran komunikasi yang baik dengan pembekal bahan mentah. Beliau mudah mendapat makanan laut yang segar dan tidak mengalami keputusan bekalan. Masalah yang beliau hadapi ialah turun naik harga makanan laut yang tidak menentu. Penyediaan makanan menjadi perkara penting dalam perniagaannya, justeru beliau memastikan makanan yang disediakan adalah berkualiti dan memenuhi citarasa pelanggan.

Peniagaan responden B mendapat sokongan kuat daripada persatuan nelayan yang menyediakan bekalan bahan mentah seperti ikan, sotong dan udang setiap hari. Sokongan ini memberinya inspirasi dan semangat untuk berkecimpung dalam perniagaan walaupun berhadapan dengan modal pusingan yang tidak menentu kerana bilangan pelanggan yang tidak tetap.

### **Kes 3: Responden C**

Responden C belajar sehingga peringkat diploma ukur tanah, Universiti Teknologi Malaysia dari tahun 1972 hingga 1975. Selepas itu beliau bekerja dengan Felda selama 20 tahun. Penswastaan Felda menyebabkan beliau memilih skim pencen. Felda telah merancang menu buhkan anak syarikat untuk mencari pendapatan sendiri. Selepas itu

beliau bekerja dengan syarikat perunding lebuh raya sebagai ketua juruukur selama setahun. Seterusnya beliau bekerja dengan pemaju harta tanah selama 13 tahun. Semua urusan tanah beliau kendalikan sehingga tidak ada lagi projek pembangunan yang diperolehi.

Responden C tinggal bersama keluarga di Bukit Katil, Melaka dan masih menyewa rumah. Beliau mempunyai dua keluarga. Keluarga pertama beliau mempunyai empat orang anak yang sudah berjaya dalam hidup masing-masing manakala keluarga kedua, beliau mempunyai dua orang anak yang masih bersekolah. Umur responden C menjangkau 55 tahun dan sedang dalam rawatan penyakit jantung. Pada tahun 2004, beliau menjalani “*angioblasting*” dan pada tahun 2014 beliau sekali diserang penyakit jantung. Kini beliau masih menjalani proses rawatan susulan dengan Institut Jantung Negara.

### **Latar Belakang Perniagaan**

Responden C tidak ada pengalaman bermiaga dan tidak berfikir akan menjalankan perniagaan. Minat beliau muncul apabila menamatkan kerja sebagai kakitangan syarikat swasta. Beliau berminat dengan perniagaan pasar malam tetapi beralih kepada perniagaan kedai makan di pasar tani Fama. Perniagaan beliau telah dijalankan hampir dua tahun.

*Mula-mula nak “joint” bisnes pasar malam, tiba-tiba terjumpa pasar tani Fama dekat sini, buat hari-hari. Tak perlu pindah. Dekat dua tahun dah saya kat (di) sini.*

Responden C memulakan perniagaan kedai makanan dan minuman pada September 2012, bersebelahan Urban Transformation Centre (UTC), Melaka. Beliau memulakan perniagaan dari pukul sepuluh pagi hingga sepuluh malam. Perniagaan ini

dibantu oleh isterinya. Pembiayaan perniagaannya mendapat modal dari AIM di samping menggunakan modal sampingan yang diperolehi daripada simpanannya.

### **Isu-Isu Perniagaan**

Perniagaan responden C hanya dibantu oleh isterinya menyebabkan urusan perkhidmatan pelanggan kerap terganggu. Contohnya ketika waktu tengah hari, beliau perlu menjaga kedai makan secara bergilir dengan isterinya untuk mengambil anak di sekolah. Pelanggan dari kawasan sekitar khususnya UTC menjadikan gerai beliau sebagai tumpuan kerana kepelbagaian masakan dengan harga yang munasabah. Pelajar-pelajar dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Universiti Teknologi MARA juga kerap datang ke situ. Kedatangan pelanggan yang mendadak pada waktu tengah hari menyebabkannya tidak dapat melayan semua pelanggan dengan sempurna. Oleh kerana itu beliau memerlukan pembantu kedai untuk mempercepatkan urusan khidmat pelanggan ini.

*Kalau ada pekerja memang dapat majukan perniagaan saya.  
Paling-paling tidak urusan menyediakan makanan ni (ini) cepat.  
Sekarang saya dengan isteri saja.*

Namun begitu, responden C sukar mendapatkan pekerja khususnya warganegara seperti yang ditetapkan oleh pihak Fama. Bagi beliau, pekerja pada hari ini lebih suka bekerja di kilang atau pasar raya. Walaupun pernah mengambil pekerja sementara tetapi tempoh bekerja yang panjang menyukarkan pekerjanya apatah lagi pendapatan yang diperolehi tidak berbaloi.

Syarat yang dikenakan oleh Fama juga agak ketat. Setiap kali hendak menjual menu baru masakan, beliau perlu mendapatkan permit penjualan. Walaupun syarat ini

memudahkan Fama tetapi di pihak peniaga, ia sangat menyukarkan. Jika peniaga tidak mematuhi syarat yang disediakan, urusan pembaharuan permit pada tahun akan datang lebih sukar.

*Dulu saya ada pekerja suri rumah tangga buat sementara waktu. Masalahnya masa perniagaan yang panjang. Kalau pendapatan tak seberapa kita pun tak berani nak tawarkan kerja sangat. Habis masa sehari suntuk dekat sini, pendapatan tak seberapa, itu pun payah.*

#### **Kes 4: Responden D**

Perniagaan responden D diusahakan sejak tahun 2006 di Pekanbaru, Riau. Beliau menjalankan aktiviti perniagaan yang berasaskan jahitan dan hiasan dalaman. Responden D mahir dalam jahitan seperti sulaman, jahitan langsir, hiasan dalaman, jahitan sarung bantal dan cadar, jahitan reben atas sarung kusyen, jahitan baju Melayu dan jahitan manik. Namun, lokasi perniagaannya yang tersorok menyukarkan pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan jahitan yang ditawarkan. Beliau menjalankan perniagaan jahitan di kedai yang disewa selepas memiliki modal sendiri. Responden D dibantu oleh jirannya sebagai pekerja separuh masa. Bagi tempoh jangka masa panjang, beliau ingin menambah sebuah mesin jahit untuk mempelbagaikan jenis jahitannya seperti telekung dan aksesori wanita. Responden D mendapat pendidikan sehingga Sekolah Menengah Atas.

#### **Latar Belakang Perniagaan**

Responden D berkongsi perusahaan dengan suaminya di premis yang disewa. Bermula dengan minat, kini perniagaan responden D semakin dikenali oleh penduduk sekitar dan kenalannya. Beliau menggunakan mesin jahit keluarganya dan mula menjahit dengan menerima tempahan jiran dan rakan-rakan. Lama-kelamaan hasil jahitannya diterima dan

dikenali. Tempahan yang diterima semakin bertambah khususnya ketika musim perayaan menyebabkan beliau membuat keputusan mencari sebuah kedai yang selesa dan dapat menguruskan perniagaannya dengan lebih baik. Beliau menyewa sebuah kedai kecil dengan bayaran Rp1 juta sebulan (RM320). Di kedai ini, beliau menerima tempahan bermula pukul lapan pagi sehingga lima petang dan ditutup pada hari minggu. Pelanggan boleh datang sendiri atau membuat tempahan secara telefon.

*Saya gembira kerana pada mulanya sekadar ingin mencuba, tapi sekarang bawa hasil lumayan.*

### **Isu-Isu Perniagaan**

Terdapat dua isu utama dalam perniagaan responden D. Pertama, kekurangan modal mengehadkan produktiviti dan kepelbagaiannya dalam menghasilkan produk. Selain itu, responden D kekurangan kemudahan mesin seperti mesin sulaman dan rak pameran produk. Responden D telah memohon bantuan daripada PNPM Mandiri untuk menambah modal menaik taraf mesin jahitnya. Bantuan juga untuk mengubah suai kedainya supaya pelanggan berasa selesa. Kekangan modal telah dapat diatasi melalui bantuan berkenaan namun perniagaannya tidak dapat menjangkau pelanggan yang jauh daripada Pekanbaru kerana kurang pekerja untuk menjahit dan menghantar barang. Kekurangan pekerja menyukarkannya untuk mengembangkan perniagaan walaupun menerima tempahan sejauh Siak dan Dumai. Keadaan itu menyebabkan responden D tidak dapat menyediakan dokumentasi yang mencukupi bagi mendapatkan tender perniagaan besar bagi memaksimumkan keuntungan.

Kedua, banyak persaingan yang menyediakan perkhidmatan yang hampir sama. Persaingan sengit mampu menjadikan perniagaannya lebih sukar. Selain itu, terdapat kedai

jahit yang mengeluarkan jenama sendiri yang lebih berkualiti dan terkenal. Bagi pelanggan yang mementingkan mutu serta jenama adalah amat susah untuk mempercayai sesuatu jenama atau perkhidmatan lain yang ditawarkan. Perniagaan responden D memiliki kekuatan dari segi kesetiaan pelanggan yang kuat terhadap perkhidmatan yang disediakan. Daripada maklum balas, perkhidmatan yang disediakannya sangat memuaskan hati yang mana teknik dan kepakaran menjahit digunakan secara maksimum bagi memastikan kualiti sesuatu produk yang telah dihasilkan. Dengan adanya kemahiran-kemahiran tersebut, ia mampu menambah nilai terhadap pemilik dan kelebihan daya saing terhadap perniagaan jahitan yang lain.

### Kes 5: Responden E

Responden E merupakan generasi ketiga yang terlibat dalam perniagaan tepung beras di Pekanbaru. Berumur 35 tahun dan masih bujang. Premis perniagaannya terletak di belakang rumah dan menghadap jalan raya kerana di sepanjang jalan ini terdapat saliran air yang deras dan dijadikan sebagai penggerak kepada kincir air untuk membuat tepung. Beliau mendapat pendidikan setakat sekolah rendah dan memilih untuk meneruskan perniagaan keluarga. Kesihatannya masih lagi baik walaupun dari segi fizikal beliau kelihatan lebih matang berbanding usianya. Responden E seorang pendiam dan tidak banyak bercakap ketika temu bual. Pengkaji melihat beliau menggelengkan kepala jika tidak bersetuju atau hendak menyampaikan maksud tidak. Perlakuannya ketika menjawab soalan umpama sepatah bertanya dan sepatah jawapan. Justeru pengkaji menggalakkannya bercakap dengan mempelbagaikan jenis soalan. Beliau tidak melanjutkan pelajaran kerana yakin rezekinya ada dalam perniagaan yang diusahakannya itu. Apabila pengkaji bertanya sebab-sebab tidak melanjutkan pelajaran, beliau menjawab, “*Sejatinya saya, hidup saya pasrah pada Allah*”.

## **Latar Belakang Perniagaan**

Perniagaan yang diusahakan oleh responden E lebih cenderung sebagai pembekal tepung beras untuk penduduk sekitar tempat tinggalnya. Bengkel yang menjadi pusat pemprosesan tepung beras responden E sangat tradisional dan ketinggalan dari segi teknologi. Beliau memulakan operasinya seawal pukul lapan pagi sehingga lewat petang, bergantung kepada bekalan beras yang diperolehi. Beliau mendapat pembiayaan daripada PNPM Mandiri untuk membeli perkakasan di samping menggunakan modal keluarga. Tepung beras responden E sering kali mendapat tempahan apabila terdapat majlis perkahwinan dan perayaan oleh penduduk kampung. Beliau tidak menyediakan produk daripada tepung beras sebaliknya hanya menghasilkan tepung beras mentah yang dibeli oleh pelanggan.

*Biasanya dalam sehari dapat sekitar 150 ribu hingga 200 ribu, tergantung pada permintaannya.*

## **Isu-Isu Perniagaan**

Harga tepung beras adalah Rp4000 sekilogram atau RM1.10. Harga ini lebih besar berbanding yang dijual oleh responden E kerana perusahaannya lebih kepada memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Beliau memasarkan tepung beras pada harga lebih rendah kerana tidak menanggung kos yang besar untuk menghasilkan sekilogram tepung beras. Sumber beras juga mudah dan murah kerana di sekitar kawasan Bukit Tinggi terdapat bekalan beras yang senang diperolehi. Kekangan responden E ialah penggunaan teknologi tradisional yang mengehadkan pengeluaran tepung beras, apatah lagi keupayaannya sangat terhad kerana kincir air bergantung kepada isipadu air yang mengalir melalui aliran longkang kecil di tepi bengkelnya. Beliau tidak menghadapi masalah

mendapatkan aliran air ini kerana penduduk setempat bersetuju beliau menggunakannya untuk tujuan mendapatkan pendapatan. Tambahan pula di sekitar kawasan berkenaan tidak ada yang menggunakan air tersebut selain daripada pengairan ke kawasan sawah yang ditetapkan pada masa-masa tertentu.

Oleh kerana perusahaan tepung beras responden E menggunakan teknologi manual dan tradisional, pengeluaran tepung beras juga terhad. Hal ini kerana permintaan yang tinggi dan mendadak pada musim perayaan tidak dapat dipenuhi kerana kekurangan bahan mentah, masa dan tenaga kerja. Responden E menghadapi masalah ini ketika hujung minggu, cuti umum dan majlis-majlis keraian. Beliau menggunakan kaedah pemasaran terus kepada pelanggan iaitu pelanggan sendiri yang harus datang ke bengkelnya untuk mendapatkan tepung beras. Mereka juga perlu membuat tempahan lebih awal jika hendak mendapatkan tepung beras dalam jumlah yang lebih besar.

### Kes 6: Responden F

Responden F bekerja dalam sektor pelancongan sejak tahun 1992. Beliau belajar di sekolah Sekolah Menengah Atas atau setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia. Berumur 42 tahun dan bertahan dalam industri ini kerana menjanjikan peluang yang lebih baik. Responden F sudah berkeluarga dan mendapat lima orang anak. Isterinya tidak bekerja tetapi berperanan sebagai pembantu kepada perniagaan pelancongan yang diusahakannya di Pekanbaru. Beliau merasai tanggungjawab sebagai ketua keluarga seperti yang diungkapkannya:

*Pada dasarnya kalau kita bekerja sebagai pemandu pelancong, kita dapat bantu ekonomi keluarga. Jadi, saya salah seorang “owner” dalam “travel agency” yang punya satu tanggungjawab yang besar.*

## **Latar Belakang Perniagaan**

Responden F menubuhkan sebuah syarikat pelancongan yang bernama *BTT* pada tahun 2000 bersama seorang rakan kongsi. Beliau mempunyai tanggungjawab besar untuk meluaskan empayar perniagaannya kerana bidang pelancongan ini ia sangat “*fluctuate*”, bergantung pada keadaan dan kekuatan pemasaran. Pendapatan kasar syarikat responden F adalah Rp30 juta (RM9,600) yang dianggarkan secara tahunan kerana pendapatan dalam industri ini tidak dapat diaudit secara bulanan. Berdasarkan jumlah pendapatan yang diperolehi ketika ini, responden F dapat menampung kehidupan keluarganya di samping dapat mengumpulkan aset sendiri. Kini syarikatnya telah berupaya menyewa bangunan, membeli sebuah bas dan dua buah van secara ansuran. Kejayaan ini diperolehi dengan bantuan PNPM Mandiri selepas memulakan perusahaan tersebut di samping modal sendiri yang telah dikumpulkan.

## **Isu-Isu Perniagaan**

Industri pelancongan berbentuk perkhidmatan, justeru syarikat *BTT* menghadapi persaingan yang sangat kompetitif. Teras perniagaan responden F mensasarkan kumpulan berpendapatan menengah dan ke atas dan tidak melibatkan diri dalam persaingan harga yang rendah dengan kos yang tinggi. Hal ini kerana perkhidmatan yang mementingkan keselesaan pelanggan menjadi keutamaan responden F sepertimana katanya:

*Kita tidak akan berkompetitif di dalam harga yang di bawah tetapi kita akan berkompetitif dalam “market” yang menengah ke atas. Dalam bidang pelancongan ini servis yang utama.*

Persaingan dengan banyak syarikat pelancongan menjadikan responden F sangat prihatin dengan kos. Syarikatnya tidak menawarkan kos yang rendah kerana bimbang tidak dapat memberikan perkhidmatan yang dijanjikan. Disebabkan kepercayaan yang sangat kuat terhadap kos dan kualiti perkhidmatan, responden F memberi fokus kepada golongan pelancong kelas menengah dan atas. Tambahan pula beliau percaya tumpuan kepada dua kelompok ini menjadikan pendapatannya meningkat. Pandangannya adalah seperti berikut:

*Kalau kita bergerak dalam bidang pelancongan ini adalah... “zero capital. The most important adalah servis. So, how you create the link with the other travel agencies?” “Then” bagaimana kita memberikan servis yang baik. So, nanti “capital” akan datang sendiri. Boleh dikatakan dengan modal sendiri kita usahakan syarikat kita.*

## BAB 6

### FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI IMPAK PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN DI MALAYSIA DAN INDONESIA

#### 6.1 PENDAHULUAN

Bahagian ini menerangkan impak program pembasmian kemiskinan di Malaysia dan Indonesia di samping memaklumkan faktor-faktor yang menghalang kejayaan program tersebut. Huraian dalam bab ini adalah berdasarkan dapatan yang telah diperolehi yang juga berpandukan kepada Model Piawaian Pembangunan Sosial yang memberi penekanan kepada pelaburan sosial dan pelaburan ekonomi di kedua-dua negara. Di akhir bab ini diterangkan cadangan pelaksanaan intervensi sosial dalam program pembasmian kemiskinan yang efektif.

#### 6.2 IMPAK IMPLEMENTASI PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN TERHADAP KESEJAHTERAAN KOMUNITI DI MELAKA, MALAYSIA DAN RIAU, INDONESIA

##### 6.2.1 Impak Kesejahteraan Sosial

###### a. Modal Insan

Impak pembiayaan mikro kredit terhadap kesejahteraan sosial responden Malaysia dan Indonesia boleh dilihat ke atas persepsi terhadap bantuan agensi dan keadaan kebajikan mereka. Dapatan kajian ini menunjukkan responden sedar bahawa mereka merupakan punca kepada kejayaan dan kegagalan hidup. Kesedaran begini dizahirkan apabila mereka mengatakan keadaan hidup telah berubah dan menjadi lebih baik selepas menyertai program pembasmian kemiskinan Amanah Ikhtiar Malaysia dan PNPM Mandiri.

Kesedaran begini disebabkan oleh latar belakang responden yang mempunyai tahap pendidikan sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi. Pendidikan asas ini penting kerana membantu responden lebih cekal dan tabah dalam menguruskan perniagaan masing-masing khususnya mempunyai pengetahuan dalam menghadapi cabaran sebagai peniaga. Empat responden telah bersedia dengan pengetahuan dan kemahiran berniaga seiring dengan tahap pendidikan yang dilalui. Pernyataan yang menyokong penjelasan tersebut adalah seperti berikut.

*Disebabkan pernah merasai peritnya kehidupan sebagai orang miskin membuatkan akak bertekad untuk belajar bersungguh-sungguh bagi mengubah nasib keluarga.*

(Responden A)

*Berniaga ni (ini) kalau dapat kena jaga kualiti, pelanggan. Kalau pelanggan ada, kualiti tak ada, pun habis. Masa mula-mula berniaga, sampaikan kalau pelanggan makan, sisa makanan saya perhatikan. Habis ke tak habis. Kalau tak habis, apa sebab agaknya. Dia kenyang atau masakan kita yang tak sedap. Kita kena kaji itu semua. Harga pun kena tengok juga. Apabila orang dapat terima masakan kita, orang pun Insya Allah, sekali makan dan rasa sedap, dia akan datang lagi.*

(Responden C)

*Ya, sangat penting malah ingin anak-anak saya bisa (boleh) bersekolah sampai SMA dan mendapat pekerjaan yang baik. Saya tidak ingin anak-anak saya nanti hanya akan bernasib baik seperti saya. Tidak bersekolah, tidak punya trampil, akhirnya cuma jadi pengemis. Saya ingin anak-anak saya nanti bisa (boleh) hidup lebih baik daripada saya sekarang.*

(Responden D)

*Saya belajar di sekolah SMA atau setaraf dengan SPM di Malaysia... saya minat dalam bahasa, minat dalam budaya, dalam sosial dan lain-lain lagi. Saya juga suka membaca.*

(Responden F)

Bagaimanapun, terdapat responden berpandangan bahawa tidak ada keperluan dalam memiliki tahap pendidikan yang tinggi untuk berjaya dalam hidup khususnya perniagaan. Kenyataan berikut menggambarkan situasi ini.

*Selepas sekolah saya ditawarkan ada program untuk Program Dari Desa (PDD) untuk pelatihan. Pelatihan kurang lebih tiga bulan, langsung selepas tiga bulan disuruh kerja lapangan. Tapi saya gak (tidak) mau.*

(Responden E)

Impak terhadap kesejahteraan sosial responden Indonesia boleh dikaitkan juga dengan persepsi mereka terhadap PNPM Mandiri. Ditinjau dari persepsi responden, program yang dilaksanakan melalui PNPM Mandiri didapati sangat berkesan untuk membantu golongan miskin kerana banyak faedah yang diperolehi oleh golongan itu. Hal ini kerana proses pemilihan peserta telah dilakukan secara sistematik dan hanya yang benar-benar layak menerima bantuan ini, justeru sebilangan besar responden rasa bertuah kerana menjadi peserta dalam program pembasmian PNPM Mandiri. Di samping itu, proses penyertaan yang aktif menguatkan persepsi positif responden terhadap PNPM Mandiri.

b. Jaringan Sosial

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perkaitan antara jaringan sosial dengan perubahan taraf hidup responden. Data kajian ini menunjukkan bahawa jaringan sosial tidak menyumbang kepada keinginan responden untuk mendapatkan ramai kenalan. Responden A, B dan E tidak mementingkan ramai kenalan kerana mereka tidak berupaya menggerakkan diri untuk mencampuri aktiviti sosial dalam masyarakat dan hanya

memberi tumpuan ke atas perniagaan yang diusahakan. Responden A menceritakan pengalaman hidup sebagai penyebab beliau tidak berminat dalam membentuk jaringan sosial.

*Kalau di surau tu adalah...dengan kawan-kawan jemaah, tapi tak adalah nak masuk persatuan mana-mana.*

Responden B menjelaskan bahawa beliau tidak berminat untuk meluaskan jaringan sosial kerana lebih memikirkan keadaan keluarga dan pembelajaran anak-anaknya. Pengkaji merasakan beliau lebih mengutamakan masa hadapan anak-anaknya berbanding memikirkan apa yang ada pada dirinya sendiri. Alasannya ialah biarlah anak-anak yang berjaya dalam pelajaran dan tidak mengulangi nasib sepertinya. Menurut beliau:

*Makcik kena bekerja untuk anak-anak makcik...biar anak-anak berjaya dalam pelajaran.*

Responden E menjelaskan bahawa beliau tidak mementingkan jaringan sosial kerana telah mewarisi perniagaan keluarga sejak tiga generasi. Beliau melihat jaringan sosial ini tidak relevan kerana dapat meneruskan perniagaan seperti biasa tanpa perlu mencari kenalan yang ramai memandangkan pelanggan-pelanggan dari dahulu masih berurus niaga dengannya. Menurut responden E:

*Oh ya, masuk organisasi lebih baik...ramai kenalannya, sememangnya baik...tapi saya tidak masuk, kerja lebih baik.*

Ketiga-tiga responden A, B dan E di atas mengatakan bahawa jaringan sosial tidak penting bagi mereka kerana masih dapat meneruskan perniagaan dan mendapat

pendapatan seharian walaupun tidak banyak. Dalam tema ini, ia menepati latar belakang ketiga-tiga responden yang perlu bekerja untuk masa hadapan anak-anak. Responden B contohnya, beliau perlu menumpukan pada kerja supaya anak-anaknya dapat memberi perhatian dalam pelajaran dan tidak terganggu dengan kesusahan keluarga.

c. Penyertaan Komuniti

Lazimnya seseorang yang terlibat dalam perniagaan akan berusaha mencari dan menambah bilangan pelanggan melalui pelbagai bentuk pemasaran seperti terlibat dalam persatuan atau organisasi kemasyarakatan dan aktiviti sosial. Mereka juga akan bertindak mencari ekspo atau aktiviti berbentuk memperkenal atau mempromosi perniagaan supaya diketahui oleh orang ramai. Penglibatan dalam komuniti turut berperanan sebagai “tool” untuk menambah jaringan sosial dan mencari lebih ramai pelanggan baru. Responden D dan F mengatakan mereka sentiasa berusaha mencari pelanggan dengan melibatkan diri dalam aktiviti sosial kerana menyedari bahawa komuniti adalah tempat terbaik untuk memperkenalkan perniagaan yang diusahakan.

*Saya ada masa untuk bersama-sama masyarakat dalam aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, bersama jiran-jiran dan boleh hadir di majlis kenduri jiran tetangga.*

(Responden D)

*Ya, dalam kerjaya kita yang pertama, sebagai seorang pemandu pelancong, kita akan masuk satu organisasi yang namanya HPI (Himpunan Parawisata Indonesia) dalam pelancongan... Kita mendapatkan satu pengarahan informasi dari pemerintah juga bagaimana untuk mengembangkan “human resources” dan satu usaha ke depan dengan baik.*

(Responden F)

Responden F lebih yakin bahawa menyertai aktiviti komuniti merupakan tapak yang sangat penting untuk pengembangan perniagaannya yang bersifat perkhidmatan. Dari situ, beliau dapat memperkenalkan diri, syarikat dan jenis perkhidmatan yang diberikan. Beliau tidak akan melepaskan peluang menyertai sebarang aktiviti yang dianjurkan sama ada kecil atau besar kerana kedua-duanya menjadi medan pemasaran yang amat berkesan. Penyertaan komuniti dalam kajian ini menunjukkan bahawa kejayaan mendapatkan pelanggan sebahagiannya ditentukan oleh penglibatan responden bersama masyarakat, bukannya berseorangan dalam melaksanakan perusahaan. Sebagai imbalannya, responden yang aktif dalam aktiviti komuniti mempunyai perspektif yang lebih cerah untuk mendapatkan pelanggan.

Terdapat kecenderungan responden untuk berusaha keluar daripada lingkaran kemiskinan dengan melibatkan diri dalam aktiviti sosial selepas mendapat suntikan motivasi diri melalui kursus-kursus anjuran Amanah Ikhtiar Malaysia dari semasa ke semasa. Dapatan ini selari dengan Nader (2008) yang mengatakan program mikro kredit meningkatkan pengalaman penerima bantuan untuk merasai keharmonian hidup. Pada masa yang sama mikro kredit turut meningkatkan perasaan dan sifat inginkan kebebasan dan memenuhi keperluan keluarga (Pitt *et al.*, 2003; Zaman, 1999). Walaupun wujud keharmonian dalam kehidupan sosial responden, keadaan harmoni tersebut tidak menyeluruh kerana mereka merasakan sukar melepaskan diri daripada bergantung dengan pembiayaan Amanah Ikhtiar Malaysia. Kebergantungan ini memberi kesan ke atas sifat yakin diri dan berani mengambil risiko dalam diri mereka. Hal ini dapat dilihat daripada reaksi responden yang tidak bersetuju terhadap berusaha sendiri dapat memberi kejayaan kepada mereka.

d. Pembangunan Komuniti

Penyertaan komuniti dan pembangunan komuniti merupakan faktor yang saling berkait. Penyertaan komuniti adalah kekerapan responden melibatkan diri dalam aktiviti yang dilaksanakan dalam komuniti manakala pembangunan komuniti berkaitan penyertaan dan pemerksaan diri dalam bentuk pengetahuan dan kemahiran sosial. Pembangunan komuniti yang disertai responden antaranya terlibat dalam persatuan atau organisasi (di Indonesia, panggilan persatuan atau pertubuhan adalah organisasi) di peringkat daerah, negeri atau negara. Antara persatuan ini adalah yang berkaitan keusahawanan, pameran atau aktiviti sosial seperti kelas belajar agama, memberi latihan atau gotong-royong. Kajian ini mendapati responden A, B, C, D dan E tidak berminat atau tidak bersungguh-sungguh mencari peluang melibatkan diri dalam persatuan di kawasan tempat tinggal masing-masing. Mereka menzahirkan alasan masing-masing yang menyebabkan mereka tidak berminat dengan komuniti setempat seperti tidak ada masa, sibuk dengan urusan menyediakan barang perniagaan dan merasakan komuniti tidak penting.

*Akak tak masuk mana-mana persatuan. Macam mana nak masuk, hari-hari nak uruskan perniagaan. Pagi-pagi lagi dah kena urus barang-barang jualan, kemudian jaga gerai sampai ke petang. Lepas tu berkemas dan cari barang lain pula untuk esok.*

(Responden A)

*Tapi makcik keluar bekerja pukul tujuh setengah, baliknya petang, kadang-kadang masih ada kerja sampai pukul lima, enam. Macam mana nak libatkan diri dalam persatuan?*

(Responden B)

*Setakat ni (ini) tidak ada kerana masa sudah terlalu banyak pada perniagaan. Waktu berniaga ni (ini) lama, 10 pagi hingga 10 malam tapi saya kena bersedia lebih awal untuk ke pasar beli barang. Balik malam pun begitu juga. Saya cuba balik dalam pukul 8.30 malam atau 9 malam dan terus ke “supermarket”. Tak ada masa untuk aktiviti masyarakat.*

(Responden C)

*Saya harus bekerja untuk menghidupi (menyara) keluarga saya.  
Tidak ada waktu untuk bersama komunitas (masyarakat).*

(Responden D)

*Saya tidak bisa (boleh) bercakap dalam kelompok ramai...gugup.  
Lebih baik buat kerja sendirian (sendiri).*

(Responden E)

Dari sisi lain, hubungan mereka dengan masyarakat juga kurang akrab. Hal ini bermakna penyertaan dalam program pembasmian kemiskinan belum dapat mendorong mereka mendampingi masyarakat secara sepenuh hati. Dapatan ini selari dengan kenyataan Barsoum (2006) yang mengatakan program mikro kredit menjadi beban kepada peminjam dan tidak dapat memperkasa kehidupan sosial mereka. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa aktiviti sosial tidak menyumbang kepada keinginan responden untuk mendapatkan ramai kenalan.

Kajian ini mendapati kesedaran responden terhadap peranan persatuan masih rendah dengan lebih separuh masih belum menyertai sebarang jenis persatuan. Bagi responden Malaysia yang melibatkan diri dalam persatuan, terdapat 16 persatuan atau pertubuhan yang merangkumi perniagaan, khidmat masyarakat, aktiviti sosial dan politik. Persatuan-persatuan tersebut dimuatkan dalam Jadual 6.1.

**Jadual 6.1:** Senarai persatuan yang disertai responden Malaysia

Bil.	Persatuan/Organisasi
1	Amanah Ikhtiar Malaysia
2	Persatuan Bekas Perajurit Malaysia
3	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
4	Lembaga Perwakilan Sahabat
5	Majlis Kanser Nasional
6	Persatuan Bekas Guru
7	Persatuan Kebajikan Bumiputera
8	Persatuan Peniaga Kecil
9	Persatuan Pertanian
10	Persatuan Bekas Polis Malaysia
11	Persatuan Wanita
12	Puteri UMNO
13	UMNO
14	Kelab Rukun Tetangga
15	Sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
16	WI

Penglibatan responden dalam persatuan menunjukkan bahawa mereka menyedari kepentingan dan keperluan untuk berkongsi pengalaman, menambah pengetahuan, meluaskan jaringan sosial dan memperkasa pelaburan sosial dan ekonomi mereka. Kecenderungan menyertai persatuan turut membuktikan bahawa tahap keupayaan dan kebolehan yang disediakan oleh persatuan-persatuan itu telah digunakan untuk menambah baik kehidupan mereka. Ternyata dengan lebih separuh daripada responden yang mengakui bahawa hidup mereka berubah selepas menyertai persatuan, peranan kerajaan

sebagai penggerak utama komuniti sedikit sebanyak telah berjaya melakukan transformasi sosial dan ekonomi responden. Peranan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut membantu proses transformasi tersebut biarpun pihak swasta dilihat mula mengambil pendekatan mendekati kumpulan sasaran melalui konsep tanggungjawab sosial korporat (*Corporate Social Responsibility - CSR*). Kajian ini turut mendapati kesedaran responden terhadap peranan persatuan dalam kalangan responden Indonesia adalah rendah dengan hanya satu per empat yang menyertai persatuan. Persatuan-persatuan tersebut dimuatkan dalam Jadual 6.2.

**Jadual 6.2:** Senarai persatuan yang disertai responden Indonesia

Bil.	Persatuan/Organisasi
1	PNPM Mandiri
2	Pemuda Pancasila
3	Persatuan Ibu-Ibu Gereja
4	Ikatan Keluarga Besar Medan
5	Ikatan Keluarga Besar Jawa Riau
6	Ikatan Pengusaha Muda
7	Kumpulan Marga
8	Laskar Melayu
9	Persatuan Orang Muda Khatolik
10	Persatuan Buruh Sumatera Utara
11	Persatuan Keluarga Besar Kuansing
12	Persatuan Ketenteraman Kampung
13	Persatuan Tani
14	Persatuan Polis Indonesia
15	Wirid Ibu-Ibu

Dalam kalangan responden yang melibatkan diri, terdapat 15 persatuan telah dikenal pasti yang merangkumi perniagaan, kebajikan, perkhidmatan dan keagamaan. Penyertaan komuniti dalam kajian ini menunjukkan bahawa kejayaan mendapatkan pelanggan sebahagiannya ditentukan oleh penglibatan responden bersama masyarakat, bukannya berseorangan dalam melaksanakan perusahaan. Sebagai imbalannya, responden yang aktif dalam aktiviti komuniti mempunyai perspektif yang lebih cerah untuk mendapatkan pelanggan.

### **6.2.2 Impak Kesejahteraan Ekonomi**

#### a. Peluang Pekerjaan

Pendapatan bulanan responden di Malaysia adalah antara RM300 hingga RM1200 tetapi perbelanjaan mereka adalah antara RM600 hingga RM1200, manakala di Indonesia, pendapatan bulanan responden yang paling ramai adalah dari RM300 hingga RM900 dan jumlah perbelanjaan yang tinggi adalah antara RM300 hingga RM600. Dari segi simpanan bulanan, rata-rata responden mengatakan mereka membuat simpanan kurang daripada RM300, justeru hampir 60 peratus melakukan kerja sampingan dan berhutang. Walaupun begitu, mereka mengakui jumlah bantuan yang diterima memang mencukupi (76.0 peratus). Wujud keadaan yang tidak seimbang antara pendapatan dan perbelanjaan. Melihat kepada trend ini, rumusan yang boleh dibuat adalah responden cenderung melakukan kerja-kerja sampingan untuk menambah pendapatan (sepertimana 60 peratus responden mengakui mereka melakukan kerja sampingan untuk meningkatkan pendapatan). Ia juga dikaitkan dengan jumlah bantuan yang kurang mencukupi dan pengalaman berhutang.

Dari aspek peluang pekerjaan, ianya merangkumi tawaran kerja dengan kemudahan gaji dan sokongan dari komuniti untuk mencari pekerjaan. Rata-rata responden dalam kajian ini terdiri daripada mereka yang telah mencuba banyak jenis pekerjaan seperti sewaan kereta dan ejen jualan langsung. Pekerjaan yang tidak tetap ini menyukarkan kehidupan responden dan sering menghadapi masalah kewangan. Semua responden mempunyai pengalaman bekerja dengan orang lain sama ada sebagai pekerja bergaji atau mengambil upah berdasarkan kerja-kerja yang dilakukan. Rata-ratanya mendapat kerja kerana hendak menyara hidup akibat kesusahan yang dihadapi. Berikut adalah keluhan responden.

*Permulaan yang susah, akak jual barang kecil-kecilan sambil buat sendiri. Suami buruh, dia pun buat kerja lain juga.*

(Responden A)

*Sebelum menjadi usahawan, makcik tidak bekerja, jadi suri rumah sepenuh masa. Pendapatan bergantung pada suami saja.*

(Responden B)

*Sebenarnya sepanjang hidup saya, saya tak pernah bermiaga, inilah kali pertama bermiaga.*

(Responden C)

*Saya bersama bekas suami mengusahakan kedai makan milik bersama selain bermiaga di pasar tapi terpaksa berhenti kerana sukar mahu jaga anak sulung. Keluar lima pagi, pulang lima petang.*

(Responden D)

*Dulu ada teman saya tawarkan kerja, tapi saya (gak) tak minat. Lebih suka kerja sendiri.*

(Responden E)

*Ya, dulu saya kerja sebagai pemandu pelancong, bawa orang putih naik gunung. Kerja dengan orang juga. Lama-lama saya minat dalam pelancongan ni.*

(Responden F)

Berdasarkan hasil kajian, pengkaji melihat dua kategori responden dalam peluang pekerjaan ini. Pertama, mendapat tawaran pekerjaan daripada syarikat atau orang perseorangan yang mempunyai perniagaan, kedua, mendapat bimbingan dalam perniagaan melalui kerja sampingan atau upah yang tidak menentu. Tidak ada responden yang mendapatkan pekerjaan disebabkan sikap prihatin komuniti seperti yang dijelaskan oleh Midgley (1995). Satu-satunya responden yang dilihat berpotensi untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada komuniti hasil daripada perniagaannya ialah responden F kerana pengkaji merasakan beliau mempunyai wawasan yang jelas terhadap komunitinya.

Dapatan yang serupa turut dapat dilihat dalam kajian oleh Sherin Gamaleldin (2012) terhadap keberkesanan program mikro kredit dalam pembasmian kemiskinan di Mesir yang mana 53 peratus responden mengakui jumlah bantuan yang diperolehi tidak mencukupi untuk memacu perniagaan mereka dan perlu mendapatkan sumber kewangan lain seperti berhutang dengan saudara–mara, memohon pinjaman menggunakan nama ahli keluarga dan bermain kutu.

Dapatan kajian ini hanya menunjukkan satu aspek yang mendapat persetujuan lebih daripada dua per tiga responden iaitu pinjaman yang diperolehi telah meningkatkan prestasi perniagaan mereka. Namun peningkatan prestasi perniagaan ini tidak bermakna berlaku pertambahan pendapatan yang ketara kerana responden turut berhutang dan melakukan kerja sampingan yang lain.

#### b. Peluang Perniagaan

Peluang perniagaan yang diterima oleh responden dalam kajian ini digerakkan oleh faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman adalah diri responden sendiri yang hidup dalam

keadaan sukar dan miskin atau ingin hidup seperti orang lain yang lebih senang. Selain itu keinginan hendak berubah apabila mendapatkan ada peluang untuk memajukan diri dalam bidang perniagaan yang dipilih.

*Setakat ni semangat nak berjaya datang dari diri sendiri.*

(Responden C)

*Gak (tidak) ada, penghasilan keluarga aja (sahaja).*

(Responden E)

*Pertama, saya sudah melalui karier ini sudah lama. "I took this as one of my choice". Dengan segala risiko dan segala keadaan. Saya ingin jadi profesional, sesuai dengan apa yang diinginkan.*

(Responden F)

Faktor luaran pula seperti galakan daripada rakan-rakan dan agensi kerajaan. Melalui galakan ini, responden mula menghadiri kursus, mengambil berat mengenai kepentingan mengubah hidup, bersikap positif kepada harapan masa hadapan dan sangat optimis dengan kemajuan diri.

*Setakat ni akak dapat bantuan dan sokongan dari AIM...modal yang makcik ada boleh bantu sikit-sikit untuk majukan kedai akak ni (ini).*

(Responden A)

*Makcik tau dari kawan-kawan makcik yang ajak masuk. Lagi pun mereka tahu makcik tak ada modal. Lebih baik pinjam dari AIM.*

(Responden B)

Responden A dan B juga mendapat bantuan pembiayaan modal dalam bentuk wang tunai dan kemudahan. Mereka amat memerlukan bantuan berkenaan untuk memulakan perniagaan ataupun mengembangkan perniagaan ke tahap yang lebih besar. Keperluan

modal wang adalah untuk membeli barang asas memulakan perniagaan seperti pembelian kerusi, meja, keperluan dapur dan barang mentah. Keperluan kemudahan adalah pemberian peralatan seperti mesin jahit yang khusus untuk sesuatu jenis tugas dan mesin. Ia juga merangkumi bantuan khidmat pendaftaran perniagaan.

Bantuan pemberian modal ini menjadi pencetus kepada kejayaan kedua-dua responden untuk keluar daripada kemiskinan dan kesukaran hidup. Responden A meluahkan rasa terharu apabila Amanah Ikhtiar Malaysia memberi bantuan dan sokongan dalam menguruskan perniagaannya. Hal ini dapat dilihat daripada reaksinya dalam ungkapan berikut:

*Setakat ni (ini) AIM banyak memberi bantuan dan sokongan. Akak baru dapat gerai tolak ni, mudah sikit nak bermiaga pisang goreng kat depan jalan tu (ambil menuding jari ke arah tepi jalan yang dimaksudkan). Bantuan lesen bermiaga pun mereka bantu dapatkan. Modal yang akak ada boleh bantu sikit-sikit.*

Pengkaji merasakan perasaan responden A sangat gembira dan berpuas hati dengan bantuan yang diberikan tersebut. Wajahnya menggambarkan masa hadapan yang lebih cerah selepas membuat keputusan menceburkan diri dalam perniagaan untuk mengubah keadaan hidup keluarganya. Responden B menzahirkan rasa gembira apabila mendapat bantuan modal daripada Amanah Ikhtiar Malaysia. Maklum balas responden B adalah seperti berikut:

*Sebelum makcik menyertai AIM, makcik tak ada pendapatan sendiri, semuanya harapkan suami. Tapi lepas makcik masuk AIM ni (ini), makcik dah ada pendapatan sendiri.*

(Responden B)

c. Peluang Pinjaman

Kajian ini mendapati bahawa pembiayaan awal oleh agensi pembiaya menjadi faktor penting kepada kejayaan dalam perniagaan. Modal sendiri yang diperolehi daripada pinjaman keluarga dan simpanan boleh dijadikan sebagai asas kepada permulaan modal perniagaan. Responden F berpandangan modal pinjaman memberikan kejayaan besar dalam perniagaan pelancongannya. Responden F yakin bahawa perniagaannya boleh berjaya kerana beliau yakin pihak pembiaya seperti PNPM Mandiri sudah pasti akan memberi pinjaman dan pembiayaan lebih besar apabila syarikatnya bercadang mengembangkan perniagaan kelak. Beliau juga bercadang membuat pembiayaan dengan bank. Keyakinan ini diungkapkan dalam kata-katanya:

*Ya, bank melihat kepada akaun kita dan mereka ada satu “trust”, tapi kita tidak perlukan ketika ini. Mungkin untuk pengembangan, kita akan fikirkan.*

Keadaan yang sama dikongsi oleh responden C yang mengatakan beliau telah cuba mendapatkan pinjaman daripada beberapa pihak seperti Bank Rakyat, Tekun dan Amanah Ikhtiar Malaysia. Namun hanya Amanah Ikhtiar Malaysia yang bersedia memberikan pinjaman dalam jumlah yang kecil. Oleh sebab itu, beliau turut menggunakan modal simpanan hasil daripada pekerjaan-pekerjaan yang dilakukan sebelum ini.

*Kebetulan dulu saya masih ada duit simpanan, boleh la (lah) buat modal bisnes.*

Responden E turut mengatakan pandangan yang sama dengan responden C dan F iaitu beliau tidak perlukan pembiayaan selain daripada PNPM Mandiri untuk menjalankan

perniagaannya, namun masih boleh berjaya sehingga ke hari ini. Pendapatan yang diperolehi daripada perniagaan tepung beras cukup untuk menyara kehidupannya ketika ini. Pengkaji merasakan responden E tidak memerlukan pendapatan yang lebih banyak daripada perniagaannya kerana keperluan asas seperti tempat tinggal sudah disediakan oleh keluarganya. Inilah jawapan responden E mengenai peluang pembiayaan dalam perniagaan:

*Gak (tidak) ada, kepala desa (ketua kampung) pun gak (tidak) pernah datang. Penghasilan sehari dibuat modal...penghasilan keluarga aja (sahaja). Bulan-bulan cukup-cukup aja (sahaja)...*

Walaupun bidang perniagaan berbeza, responden B dan D menzahirkan rasa gembira apabila mendapat bantuan modal dan peralatan. Kedua-dua responden ini mendapat pembiayaan daripada Amanah Ikhtiar Malaysia dan PNPM Mandiri. Maklum balas responden B dan D adalah seperti berikut:

*Alhamdulillah, hidup makcik lebih baik sekarang. AIM bagi modal... dengan modal ni (ini) makcik bermiaga, hidup senang sikit.*

(Responden B)

*Penyuluhan (Program) PNPM memang seharusnya lebih giat lagi pak...besar sekali manfaatnya bagi "home-home" (kawasan) industri di pelosok daerah... yang terkadang masih terbelenggu keterbatasan saranan (idea) dan prasarana.*

(Responden D)

d. Pembinaan Aset

Proses pembinaan aset daripada perniagaan yang diusahakan oleh responden dalam kajian ini sangat jelas. Setiap responden berusaha menyimpan aset sendiri sama ada dalam

bentuk wang atau harta. Perbezaannya adalah terdapat responden yang baru hendak menyimpan wang atau aset dan ada responden yang telah jauh kehadapan dengan memiliki aset dalam bentuk bangunan dan kenderaan. Contoh yang jelas bagi kes ini adalah responden A yang bernasib baik kerana telah mendapat peluang perniagaan dan peluang pinjaman untuk mengubah keadaan hidup. Namun dalam usahanya untuk meraih pendapatan yang lebih baik, beliau tidak dapat menikmati kehidupan yang sejahtera kerana tidak menyertai aktiviti komuniti di tempat tinggal ataupun menyertai persatuan supaya jaringan sosial dapat diperluaskan. Kemahiran pengurusan kewangan yang lemah boleh dikatakan berpunca daripada sikapnya yang kurang menyedari bahawa salah satu faktor kejayaan dalam perniagaan adalah dapat mengaplikasi sistem kewangan perniagaan yang sistematik. Beliau tidak menyediakan buku kewangan yang khusus untuk membuat catatan perbelanjaan, untung dan rugi operasi harian ataupun mendapatkan sistem pengurusan kewangan berkomputer. Kelemahan ketara responden A ialah jarang merekodkan modal pembelian dan perniagaan untuk melihat prestasi perniagaannya. Oleh kerana beliau tidak menyediakan sistem kewangan ini, pembinaan aset yang menjadi salah satu indikator dalam pelaburan ekonomi Model Piawaian Pembangunan Sosial telah tidak dipenuhi.

Dapatan kajian juga menunjukkan responden yang baru hendak menyimpan aset terdiri daripada peniaga yang baru memulakan perniagaan iaitu dalam tempoh dua tahun lepas manakala yang dapat menyimpan aset terdiri daripada peniaga yang telah berkecimpung lebih daripada tiga tahun. Pernyataan berikut menggambarkan keadaan mereka.

*Makcik ada dua buah motosikal dan duit lebih untuk belanja barang dapur, baiki rumah, simpan sikit di bank dan belanja sekolah anak-anak.*

(Responden B)

Responden B juga berjinak-jinak dengan penanaman pokok rambutan dan langsat di belakang rumah supaya dapat menjualnya bagi menambah pendapatan. Pengkaji melihat responden B mempunyai idea memajukan dirinya melalui usaha berkenaan. Idea ini juga menepati tema yang dicanangkan oleh kerajaan Malaysia iaitu “pertanian adalah perniagaan”. Responden D juga menghadapi masalah kewangan sebelum ini. Beliau tidak dapat membahagikan perbelanjaan untuk keluarga dan anak-anak kerana tidak ada pekerjaan tetap, selalu keputusan wang dan tidak ada kemahiran. Keadaan beliau digambarkannya seperti berikut:

*Masa itu susah...saya membutuhkan (memerlukan) wang untuk makan anak. Kalo (kalau) mau belanja, cukup-cukup aja (sahaja). Itu pun minta dari keluarga.*

Walaupun begitu, majoriti responden mengatakan mereka merasai perubahan kehidupan yang lebih baik kerana dapat menjana pendapatan untuk menambahkan aset peribadi masing-masing.

### **6.2.3 Rumusan Analisis Impak Kesejahteraan Terhadap Responden Malaysia**

Dapatan kajian ini menunjukkan rata-ratanya responden Malaysia berumur 21 tahun hingga 40 tahun mewakili kelompok responden yang ramai. Jumlah yang tinggi ini menunjukkan mereka berusaha untuk mencari pendapatan sendiri ketika masih ada kekuatan tenaga. Hal ini berkait rapat dengan taraf perkahwinan mereka yang majoritinya berkahwin dan ramai yang mempunyai anak dari satu hingga tiga orang. Bilangan anak mempengaruhi beban kewangan responden kerana sebahagian besar daripada mereka berpendapatan di bawah RM1200 sebulan.

Program mikro kredit yang disertai oleh responden tidak membantu mereka daripada berhadapan dengan masalah kewangan dan kebajikan hidup kerana masih ramai (60 peratus) yang bekerja sampingan dan mengatakan bantuan kewangan yang diterima tidak mencukupi untuk menguruskan perniagaan. Rata-ratanya mereka menerima bantuan di bawah RM3000 dan jumlah ini dianggap kecil pada masa ini jika mengambil kira peningkatan kos sara hidup.

Dalam kajian ini, pemilikan gajet komunikasi menjadi kayu ukur kepada kekerapan perhubungan dan komunikasi yang ditunjukkan oleh pemilikan telefon talian tetap di rumah dengan kos bulanan paling tinggi di antara RM31 hingga RM50 sebulan. Jumlah ini tidak membebankan kerana kebanyakan responden mendapat pendapatan bulanan lebih daripada RM601 sebulan. Peluang bekerja sambilan turut membantu responden mendapat pendapatan tambahan yang mengukuhkan tahap ekonomi mereka. Kuasa berbelanja responden juga tinggi iaitu lebih separuh daripada mereka berbelanja lebih daripada RM900 sebulan. Pendapatan yang tinggi ini merupakan kunci kepada keupayaan berbelanja yang lebih banyak di Malaysia.

Keluarga yang besar memerlukan perbelanjaan yang besar pula. Majoriti responden memperuntukkan lebih daripada RM600 sebulan untuk keluarga mereka berbanding menyimpan wang iaitu kurang daripada RM600. Malahan sebahagian besar hanya dapat menyimpan di bawah RM300 sebulan. Keadaan ini tentu menyulitkan kedudukan kewangan mereka menyebabkan sebahagian besar mengambil keputusan berhutang. Berdasarkan perbelanjaan keluarga yang besar dan jumlah simpanan yang kecil, responden di Malaysia tidak dapat lari daripada berhutang dengan saudara-mara, rakan-rakan, jiran, majikan dan pemberi hutang (ah long).

Dalam menilai bentuk transformasi kehidupan ini, aspek terbesar ialah keupayaan menambah pendapatan responden. Melalui kajian ini, dapat dilihat terdapat pertambahan pendapatan khususnya melibatkan perniagaan yang semakin maju, infrastruktur perniagaan diperbesar, masalah modal perniagaan semakin berkurangan dan peningkatan keuntungan selepas menyertai inisiatif kerajaan seperti Program Transformasi Kedai Runcit (Tukar) di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Aspek psikologi responden turut mendapat momentum apabila mereka lebih ceria dan bersemangat mengusahakan perniagaan masing-masing. Dalam sesetengah keadaan mereka mula mengambil berat perkembangan penduduk sekitar dan inisiatif mengenali kepimpinan setempat seperti pengurus dan ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), imam dan institusi masjid serta tokoh-tokoh masyarakat yang berpengaruh.

Transformasi paradigma pemikiran, sikap dan kemahiran ini ada kaitan dengan keberkesanan kursus sama ada berbentuk latihan jangka pendek atau jangka panjang yang dianjurkan oleh agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan atau pihak swasta. Impak pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi ketika berkursus telah diaplikasi dalam bidang perniagaan yang diceburi. Kursus yang dihadiri ini berbentuk teori dan praktikal yang merangkumi bengkel kemahiran seperti proses membuat kek dan masakan, jahitan, penanaman dan kursus motivasi keusahawanan, kewangan serta pemasaran.

Responden kajian di Malaysia mendapati kursus yang mereka hadiri telah banyak memberi manfaat khususnya teknik dan strategi dalam perniagaan. Malahan mereka berpendapat kombinasi kursus dan perniagaan telah meningkatkan taraf hidup dan

penambahan pendapatan. Aplikasi ilmu pengetahuan secara langsung selepas menghadiri kursus telah membantu membaiki ekonomi diri dan keluarga mereka. Impak ketara yang dapat diperolehi daripada kajian ini ialah responden lebih menghargai kehidupan sedia ada mereka dan lebih positif terhadap hala tuju hidup pada masa hadapan.

Implementasi program pembasmian kemiskinan di Malaysia berhadapan dengan cabaran untuk menyatukan operasi di bawah satu dasar kerana kementerian dan agensi di peringkat persekutuan, negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sering mengadakan program-program intervensi sosial mengikut kepentingan dan keperluan kumpulan sasar mereka sendiri. Terdapat program intervensi sosial dalam pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi kerajaan Malaysia memberi tumpuan kepada aspek-aspek tertentu sebagai elemen pelengkap dalam dasar sosial. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memberi tumpuan kepada penyediaan infrastruktur, Kementerian Pendidikan memberi tumpuan kepada keperluan pendidikan kanak-kanak seperti tadika, sekolah dan institusi pengajian tinggi manakala Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merencanakan program kekeluargaan melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) seperti kursus pascaperkahwinan dan program kaunseling. Amanah Ikhtiar Malaysia turut melaksanakan program pembasmian kemiskinan menggunakan kaedah mikro kredit yang mensasarkan golongan miskin di seluruh negara. Agensi ini tidak terikat dengan mana-mana jabatan atau kementerian kerana asas penubuhannya adalah sebagai agensi pelaksana yang berada di luar kerajaan tetapi mendapat bantuan dan sokongan daripada kerajaan sendiri.

Penglibatan pelbagai sektor untuk menjayakan pembangunan komuniti di Malaysia bertitik tolak daripada inisiatif kerajaan yang melihat masalah sosial adalah

tanggungjawab bersama. Kerajaan boleh menyediakan kemudahan infrastruktur dan dana namun penglibatan sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mempercepat pencapaian dasar sosial ini. Penglibatan NGO amat penting kerana mereka menjadi salah satu ejen perubahan ke atas perubahan sosial masyarakat kerana NGO lebih mendekati dan akrab dengan komuniti khususnya kelompok yang tidak dapat diakses oleh kementerian dan agensi kerajaan. Kaedah yang diguna pakai oleh kerajaan ialah menyediakan dana dan menetapkan objektif seterusnya melancarkan program kepada kumpulan sasar yang dikenal pasti (Zainal Aznam & Deepak, 2008). Peranan NGO ini telah diberi keutamaan dalam *Government Transformational Program (GTP)* melalui penekanan kepada “*community based*”.

Impak pembasmian kemiskinan kepada komuniti di Malaysia melibatkan tiga etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India. Oleh kerana etnik Melayu merupakan kelompok terbesar, komuniti itu telah menerima impak ketara dalam pelaksanaan program pembasmian kemiskinan melalui mikro kredit di semua peringkat. Dasar yang diumumkan oleh kerajaan yang ada kaitan dengan politik, ekonomi atau sosial lebih cenderung untuk memenuhi keperluan etnik ini tanpa meminggirkan etnik-ethnic yang lain. Dalam ucapan Bajet Tahun 2014 pada 25 Oktober 2013 oleh Perdana Menteri Malaysia, Bancian Penduduk dan Perumahan 2010 mengatakan anggaran penduduk tahun 2013 menunjukkan jumlah warganegara Malaysia terdiri daripada etnik Melayu dan Bumiputera iaitu 18.6 juta atau 67.9 peratus, etnik Cina 6.6 juta atau 24 peratus, etnik India dua juta atau 7.2 peratus dan etnik-ethnic yang lain sebanyak 259,000 atau 0.9 peratus. Justeru, jumlah etnik Melayu yang ramai dan dominan di Malaysia memerlukan dasar sosial yang dirancang dan dilaksanakan harus memberi faedah ketara kepada mereka.

Implementasi program pembasmian kemiskinan melalui mikro kredit di Malaysia sama ada dalam bentuk falsafah atau operasi masih menjadi tanggungjawab dan dominasi kerajaan. Dalam erti kata lain, Malaysia masih menggunakan kaedah “*top-down*” menyebabkan kumpulan sasar tidak dapat menjiwai setiap program yang dilaksanakan adalah untuk manfaat dan kebaikan diri mereka. Oleh itu, kumpulan sasar tidak ada kuasa pemilikan terhadap program-program berkenaan manakala impak perubahan dalam hidup mereka juga tidak banyak disebabkan mereka tidak merasai tanggungjawab menjayakan program yang diadakan itu. Kumpulan sasar juga menghadapi masalah dalam memperkasa diri mereka kerana telah terdedah kepada pelbagai bentuk bantuan sejak awal. Realiti kaedah “*top-down*” ini sangat ketara dalam peruntukan yang diberikan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia setiap tahun yang mana jumlahnya semakin bertambah.

Pelaburan sosial dan pelaburan ekonomi yang dilaksanakan dalam intervensi sosial oleh kerajaan Malaysia telah mewujudkan sinergi yang kukuh dan mantap ke arah mewujudkan komuniti sejahtera atau “*caring society*” secara besar-besaran. Pelaburan sosial yang seiring dengan pelaburan ekonomi telah memperkasa kumpulan sasar dengan menggerakkan mereka supaya lebih aktif dalam persatuan yang dibuat secara kolaborasi dengan pertubuhan bukan kerajaan dan pihak swasta. Penekanan terhadap Dasar Ekonomi Baru yang bermatlamatkan pembasmian kemiskinan dan menyusun semula masyarakat telah menggabungjalinkan dasar ekonomi dan dasar sosial biarpun perancangan ekonomi dilihat mendominasi perancangan sosial.

Kesungguhan kerajaan Malaysia ini bertitik tolak daripada iltizam untuk mengagihkan kekayaan sama rata kepada semua etnik khususnya tiga etnik yang besar iaitu Melayu, Cina dan India. Justeru pelaburan dalam bidang pendidikan oleh kerajaan Malaysia dalam bajet tahunan sentiasa meningkat. Kejayaan ini dinyatakan oleh Hammer,

Ijaz Nabi & James (1995) terhadap kajian “*Benefit Incidence Analysis*” iaitu kerajaan Malaysia telah berjaya mengagihkan perbelanjaan negara dalam bidang pendidikan sebagai sebahagian daripada dasar kerajaan dalam menguruskan masyarakat pelbagai etnik. Kajian ini mengesahkan daptan oleh Meerman (1979) yang menerbitkan artikel “*Public expenditure in Malaysia, who benefits and why?*” oleh Bank Dunia. Contohnya pada 2011, jumlah perbelanjaan pendidikan ialah sebanyak 3.8 peratus daripada KDNK atau 16 peratus daripada jumlah perbelanjaan kerajaan. Ia bukan sahaja lebih tinggi daripada purata Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) iaitu 3.4 peratus daripada KDNK dan 8.7 peratus daripada jumlah perbelanjaan awam, malah setara atau lebih tinggi daripada sistem berprestasi tinggi seperti Singapura, Jepun dan Korea Selatan. Pada 2012, kerajaan terus menyediakan peruntukan yang terbesar, iaitu RM36 bilion atau 16 peratus daripada jumlah keseluruhan bajet kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam Bajet 2014, sektor pendidikan mendapat peruntukan RM54.6 bilion atau 21 peratus daripada jumlah keseluruhan peruntukan bajet tahunan untuk melonjakkan pencapaian tahap akademik dan kemahiran yang tinggi (Malaysia, 2013). Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak menyifatkan jumlah ini sebagai komitmen kerajaan Malaysia dalam melonjakkan pendidikan rakyat.

*“Pendidikan adalah segalanya. Sejak zaman bahari, sesebuah ketamadunan bangsa tidak akan kekal lama jika seandainya tidak diakari dan dibajai dengan ilmu dan pengetahuan”.*

#### **6.2.4 Rumusan Analisis Impak Kesejahteraan Terhadap Responden Indonesia**

Impak intervensi sosial di Indonesia melibatkan kelompok etnik yang lebih banyak dan pelbagai. Kumpulan etnik ini terdiri daripada etnik Jawa yang merangkumi 40.6 peratus, Sunda 15 peratus, Madura 2.7 peratus, Betawi 2.4 peratus, Bugis 2.4 peratus, Banjar 1.7 peratus dan lain-lain etnik membentuk 29.9 peratus (Badan Pusat Statistik Indonesia,

2012). Semua etnik ini menjadikan penduduk Indonesia berjumlah 234 juta orang dengan kecenderungan memenuhi keperluan penduduk berdasarkan wilayah dan provinsi.

Dalam kajian ini, pemilikan gajet komunikasi yang dijadikan kayu ukur kepada tahap pendapatan menunjukkan penggunaan talian tetap adalah dominan dan menjadi pilihan. Kelompok yang memilih talian tetap melibatkan mereka yang berpendapatan di antara RM301 hingga RM600 sebulan. Mereka yang tidak memiliki sebarang gajet telefon juga tinggi iaitu mencecah 30 peratus. Oleh kerana pendapatan bulanan yang rendah, kebanyakan responden turut melakukan kerja-kerja sampingan yang dapat membantu menambah pendapatan keluarga.

Walaupun penglibatan dalam persatuan masih kecil, terdapat perubahan hidup bagi responden yang menyertai persatuan-persatuan berkenaan. Perubahan ini banyak berlaku ke atas pemikiran, sikap dan kemahiran seperti pengetahuan dalam perniagaan, berupaya mendapat pekerjaan dengan lebih mudah, meluaskan jaringan sosial, semakin sibuk dengan perniagaan dan berupaya menyekolahkan anak-anak. Selain itu mereka turut merasai keadaan hidup yang lebih senang dan dapat mendekatkan diri pada Tuhan. Kursus yang dihadiri adalah kraftangan, memasak, menjahit, kemahiran muzik, pertanian (penanaman kelapa sawit), kursus kecantikan dan motivasi keusahawanan.

Berdasarkan kajian soal selidik, responden di Indonesia tidak banyak didedahkan dengan kursus atau latihan bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Antara faktor yang menyebabkan keadaan ini ialah keadaan responden sendiri yang bersikap negatif terhadap kursus atau latihan di samping kurang promosi daripada kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan. Alasan yang diberi oleh responden banyak menjurus kepada sikap mereka sendiri seperti tidak ada masa, tidak penting, buang masa, tidak menguntungkan, tidak nampak

perubahan hidup, tidak perlu kerana lebih baik bekerja, tidak nampak manfaat dan tidak suka berkursus. Melalui dapatan ini juga, dapat dilihat responden menjauhkan diri terhadap usaha-usaha meningkatkan pengetahuan dalam pembangunan diri dan perubahan minda. Dalam erti kata lain, transformasi paradigma pemikiran, sikap dan kemahiran tidak banyak berlaku melalui kursus atau latihan kerana mereka perlu diberi kefahaman tentang keperluan, kepentingan dan faedah menyertai kursus dalam pelbagai bidang terlebih dahulu. Walau bagaimanapun mereka amat positif terhadap kursus yang berkaitan perniagaan kerana merasai sendiri bahawa terdapat perubahan dalam ekonomi keluarga dan membantu mengeluarkan mereka daripada sangkar kemiskinan.

Bidang pendidikan merupakan salah satu aspek yang diberi perhatian oleh kerajaan Indonesia. Kepentingan ini ditunjukkan oleh peruntukan kerajaan kepada Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia secara puratanya adalah 22.2 peratus setiap tahun meningkat dari Rp23.1 trilion pada 2005 kepada Rp84.9 trilion pada 2009 dan pada tahun 2012 dianggarkan sebanyak Rp103.6 trilion. Peruntukan yang besar ini merupakan komitmen kerajaan Indonesia bagi memastikan golongan miskin menerima bahagian mereka untuk membawa mereka keluar daripada kemiskinan (Gek Sintha Mas Jasmin Wika, 2013).

### **6.3 FAKTOR-FAKTOR YANG MENGHALANG KEJAYAAN PELAKSANAAN INTERVENSI SOSIAL DI MALAYSIA DAN INDONESIA**

Lapan indikator yang menjadi teras Model Piawaian Pembangunan Sosial dalam kajian ini telah dianalisis melalui dapatan kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kegagalan dalam pembasmian kemiskinan ke arah membentuk sebuah masyarakat sejahtera secara *total* disebabkan oleh kedua-dua pelaburan sosial dan pelaburan ekonomi. Hasil kajian merumuskan empat faktor yang menyebabkan

pembangunan komuniti di Malaysia dan Indonesia tidak berjaya dilakukan secara *total*.

Faktor pertama adalah jaringan sosial. Hasil kajian mendapati responden meremehkan pembentukan jaringan sosial sedangkan mereka terlibat dalam perniagaan yang memerlukan corak komunikasi dan hubungan yang lebih luas dan aktif. Penglibatan responden yang sangat lemah dalam memperkasa jaringan sosial khususnya dalam komuniti setempat merupakan manifestasi sifat kurang berusaha untuk mempelbagaikan mekanisme peluasan jaringan sosial masing-masing. Ia menunjukkan responden kurang yakin terhadap peranan jaringan sosial ini bagi menambah bilangan pelanggan sedia ada. Dapatan kualitatif adalah selari dengan dapatan kuantitatif iaitu 66 peratus responden di Malaysia dan 74 peratus responden di Indonesia yang tidak melibatkan diri dalam persatuan sama ada persatuan yang berkaitan perniagaan ataupun melibatkan komuniti.

Faktor kedua adalah penyertaan komuniti. Hasil kajian mendapati penggerak utama komuniti adalah agensi kerajaan. Responden di Malaysia dan Indonesia merumuskan bahawa kerajaan negara masing-masing telah memulakan inisiatif melibatkan mereka dalam aktiviti yang dirancang. Penglibatan pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan masih minimum dalam tujuan ini. Membiar hanya agensi kerajaan yang merancang aktiviti dan mengharapkan responden mengambil bahagian merupakan langkah reaktif yang tidak membantu dalam langkah seterusnya iaitu pembangunan komuniti. Dapatan dalam kajian ini menunjukkan tidak wujud penglibatan dalam membuat perancangan, pelaksanaan, mengambil bahagian dalam perbincangan atau mesyuarat, tidak ada ruang untuk menyampaikan pandangan atau idea dan pandangan atau idea yang disampaikan oleh mereka tidak melalui saluran yang betul kepada pihak kerajaan.

Pembangunan komuniti adalah faktor penghalang yang ketiga dalam membasmikan kemiskinan. Dapatan kajian tidak melihat peranan komuniti sebagai katalis untuk membangunkan komuniti sebaliknya responden berusaha sendiri mencari pelanggan, membuat pemasaran dan menguruskan keperluan hidup. Peranan komuniti yang sepatutnya bertindak sebagai “*feeder*” kepada memenuhi keperluan komuniti diambil alih oleh agensi kerajaan dan sebahagian kecil oleh pertubuhan bukan kerajaan. Hal ini terserlah di Malaysia yang masih mengharapkan penglibatan kerajaan dalam proses transformasi hidup mereka. Indonesia juga menghadapi situasi yang sama dalam proses ini.

Faktor keempat adalah peluang pekerjaan. Oleh kerana komuniti tidak menyediakan peluang pekerjaan ini, kerajaan bertindak masuk campur dengan membuka peluang perniagaan melalui bantuan kewangan, kemahiran dan teknikal. Komuniti gagal menyediakan peluang pekerjaan disebabkan demografi penduduk yang berubah-ubah akibat perbandaran dan migrasi penduduk dari luar bandar ke bandar. Corak begini menyebabkan ikatan sosial sesama penduduk semakin longgar dan menyukarkan pemimpin tempatan mengenal pasti dengan tepat kelompok yang wajar diberi bantuan. Oleh kerana agensi kerajaan mempunyai struktur dan mekanisme untuk mengenal pasti kelompok sasar, peranan kerajaan lebih berkesan dalam penyediaan pekerjaan.

Faktor-faktor lain dalam Modal Piawaian Pembangunan Sosial dilihat memberi sumbangan kepada kejayaan pembasmian kemiskinan. Modal insan, peluang perniagaan, peluang pembiayaan dan pembinaan aset telah diberi tumpuan dalam pembasmian kemiskinan di kedua-dua negara. Berdasarkan dapatan kajian ini, ternyata, intervensi sosial melalui program pembasmian kemiskinan lebih cenderung kepada pelaburan ekonomi, sebaliknya masih mengabaikan pelaburan sosial yang sepatutnya diperkasakan.

Kegagalan memberi keutamaan kepada pelaburan sosial ini mengulangi teori-teori lain sebelum ini yang menjadikan ekonomi sebagai “*tool*” untuk pembasmian kemiskinan.

#### **6.4 IMPLEMENTASI INTERVENSI SOSIAL PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN YANG EFEKTIF**

Kedua-dua kerajaan, Malaysia dan Indonesia, telah memperkenalkan program pembasmian kemiskinan mikro kredit yang sangat baik untuk membantu golongan miskin keluar daripada lingkaran kemiskinan yang dihadapi. Walaupun kedua-dua negara ini menggunakan pakai definisi kemiskinan yang berbeza, namun konsep kemiskinan yang berkait dengan pendapatan garis kemiskinan dapat diterima sebagai sebahagian daripada usaha mengenal pasti golongan miskin seterusnya membawa keluar kelompok miskin ini daripada keadaan hidup sedia ada kepada keadaan hidup yang lebih baik. Justeru, biarpun peluang sosial dan peluang ekonomi yang menjadi tunjang kepada model kajian ini telah dipenuhi, terdapat aspek lain yang perlu menyokong kedua-dua tunjang ini untuk memastikan matlamat pembasmian kemiskinan secara total dapat dicapai. Dua faktor telah dikenal pasti sebagai pendorong kepada kejayaan ini iaitu pemerkasaan dan penyertaan aktif. Kajian ini mendapati kolaboratif kedua-dua faktor ini berupaya menyumbang kepada kesejahteraan komuniti secara *total* sama ada di Malaysia atau Indonesia.

Dalam faktor pertama pendorong kejayaan, pemerkasaan adalah ciri penting yang menjadi tujuan kepada pelaburan sosial. Aspek modal insan, jaringan sosial, penyertaan komuniti dan pembangunan komuniti perlu disokong oleh pelbagai bentuk pemerkasaan dalam setiap aspek ini. Maksudnya adalah, ciri-ciri pemerkasaan perlu ada dalam aspek modal insan yang merangkumi pertambahan ilmu, perubahan sikap dan peningkatan kemahiran golongan yang terlibat. Pemerkasaan dalam jaringan sosial berkaitan dengan galakan yang diberikan kepada golongan itu tentang bagaimana mereka boleh membina

jaringan komunikasi yang dapat memanfaatkan taraf hidup. Pemerksaan dalam penyertaan komuniti adalah usaha-usaha untuk menggalakkan mereka hadir dalam perancangan program, memberi pendapat dan terlibat dalam mengenal pasti keperluan hidup mereka sendiri. Manakala pemerksaan dalam pembangunan komuniti merangkumi pengagihan perkhidmatan asas, tambah baik tadbir urus pihak berkuasa tempatan, tambah baik tadbir urus kerajaan persekutuan, pembangunan pasaran yang pro atau memihak kepada golongan miskin dan akses golongan miskin kepada keadilan (Narayan, 2002). Pemerksaan dalam pembangunan komuniti meletakkan komuniti sasar sebagai pusat tumpuan dan sumber yang sangat penting berbanding masalah-masalah yang dihadapi.

Dalam kajian ke atas pemerksaan peserta wanita dalam program mikro kredit, Awojobi (2013), Taha (2012) dan Mayoux (1999) merumuskan mikro kredit telah memperkasa peserta wanita. Mereka mengatakan bahawa selepas enam bulan mendapat akses kepada pinjaman, peserta wanita mula membuat simpanan kewangan. Pinjaman digunakan untuk menyokong perniagaan yang diusahakan dan dapat meningkatkan keuntungan. Simpanan dan keuntungan ini dilihat memperkasa kedudukan ekonomi dan mengembangkan perniagaan. Seterusnya digunakan untuk pendidikan anak-anak di samping meningkatkan kualiti kesihatan isi rumah. Secara tidak langsung, pemerksaan dapat mewujudkan kesejahteraan keluarga. Kajian tahun 2014 oleh Awojobi berkaitan pemerksaan wanita di Nigera mengatakan wanita yang terlibat dalam program mikro kredit telah menunjukkan hubungan yang signifikan dalam meningkatkan kesejahteraan keluarga selepas kedudukan ekonomi dan sosial mereka diperkasakan.

Secara umum pemerksaan dilihat sebagai kunci kepada kehidupan yang berkualiti, meningkatkan harga diri, tadbir urus yang baik, cenderung menyokong pertumbuhan, meningkatkan kecekapan program dan menambah baik penyampaian

perkhidmatan. Faktor pemerkasaan bererti memberi tumpuan ke atas isu-isu kemiskinan. Seperti yang diutarakan oleh responden A, B, D dan E dalam kajian ini, kemiskinan menjadi punca kepada keazaman mereka untuk keluar daripada kehidupan yang miskin. Intervensi sosial yang dilakukan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia dan PNPM Mandiri telah berjaya memberi harapan kepada mereka untuk melangkah ke dunia baru kehidupan yang lebih baik.

Namun begitu, mereka tidak dapat merasai kesejahteraan hidup kerana menghadapi halangan dalam meningkatkan kemahiran hubungan sosial dan kemahiran perniagaan. Halangan hubungan sosial adalah seperti penglibatan dalam masyarakat melalui pembangunan komuniti. Inisiatif seperti aktiviti kejiran dan persatuan penduduk tidak diberi tumpuan oleh mereka. Hal ini kerana aktiviti seperti ini selalunya melibatkan kerjasama pihak berkuasa tempatan untuk meningkatkan keadaan sosial, fizikal dan persekitaran ekonomi komuniti supaya komuniti dapat mengawal masalah-masalah yang mereka hadapi bersama-sama. Kajian ini tidak dapat melihat penglibatan responden yang aktif dalam memperkasa komuniti mereka sendiri sebaliknya lebih memberi tumpuan ke arah usaha-usaha menambah pendapatan melalui perniagaan yang dijalankan. Responden A, B dan C dari Malaysia berpandangan begitu kerana pengalaman hidup yang sukar menjadikan mereka memberi tumpuan kepada perniagaan. Responden C misalnya mula menjalankan urusan perniagaan dari pukul sepuluh pagi hingga sepuluh malam. Dia tidak bermula tepat pada pukul sepuluh pagi sebaliknya bermula seawal pukul lapan pagi apabila perlu membeli barang keperluan memasak. Jadi, responden C tidak ada masa terluang untuk menyertai aktiviti sosial dalam komuniti setempat. Begitu juga dengan responden E dari Indonesia yang memberi tumpuan kepada perniagaannya disebabkan keadaan hidup yang sukar. Ditambah lagi dengan sikapnya yang tidak banyak bercakap, agensi pembiaya sukar mendapatkan lebih banyak maklumat perniagaan yang diusahakan.

Aspek pemerkasaan kemahiran-kemahiran baru kurang diberi tumpuan kepada golongan sasar dalam kajian ini. Walaupun kedua-dua responden dari Malaysia dan Indonesia mempunyai tahap pendidikan asas sekolah menengah yang lebih ramai, peluang ini tidak digunakan sepenuhnya oleh agensi pelaksana untuk memperkasa kemahiran-kemahiran sedia ada supaya mereka dapat meneroka pasaran baru yang dapat memberikan pendapatan lebih besar. Hal ini dapat dilihat apabila masih ramai yang melakukan kerja sampingan untuk kelangsungan kehidupan mereka. Biarpun responden dari Malaysia lebih positif terhadap kursus dan latihan yang dianjurkan, ia mengambil masa kerana perubahan tingkah laku tidak berlaku dalam tempoh yang singkat. Pengendalian kursus dan latihan wajar dilaksanakan secara berterusan supaya komuniti miskin dapat memahami dan menjawai ilmu yang diperolehi seterusnya bersedia membuat perubahan tingkah laku mereka.

Dapatan kajian juga memperlihatkan responden sangat kurang membuat simpanan kewangan di sebalik menjalankan perniagaan masing-masing. Tahap simpanan yang rendah menunjukkan responden kurang kesedaran untuk menguruskan pendapatan yang diperolehi. Majoriti responden membuat simpanan bulanan di bawah RM300 sebulan biarpun ada yang mampu menyimpan sehingga RM600 sebulan. Justeru tidak hairanlah mereka mempunyai tabiat berhutang apabila lebih separuh daripada responden menunjukkan pengalaman berhutang. Jumlah simpanan yang rendah memberi kesan kepada peruntukan pendidikan anak-anak yang masih bersekolah, kualiti kesihatan tidak dapat ditingkatkan dan maklumat tidak dapat disalurkan dengan pantas.

Pendidikan memerlukan sejumlah kewangan untuk mencapai tahap keselesaan yang minimum seperti memiliki pakaian ke sekolah, mendapat makanan yang cukup ketika belajar dan membayar yuran persekolahan. Begitu juga kualiti kesihatan iaitu

golongan miskin yang tidak cukup simpanan lebih cenderung mendapatkan rawatan di hospital dan klinik kerajaan. Malah di Indonesia, golongan miskin mendapatkan rawatan daripada dukun atau bomoh. Rawatan kesihatan yang kurang berkualiti memberi kesan kepada kualiti hidup golongan miskin ini. Bayaran bil bulanan telefon juga mencerminkan keaktifan golongan miskin berkomunikasi dalam ruang hidup sosial mereka. Majoriti responden membayar bil telefon di bawah RM50 sebulan. Hal ini tidak banyak membantu mereka mendapat akses yang lebih banyak melalui media sosial yang menjadi keutamaan sebaran maklumat hari ini berbanding televisyen, radio atau surat khabar.

Dalam usaha untuk memperkasa komuniti miskin, mereka perlu mendapat akses kepada maklumat kerana komuniti yang terdedah kepada maklumat berupaya mendapat kelebihan daripada peluang-peluang yang disediakan khususnya melalui media baharu dan laman sesawang. Apabila maklumat dapat diakses dengan pantas, golongan miskin dapat memiliki rasa tanggungjawab terhadap apa yang mereka dapat, mewujudkan keinginan mendapatkan kuasa dan autonomi, melancarkan peralihan kuasa kepada mereka dan akhirnya menimbulkan rasa bangga dalam komuniti itu. Justeru, golongan miskin perlu bekerjasama untuk menggerakkan sumber dan menyelesaikan masalah secara kolektif kerana mereka wajar dilihat sebagai rakan pengeluar dalam pembasmian kemiskinan yang mempunyai bidang kawalan tertentu terhadap sumber-sumber yang mereka ada (Bebbington, Lewis, Batterbury, Olson & Siddiqi, 2007).

Dalam faktor kedua pendorong kejayaan, penyertaan aktif adalah ciri penting yang menjadi tujuan kepada pelaburan ekonomi. Aspek peluang pekerjaan, peluang perniagaan, peluang pinjaman dan pembinaan aset mesti melibatkan penyertaan aktif golongan miskin. Penyertaan aktif merupakan perkara penting dalam projek pembangunan berskala kecil untuk masyarakat miskin sama ada di bandar atau luar bandar (Brett, 2003).

Hal ini kerana membantu komuniti miskin melibatkan diri dalam projek-projek pembangunan dapat mengatasi banyak kekangan birokrasi dalam sektor awam di negara membangun yang kadangkala tidak berupaya menyediakan perkhidmatan dan infrastruktur ke kawasan luar bandar (Meshack, 2004).

Justeru, penyertaan aktif ini dapat menyediakan sumber kepada golongan miskin untuk mendapatkan program pembangunan yang lebih baik. Keadaan ini dapat mengurangkan jurang antara kerajaan dan komuniti. Penyertaan aktif dalam projek pembangunan adalah kaedah terkuat dalam amalan pemerkasaan. Ia dapat membina keupayaan komuniti untuk membuat keputusan yang rasional dan mengambil input yang memberi faedah kepada pelbagai bentuk kerjasama. Terdapat tiga jenis penyertaan aktif iaitu penyertaan implementasi, penyertaan konsultatif dan penyertaan substantif (Meshack, 2004).

Penyertaan implementasi adalah pendekatan atas-bawah “*top-down*” yang merupakan bentuk penyertaan paling lemah. Kelemahan ini disebabkan keputusan dibuat oleh pihak berkuasa dan pelaksanaannya dilakukan oleh komuniti. Penyertaan konsultatif adalah penglibatan dalam membuat keputusan dikongsi bersama antara pemegang taruh atau *stakeholders*. Penglibatan dalam perundingan dan kerjasama antara pemegang taruh sangat ketara. Penyertaan substantif pula merujuk kepada satu proses keseluruhan dalam membuat keputusan yang dikawal oleh penerima manfaat (*beneficiaries*). Kaedah ini merupakan penyertaan paling aktif kerana komuniti melibatkan diri sepenuhnya dalam projek pembangunan.

Terdapat keseimbangan antara kejayaan dan kegagalan penyertaan aktif yang bermula dalam komuniti miskin dengan sedikit input daripada pihak luar. Agensi kerajaan

boleh menjangkakan sumbangan komuniti tidak dapat memberi hasil yang diharapkan dan mereka perlu menguasai keseluruhan projek berkenaan. Penyertaan dalam projek intervensi sosial perlukan pemegang taruh dari luar tetapi komuniti wajar diberi peluang menguruskan projek tersebut. Dalam kajian ini, agensi kerajaan berperanan aktif menggerakkan komuniti miskin di Malaysia dan Indonesia.

Di Malaysia, separuh daripada penggerak komuniti miskin ini datangnya dari kerajaan sendiri seperti menyediakan dana, mencari peserta, menguruskan latihan dan membuat pemantauan. Keberkesanan agensi kerajaan amat ketara apabila golongan miskin merasai perubahan hidup yang positif berbanding sebelum menyertai program pembasmian kemiskinan. Kesungguhan Amanah Ikhtiar Malaysia menganjurkan pelbagai kursus membawa hasil yang memberangsangkan. Penyertaan aktif dalam kursus (57.3 peratus) telah memberi kesedaran kepada mereka untuk melibatkan diri dalam perniagaan bagi meningkatkan taraf hidup.

Keadaannya amat berbeza dengan golongan miskin di Indonesia. Walaupun kerajaan mengambil inisiatif menggerakkan program pembasmian kemiskinan, menyediakan dana pinjaman perniagaan dan peluang peningkatan aset, golongan miskin kurang merasai perubahan hidup yang diinginkan. Dua per tiga responden merasakan hidup mereka tidak ada perubahan yang ketara. Hal ini dapat dilihat daripada penyertaan mereka terhadap kursus yang sangat rendah iaitu kurang daripada 20 peratus, justeru tidak banyak perubahan selepas kursus. Apabila penyertaan aktif dalam kursus dan latihan yang dianjurkan tidak diberi tumpuan, golongan miskin di Indonesia tidak melihat peranan kursus sebagai penting.

Komuniti miskin dan pelaksana program pembasmian kemiskinan mendapat faedah yang terbaik daripada penyertaan konsultatif dengan penglibatan minimum elemen-elemen penyertaan substantif. Dalam kaedah ini, pelaksana program dapat mengawal proses pembangunan manakala komuniti miskin dapat merasai hak berpunya apabila suara mereka diberi perhatian dalam merencana, mengurus, menyelia dan membuat penilaian. Hal ini kerana penyertaan aktif komuniti dalam program pembasmian kemiskinan merupakan aspek utama dalam pemerkasaan. Komuniti yang dilatih dan diurus dengan profesional dapat melaksanakan program pembangunan dengan lebih cekap (Meshack, 2004).

Kerajaan Indonesia terlibat secara langsung dalam pembasmian kemiskinan melalui kaedah pembangunan komuniti. Kerajaan memilih pendekatan pembangunan komuniti melalui penyertaan aktif yang bermula apabila pendekatan tradisi “*top-down*” gagal dalam menguruskan projek pembangunan (Brett, 2003). Pendekatan “*top-down*” ini mendedahkan golongan miskin kepada pendapatan yang rendah dan eksloitasi pasaran kerana Indonesia memiliki sumber tenaga manusia yang ramai. Sebaliknya pendekatan penyertaan aktif dalam pembangunan komuniti cuba menyekat situasi ini dengan cara meletakkan keutamaan kepada perkhidmatan berasaskan permintaan (*demand driven services*). Dalam hal ini, penyertaan aktif komuniti miskin adalah melalui perkhidmatan yang memenuhi keperluan mereka. Pendekatan penyertaan aktif dalam kerja-kerja pembangunan sangat berkesan dalam skala kecil. Bagaimanapun pendekatan ini terbantut oleh peranan agensi luar dan jabatan-jabatan kerajaan. Berdasarkan kepada penemuan kajian ini, amalan terbaik dalam menjayakan sesuatu program pembasmian ialah membangunkan keupayaan golongan miskin untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan. Dalam hal ini, kelompok sasar menjadi pusat tumpuan dan secara berterusan mewujudkan hubungan dengan komuniti.

Pemerkasaan bersifat jangka masa panjang, jadi, proses pemerkasaan perlukan keberanian agensi kerajaan untuk memberikan hak komuniti miskin menyuarakan pandangan mereka. Pandangan mereka wajar diberi perhatian serius kerana kaedah terbaik untuk meningkatkan keupayaan komuniti adalah melibatkan mereka dalam proses pembangunan dan memberikan kawalan terhadap sumber. Pada masa yang sama setiap ahli komuniti perlu dikenal pasti untuk diangkat sebagai pemimpin. Peringkat awal proses ini, komuniti wajar diingatkan supaya mengambil berat penglibatan mereka supaya semangat dan keinginan mengubah hidup sentiasa dapat dinilai dari semasa ke semasa.

Untuk sesuatu program intervensi sosial membawa hasil dan mencapai kejayaan, program berkenaan perlu dimulai oleh komuniti. Dalam kaedah ini, komuniti miskin merasai hak berpunya terhadap program yang dijalankan yang mana akhirnya akan menarik penyertaan yang lebih tinggi. Jika taklimat yang diberi mencukupi, ia dapat mengekalkan minat dalam penyertaan komuniti, akhirnya komuniti sendiri yang akan menguruskannya sehingga mencapai kejayaan. Penyertaan aktif akan menjadi lebih bermakna jika projek pembasmian kemiskinan dapat menyediakan pendapatan dan peluang pekerjaan. Justeru urusan kerja yang melibatkan infrastruktur dilaksanakan oleh komuniti sendiri. Komuniti juga wajar diberi peruntukan projek. Cara ini dapat membantu mereka lebih bersemangat menyiapkan projek.

Projek penyertaan aktif juga perlukan sokongan politik kerana komuniti tidak boleh dipinggirkan. Kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan atau kerajaan persekutuan wajar membuat pelaburan dalam pembangunan. Hal ini adalah kerana semua projek yang dilaksanakan akan dikembalikan kepada komuniti. Kerajaan wajar menimbang untuk tidak mengawal pelaksanaan projek kerana kebiasaannya projek komuniti yang dikawal akan menghasilkan kesan negatif. Pengenalpastian keperluan hendaklah dilakukan oleh

komuniti sendiri yang berbincang secara kolektif, mendapat input daripada pihak luar dan sedikit demi sedikit membina rasa berpunya terhadap konsep pembangunan yang dijalankan.

Kajian ini juga menemui banyak halangan dalam pemerkasaan dan penyertaan aktif komuniti miskin melalui pembiayaan mikro kredit. Walau bagaimanapun, kehidupan komuniti miskin boleh diubah menerusi gabungan usaha semua pihak bagi menjayakan pembangunan komuniti ini. Agensi yang bertanggungjawab menjayakan program pembangunan perlu menukar kaedah berfikir jika mereka mahu mencapai matlamat pemerkasaan dan penyertaan aktif. Kepentingan kajian ini sangat relevan apabila melihat kepada situasi yang wujud di kebanyakan kawasan luar bandar. Justeru, memperkasa golongan miskin adalah isu penting dalam kedua-dua negara. Pemerkasaan dalam proses pembangunan komuniti telah terbukti sebagai cara mengawal sumber yang memberi kesan langsung ke atas kehidupan mereka. Melalui kawalan terhadap sumber dan memiliki suara dalam proses pembangunan, golongan miskin dapat meningkatkan keupayaan diri mereka untuk keluar daripada lingkaran kehidupan miskin.

## BAB 7

### KESIMPULAN

#### 7.1 PENDAHULUAN

Kajian ini bertujuan melihat perbandingan implementasi intervensi sosial melalui pembasmian kemiskinan dan impak terhadap komuniti di Melaka, Malaysia dan Riau, Indonesia. Dua kaedah pengumpulan data telah digunakan dalam kajian ini iaitu kaedah tinjauan (*survey*) dan kajian kes. Kaedah tinjauan menggunakan soal selidik sebagai alat ukur untuk mengumpul data kuantitatif yang berkaitan dengan implementasi program pembasmian kemiskinan dalam skim mikro kredit. Seramai 900 responden yang terdiri daripada usahawan yang terlibat dalam perniagaan yang dikelompokkan dalam kumpulan miskin. Bagi kajian kes, kajian ini menggunakan teknik temu bual dan analisis dokumen yang telah dijalankan untuk menjelaskan isu dan perkara yang tidak dapat diperolehi melalui soal selidik.

Dapatan-dapatan yang diperolehi telah diringkaskan seperti berikut. Malaysia dan Indonesia menggunakan pendekatan intervensi sosial yang sama dalam pembasmian kemiskinan tetapi pelaksanaannya berbeza. Pendekatan yang terdapat dalam dasar sosial iaitu derma sosial, institusi, agihan semula, kritikal dan pembangunan sosial menjadi pilihan untuk penyampaian intervensi sosial kepada komuniti namun terdapat kombinasi pendekatan yang diguna pakai. Kedua-dua negara telah mengguna pakai pendekatan agihan kebijakan semula iaitu saluran keperluan sosial individu dan keluarga yang dipenuhi melalui pekerjaan, menggabungkan modal manusia dan modal ekonomi serta mengintegrasikan kebijakan sosial dengan komuniti untuk memenuhi keperluan hidup.

Namun begitu, dalam pelaksanaan pendekatan-pendekatan ini, kedua-dua negara sedang melaksanakan model pembangunan sosial yang memberi tumpuan kepada pelaburan sosial dan pelaburan ekonomi. Pelaburan sosial ialah pelaburan yang dapat memberi pulangan ekonomi manakala pelaburan ekonomi ialah pertumbuhan ekonomi memberi impak kepada kesejahteraan hidup seterusnya mewujudkan kolaborasi sosioekonomi. Kedua-dua kerajaan Malaysia dan Indonesia telah membentuk organisasi di peringkat tertinggi dengan matlamat meningkatkan kebajikan masyarakat melalui penyertaan dalam aktiviti ekonomi yang aktif. Hal ini ditunjukkan dengan kenyataan bahawa kerajaan yang menggerakkan komuniti setempat melalui pelbagai agensi.

Peranan kursus yang dianjurkan oleh agensi pembiaya telah berupaya membantu responden mengubah persepsi terhadap kehidupan seperti peningkatan taraf hidup dan kesedaran terhadap pendidikan anak-anak. Oleh kerana pembangunan sosial menjadikan insan sebagai fokus perubahan, kajian ini mendapat kumpulan sasar telah mendapat pendidikan formal sehingga ke universiti. Disebabkan mempunyai tahap pendidikan yang baik, mereka dapat melakukan pekerjaan sebagai usahawan yang sanggup berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Impak terhadap pemikiran ialah mereka melihat aktiviti persatuan sebagai penting dan perlu diikuti. Program kursus dalam jangka masa pendek dan panjang memberi input baru kepada responden untuk membina persepsi positif terhadap kehidupan yang dilalui. Walaupun responden di Malaysia memberi reaksi positif kepada kursus-kursus yang dianjurkan, keadaannya berbeza dengan responden di Indonesia. Mereka didapati kurang memberi perhatian kepada menghadirkan diri dalam kursus-kursus yang dianjurkan kerana pelbagai sebab seperti membuang masa atau merasai bekerja lebih penting daripada berkursus.

## **7.2 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN PROGAM PEMBASMIAN KEMISKINAN DI MALAYSIA DAN INDONESIA**

Pembangunan sosial merupakan sebahagian daripada komponen penting pembangunan negara. Pembangunan sosial wajar diberi perhatian utama oleh kerajaan Malaysia dan Indonesia memandangkan sumbangannya kepada pembangunan negara kerana berupaya menyemai nilai-nilai positif ke arah pembangunan masyarakat sejahtera, semangat berdikari dan cinta kepada negara. Hal ini juga menyumbang ke arah pembentukan satu masyarakat penyayang. Intervensi sosial yang berkesan mampu mengembangkan dan meningkatkan kemampuan dan keupayaan individu, keluarga, masyarakat dan negara dalam konteks pembangunan sosial, mencegah berlakunya masalah sosial, memulihkan mangsa akibat pergolakan sosial dan memberi perkhidmatan sokongan kepada pertubuhan bukan kerajaan atau sukarela bagi mencapai kesejahteraan hidup.

Konsep kebijakan masyarakat yang bersifat tradisional wajar diubah kepada memperkasa kelompok sasar melalui perkhidmatan latihan, program kemahiran dan pembinaan jati diri melalui aktiviti ekonomi yang dapat menjana pendapatan sendiri. Minda penerima bantuan khususnya masyarakat Melayu boleh diubah melalui pendidikan dalam jangka masa panjang. Sistem pendidikan sedia ada harus memberi penekanan kepada usaha sendiri berbanding meletakkan semua urusan hidup kepada kerajaan. Sistem pendidikan seperti ini dapat meringankan beban yang ditanggung oleh pelbagai agensi dan institusi seterusnya mewujudkan masyarakat berdikari di semua peringkat masyarakat. Pelaksanaan intervensi sosial pada masa hadapan wajar mengambil kira kemungkinan-kemungkinan ketakseimbangan dalam banyak aspek yang menjelaskan pembahagian sosial dalam komuniti. Justeru, sementelahan memberi ruang kepada mencari kesan-kesan ke atas individu dan keluarga, adalah wajar melihat kepada konteks dasar yang lebih luas dan bagaimana kerajaan memberi respons kepada isu-isu ini. Peranan media dan kumpulan

pendesak mungkin boleh dipertimbangkan.

Midgley (1997) menyifatkan pelaburan sosial melalui pembangunan sosial telah memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah yang kerap kali dikaitkan dengan kemiskinan, perampasan dan pengabaian. Pelaburan dalam modal insan dapat mengukuhkan jaringan sosial, penglibatan masyarakat awam dan mempromosi kesepadan khususnya pembangunan ekonomi. Putnam (1995) pula merujuk Italy sebagai sebahagian daripada kejayaan kesepadan sosial apabila penglibatan masyarakat awam yang meluas telah menguatkan pembangunan ekonomi. Beliau merumuskan bahawa program-program sosial yang menggalakkan penglibatan komuniti menyumbang kepada pembangunan ekonomi masyarakat setempat. Model pembangunan sosial yang menjadi asas dalam kajian ini meletakkan individu dan komuniti sebagai penggerak pembangunan sosial dan ekonomi.

Bagi merancakkan pembangunan sosial dalam komuniti, aspek perniagaan tempatan, peluang pekerjaan, perniagaan dan pinjaman serta pembinaan aset usahawan perlu diberi perhatian. Dalam erti kata lain, penyedia perkhidmatan (iaitu kerajaan) wajar menyediakan projek-projek yang ada kaitan langsung dengan pembangunan ekonomi. Hal ini melibatkan pencetusan modal sosial dengan hala tuju ke arah aktiviti-aktiviti yang produktif. Kerajaan boleh bekerjasama dengan perancang dan pakar rujuk pembangunan ekonomi untuk mewujudkan peluang perniagaan baru melalui sokongan usahawan-usahawan tempatan, pembinaan jaringan sosial yang mantap dan menarik minat pelabur luar untuk datang melabur bagi memajukan ekonomi setempat.

Komitmen kerajaan Malaysia untuk mencapai Wawasan 2020 iaitu menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 diaplikasikan melalui Program Transformasi Kerajaan

(*Government Transformation Program*) dan Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Program*) seiring dengan prinsip *1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*. Pelan strategik hala tuju ini memperincikan pelbagai objektif, keberhasilan dan set tindakan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Result Areas*) dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (*Ministerial Key Result Areas*). Unit Perancang Ekonomi (EPU) turut berperanan membangunkan pelan strategik ini. Bidang Keberhasilan Utama tersebut diukur menggunakan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Index*) sebagai komitmen untuk merealisasikan strategi-strategi ini. GTP yang sedang memasuki Fasa 3 (2015-2020) merupakan tempoh kritikal untuk Malaysia yang bakal meraih kemakmuran ekonomi dan pembangunan sosial yang lebih baik. Kelompok miskin di bandar dan luar bandar sudah pasti perlu meningkatkan kualiti kehidupan mereka secara menyeluruh. Melalui usahasama yang berterusan ini, rakyat Malaysia sudah pasti akan berjaya membina sebuah ekonomi yang progresif, sebuah masyarakat yang bersepdu dan bersatu hati ke arah sebuah negara yang sejahtera.

Kerajaan Malaysia juga berusaha memenuhi keperluan semua etnik daripada kumpulan sasar supaya selari dengan dasar semua kaum mendapat faedah sama rata. Justeru, sistem pendidikan tidak mendiskriminasi kanak-kanak untuk memilih sekolah yang mereka mahu belajar. Dalam dapatan kajian ini dapat dilihat pertambahan pendapatan keluarga responden selepas inisiatif daripada kerajaan dan insitusi-institusi yang terlibat. Kerajaan Indonesia juga memberi layanan sama adil kepada semua kaum namun persepsi negatif terhadap kursus wajar diubah supaya dapat memanfaatkan ilmu pengetahuan dan pengalaman. Penerangan dan galakan menyertai kursus jangka masa pendek atau panjang dapat membantu responden memahami kepentingan kursus berkenaan.

Pembangunan dan kemajuan Indonesia antara tahun 1970 hingga 1996 merupakan tempoh yang sangat menakjubkan di dunia. Kemiskinan tegar menyusut sehingga 50 peratus namun sistem perlindungan sosial masih tidak menunjukkan perubahan yang agresif. Inisiatif mewujudkan program jaringan sosial untuk memberi kemudahan kepada kelompok miskin melalui pelbagai strategi dapat mengurangkan ketirisan bantuan kepada kumpulan sasar. Pemerkasaan komuniti khususnya kelompok miskin di negara itu dapat dilihat melalui tiga strategi rencana pembangunan. Pertama, Rencana Pembangunan Jangka Panjang Nasional (RPJPN, 2005-2025), kedua, Rencana Pembangunan Jangka Menengah Nasional (RPJMN, 2010-2014) dan ketiga, Masterplan Percepatan dan Perluasan Pembangunan Ekonomi Indonesia (MP3EI). Melalui rancangan pembangunan ini, hasrat Indonesia menjadi sebuah negara maju pada tahun 2025 akan menjadi kenyataan.

Usaha-usaha dalam meningkatkan sistem pengurusan bagi melaksanakan intervensi sosial di Malaysia dan Indonesia boleh dilakukan secara terancang dan sistematik melalui kolaborasi pelbagai pihak. Dalam perancangan memperkemas intervensi sosial dan memastikan kumpulan sasar mendapat impak yang maksimum, kerajaan Malaysia dan Indonesia disarankan untuk mengambil beberapa langkah berikut.

1. Memperkemas jaringan kolaborasi interagensi dan intraagensi kerajaan dengan mewujudkan pusat intervensi sosial yang memiliki kuasa membuat keputusan dan berupaya mempengaruhi pelbagai pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan dan pihak swasta untuk melaksanakan objektif-objektif intervensi sosial tersebut secara berkesan. Kelonggaran pelaksanaan intervensi sosial ketika ini boleh diatasi dengan merangka pelan kolaborasi pusat intervensi sosial dengan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan swasta untuk menggerakkan inisiatif pelaburan

sosial dan pelaburan ekonomi supaya sumber sosial dan sumber ekonomi digunakan secara maksimum. Inisiatif ini seharusnya berada di bawah ketua kerajaan iaitu Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Indonesia.

2. Adanya pengarusutamaan (*mainstream*) terhadap intervensi sosial di semua kementerian melalui program dan aktiviti yang dirancang secara berkala dan bersama. Peruntukan dana terhadap intervensi sosial perlu dinyatakan secara jelas dari aspek jumlah penerima dan impak daripada pelaksanaan dasar. Ia juga harus selari dengan objektif-objektif intervensi sosial sedia ada.
3. Memperkasa pelaburan sosial melalui akses yang mudah terhadap pendidikan yang bersifat sepanjang hayat. Promosi dan peluang pendidikan sepanjang hayat boleh diperolehi melalui kolej komuniti atau institusi yang setara supaya tahap pengetahuan, kemampuan dan ketahanan mental serta spiritual kumpulan sasar ditingkatkan dari semasa ke semasa. Langkah ini dapat mendorong mereka memenuhi keperluan tenaga kerja, berupaya meningkatkan tahap pendapatan dan bergerak aktif dalam komuniti melalui kerjasama dan aktiviti-aktiviti komuniti setempat.
4. Peningkatan peranan dalam pembangunan komuniti dengan cara memupuk jaringan sosial. Agensi kerajaan memperuntukkan dana kepada pertubuhan bukan kerajaan atau pihak swasta yang berupaya menggalakkan kumpulan sasar menyertai projek-projek berskala kecil, sederhana dan besar di peringkat komuniti. Penglibatan yang kerap dalam projek-projek pembangunan dapat membentuk sokongan yang kuat terhadap fungsi dan matlamat pelaburan sosial ini.

5. Mengaktifkan akses kepada pelaburan ekonomi melalui kesedaran berganda insitusi perusahaan awam untuk memudahkan kumpulan sasar mendapat sumber pendapatan. Kesedaran ini merupakan tawaran atau peluang memulakan perniagaan yang bersifat sara diri dan mewujudkan gelombang pengembangan ekonomi setempat. Kesedaran ini boleh dilaksanakan melalui proses dialog, konsultansi, lawatan atau insentif pengecualian cukai serta menjadi sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (*Corporate Social Responsibility*).
6. Memudahkan akses kemudahan pinjaman dari institusi kewangan untuk memulakan pinjaman kredit bagi perniagaan. Bank dan koperasi boleh diberi tanggungjawab untuk menyalurkan sejumlah dana yang diperuntukkan melalui geran kerajaan. Pinjaman tanpa cagaran dipantau melalui penyertaan dalam kursus dan latihan berbentuk kemahiran dan kesedaran diri. Peraturan-peraturan berkaitan pinjaman dan bayaran balik harus dibuat tanpa menekan peminjam. Kegagalan dalam perniagaan tidak harus dihukum sebaliknya diberi galakan dalam pelbagai bentuk supaya budaya berniaga dan cabaran untuk berniaga menjadi sebahagian daripada rutin hidup kumpulan sasar.
7. Model Piawaian Pembangunan Sosial akan memperlihatkan kejayaan apabila terdapat usaha dan galakan untuk menyimpan sumber pendapatan walaupun jumlah yang kecil. Galakan dan promosi pertambahan aset boleh dilakukan dalam bentuk skim simpanan khas masa hadapan dalam pelbagai cara seperti pendidikan, peluang perniagaan atau skim khas wakaf.
8. Mewujudkan sebuah institusi inovasi intervensi sosial yang berperanan sebagai pencetus kepada inovasi sosial dalam masyarakat khususnya membantu golongan

miskin keluar daripada kepompong kemiskinan. Institusi ini juga dapat membantu kelompok miskin bandar untuk meningkatkan pendapatan mereka melalui pelaburan sosial yang mengguna pakai Model Piawaian Pembangunan Sosial supaya mereka dapat mengumpul aset. Penubuhan institusi inovasi intervensi sosial boleh mengguna pakai kaedah Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) melalui pelbagai kementerian dan agensi untuk membantu kumpulan sasar menambah pendapatan isi rumah.

Cabaran mewujudkan masyarakat sejahtera dalam kalangan keluarga miskin melalui Model Piawaian Pembangunan Sosial di Malaysia dan Indonesia menjadi tanggungjawab komuniti setempat. Pihak kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan swasta hanya sebagai pihak ketiga yang bertindak sebagai pendorong kepada pembangunan komuniti. Cabaran-cabaran yang dihadapi ini boleh dibahagikan kepada lima aspek iaitu, pertama- kesedaran terhadap pembinaan modal insan, kedua- galakan menyertai persatuan di peringkat komuniti, daerah atau negeri, ketiga- akses kepada peluang pekerjaan yang lebih mudah, keempat- peluang perniagaan berbentuk memberi dorongan apabila gagal, dan kelima ialah masa yang lebih panjang untuk memiliki aset.

Sejauh mana cabaran-cabaran ini boleh diatasi bergantung kepada peranan yang diberikan oleh banyak pihak. Kumpulan sasar atau kelompok miskin yang memiliki budaya hidup dan paradigma pemikiran yang berbeza perlu diberi bantuan dan suntikan motivasi serta harapan untuk membentuk personaliti yang cemerlang. Kecemerlangan diri akan mendorong keluarga yang cemerlang seterusnya keluar daripada keadaan hidup sedia ada. Justeru, untuk mencapai matlamat ini, peningkatan tahap pengetahuan bagi membaiki diri dengan kemahiran-kemahiran khusus wajar diberi perhatian supaya mereka dapat hidup dengan suasana masyarakat yang saling membantu. Kumpulan sasar wajar memiliki

daya pemikiran kritikal, rasional dan paradigma pemikiran hidup yang lebih luas supaya mampu membuat keputusan-keputusan penting berkaitan kesejahteraan hidup mereka. Di Malaysia, kumpulan yang berpendapatan rendah ini dan terlibat dalam perusahaan wajar diberi pendedahan yang meluas dalam komuniti supaya jaringan sosial dapat dibentuk.

Pertubuhan bukan kerajaan, swasta atau organisasi pengelola pemerkasaan kelompok miskin perlu meningkatkan keberkesanan fungsi dan cara kerja. Hal ini boleh dilakukan melalui penambahbaikan penyelarasan kerja bagi mengelak pertindihan tugas, latihan pengurusan organisasi dan membaiki kaedah perdampingan sosial (*social outreach*) dengan komuniti supaya penyertaan aktif dapat ditingkatkan. Selain itu, penyertaan dari kumpulan sasar dalam program-program yang dirancang boleh dilakukan melalui mekanisme khusus dan bersepada seperti dialog, kempen atau kolaborasi dalam proses perancangan, pelaksanaan, penilaian dan pemantauan aktiviti pembangunan tersebut dengan mengambil kira latar belakang pengalaman, aspirasi, keperluan, masalah dan kehendak kumpulan sasar supaya intervensi sosial sentiasa mantap dan mencapai objektif.

Seterusnya di peringkat negara, kedua-dua pemimpin Malaysia dan Indonesia wajar meningkatkan komitmen politik untuk menjadikan dasar sosial sebagai dasar primer yang perlu diberi perhatian serius. Semua kementerian diperuntukkan dana khusus untuk melaksanakan intervensi sosial seperti menambah sumber daya manusia, menaik taraf kedudukan Majlis Sosial Negara atau Dewan Jaminan Sosial Nasional, membina mekanisme untuk mengembangkan jaringan kerja dengan pertubuhan bukan kerajaan dan pihak swasta sehingga dapat mewujudkan kolaborasi pelaburan sosial dan pelaburan ekonomi. Langkah menggerakkan kolaborasi ini dilakukan melalui konsultansi dan pembentukan kaukus yang melibatkan parlimen, Unit Penyelarasian Pelaksanaan

(Implementation Coordination Unit), Institut Sosial Malaysia, pertubuhan bukan kerajaan, organisasi awam, institusi profesional, Majlis Profesor Negara, Angkatan Profesor Indonesia dan institusi pengajian tinggi untuk mengarusutamakan dasar sosial ini.

Selanjutnya kerajaan Malaysia dan Indonesia menggunakan saluran undang-undang untuk mewajibkan perusahaan awam di kawasan komuniti mengambil bahagian menyediakan pelaburan ekonomi dengan menubuhkan “*Community Engagement Scheme*” iaitu geran khusus menggalakkan syarikat-syarikat membuka peluang pekerjaan kepada kumpulan sasar untuk menambah pendapatan mereka.

Khusus kepada pembangunan sosial di Indonesia, kerajaan negara itu perlu melakukan tindakan agresif untuk menggerakkan intervensi sosial yang lebih berkesan. Laporan Pembangunan Manusia 2013 (*Human Development Report 2013*) menunjukkan indeks pembangunan Indonesia berada pada kedudukan yang ke-121, intipati kepada skor yang rendah dalam indeks pembangunan manusia Indonesia ialah tidak ada hubungan yang kukuh antara dasar ekonomi dan dasar sosial. Dasar-dasar kerajaan ketika ini menunjukkan dua pendekatan yang telah dan sedang digunakan untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran iaitu memberi tumpuan ke atas pertumbuhan ekonomi dan mengekalkan kestabilan makro melalui dasar fiskal yang ketat serta membangunkan dasar sosial yang bersifat tampal-sulam (*ad-hoc*) untuk mengatasi kemiskinan melalui program jaringan keselamatan sosial.

Dalam program pembasmian kemiskinan, ia masih berorientasikan projek yang memberi tumpuan kepada strategi “cium dan lari” (*kiss and run*) iaitu kemiskinan ditangani secara kelompok dengan lingkungan kawasan yang terbatas. Strategi seperti ini akan sentiasa gagal membasmi kemiskinan kerana konsep kemiskinan ialah ia berkait

dengan sistem yang saling melengkapi iaitu sistem ekonomi, pendidikan dan jaminan sosial.

Dalam pendekatan pertama, dasar ekonomi menumpu kepada kaedah mengurangkan kos dalam pertumbuhan ekonomi seperti pengurusan kewangan dan perbelanjaan negara dengan cara mengurangkan subsidi dan menggalakkan penswastaan. Namun dalam program pembasmian kemiskinan, ia dilakukan secara “*ad-hoc*”. Di sinilah hubungan antara dasar ekonomi dan dasar sosial terputus tanpa ada hubungan ekonomi dan sosial yang kukuh. Keadaan dan situasi ekonomi kelihatan gah dan stabil tetapi gagal memberi jaminan ke atas kebajikan rakyat.

Terdapat tiga sebab yang menjadikan dasar ekonomi dan sosial di Indonesia tidak dapat digabung jalin. Pertama, dasar ekonomi memberi tumpuan yang terlalu banyak ke atas kestabilan kewangan tetapi mengabaikan sektor-sektor lain yang amat perlukan pelaburan. Sektor-sektor ini tidak dapat bergerak dan keadaan ini telah memandulkan peluang pekerjaan baru. Dengan kata lain, kestabilan kewangan dan pertumbuhan ekonomi yang didakwa itu tidak ada kesan gandaan (*multiplier effect*). Kedua, dasar-dasar yang digubal tidak menitikberatkan penglibatan institusi yang mampu mempromosi dan menggalakkan kebajikan awam dan menambah baik pembangunan manusia seperti institusi pendidikan dan kesihatan. Sikap lepas pandang dan menyisihkan institusi-institusi ini bakal memberi kesan langsung ke atas kualiti pembangunan manusia dalam jangka masa sederhana dan panjang. Ketiga, terdapat persepsi dalam kalangan pembuat dasar bahawa isu-isu sosial mesti diletakkan pada kedudukan kedua atau dianggap sebagai isu sampingan. Melalui paradigma ini, dasar sosial diambil kira dan dilayan sebagai pelaburan yang tidak berkesan kerana dilihat tidak menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi negara bagi jangka masa sederhana dan panjang. Kesannya adalah

sektor pendidikan dan kesihatan tidak diberi keutamaan dalam merangka perbelanjaan setiap tahun. Justeru, peningkatan kadar kemiskinan tidak mendapat reaksi segera daripada kerajaan atau wakil rakyat untuk membentuk dasar sosial yang baru.

Menggubal dan menguatkuasa dasar sosial perlukan kemahiran teknikal dan kesedaran politik melalui pelbagai pihak yang berkepentingan khususnya wakil rakyat. Kerajaan perlu menyediakan rancangan dasar sosial yang lengkap dan menjana kesedaran terhadap dasar tersebut dalam kalangan wakil-wakil rakyat. Penekanannya ialah kepada pembangunan manusia supaya wakil wakyat menyedari kepentingannya. Membelakangi keperluan menggubal dasar sosial menyebabkan Indonesia berterusan membentuk tenaga kerja kurang mahir, akses kepada pendidikan dan kesihatan yang tidak sama rata dan meletakkan Indonesia di kedudukan bawah dalam indikator sosial. Indonesia perlukan dasar sosial yang komprehensif dan pendekatan khusus untuk mengatasi kebijakan awam seperti sistem pendidikan yang mampu milik, akses kepada kemudahan kesihatan, penyediaan insurans kepada pekerja dalam pelbagai sektor dan penyediaan infrastruktur yang baik.

Bagi memastikan dasar sosial dapat dilaksana secara berkesan dan melewati semua lapisan masyarakat, ia perlu diinstitusikan untuk pelaksanaan dan penyampaian perkhidmatan. Seterusnya, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan dilaksanakan dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Dasar sosial itu juga perlu seiring dengan ekonomi makro dan kebijakan awam. Perbelanjaan awam yang berhemah dapat memacu dasar fiskal yang lebih fleksibel. Di samping itu, pelaburan dalam pembangunan manusia wajar diberi keutamaan dalam peruntukan sosial (pendidikan, kesihatan, makanan dan keselamatan). Kadar tiga peratus perbelanjaan sosial ketika ini perlu ditingkatkan kepada enam peratus supaya wujud dasar sosial yang komprehensif. Melalui pendekatan ini, kadar

kemiskinan dapat dikurangkan dan menjadi asas yang kukuh untuk usaha-usaha pembangunan manusia di Indonesia.

Pembangunan sosial di Malaysia dan Indonesia telah melalui fasa-fasa perubahan yang sangat ketara sejak kedua-dua negara mencapai kemerdekaan. Pendekatan intervensi sosial yang digunakan dalam pembasmian kemiskinan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia di Malaysia dan Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat Mandiri di Indonesia terhadap kelompok miskin menunjukkan perubahan dalam kesejahteraan hidup mereka. Namun begitu, wujud halangan-halangan tertentu yang menjadikan kesejahteraan komuniti secara keseluruhannya masih belum memuaskan.

Kesimpulan kajian ini menunjukkan pembangunan sosial yang dilakukan melalui intervensi sosial di Malaysia masih didominasi oleh kerajaan melalui kaedah “top-down” yang mana kerajaan sendiri yang berperanan penuh dalam program pembasmian manakala di Indonesia, penglibatan kerajaan negara itu sangat minimum iaitu hanya di peringkat pembentukan dasar sebaliknya komuniti miskin diperkasakan untuk mengubah keadaan hidup mereka melalui penyertaan komuniti dalam aktiviti-aktiviti yang telah dirancang secara bersama. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun Malaysia dan Indonesia adalah serumpun, namun disebabkan faktor penjajahan, sejarah dan budaya yang berbeza, program pembangunan sosial yang dilaksanakan juga perlukan pendekatan unik yang menepati keperluan kumpulan sasar masing-masing. Melaksanakan kajian perbandingan ini sangat sukar tetapi dapat memberikan gambaran tertentu tentang bagaimana sejarah, struktur demografi, budaya dan agama serta tradisi yang berbeza mampu memberikan maksud tertentu untuk dinilai.